

Orang Kata

***Wahhabi* Ialah ...**

*50 Hujah Menangkis Fitnah Ahli Bid'ah
Berdasarkan Manhaj as-Salaf as-Soleh
dan Fatwa Para Ulamak Syafi'iyyah*

Edisi Revisi

Oleh

Mohd Hairi Nonchi

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بَنَبِإِ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَنَّمَةِ

فَتُصِبُّهُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِمِينَ

Wahai orang-orang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan kamu itu.

~ *Surah al-Hujurat, ayat 6* ~

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ قَالَ فِي مُؤْمِنٍ مَا لَيْسَ فِيهِ أَسْكَنَهُ اللَّهُ رَدْغَةَ الْخَيْلِ حَتَّىٰ يَخْرُجَ مِمَّا قَالَ.

Sesiapa yang menuduh seorang mukmin secara dusta maka Allah akan menempatkannya di tanah lumpur Neraka hingga dia mencabut semula ucapannya (tuduhannya).

~ *Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah*, no. 437 ~

ISI KANDUNGAN

Mukadimah	7
Fakta 1: <i>Wahhabi & Taksub Mazhab</i>	10
Fakta 2: <i>Wahhabi & Manhaj Salaf</i>	16
Fakta 3: <i>Wahhabi & Tauhid Tiga Serangkai</i>	22
Fakta 4: <i>Wahhabi & Al-Istiwa' Allah</i>	27
Fakta 5: <i>Wahhabi & Al-Nuzul Allah</i>	38
Fakta 6: <i>Wahhabi & Konsep Takwil</i>	43
Fakta 7: <i>Wahhabi & Sifat 20</i>	56
Fakta 8: <i>Wahhabi & Ilmu Kalam</i>	57
Fakta 9: <i>Wahhabi & Sufiyyah (Tasawwuf)</i>	60
Fakta 10: <i>Wahhabi & Bid'ah Hasanah</i>	62
Fakta 11 : <i>Wahhabi & Sunnah Tarkiyyah</i>	75
Fakta 12: <i>Wahhabi & Amalan Mengirim</i>	80
Pahala Bacaan al-Qur'an	
Fakta 13: <i>Wahhabi & Kenduri Arwah</i>	91

Fakta 14: <i>Wahhabi & Talqin Mayat</i>	96
Fakta 15: <i>Wahhabi & Tawassul</i> Kepada Orang mati	103
Fakta 16: <i>Wahhabi & Tabarruk</i> (Amalan Mengambil Berkat)	113
Fakta 17: <i>Wahhabi & Yasinan Jumaat</i>	116
Fakta 18: <i>Wahhabi & Nifsu Sya'ban</i>	122
Fakta 19: <i>Wahhabi & Zikir Berjamaah</i>	124
Fakta 20: <i>Wahhabi & Doa Beramai-ramai</i>	129
Fakta 21: <i>Wahhabi & Bersalam-Salaman Selepas Solat</i>	133
Fakta 22: <i>Wahhabi & Amalan Melafaz Niat</i>	136
Fakta 23: <i>Wahhabi & Lafaz Saiyyidina</i>	139
Fakta 24: <i>Wahhabi & Perayaan Maulid Nabi</i>	144
Fakta 25: <i>Wahhabi & Qasidah</i>	146
Fakta 26: <i>Wahhabi & Yaqazah</i> (Bertemu Nabi Secara Sedar)	153
Fakta 27: <i>Wahhabi & Azan Jumaat Dua Kali</i>	156
Fakta 28: <i>Wahhabi & Muraqqi Jumaat</i>	158
Fakta 29: <i>Wahhabi & Solat Sunat</i>	160
<i>Qabliyyah Jumaat</i>	

Fakta 30: <i>Wahhabi</i> & Mengangkat Tangan	161
Ketika Khatib Berdoa	
Fakta 31: <i>Wahhabi</i> & Gerakan Jari Telunjuk	164
Fakta 32: <i>Wahhabi</i> & Menyapu Muka Selepas Salam dan Berdoa	169
Fakta 33: <i>Wahhabi</i> & Qunut Subuh Terus-Menerus	171
Fakta 34: <i>Wahhabi</i> & Tarawih 20 Rakaat	174
Fakta 35: <i>Wahhabi</i> & Binaan di Atas Kuburan	177
Fakta 36: <i>Wahhabi</i> & Air Mustakmal	180
Fakta 37: <i>Wahhabi</i> & Samak Khinzir	183
Fakta 38: <i>Wahhabi</i> & Zakat Fitrah	185
Fakta 39: <i>Wahhabi</i> & Mencukur Janggut	188
Fakta 40: <i>Wahhabi</i> & Hadis <i>Dha'if</i>	192
Fakta 41: <i>Wahhabi</i> & Kaedah <i>al-Qiyas</i>	197
Khatimah	202
• Nasihat Untuk Ahlus Sunnah	202
• Nasihat Untuk Orang Awam	206
• Nasihat Untuk Para Penentang Dakwah Sunnah	207

Lampiran

Beberapa Persoalan Lazim Mengenai *Wahhabi*

• <i>Wahhabi</i> Gemar Mengkafirkan Umat Islam?	211
• Syaikh Ibnu Bazz, Syaikh Muhammad Soleh al-'Utsaimin dan Syaikh al-Albani Mengkafirkan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari ?	224
• <i>Wahhabi</i> Penumpah Darah Umat Islam? : Menjawab Tuduhan dan Fitnah Nuruddin Marbu al-Banjari al-Makki	232
• <i>Wahhabi</i> Melarang Umat Islam Beribadah?	237
• <i>Wahhabi</i> Mengharamkan Ziarah Kubur?	242
• <i>Wahhabi</i> Mengharamkan Mazhab ?	248
• <i>Wahhabi</i> Menolak Kaedah <i>Ushul al-Fiqh</i> ?	252
• <i>Wahhabi</i> Pencetus Perselisihan dan Perpecahan?	257
• Mewaspadai Golongan <i>al-Jahmiyyah</i> dan <i>al-Muktazilah</i> yang Berwajah ASWAJA	282
Senarai Buku Menjawab Fitnah	287
Biodata Ringkas Penulis	292

MUKADIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَانِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شَرِّ أَنفُسِنَا، وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضْلِلٌ لَّهُ، وَمَنْ يَضْلِلُ فَلَا هَادِيٌ لَّهُ. وَنَشَهِدُ أَنَّ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَنَشَهِدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Salah satu ciri yang menonjol pada diri kebanyakan pelaku bid'ah ialah sikap mereka yang gemar memberikan pelbagai gelaran buruk kepada para pendukung sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Salah satu gelaran yang sering digembar-gemburkan oleh para pelaku bid'ah ke atas para pendukung sunnah mutakhir ini ialah gelaran *Wahhabi*.

Hakikat bahawa sikap Ahli Bid'ah yang gemar memberikan pelbagai gelaran buruk ke atas Ahlus Sunnah ini bukanlah suatu yang baharu. Malah sikap yang sama juga merupakan suatu yang telah pun sebatи dalam kalangan para pendahulu mereka yang pernah hidup di zaman *as-Salaf as-Soleh*. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Syaikh Abu 'Utsman ash-Shabuni *rahimahullah* (449H) dengan katanya:

Dan tanda bid'ah dan Ahli Bid'ah itu nampak dengan jelas. Tanda-tandanya yang paling jelas adalah sangat memusuhi dan menghina para pembawa *akhbar* (hadis-hadis) Nabi dan menyebut mereka sebagai orang-orang hina, bodoh, *zhahiriyyah* (orang yang memahami dalil-dalil syar'i secara tekstual) dan *a-Musyabbiyah* (orang yang menyerupakan Allah dengan makhluk). [*'Aqidah Salaf Ash-habil Hadith*, ms. 102]

Katanya lagi:

Aku melihat Ahli Bid'ah dalam memberikan *lagob* (gelaran) nama-nama ini terhadap Ahlus Sunnah mengikuti jejak kaum musyrikin dalam bersikap terhadap Rasulullah. Mereka terbahagi-bahagi dalam menamai Rasulullah.

Ada di antara mereka yang menggelarinya sebagai tukang sihir, dukun, penyair, orang gila, orang yang terfitnah dan ada pula yang menggelarinya sebagai pendusta. Sedangkan Nabi sendiri jauh dan berlepas diri dari aib-aib tersebut. Baginda tidak lain hanyalah seorang Rasul dan Nabi yang terpilih ...

Demikian pula Ahli Bid'ah - semoga Allah menghinakan mereka - mereka terbahagi-bahagi dalam memberikan gelaran terhadap para pembaca berita-berita dan *atsar-atsar* Rasulullah dan para perawi hadis Nabi yang sentiasa mengikutinya dan berpetunjuk dengan sunnahnya. Maka di antara mereka ada yang menamai Ahlus Sunnah dengan nama *al-Hasyawiyyah* (orang yang hina) dan ada pula yang menamainya dengan *al-Musyabbiyah* (orang yang menyamakan sifat-sifat Allah dengan sifat-sifat makhluk-Nya).

Sementara Ahlus Sunnah sentiasa terjaga, berlepas diri dan suci daripada aib-aib tersebut. Mereka tidak lain adalah Ahlus Sunnah yang terang benderang, orang yang riwayat hidupnya diredhai, jalannya lurus dan hujah-hujahnya kuat. [*'Aqidah Salaf Ash-habil Hadith*, ms. 102, secara ringkas]

Demikianlah keadaan Ahlus Sunnah sepanjang zaman, mereka sentiasa dihadapkan dengan pelbagai hinaan dan fitnah daripada para pembela kebatilan. Hakikat ini membenarkan lagi sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi hadisnya berikut:

لَا تَنَالُ طَائِفَةٌ مِّنْ أُمَّتِي ظَاهِرِينَ عَلَى الْحَقِّ، لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَذَلَهُمْ حَتَّىٰ يَأْتِيَ أَمْرُ اللَّهِ، وَهُمْ كَذَلِكَ.

Maksudnya:

Sentiasa ada satu golongan dari umatku yang zahir di atas kebenaran. Tidak akan membahayakan mereka orang yang menghinakan mereka sehingga datang keputusan Allah sedangkan mereka tetap dalam keadaan seperti itu. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 1920]

Hakikat ini juga menguatkan lagi kenyataan Imam Ahmad bin Sinan al-Qaththan *rahimahullah* bahawa:

لَيْسَ فِي الدُّنْيَا مُبْتَدِعٌ إِلَّا وَهُوَ يُبْغِضُ أَهْلَ الْحَدِيثِ، فَإِذَا ابْتَدَعَ الرَّجُلُ
نُزِعَتْ حَلَاوَةُ الْحَدِيثِ مِنْ قَلْبِهِ.

Maksudnya:

Tidak ada seorang mutbadi' (pencipta dan pengamal bid'ah) di dunia ini melainkan dia membenci Ahli Hadis (Ahlus Sunnah). Jika seseorang melakukan bid'ah, pasti kemanisan hadis akan tercabut dari hatinya. [at-Tadzkirah oleh Imam al-Nawawi 2/521]

Tidak ketinggalan dalam menerima gelaran *Wahhabi* ini ialah para pendukung sunnah di Malaysia. Justeru, bukanlah suatu yang menghairankan apabila ada pihak yang membicarakan soal sunnah dan bid'ah, tauhid dan syirik, pastilah pihak tersebut akan terkena tuduhan para pelaku bid'ah sebagai orang yang berfahaman *Wahhabi* !

Apa yang menarik untuk diperhatikan adalah, di sebalik keghairahan para pendukung bid'ah ini memberikan gelaran *Wahhabi* ke atas setiap pendukung sunnah, sehingga kini mereka tidak menemui satu jua takrifan yang tepat terhadap istilah '*Wahhabi*', melainkan hanyalah sekadar menyatakan ciri-ciri keyakinan dan amalan mereka yang digelar sebagai berfahaman *Wahhabi*.

Bagaimana pun jika diperhalusi ciri-ciri keyakinan dan amalan yang dinyatakan tersebut, jelas ia bukanlah suatu yang baharu lagi asing di sisi ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih. Bahkan kesemua ciri-ciri tersebut sememangnya merupakan suatu yang berasal daripada ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih, para sahabat dan juga para imam muktabar *Ahlus Sunnah*

wal Jama'ah. Semua ini akan didedahkan melalui buku kecil yang sedang berada di tangan anda ini.

Mengapa Mesti Mazhab Syafi'e?

Memandangkan majoriti umat Islam di negara ini ialah mereka yang mengaku sebagai pengikut kepada mazhab Imam asy-Syafi'e, maka kebanyakan fakta yang didedahkan di dalam buku ini adalah bersumberkan daripada fatwa atau perkataan para ulamak bermazhab Syafi'e itu sendiri.

Hal ini sengaja penulis lakukan agar masyarakat lebih jelas siapakah di antara dua golongan ini yang benar-benar berpegang teguh kepada ajaran Imam asy-Syafi'e dan para ulamak *Syafi'iyyah*; adakah pihak yang melabel atau yang dilabel sebagai *Wahhabi*? Sama-sama kita menilainya.

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Mohd Hairi Nonchi

Lahad Datu, Sabah.

SMS sahaja: 014-5679652

Email: cikguarie@gmail.com

Fakta 1 : Wahhabi & Taksub Mazhab

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menentang sikap taqlid buta (mengikut membuta tuli) dan taksub kepada mazhab. Pada waktu yang sama, mereka menyeru umat Islam supaya berittiba' (mengikuti) kepada sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* (204H) juga adalah layak digelar sebagai *Wahhabi*. Ini kerana – sebagaimana golongan yang ditohmah sebagai *Wahhabi* – beliau juga amat melarang keras umat Islam daripada bertaqlid buta dalam beragama serta taksub kepada selain al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.

Sebaliknya beliau menganjurkan semangat berittiba' kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, yakni mengikuti sunnah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih dan meninggalkan segala pandangan atau amalan yang bercanggah dengannya. Ini sekalipun terhadap perkataan atau fatwa beliau sendiri. Perhatikan kata-kata beliau di bawah ini.

Al-Hafiz adz-Dzahabi asy-Syafi'e *rahimahullah* (748H) menyebutkan di dalam kitabnya *Siyar A'lam al-Nubala'* 10/35 bahawa Imam asy-Syafi'e pernah berkata:

إِذَا صَحَّ الْحَدِيثُ فَهُوَ مَذْهِبِي، وَاضْرِبُوا بِقُولِيِ الْخَاطِطَ.

Maksudnya:

Apabila telah sahih sebuah hadis, maka itulah mazhabku, dan buanglah perkataanku (yang menyelisihi hadis tersebut) ke arah tembok!

Imam Ibnu Hibban asy-Syafi'e *rahimahullah* (345H) telah meriwayatkan di dalam kitab *Shahihnya* 9/235, no. 2159 bahawa Imam asy-Syafi'e pernah berkata:

إِذَا صَحَّ لَكُمُ الْحَدِيثُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ فَخُذُوهُ بِهِ وَدَعُوهُ قَوْلِيَ.

Maksudnya:

Apabila telah sahih sebuah hadis dari Rasulullah menurut pendapatmu, maka ambillah hadis sahih tersebut dan tinggalkanlah apa yang telah menjadi pendapatku (yang jelas bertentangan dengan hadis sahih tersebut).

Imam asy-Syafi'e juga menyatakan di dalam kitabnya *al-Umm* 2/248:

وإِذَا ثَبَّتَ الْخُبْرُ عَنِ النَّبِيِّ؛ لَمْ يَجُزْ تَرْكُهُ لِشَيْءٍ.

Maksudnya:

Apabila telah sahih hadis dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka tidak boleh untuk ditinggalkan kerana sebab apapun juga.

Imam Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* (751H) meriwayatkan di dalam kitabnya *I'lam al-Muwaqqi'in* 1/7 bahawa Imam asy-Syafi'e berkata:

أَجْمَعَ الْمُسْلِمُونَ عَلَى أَنَّ مَنِ اسْتَبَانَ لَهُ سُنْنَةُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ؛ لَمْ يَحْلَّ
لَهُ أَنْ يَدْعَهَا لِقَوْلِ أَحَدٍ.

Maksudnya:

Kaum muslimin telah ijmak (bersepakat) bahawa sesiapa sahaja yang telah jelas baginya sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (yang sahih), maka haram baginya meninggalkan sunnah yang telah jelas di hadapannya itu hanya lantaran (terpengaruh dengan) pernyataan seseorang sahaja.

Imam Ibnu Abi Hatim al-Razi *rahimahullah* (277H) telah meriwayatkan di dalam kitabnya, *Adab asy-Syafi'i wa Manaqibuhu*, ms. 67-68 & 93, bahawa Imam asy-Syafi'e pernah menyatakan:

كُلُّ مَا قُلْتُ: وَكَانَ عَنِ النَّبِيِّ خِلَافَ قَوْلِيْ مِمَّا يَصِحُّ، فَخَدِيْتُ النَّبِيِّ
أَوْلَى وَلَا تُقْلِدُونِي!

Maksudnya:

Setiap apa yang telah aku ucapkan padahal telah datang dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang bertentangan dengan ucapanku itu, maka mengambil hadis Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* itulah yang utama dan janganlah kamu bertaklid kepadaku!.

Imam al-Baihaqi asy-Syafi'e *rahimahullah* (458H) telah meriwayatkan di dalam kitabnya, *Manaqib asy-Syafi'i* 1/473 bahawa Imam asy-Syafi'e juga mengatakan kepada salah seorang muridnya, Imam Rabi' bin Sulaiman al-Muradi *rahimahullah* (270H):

كُلُّ مَسْأَلَةٍ تَكَلَّمْتُ فِيهَا صَحَّ الْحَبْرُ فِيهَا عَنِ النَّبِيِّ عِنْدَ أَهْلِ النَّقلِ
بِخِلَافٍ مَا قُلْتُ، فَإِنَّا رَاجِعٌ عَنْهَا فِي حَيَاةِ وَبَعْدَ مَوْتِي.

Maksudnya:

Setiap masalah yang telah aku ucapkan, padahal telah sahih hadis dari Nabi menurut para ulamak hadis yang bertentangan dengan apa yang telah aku ucapkan itu, maka aku akan selalu ruju' (menarik kembali) dari pendapatku yang bertentangan dengan sunnah Rasulullah itu, baik saat aku masih hidup maupun setelah aku mati.

Imam asy-Syafi'e mengatakan dalam kitabnya *al-Risalah*, ms. 360 (no. 905):

وَإِذَا ثَبَّتَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَهُوَ الْأَرْضُ لِجَمِيعِ مَنْ عَرَفَهُ، لَا يُقَوِّيهِ وَلَا يُؤْهِنُهُ شَيْءٌ غَيْرُهُ، بَلِ الْفَرْضُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ إِتْبَاعُهُ، وَلَمْ يَجْعَلْ لِأَحَدٍ مَعْهُ أَمْرًا يُخَالِفُ أَمْرَهُ.

Maksudnya:

Dan bila telah sabit (sahih) dari Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, maka itulah yang wajib untuk diikuti oleh setiap orang yang mendengarinya, dan hal itu tidak memerlukan penguat dari yang lainnya, dan hal itu pun tidak dapat dibatalkan kerana sesuatu yang lainnya. Bahkan yang diwajibkan atas manusia adalah mengikuti baginda (*ittiba'*). Dan tidak diperbolehkan sama sekali menjadikan ketetapan seseorang manusia untuk membatalkan ketetapan baginda.

Akhir sekali, perhatikan pula ucapan salah seorang murid yang paling rapat dengan Imam asy-Syafi'e, iaitu Imam al-Muzani asy-Syafi'e *rahimahullah* (264H). Katanya:

اختصرت هذا الكتاب من علم محمد بن أدریس الشافعی رحمه الله
ومن معنى قوله لأقربه على من أراده مع إعلاميه نفيه عن تقليده وتقليد غيره.

Maksudnya:

Aku meringkaskan kita ini dari ilmu Muhammad bin Idris asy-Syafi'e dan dari makna perkataan beliau agar aku mendekatkan (mempermudahkan) ilmu beliau kepada orang yang menghendakinya. Ini disertai dengan dua peringatan beliau, (yang pertama) iaitu larangan beliau untuk bertaqlid kepada beliau dan (yang kedua) larangan bertaqlid kepada selain beliau. [*Muqaddimah Mukhtashar al-Muzani*]

Catatan Tambahan.

Salah seorang tokoh bermazhab Syafi'i, Imam Taqiyuddin as-Subki *rahimahullah* (756H) pernah ditanya tentang sikap yang seharusnya diperlakukan apabila berhadapan dengan sebuah hadis yang sahih akan tetapi tidak ada seorang pun yang beramal dengannya. Maka dia menjawab:

وَالْأَوْلَى عِنْدِي، اتِّبَاعُ الْحَدِيثِ، وَلَيَفْرِضِ الْإِنْسَانُ نَفْسَهُ بَيْنَ النَّبِيِّ وَقَدْ
سَمِعَ ذَلِكَ مِنْهُ، أَيْسَأُهُ التَّائِبِ عَنِ الْعَمَلِ بِهِ؟ لَا وَاللَّهُ، وَكُلُّ أَحَدٍ مُكَلَّفٌ
بِخَسِيبٍ فَهِمِهِ.

Maksudnya:

Yang lebih utama menurutku adalah kita tetap mengikuti hadis tersebut. Keadaannya seperti seorang yang sedang berada di hadapan Nabi, kemudian dia mendengarkan hadis tersebut secara langsung dari lisan baginda. Maka bolehkah orang itu menunda diri dari beramal dengannya? (Jawapannya) Tidak boleh, demi Allah. Setiap orang diwajibkan untuk beramal berdasarkan apa yang difahami dari dalil-dalil agama. [Ma'na Qaul al-Imam, ms. 102 – Majma'atur Rasa-il al-Muniriyyah]

Lebih lanjut, sila rujuk:

1. **Wasiat Dan Prinsip Imam Syafi'i Tentang Taqlid Buta & Fanatisme Madzhab** karya Ibnu Saini Muhammad Musa (Media Tarbiyah, Jawa Barat).
2. **Manhaj Salafi Imam Syafi'i: Prinsip-Prinsip Imam Syafi'i Dalam Beragama** karya Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Pustaka Al-Furqon, Jawa Timur).
3. **Ajaran Madzhab Imam asy-Syafi' yang Ditinggalkan** karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Utara).
4. **Pedoman-Pedoman Bermazhab Dalam Islam** karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 2 : Wahhabi & Manhaj Salaf

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang hanya berpegang kepada manhaj (prinsip dan metod dalam beragama) generasi Salaf, khususnya generasi para sahabat di dalam memahami dan mempraktikkan ajaran Islam.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* bersama para ulamak bermazhab Syafi'e ialah *Wahhabi* kerana sepakat dalam mewajibkan umat Islam agar berpegang teguh kepada manhaj Salaf, khususnya generasi para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Perhatikan kenyataan-kenyataan mereka di bawah ini.

Imam asy-Syaukani *rahimahullah* (1250H) ketika mentafsirkan ayat berikut:

وَالسَّيِّقُونَ الْأَوَّلُونَ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ بِإِحْسَنٍ رَّضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ وَأَعَدَ اللَّهُمْ جَنَّتٍ تَجْرِي تَحْتَهَا الْأَنْهَرُ خَلِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَلِكَ الْفَوْزُ

الْعَظِيمُ

Maksudnya:

Orang-orang yang terdahulu lagi yang pertama-tama (masuk Islam) dari kalangan orang-orang Muhajirin dan Ansar dan orang-orang yang mengikuti mereka dengan baik, Allah redha kepada mereka dan mereka redha kepada Allah. Dan Allah menyediakan bagi mereka syurga-syurga yang mengalir sungai-sungai di dalamnya. Mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Itulah kemenangan yang besar. [Surah at-Taubah, ayat 100]

Dia (Imam asy-Syaukani) berkata:

ومعنى الذين اتبعوهم بإحسان: الذين اتبعوا السابقين الأولين من المهاجرين و الأنصار وهم المتأخرن عنهم من الصحابة فمن بعدهم إلى يوم القيمة.

Maksudnya:

Makna adalah orang-orang yang mengikuti *as-Sabiqun al-Awwalun* dari kalangan Muhajirin dan Ansar, iaitu mereka adalah sahabat-sahabat yang akhir (setelah *as-Sabiqun al-Awwalun*) dan generasi setelah mereka sampai hari kiamat. [Fath al-Qadir 2/577]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وتفرق أمتي على ثلات و سبعين ملة، كلهم في النار إلا ملة واحدة ما أنا عليه وأصحابي.

Maksudnya:

Dan akan berpecah umatku kepada tujuh puluh tiga kumpulan. Semuanya (tujuh puluh dua kumpulan) masuk neraka kecuali satu (iaitu) apa yang aku dan para sahabatku berada di atasnya. [Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi, no, 2641. Dinilai hasan oleh Syaikh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*, no. 9474]

Imam Ibnu Qudamah *rahimahullah* (620H) berkata ketika menjelaskan maksud hadis di atas:

فَأَخْبِرُ النَّبِيَّ أَنَّ الْفِرْقَةَ النَّاجِيَةَ هِيَ الَّتِي تَكُونُ عَلَى مَا كَانَ عَلَيْهِ هُوَ
وَأَصْحَابُهُ فَمُتَّبِعُهُمْ إِذَا يَكُونُ مِنَ الْفِرْقَةِ النَّاجِيَةِ لِأَنَّهُ عَلَى مَا هُمْ عَلَيْهِ
وَمُخَالِفُهُمْ مِنِ الْاثْنَيْنِ وَالسَّبْعِينِ الَّتِي فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Maka Nabi menghabarkan bahawa golongan yang selamat (*al-Firqah an-Najiyah*) adalah yang mengikuti (*manhaj*) baginda dan para sahabatnya. Jadi, orang yang mengikuti mereka akan menjadi bahagian dari *al-Firqah an-Najiyah* kerana dia berada di atas jalan (*manhaj*) mereka. Sedangkan yang menyelisihi (*manhaj*) mereka, maka dia termasuk ke dalam tujuh puluh dua golongan yang berada di dalam neraka. [Dzam at-Ta'wil, ms. 29, no. 53]

Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* menegaskan agar hendaklah umat Islam sentiasa berpegang kepada kefahaman para sahabat Nabi, baik dalam perkara yang *dijjmakkan* (disepakati) mahu pun dalam perkara yang diperselisihkan oleh mereka. Beliau berkata:

إِذَا اجْتَمَعُوا أَخْذُنَا بِالْجَمَاعِهِمْ، وَإِنْ قَالَ وَاحِدُهُمْ لَمْ يُخَالِفْهُ غَيْرُهُ أَخْذُنَا
بِقَوْلِهِ، فَإِنْ اخْتَلَفُوا أَخْذُنَا بِقَوْلِ بَعْضِهِمْ وَلَمْ نُخْرِجْ مِنْ أَقْوَابِهِمْ كُلَّهُمْ.

Maksudnya:

Apabila mereka (para sahabat) bersepakat, maka kita ambil kesepakatan mereka dan jika salah seorang daripada mereka berpendapat dan tidak diselisihi oleh yang lainnya maka kita ambil pendapatnya. Apabila mereka berbeza pendapat maka kita tetap mengambil pendapat sebahagian daripada mereka dan kita tidak boleh keluar dari seluruh pendapat mereka. [*al-Madhkhali ila as-Sunan al-Kubra li al-Baihaqi*, no. 21]

Seruan yang sama juga ditegaskan oleh Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari *rahimahullah*, tokoh yang disandarkan kepadanya mazhab *Asy'ariyyah* sebagaimana katanya:

وَعَلَى أَنَّهُ لَا يَجُوزُ لِأَحَدٍ أَنْ يَخْرُجَ عَنْ أَقْوِيلِ السَّلَفِ، فِيمَا أَجْمَعُوا
عَلَيْهِ، وَعَمَّا اخْتَلَفُوا فِيهِ، أَوْ فِي تَأْوِيلِهِ، لَأَنَّ الْحَقَّ لَا يَجُوزُ أَنْ يَخْرُجَ عَنْ
أَقْوِيلِهِمْ.

Maksudnya:

(Ahlus Sunnah) telah bersepakat bahawa seseorang tidak boleh keluar dari pada apa yang telah ditetapkan oleh para Salaf, baik dalam hal yang disepakati oleh mereka mahu pun dalam hal yang diperselisihkan oleh mereka, atau pun dalam tafsir-tafsir mereka kerana kebenaran tidak akan mungkin keluar dari perkataan mereka. [Risalah Ila Ahl ats-Tsaghār, no. 49]

Dalam pada itu, Imam al-Haramain asy-Syafi'e *rahimahullah* (478H) setelah bertaubat dari manhaj ilmu kalam, beliau berkata:

رَكِبَتِ الْبَحْرُ الْأَعْظَمُ وَغَصَّتِ فِي كُلِّ شَيْءٍ نَحْنُ عَنْهُ أَهْلُ الْعِلْمِ فِي
طَلَبِ الْحَقِّ فَرَارًا مِنَ التَّقْلِيدِ وَالآنَ فَقَدْ رَجَعْتُ وَاعْتَقَدْتُ مِذَهَبَ السَّلَفِ.

Maksudnya:

Aku telah mengharungi lautan yang luas dan aku telah menyelami segala sesuatu yang dilarang oleh ulamak, semua itu dalam rangka mencari kebenaran serta lari dari taqlid, namun sekarang aku kembali dan aku yakini mazhab Salaf. [Fath al-Bari 13/350]

Katanya lagi:

وندين الله به عقدا اتباع سلف الأمة، فالأولى الاتباع و ترك الابداع.

Maksudnya:

Dan kami redha dan kami jadikan dengannya agama Allah ialah mengikuti pegangan para imam Salaf. Oleh yang demikian, yang terbaik ialah mengikuti mereka dan meninggalkan perkara bid'ah. [Siyar A'lam an-Nubala 18/473]

Adapun kenyataan sebahagian golongan yang mendakwa bahawa mereka mengikuti Imam asy-Syafi'e dalam masalah *fiqh* dan condong kepada aliran *al-Asya'irah* dalam persoalan akidah, Imam Abu al-Hasan al-Karaji asy-Syafi'e *rahimahullah* (532H) menjelaskan:

Maka mengikuti mazhab salah seorang imam (*Ahlus Sunnah wal Jama'ah* dalam masalah *fiqh*) dan menyelisihiinya dalam akidah, demi Allah ini merupakan kemungkaran secara syariat dan akal. Maka sesiapa yang mengatakan: 'Saya bermazhab Syafi'e dan berakidah Asy'ari (*al-Asya'irah*)', maka kita katakan:

Ini adalah sikap / pernyataan yang kontradiktif (saling bertentangan), bahkan merupakan penyimpangan dan kesesatan kerana tidak pernah (Imam) asy-Syafi'e berakidah Asy'ari. [*al-Fushul fil Ushul 'an al-Aimmah al-Fuhul Ilzaman li Dzawil Bida' wal Fudhul*, dikemukakan oleh Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah dalam *Majmu' al-Fatawa* 4/177]

Masih banyak lagi ucapan dan wasiat daripada Imam asy-Syafi'e dan para ulamak *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* seluruhnya tentang wajibnya umat Islam berpegang kepada manhaj salaf, khususnya generasi para sahabat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Lebih lanjut, sila rujuk:

1. ***Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala Fi Itsbat al-'Aqidah*** karya Dr. Muhammad A.W al-'Aql. Bagi edisi terjemahan, lihat *Manhaj 'Aqidah Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta).

2. ***Manhaj Salafi Imam Syafi'i: Prinsip-Prinsip Imam Syafi'i Dalam Beragama***

karya Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Pustaka Al-Furqon, Gresik).

Bagi mengetahui dengan lebih lanjut tentang dalil-dalil kewajipan mengikuti manhaj Salaf dan bantahan Ahlus Sunnah ke atas pelbagai *syubhat* (kekeliruan) Ahli Bid'ah mengenainya, sila rujuk:

1. ***Limadza Ikhtartu al-Manhaj Salafi*** karya Syaikh Salim 'Ied Al-Hilali. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Mengapa Memilih Manhaj Salaf?* (Pustaka Imam Bukhari, Solo).
2. ***At-Ta'liq as-Saniyyah Syarh Ushulud Da'wah as-Salafiyyah*** karya Syaikh Muhammad Nashiruddin Al-Albani. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Penjelasan Syaikh al-Albani Tentang Dasar-Dasar Manhaj Salaf* (Pustaka Ibnu 'Umar, Bogor).
3. ***Sittu Durar min Ushuli Ahlil Atsar*** karya 'Abdul Malik Ahmad Ramadhani. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *6 Pilar Utama Dakwah Salafiyyah* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta).
4. ***Usus Manhaj Salaf as-Salaf fi ad-Da'wah Ilallah*** karya Fawaz Hulail as-Suhaimi. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Pokok-Pokok Dakwah Manhaj Salaf* (Griya Ilmu, Jakarta Timur).

Fakta 3: Wahhabi & Tauhid Tiga Serangkai

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang membahagikan tauhid kepada tiga bahagian iaitu tauhid *al-Rububiyyah*, *al-Uluhiyyah* dan *al-Asma' wa as-Sifat*.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka para ulamak bermazhab Syafi'e juga ialah *Wahhabi* kerana turut membahagikan tauhid kepada tiga bahagian. Imam al-Makriziy asy-Syafi'e *rahimahullah* (845H) menjelaskan:

وَلَا رَيْبَ أَنَّ تَوْحِيدَ الرُّبُوبِيَّةَ لَمْ يُنْكِرُهُ الْمُشْرِكُونَ، بَلْ أَقْرَأُوا بِأَنَّهُ سُبْحَانَهُ
وَحْدَهُ خَالِقُهُمْ، وَخَالِقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَالْقَائِمُ بِمَصَالِحِ الْعَالَمِ كُلِّهِ، وَإِنَّمَا
أَنْكَرُوا تَوْحِيدَ الْإِلَهِيَّةِ، فَتَوْحِيدُ الرُّبُوبِيَّةِ هُوَ الذِّي اجْتَمَعَتْ فِيهِ الْخَلَاقِ
مُؤْمِنُهَا وَكَافِرُهَا، وَتَوْحِيدُ الْإِلَهِيَّةِ مَفْرُقُ الطُّرُقِ بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُشْرِكِينَ.

Maksudnya:

Tidak diragukan bahawa kaum musyrikin (golongan yang mesyirikkan Allah) tidak mengingkari tauhid *al-Rububiyyah* bahawa Allah sahajalah yang menciptakan mereka (dan) yang menciptakan langit dan bumi dan yang mengurus seluruh jagat raya ini. (Namun apa) yang mereka ingkari hanyalah tauhid *al-Uluhiyyah*.

Oleh itu tauhid *al-Rububiyyah* adalah tauhid yang disepakati oleh seluruh makhluk baik yang beriman atau yang kafir. Sedangkan tauhid *al-Uluhiyyah* ialah di persimpangan jalan yang memisahkan antara kaum muskminin dan kaum musyrikin. [Tajrid at-Tauhid al-Mufid, ms. 40-41]

Dalam pada itu, al-Hafiz Ibnu Katsir asy-Syafi'e *rahimahullah* (774H) menerangkan:

وَقَدْ رُوِيَ عَنِ الرَّبِيعِ وَغَيْرِ وَاحِدٍ مِنْ رُؤُوفِسِ أَصْحَابِهِ مَا يَدْلُلُ عَلَى أَنَّهُ
كَانَ يُمْرِرُ بِآيَاتِ الصِّفَاتِ وَأَحَادِيثِهَا كَمَا جَاءَتْ مِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ وَلَا تَشْبِيهٍ
وَلَا تَعْطِيلٍ وَلَا تَحْرِيفٍ عَلَى الْطَّرِيقِ السَّلْفِ.

Maksudnya:

Dan telah diriwayatkan dari al-Rabi', salah seorang murid Imam asy-Syafi'e yang paling kanan dan beberapa sahabat yang senior yang menunjukkan bahawa dia mengikuti ayat-ayat dan hadis-hadis sifat-sifat Allah seperti apa adanya tanpa *takyif* (tanpa ditanya, dibincang dan dipersoalkan bagaimana sifat tersebut), tanpa *tasybih* (tanpa diserupakan), tanpa *ta'thil* (tidak diingkari atau dibatalkan) dan tanpa *tahrif* (tidak diubah atau ditukar). Begitulah cara yang sesuai dengan cara Salaf. [al-Bidayah wa al-Nihayah 10 / 694]

Para tokoh Ahli bid'ah telah menghimpunkan pelbagai hujah bagi menjustifikasi penolakan mereka terhadap pembahagian tauhid kepada tiga. Salah seorang daripadanya ialah **Hasan bin Ali al-Saqqaf**, seorang tokoh *al-Jahmiyyah* dan *al-Muktazilah* tulen yang bertopengkan *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* serta terkenal sebagai orang yang suka mencela sahabat Nabi, khususnya Mu'awiyyah Abu Sufyan *radhiallahu'anhu*.

Hujah-hujah penolakannya terhadap konsep pembahagian tauhid kepada tiga boleh dilihat menerusi kitabnya berjudul *النَّتَّدِينُ بِمَنْ عَدَّ التَّوْحِيدَ، إِبْطَالُ مُحاوَلَةِ النَّتَّدِينِ فِي التَّوْحِيدِ وَالْعَقِيْدَةِ الإِسْلَامِيَّةِ*. (pengungkapan kebatilan orang yang membahagikan tauhid, pembatalan usaha tirini dalam tauhid dan akidah Islamiyyah).

Bagaimana pun hujah-hujah yang dikemukakan oleh beliau menerusi bukunya di atas dilihat terlalu rapuh dan ia telah pun berjaya dipatahkan secara ilmiah oleh salah seorang tokoh ilmuan semasa bermanhaj Salaf, **Syaikh 'Abd al-Razzaq bin 'Abd. al-**

Muhsin al-Badr. Sila rujuk buku beliau berjudul **الْقَوْلُ السَّدِيدُ فِي الرَّدِّ عَلَى مَنْ أَنْكَرَ تَقْسِيمَ التَّوْحِيدِ** (perkataan yang tepat dalam membantah orang yang mengingkari pembahagian tauhid). Bagi edisi terjemahan, lihat **Tauhid 3T: Penjelasan dan Pembelaan** (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Catatan Tambahan.

Penulis ingin mengambil kesempatan ini untuk menjawab tohmahan dan tuduhan Ahli Bid'ah bahawa pembahagian tauhid kepada tiga merupakan penyerupaan kepada kepercayaan *Trinity* (Tuhan bertiga) di sisi ajaran Kristian. Agar ia mudah difahami, jawapan ini penulis persembahkan dalam bentuk rajah berikut:

Pembahagian tauhid kepada tiga di sisi Wahhabi	Konsep Kepercayaan	Aqidah <i>Trinity</i> di sisi pengikut ajaran Kristian
<p>Konsep ini menjelaskan bahawa Allah <u>tidak boleh disekutukan atau diserupakan</u> dengan mana-mana jua makhluk ciptaan-Nya dari tiga sisi berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Penciptaan, pemilikan dan pengaturan alam semesta (tauhid <i>al-Rububiyyah</i>). b) Ibadah dan pengharapan (tauhid <i>al-Uluhiyyah</i>). c) Nama-nama dan sifat-sifat-Nya. (<i>Tauhid al-Asma' wa al-Sifat</i>). 	Penjelasan	<p>Konsep ini menjelaskan bahawa Tuhan adalah <u>gabungan</u> daripada tiga unsur iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Allah. b) Nabi Isa (Jesus). c) Roh Kudus (<i>The Holy Spirit</i>).
Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang mendukung konsep pembahagian ini. Memadai surah al-Fatihah sebagai rujukannya.	Dalil wahyu yang mendukung	Tidak terdapat sebarang dalil daripada mana-mana kitab samawi yang menerangkan konsep ini. Bahkan kitab Injil

<p>a) Firman Allah: <i>Segala puji bagi Allah, Rabb sekalian alam</i> [al-Fatihah, ayat 2] merupakan dalil kepada tauhid <i>al-Rububiyyah</i>, bahawa hanya Allah sahaja <u>satu-satunya</u> Dzat yang mencipta, memiliki dan mengatur alam semesta.</p> <p>b) Firman Allah: <i>Hanya kepada Engkau kami menyembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan</i> [al-Fatihah, ayat 5] merupakan dalil kepada tauhid <i>al-Uluhiyyah</i>, bahawa hanya Allah sahaja <u>satu-satunya</u> Dzat tempat manusia beribadah dan memohon pertolongan.</p> <p>c) Firman Allah: <i>Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih</i> [al-Fatihah, ayat 3] merupakan dalil kepada tauhid <i>al-Asma' wa al-Sifat</i>, bahawa Allah memiliki nama-nama dan sifat-sifat yang indah lagi mulia. Tauhid ini juga menerangkan bahawa nama-nama dan sifat-sifat Allah tidak boleh diserupakan (<i>tasybih</i>) dengan mana-mana juga makhluk ciptaan-Nya. Lihat juga surah asy-Syura, ayat 11.</p>	<p>(<i>The Bible</i>) bersama al-Qur'an menentang konsep kepercayaan <i>Tirinity</i> dan menegaskan Allah ialah Tuhan yang Maha Esa, tidak ada sekutu bagi-Nya.</p> <p>a) Dalam al-Qur'an, disebutkan: <i>Demi sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "Bahawasanya Allah ialah salah satu dari tiga Tuhan". Padahal tidak ada Tuhan (yang berhak disembah) kecuali Tuhan yang Maha Esa.</i> [Surah al-Maidah, ayat 73]</p> <p>b) Dalam kitab Injil (<i>The Bible, New International Version</i>) dinyatakan: <i>One of the teachers of the law came and heard them debating. Noticing that Jesus had given them a good answer, he asked him: "Of all the commandments, which is the most important?", "The most important one", answered Jesus, "Is this: "Hear, O Israel, the Lord our God, the <u>Lord is one.</u>"</i> [Mark, ayat 28-29]</p>
--	---

Tahukah anda, mengapakah golongan Ahli Bid'ah amat benci kepada konsep pembahagian tauhid kepada tiga?

Sebabnya tidak lain, kerana dalam tauhid *al-Uluhiyyah* dijelaskan larangan melakukan ibadah dan pengharapan (doa dan tawakkal) kepada selain Allah. Perkara ini amat berseberangan dengan akidah kebanyakan Ahli Bid'ah yang membenarkan amalan *beristighotsah* dan *beristi'anah* (meminta pertolongan dan harapan) kepada mayat di kuburan dan menjadikan mayat-mayat tersebut sebagai wasilah (perantara) antara mereka dengan Allah dalam memohon kemakbulan hajat dan keperluan mereka. Atas dasar inilah mereka amat benci kepada konsep pembahagian tauhid kepada tiga di sisi *Wahhabi*.

Lebih lanjut berkenaan konsep pembahagian tauhid kepada tiga di sisi *Ahlus Sunnah wa Jama'ah*, sila rujuk:

1. ***Bid'ahnya Pembahagian Tauhid Menjadi Tiga, Bahkan Merupakan Triniti?*** karya Ustaz Firanda Andirja Abidin yang dimuatkan di dalam buku beliau berjudul *Bid'ah Hasanah: Mengenal Bid'ah dan Sunnah* (Nashirussunnah, Jakarta Utara).
2. ***Sesatkah Pembahagian Tauhid Kepada Tiga Bahagian?*** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus yang dimuatkan di dalam buku beliau berjudul *Manisnya Iman* (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).
3. ***3 VS 20*** karya Hafiz Firdaus Abdullah yang dimuatkan di dalam buku beliau berjudul *Catatan Dari 40, 000 Kaki* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 4 : Wahhabi & al-Istiwa' Allah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menetapkan (*ithbat*) sifat *al-Istiwa'* Allah di atas 'Arasy di atas langit tanpa *takwil*.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* bersama para generasi *as-Salaf as-Soleh* seluruhnya adalah *Wahhabi* kerana bersepakat menetapkan sifat *al-Istiwa'* Allah di atas 'Arasy di atas langit tanpa *takwil* dan tanpa *tasybih*. Berkata Imam asy-Syafi'e dalam *muqaddimah* kitab *al-Risalah* (*tahqiq*: Ahmad Syakir), ms. 7-8:

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ ... الَّذِي هُوَ كَمَا وُصِّفَ نَفْسُهُ، وَفَوْقَ مَا يُصْفَهُ بِهِ

خلقه.

Maksudnya:

Segala puji bagi Allah Dia adalah seperti yang disifatkan terhadap dirinya dan Dia mengatasi dengan sifat-Nya atas makhluk-Nya.

Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata lagi:

الْقَوْلُ فِي السُّنْنَةِ الَّتِي أَنَا عَلَيْهَا وَرَأَيْتُ عَلَيْهَا الدِّينَ رَأَيْتُهُمْ مِثْلُ سُفْيَانَ
وَمَالِكٍ وَغَيْرِهِمَا إِلَّا قَرَأُ بِشَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللّٰهِ، وَأَنَّ

اللّٰهُ عَلَى عَرْشِهِ فِي سَمَاءِهِ.

Maksudnya:

Akidah yang saya yakini dan diyakini oleh orang-orang yang pernah aku temui seperti Sufyan, Malik dan selainnya adalah menetapkan syahadah bahawa tidak ada sesembahan yang berhak diibadahi kecuali Allah dan Muhammad adalah Rasulullah (pesuruh Allah) dan bahwasanya Allah di atas 'Arasy-Nya, yakni di atas langitnya. [Adab asy-Syafi'i wa Manaqibuhu oleh Ibnu Abi Hatim, ms. 93]

Apa yang diucapkan oleh Imam asy-Syafi'e di atas adalah berdasarkan kepada hadis berikut:

Mu'awiyah bin al-Hakam as-Sulami *radhiallahu'anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah bertanya kepada seorang hamba wanita:

أَيْنَ اللَّهُ؟ قَالَتْ فِي السَّمَاءِ قَالَ: مَنْ أَنَا؟ قَالَتْ: أَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ قَالَ: أَعْتَقْهَا فَإِنَّهَا مُؤْمِنَةٌ.

Maksudnya:

Di manakah Allah? Hamba itu menjawab: Di atas langit. Baginda bertanya lagi: Siapakah saya? Hamba itu menjawab: Anda Rasulullah. Maka bersabda baginda: Bebaskanlah dia kerana sesungguhnya dia adalah seorang yang beriman.

Hadis ini dikeluarkan oleh Imam Muslim dalam *Shahihnya* (no. 537), Abu Daud (no. 930), al-Nasa'i dalam *Sunan al-Nasa'i* (no. 1218), Abu 'Awana (2/141) Ahmad dalam *al-Musnad* (no. 7906), ad-Darimi (1/353-354) Ibnu Hibban dalam *Shahih Ibnu Hibban* (no. 165, 2274), Ibnu Abi Syaibah dalam *al-Mushannaf* (no. 30333), al-Baihaqi (2/249-250) dan lain-lain yang banyak jumlahnya. Dalam memberikan komentarnya ke atas hadis di atas, Imam adz-Dzahabi asy-Syafi'e *rahimahullah* (748H) berkata:

Hadis ini sahih. Dikeluarkan oleh Muslim, Abu Daud, an-Nasa'i dan imam-imam lainnya dalam kitab-kitab mereka dengan memperlakukannya sebagaimana datangnya tanpa *takwil* dan *tahrif*. [al-'Uluw lil 'Aliyyil 'Azhim (*tahqiq 'Abdullah bin Shalih al-Barrak*), 1/249]

Seterusnya Imam adz-Dzahabi asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata:

وهكذا رأينا كل من يسأل: أين الله؟ يبادر بفطنته ويقول: في السماء. ففي الخبر مسألتان: إحداهما: مشروعية قول المسلم أين الله؟ وثانية: قول المسؤول: في السماء. فمن أنكر هاتين المسألتين فإنما ينكر على المصطفى.

Maksudnya:

Demikian kita melihat setiap orang yang ditanya: Di mana Allah? Nescaya dia akan menjawab dengan fitrahnya: Allah di atas langit. Dalam hadis ini terdapat dua masalah: Pertama, disyariatkannya pertanyaan kepada seorang muslim: *Di mana Allah?* Kedua, jawapan orang yang ditanya pertanyaan tersebut: *Di atas langit*. Barangsiapa yang mengingkari dua masalah ini, maka bererti dia mengingkari *al-Musthafa* (Nabi). [Mukhtasar al-'Uluw lil 'Aliyyil 'Azhim, ms. 81]

Hadis di atas juga diriwayatkan oleh Imam asy-Syafi'e di dalam kitab *al-'Umm* 5/298. Mengenai periyatan Imam asy-Syafi'e tersebut, Imam Abu 'Utsman ash-Shabuni *rahimahullah* (449H) menyatakan di dalam kitabnya *'Aqidah Salaf Ash-habil Hadith*:

وإنما احتج الشافعي رحمة الله عليه على المخالفين في قولهم بجواز إعتاق الرقبة الكافرة بهذا الخبر، لا عتقاده أن الله سبحانه فوق خلقه، وفوق سبع سماواته على عرشه، كما معتقد المسلمين من أهل السنة والجماعة، سلفهم وخلفهم، إذ كان رحمه الله لا يروي خبرا صحيحا ثم لا يقول به.

Maksudnya:

Asy-Syafi'e - semoga rahmat Allah ke atasnya - berhujah terhadap para penentang yang menyatakan bolehnya memerdekaan hamba kafir dengan khabar

(hadis) ini kerana keyakinan beliau bahawa Allah di atas makhluk-makhluk-Nya dan di atas tujuh langit di atas 'Arasy-Nya sebagaimana keyakinan kaum muslimin *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* baik yang terdahulu (generasi Salaf) mahupun yang kemudian (generasi Khalaf) kerana beliau tidaklah meriwayatkan khabar (hadis) yang sahih kemudian tidak berpendapat dengan (hadis) tersebut.

Penjelasan Imam adz-Dzahabi asy-Syafi'e di atas bahawa disyariatkan bertanya "Di mana Allah?" diperkuatkan lagi dengan atsar berikut:

عَنْ أَبِي رَزِينٍ، قَالَ: فُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! أَيْنَ كَانَ رَبُّنَا قَبْلَ أَنْ يُخْلِقَ خَلْقَهُ؟

قَالَ: كَانَ فِي عَمَاءٍ مَاتَحْتَهُ هَوَاءٌ، وَمَا فَوْقَهُ هَوَاءٌ وَمَا تُمَّ خَلْقٌ، عَرْشُهُ عَلَى الْمَاءِ.

Maksudnya:

Dari Abu Razin, dia berkata: "Aku pernah bertanya: 'Wahai Rasulullah, di mana Allah sebelum menciptakan makhluk-Nya?'. Nabi shallallahu 'alaihi wasallam menjawab: 'Dia (Allah) berada di atas awan, tidak ada udara di bawahnya mahupun di atas, tidak ada makhluk di sana. Adapun 'Arasy-Nya berada di atas air.' [Atsar riwayat at-Tirmidzi, no. 2108, Ibnu Majah, no. 182, Ibnu Abi 'Ashim 1/271/612 dan lain-lain. Lihat Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah 4/469]

Berkata Imam al-Baihaqi asy-Syafi'e *rahimahullah* (458H) dalam kitabnya *al-Asma' wa as-Sifat* 2/308 (secara ringkas dan berpisah-pisah):

وَالآثَارُ عَنِ السَّلْفِ فِي مَثْلِ هَذَا كَثِيرَةٌ. وَعَلَى هَذِهِ الطَّرِيقِ يَدْلِ

مذهب الشافعى رضى الله عنه، وإليها ذهب أحمد بن حنبل...

وذهب أبو الحسن علي بن محمد بن مهدي الطبرى في آخرين من

أهل النظر إلى أن الله تعالى في السماء فوق كل شيء مستو على عرشه

معنى أنه عال عليه، ومعنى الاستواء الا عتلاء، كما يقول استويت على ظهر الدابة: واستويت على السطح. معنى علوته، واستوت الشمس على رأسي.

Maksudnya:

Dan *atsar* dari Salaf seperti hal ini (iaitu bahwasanya Allah ber*istiwa'* di atas 'Arasy) banyak. Dan mazhab Syafi'e menunjukkan di atas jalan ini, dan ini mazhab Ahmad bin Hanbal.

Dan Abu Hasan Ali bin Muhammad bin Mahdi ath-Thabari *rahimahullah* dan juga para ahli *nadzor* bahwasanya Allah *ta'ala* di langit di atas segala sesuatu, ber*istiwa'* di atas 'Arasy-Nya, iaitu maknanya Allah di atas 'Arasy.

Dan makna *istiwa'* adalah tinggi di atas sebagaimana jika dikatakan: "aku ber*istiwa'* di atas haiwan", "aku ber*istiwa'* di atas atap", maknanya iaitu aku tinggi di atasnya, seperti juga halnya "matahari ber*istiwa'* di atas kepalaku".

Manakala di dalam kitabnya *al-I'tiqad wa al-Hidayah Ila Sabil al-Rasyad* (*tahqiq*: Abul 'Ainain), Dar al-Fadhilah, cetakan pertama Bab: *al-Qaul Fi al-Istiwa'*, ms. 116 Imam al-Baihaqi menyebut:

وأراد من فوق السماء، كما قال: ولأصلبكم في جذوع النخل، يعني على جذوع النخل وقال: فسيحا في الأرض، يعني على الأرض، وكل ما علا فهو سماء، والعرش أعلى السموات فمعنى الآية – و الله أعلم – أأمتنم من على العرش ...

Maksudnya:

Dan maksud Allah adalah Dia di atas langit, sebagaimana firman-Nya "Dan sungguh aku akan menyalib kamu di pangkal kurma", iaitu di atas pangkal kurma. Dan Allah berfirman "Berjalanlah kamu di bumi", maksudnya adalah di atas muka bumi. Dan setiap yang di atas maka dia adalah *sama'*. Dan 'Arasy adalah yang tertinggi dari benda-benda yang di atas. Maka makna ayat - *wallahua'lam* - adalah "Apakah kamu merasa aman dari Dzat yang berada di atas 'Arasy?.

Imam Ibnu Khuzaimah asy-Syafi'e *rahimahullah* (311H) berkata ketika menafsirkan firman Allah dalam surah an-Nahl, ayat 49-50:

فَأَعْلَمَنَا الْجَلِيلُ جَلَّ وَعَلَىٰ فِي هَذِهِ الْآيَةِ أَنَّ رَبَّنَا فَوْقَ مُلَائِكَتِهِ،
وَفَوْقَ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ دَابَّةٍ، وَأَعْلَمَنَا أَنَّ مُلَائِكَةَ يَخَافُونَ
رَبَّهُمُ الَّذِي فَوْقَهُمْ.

Maksudnya:

Maka Allah Yang Maha Mulia dan Maha Tinggi memberitahukan kepada kita dalam ayat ini bahawa Tuhan kita berada di atas para Malaikat-Nya, dan berada di atas segala yang ada di langit dan di bumi berupa makhluk melata. Dan (Allah) menghabarkan kepada kita bahawa para Malaikat takut terhadap Tuhan mereka yang berada di atas mereka. [Kitab at-Tauhid, ms. 111]

Katanya lagi dalam kitab yang sama ketika mengkritik golongan yang mentakwilkan sifat *al-Istiwa'* Allah sebagai *al-Istaula'* (menguasai):

فَنَحْنُ نُؤْمِنُ بِخَبْرِ اللَّهِ جَلَّ وَعَلَىٰ أَنْ خَالقُنَا مُسْتَوٌ عَلَىٰ عَرْشِهِ، لَا
نَبْدِلُ كَلَامَ اللَّهِ وَلَا نَقُولُ قَوْلًا غَيْرَ الَّذِي قِيلَ لَنَا كَمَا قَالَتِ الْمُعَطَّلَتِ

الجهمية: إنه استولى على عرشه لا استوى. فبدلوا قو لا غير الذي قيل لهم
ك فعل اليهود لما أمروا أن يقولوا حطة، فقالوا حنطة مخالفين لأمر الله جل و
علا.

Maksudnya:

Kami beriman dengan khabar dari Allah *Jalla wa 'Ala* sesungguhnya Pencipta kami (Allah), Dia *istiwa*' di atas 'Arasy-Nya. Kami tidak akan mengganti / mengubah Kalam (firman) Allah dan kami tidak akan mengucapkan perkataan yang tidak pernah dikatakan (Allah) kepada kami sebagaimana (golongan) yang menghilangkan sifat-sifat Allah. *Jahmiyyah* telah berkata: 'Sesungguhnya Dia (Allah) *istaula*' (menguasai) 'Arasy-Nya, tidak *istiwa*'.

Maka mereka telah menggantikan perkataan yang tidak pernah dikatakan (oleh Allah) kepada mereka seperti perbuatan Yahudi ketika mereka diperintah mengucapkan: '*Hiththaturl* (ampunkanlah dosa-dosa kami), tetapi mereka (mengubah perkataan itu dengan) mengucapkan: '*Hinthah* (gandum). Mereka (kaum Yahudi) telah menyalahi perintah Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi. Seperti itulah *Jahmiyyah*. [Kitab at-Tauhid, ms. 101.]

Imam Abu 'Ustman ash-Shabuni *rahimahullah* (449H) menulis di dalam kitabnya *Aqidatus Salaf wa ash-habil Hadith*, ms. 44 (secara ringkas dan berpisah-pisah):

ويعتقد أصحاب الحديث و يشهدون أن الله فوق سبع سمواته، على عرشه، كما نطق به كتابه... و علماء الأمة و أعيان الأئمة من السلف – رحهم الله – لم يختلفوا في أن الله على عرشه، و عرشه فوق سمواته.

Maksudnya:

Para ahli hadis berkeyakinan dan bersaksi bahawa Allah di atas langit yang tujuh di atas 'Arasy-Nya sebagaimana tertuang dalam al-Kitab (al-Qur'an)... Para ulamak dan pemuka umat dari generasi Salaf tidak berselisih bahawasanya Allah di atas 'Arasy-Nya dan 'Arasy-Nya berada di atas langit-Nya.

Demikian beberapa pernyataan para ulamak bermazhab Syafi'e mengenai kesepakatan mereka dalam menetapkan kesemua sifat-sifat Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Catatan Tambahan.

Dalam rangka menolak sifat *al-Istiwa'* Allah di atas 'Arasy di atas langit, para pengingkar sifat Allah khususnya dari golongan *al-Jahmiyyah* dan sebahagian kelompok *al-Asya'irah* menimbulkan keraguan bahawa dengan menetapkan sifat tersebut bererti menetapkan sifat bertempat bagi Allah, hal yang mana merupakan salah satu daripada sifat-sifat makhluk. Terhadap *syubhat* ini, ia dapat dijawab dengan dua poin berikut:

Pertama:

Dakwaan bahawa dengan menetapkan sifat *al-Istiwa'* bagi Allah bererti menetapkan sifat bertempat bagi-Nya hanyalah rumusan mereka yang sememangnya gemar mengunggulkan logik (akal) di atas nas. Ini seumpama menetapkan sifat mendengar bagi Allah, adakah ia bererti menetapkan Allah sebagai Dzat yang memiliki telinga untuk mendengar sebagaimana makhluk-Nya? Sudah tentu tidak.

Demikian juga nas yang mengkhabarkan keberadaan Allah di atas langit dan *beristiwa'* di atas 'Arasy-Nya, ia tidaklah bererti menetapkan Allah sebagai Dzat yang diliputi oleh sesuatu ruang atau tempat sebagaimana yang berlaku ke atas makhluk-Nya. Dalam hal ini, Syaikh al-Albani *rahimahullah* berkata:

أن المراد منها هو معنى معروف ثابت لائق به تعالى ألا وهو علوه
سبحانه على خلقه، وستواوه على عرشه، على ما يليق بعظمته، وأنه مع
ذلك ليس في جهة ولا مكان، إذ هو خالق كل شيء.

Maksudnya:

Pengertian darinya ialah makna yang jelas diketahui tepat lagi sesuai bagi Allah Ta'ala tidak lain melainkan Dia ketinggian-Nya Maha Suci-Nya atas ciptaan-Nya dan *istiwa'*-Nya di atas 'arasy-Nya, atas apa yang sesuai dengan keagungan-Nya, yang bagi-Nya tiada arah dan tempat. Dialah pencipta segalanya. [Muktashar al-'Uluw li al-'Aliyyil Ghaffar, ms. 73-74]

Berkata Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* (728H):

Apabila dikatakan: (Allah) Maha Tinggi (*al-'Uluw*), maka ia mencakupi apa yang di atas sekalian makhluk. Namun ini bukan bermaksud bahawa di sana terdapat satu keadaan yang meliputi Dia (Allah) kerana di atas alam ini tidak ada sesuatu pun yang wujud kecuali Allah. Seterusnya sesiapa yang menimbulkan keraguan berkenaan keadaan Allah di langit dengan makna bahawa langit melingkungi-Nya atau meliputi-Nya, maka dia dikira berdusta dan sesat. Seandainya begitulah iktikad dia terhadap Tuhan-Nya. Tidaklah kami mendengar bahawa ada seorang jua yang memiliki kefahaman sedemikian dengan lafadz sedemikian. Dan tidak juga kami melihat ada seorang jua yang menukilkannya dari pada seseorang yang lain. [Bayan Talbis al-Jahmiyyah 1/559]

Kedua:

Para ulamak yang menolak sifat bertempat bagi Allah, mereka sendiri menetapkan sifat *al-Istiwa'* Allah di atas 'Arasy-Nya. Manhaj ini amat berseberangan dengan para pengingkar sifat Allah yang bukan sahaja menolak sifat *al-Istiwa'* Allah di

atas 'Arasy, malah juga menafikan apa yang telah ditetapkan oleh para ulamak yang menjadi ikutan mereka sendiri. Perhatikan kata-kata Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari *rahimahullah* (tokoh yang disandarkan kepadanya aliran *al-Asya'irah*) berikut:

وَكَانَ يَزْعُمُ أَنَّ الْبَارِئَ لَمْ يَزِلْ، وَلَا زَمَانَ قَبْلَ الْخَلْقِ، وَأَنَّهُ عَلَىٰ مَا لَمْ يَزِلْ
عَلَيْهِ، وَأَنَّهُ مَسْتَوٌ عَلَىٰ عَرْشِهِ كَمَا قَالَ، وَأَنَّهُ فَوْقَ كُلِّ شَيْءٍ.

Maksudnya:

Dan Abdullah bin Sa'id menyangka bahwasanya *al-Baari* (Allah) di zaman *azali* tanpa ada tempat dan zaman sebelum penciptaan makhluk dan Allah sentiasa berada di atas keadaan tersebut. Dan bahwasanya Allah *beristiwa'* di atas 'Arasy-Nya sebagaimana firman-Nya dan bahwasanya Allah berada di atas segala sesuatu. [Maqalat al-Islamiyyin 1/351]

وَأَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ عَرْشِهِ كَمَا قَالَ: الرَّحْمَانُ عَلَىٰ الْعَرْشِ اسْتَوَى.

Maksudnya:

Dan bahwasanya Allah di atas 'Arasy-Nya sebagaimana firman-Nya: *Ar-Rahman tinggi di atas 'Arasy*. [al-Ibanah fi Ushul ad-Diyanah (tahqiq Dr. Shalih bin Muqbil at-Tamimi), ms. 405]

وَرَأَيْنَا الْمُسْلِمِينَ جَمِيعًا يَرْفَعُونَ أَيْدِيهِمْ – إِذَا دَعَوْا – نَحْوَ السَّمَاءِ
لِأَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ مُسْتَوٌ عَلَىٰ الْعَرْشِ الَّذِي هُوَ فَوْقَ السَّمَاوَاتِ، فَلَوْلَا أَنَّ اللَّهَ

عَلَىٰ الْعَرْشِ لَمْ يَرْفَعُوا أَيْدِيهِمْ نَحْوَ الْعَرْشِ.

Maksudnya:

Dan kita melihat seluruh kaum muslimin apabila mereka berdoa, mereka mengangkat tangannya ke arah langit, kerana memang Allah 'Azza wa Jalla tinggi di atas 'Arasy dan 'Arasy di atas langit. Sekiranya Allah tidak berada di atas 'Arasy, tentu mereka tidak akan mengangkat tangannya ke arah 'Arasy.

وَزَعَمْتِ الْمُعْتَرِلُهُ وَالْحُرُورِيهُ وَالْجَهَمِيهُ أَنَّ اللَّهَ عَزَّوَجَلَّ فِي كُلِّ مَكَانٍ،
فَلَنْزِمُهُمْ أَنَّهُ فِي بَطْنِ مَرْيَمَ وَ فِي الْحُشُوشِ وَ الْأَخْلِيهِ، وَهَذَا خِلَافُ الدِّينِ،
تَعَالَى اللَّهُ عَنْ قَوْلِهِمْ .

Maksudnya:

Dan kaum *al-Muktazilah*, *al-Haruriyyah* dan *al-Jahmiyyah* beranggapan bahawa Allah 'Azza wa Jalla berada di setiap tempat. Hal ini melazimkan mereka berada di perut Maryam, tempat (pembuangan) sampah dan tandas. Fahaman ini menyelisihi agama. Maha Suci Allah daripada ucapan mereka. [*al-Ibanah fi Ushul ad-Diyanah* (*tahqiq* Dr. Shalih bin Muqbil at-Tamimi), ms. 409-413]

Bagi perbincangan yang lebih mendalam, sila rujuk:

1. ***Di Mana Alloh? Pertanyaan Penting Yang Terbaikan!*** karya Ustaz Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Media Tarbiyah, Jawa Barat).
2. ***Ketinggian Allah Di Atas Makhluk-Nya: Bantahan Terhadap Abu Salafy*** karya Ustaz Firanda Andirja Abidin, (Nashirussunah, Jakarta Timur).
3. ***Di Mana Allah?*** karya Mohd Hairi Nonchi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
4. ***Al-Masa-II (Masalah-Masalah Agama)*** karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat, lihat jilid 1 pada *Masalah 8: Di Mana Allah?* (Darus Sunnah, Jakarta Timur).
5. ***Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari*** karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 5 : Wahhabi & al-Nuzul Allah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menetapkan (*ithbat*) sifat *al-Nuzul* (turun) Allah ke langit dunia pada sepertiga malam terakhir tanpa *takwil*.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* bersama para generasi *as-Salaf as-Soleh* seluruhnya juga adalah *Wahhabi* kerana mereka kesemua bersepakat menetapkan sifat *al-Nuzul* Allah ke langit dunia pada sepertiga malam tanpa *takwil* dan tanpa *tasybih*. Berkata Imam asy-Syafi'e *rahimahullah*:

وَإِنَّهُ يَهْبِطُ كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا لِخَبْرِ رَسُولِ اللَّهِ.

Maksudnya:

Bahwasanya Allah turun pada setiap malam ke langit dunia berdasarkan khabar dari Rasulullah. [*Manhaj al-Imam Asy-Syafi'i fi Ithbat al-'Aqidah* oleh Dr. Muhammad 'Abdul Wahhab al-'Aqil 3/358]

Imam Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* (751H) dalam kitabnya *Ijtima' al-Juyusy al-Islamiyyah 'ala Ghazwil Mu'aththilah wa al-Jahmiyyah* (*tahqiq*: Basyir Muhammad 'Uyun), ms. 122 menukil perkataan Imam asy-Syafi'e:

أَنَّ اللَّهَ عَلَى عَرْشِهِ فِي سَمَاءِهِ يَقْرُبُ مِنْ خَلْقِهِ كَيْفَ شَاءَ وَيَنْزِلُ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا كَيْفَ شَاءَ.

Maksudnya:

Bahwasanya Allah 'Azza wa Jalla di atas 'Arasy-Nya di langit-Nya, lalu mendekat kepada makhluk-Nya menurut sebagaimana yang Dia kehendaki dan sesungguhnya Allah turun ke langit dunia menurut bagaimana yang Dia kehendaki.

Penetapan Imam asy-Syafi'e ke atas sifat *al-Nuzul Allah* di atas adalah bersandarkan kepada hadis berikut: Dari Abu Hurairah *radhiallahu'anhu* bahwasanya Rasulullah *shallallahu'alaihi wasallam* bersabda:

يَنْزُلُ رُبُّنَا تَبَارَكَ وَتَعَالَى كُلَّ لَيْلٍ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا. حِينَ يَبْقَى ثُلُثُ اللَّيْلِ
الْآخِرُ، فَيَقُولُ: مَنْ يَدْعُونِي فَأَسْتَحِبِّ لَهُ، وَمَنْ يَسْأَلُنِي فَأُغْطِيهُ وَمَنْ يَسْتَغْفِرِنِي
فَأَغْفِلُهُ.

Maksudnya:

Rabb (Tuhan) kami Tabaraka wa Ta'ala turun ke langit dunia pada setiap malam iaitu ketika sepertiga malam terakhir. Maka Dia (Allah) berfirman: "Siapa yang berdoa kepada-Ku, maka akan Aku kabulkan, siapa yang meminta kepada-Ku, maka akan Aku berikan, dan sesiapa yang memohon ampun kepada-Ku, maka akan Aku ampuni." [Shahih al-Bukhari, no.1145 dan Shahih Muslim, no. 758]

Hadis ini tidak diragukan lagi kesahihannya. Bahkan sebahagian ulamak hadis menilainya sebagai hadis yang *mutawatir*. Antaranya ialah Imam adz-Dzahabi *rahimahullah*, salah seorang ahli hadis bermazhab Syafi'e. Beliau berkata:

Saya telah menulis hadis-hadis tentang (sifat) *al-Nuzul* (turunnya Allah) dalam sebuah kitab khusus. (Adapun) darjat hadis-hadisnya saya berani menetapkannya *mutawatir*. [Mukhtashar al-'Uluw (tahqiq dan takhrij oleh Syaikh Al-Albani), ms. 116]

Lebih lanjut, sila rujuk **Membela Hadits Nabi Shallallahu 'Alaihi Wassallam** karya Ustaz Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Media Tarbiyah, Jawa Barat).

Catatan Tambahan

K.H Sirajuddin Abbas ialah nama yang tidak asing lagi di sisi para pendukung sunnah sebagai insan yang terkenal dengan fitnahnya ke atas para tokoh ahlus sunnah

yang dituduh olehnya sebagai berakidah *tasybih*. Salah seorang tokoh ahlus sunnah yang paling hebat menerima tuduhan sang pengibar bendera *al-Jahmiyyah* dan *al-Muktazilah* tulen ini ialah Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah*.

Menerusi bukunya yang berjudul *I'tiqad Ahlussunnah Wal Jamaah* (Pustaka Tarbiyah Baru, Jakarta Selatan, cetakan ke-8, 2008), ms. 303, K.H Sirajuddin Abbas memetik kata-kata Ibnu Bathuthah (*Rahlah Ibn Bathuthah* 1/57: cetakan Azhariyah, Kairo, 1928M) yang bermaksud:

Saya ketika itu sedang berada di Damsyiq. Saya di masjid mendengar dia (Ibnu Taimiyah) memberi pelajaran di hadapan umum) di mimbar mesjid kami. Banyak pelajaran diucapkan. Di antara perkataannya: Tuhan Allah turun ke langit dunia serupa turunnya dengan turun saya ini, lalu ia turun satu tingkat di jenjang mimbar. Pada ketika itu seorang ulama ahli fiqh Madzhab Maliki bernama Anus Zahra' membantah dia dan melawan ucapan-ucapan Ibnu Taimiyah.

Sekian K.H Sirajuddin Abbas. Sila bandingkan fitnah K.H Sirajuddin Abbas ini dengan keterangan-keterangan Syaikh al-Islam di bawah ini. Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata:

إِنْ جَعَلَ صَفَاتُ اللَّهِ مِثْلَ صَفَاتِ الْمَخْلوقِينَ، فَيَقُولُ: أَسْتَوْاءُ اللَّهُ كَاسْتَوْاءُ الْمَخْلوقِ، أَوْ نَزُولُهُ كَنْزُولُ الْمَخْلوقِ، وَنَحْوُ ذَلِكَ، فَهَذَا مُبْتَدِعٌ ضَالٌّ.
إِنَّ الْكِتَابَ وَالسُّنْنَةَ مَعَ الْعُقْلِ دَلَّتْ عَلَى أَنَّ اللَّهَ لَا تَمَاثِلُهُ الْمَخْلوقَاتُ فِي شَءْ مِنَ الْأَشْيَاءِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya (sesiapa yang) menjadikan sifat Allah seumpama sifat makhluk-makhluk, seperti berkata: '*Istiwa*' Allah sebagaimana *istiwa*' makhluk' atau '*Nuzu*/Allah sebagai *nuzu/makhluk'* dan apa-apa lain seperti itu, maka (orang

itu) adalah pembuat bid'ah yang sesat. Kerana sesungguhnya al-Qur'an dan sunnah bersama akal menunjukkan bahawa Allah tiadalah Dia seumpama makhluk-makhluk dalam apa jua bentuk atau cara sekalipun. [Majmu' al-Fatawa 5/262]

Di dalam kitabnya *Daqa'iq al-Tafsir* (*tahqiq*: Muhammad Sa'id) 6/424 beliau *rahimahullah* berkata:

فالرب سبحانه إذا وصفه رسوله بأنه ينزل إلى سماء الدنيا كل ليلة، وأنه يدنو عشيّة عرفة إلى الحجاج، وأنه كلم موسى في الوادي الأيمن في البقعة المباركة من الشجرة، وأنه استوى إلى السماء وهي دخان، فقال لها وللأرض اتّيا طوعاً أو كرها، لم يلزم من ذلك أن تكون هذه الأفعال من جنس ما تشاهده من نزول هذه الأعيان المشهورة حتى يقال ذلك يستلزم تفريغ مكان وشغل آخر فإن نزول الروح وصعودها لا يستلزم ذلك فكيف برب العالمين.

Maksudnya:

Maka Tuhan (Allah) yang Maha Suci, apabila Rasulullah menerangkan sifat-Nya yang Turun ke langit dunia pada setiap malam, Menghampiri Padang Arafah (ketika musim) haji, Berbicara kepada Nabi Musa di pinggir lembah yang diberkahi dari sebatang pohon kayu, Allah beristiwa' ke langit yang (ketika itu masih dalam keadaan) kabut, kemudian Allah berfirman kepadanya dan bumi: "Datanglah kamu berdua baik dalam keadaan suka atau dalam keadaan terpaksa", perbuatan yang sedemikian tidaklah sama dengan yang biasa kita saksikan seperti turunnya benda-benda yang dapat kita lihat, sehingga dikatakan bahwa:

"Hal itu melazimkan adanya pengosongan suatu tempat dan pengisian tempat yang lain" (yakni tidak harus dikata atau dianggap demikian) kerana sesungguhnya (sifat) turun dan naik bagi Ruh tidaklah melazimkan sedemikian maka bagaimana pula dengan (Allah) Tuhan sekalian alam (pasti juga ia tidak sedemikian juga).

Menerusi kitabnya yang lain, *Syarh Hadith an-Nuzul*, ms. 32 beliau menjawab setelah ditanya mengenai cara *Istiwa'* dan *al-Nuzul* (Penurunan):

فَنَعْلَمُ مَعْنَى الْأَسْتِوَاءِ وَلَا نَعْلَمُ كَيْفِيَّتَهُ، وَكَذَلِكَ نَعْلَمُ مَعْنَى النَّزْولِ وَلَا
نَعْلَمُ كَيْفِيَّتَهُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya kami mengetahui makna *Beristiwa'* tetapi kami tidak mengetahui bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiyyat*). Dan demikian juga kami mengetahui makna *al-Nuzul* (Penurunan) tetapi kami tidak mengetahui bentuk, ciri-ciri dan tatacaranya (*kaifiyyat*).

Lebih lanjut, sila rujuk:

1. ***Membela Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah: Mengungkap Tuduhan Dan Kedustaan K.H Sirajuddin Abbas Dalam Buku I'tiqad Ahlus Sunnah Wal Jama'ah*** karya Ustaz Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Salwa Press, Jawa Barat).
2. ***Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah*** karya Syaikh Murad Syukri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3. ***Ibnu Taimiyah: Pencetus Akidah Tasybih & Tajsim?*** karya Mohd Hairi Nonchi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 6 : Wahhabi & Konsep Takwil

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk (*al-Musyabbihah*) disebabkan tidak mengaplikasikan konsep *takwil* ke atas nas-nas al-Sifat Allah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* (204H) dan seluruh para sahabat serta para salaf lainnya juga ialah *Wahhabi* kerana menolak konsep *takwil*. Sebaliknya mereka semuanya bersepakat menetapkan (*ithbat*) sifat-sifat Allah tanpa:

1. *Tahrif* (mengubah makna)
2. *Takyif* (menggambarkan rupa bentuk)
3. *Ta'thil* (menafikan sifat Allah)
4. *Tasybih / tamtsil* (menyerupakan dengan sifat makhluk).

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* (852H) di dalam kitabnya *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* 13/407 telah menukilkan perkataan Ibnu Abi Hatim sebagaimana yang diriwayatkan daripada Yunus Ibn 'Abd al-A'la:

سمعت الشافعي يقول: الله أسماء وصفات لا يسع أحداً ردها ومن

خالف بعد ثبوت الحجة عليه فقد كفر، وأما قبل قيام الحجة فإنه يعذر

بالجهل لأن علم ذلك لا يدرك بالعقل ولا الرؤية ولا الفكر، فثبتت هذه

الصفات ونفي عن التشبّه كما نفي عن نفسه.

Maksudnya:

Aku dengar asy-Syafi'e berkata: Allah mempunyai nama-nama dan sifat-sifat yang tidak boleh sesiapa pun menolaknya, dan sesiapa yang menyalahinya setelah nyata hujah ke atasnya, maka sesungguhnya dia telah kufur. Adapun sebelum tertegaknya hujah, maka sesungguhnya dia dimaafkan di atas kejahilan itu kerana ilmu yang demikian tidak boleh dicapai melalui akal, mimpi atau fikiran. Maka kita menetapkan sifat-sifat ini dan kita juga menafikan tasybih (penyerupaan makhluk) dari-Nya sebagaimana Dia menafikannya dari diri-Nya.

Adapun dakwaan para pentakwil sifat Allah bahawa para Salaf hanya menerima lafaz sesuatu nas sifat dan mentafwidhkan (menyerahkan kepada Allah) maknanya, Imam adz-Dzahabi asy-Syafi'e (748H) menjawab dengan katanya:

و في هذا التفسير لمعنى الاستواء من قبل السلف رد على من زعم

أن مذهب السلف هو التقيد باللطف مع تفويض المعنى المراد، وأنهم كانوا لا

يفسرون الاستواء ولا يتكلمون فيه، فمن خلال ما تقدم من الأقوال التي

نقلت عن السلف يتضح كذب هؤلاء و زيف ادعائهم.

وما ينبغي معرفته أن السلف مع إثباتهم لمعنى الاستواء واعتقادهم بأن

الله مستو على عرشه ومرتفع عليه، إلا أنهم يكلون علم كيفية ذلك

الاستواء إلى الله عز وجل لأن أمره هو مما استأثر الله بعلمه. وفي ذلك يقول

القرطبي: ولم ينكر أحد من السلف الصالح أنه استواء على عرشه حقيقة وإنما

جهلوا كيفية الاستواء فإنه لا تعلم حقيقة كما قال الإمام مالك: الاستواء

معلوم — يعني في اللغة — والكيف مجهول، والسؤال عنه بدعة.

Maksudnya:

Dalam penafsiran makna *istiwa'* dari salaf ini terdapat bantahan terhadap mereka yang menyangka mazhab Salaf (dalam masalah sifat Allah) adalah terikat dengan lafaz (semata-mata) disertai *tafwidh* makna yang diinginkan. Mereka menyangka Salaf tidak menafsirkan makna *istiwa'* (sama sekali) dan tidak berbicara tentang itu. Maka dari penukilan-penukilan ucapan Salaf di atas jelaslah kedustaan dan kebohongan mereka (yang mengatakan *tafwidh ma'na* / penyerahan makna sifat itu pendapat Salaf).

Dan yang harus difahami bahawa meskipun Salaf menetapkan makna *istiwa'* dan mereka meyakini Allah *istiwa'* di atas 'Arasy, meninggi di atasnya. Namun mereka menyerahkan kepada Allah tentang ilmu *kaifiyyat* (tata cara) *istiwa'* (bukan makna *istiwa'*), sebab ilmu tentang itu adalah ilmu yang Allah khususkan dalam ilmu-Nya sahaja.

Dalam hal ini, (Imam) al-Qurthubi berkata: "Tidak ada satu pun *as-Salaf as-Soleh* yang mengingkari bahawa Allah *istiwa'* di atas 'Arasy-Nya secara hakikat (bukan sekadar bermakna kuasa). Hanya yang tidak diketahui oleh Salaf adalah bagaimana cara (*kaifiyyat*) Allah ber*istiwa'*, kerana hakikat caranya memang tidak boleh diketahui, sebagaimana kata Imam Malik: *Istiwa'* itu diketahui maknanya — iaitu dalam bahasa Arab — sedang caranya tidak diketahui, menanyakannya adalah bid'ah (dan mengimannya adalah wajib). [Kitabul 'Arsy 1/192-193]

Imam Sufyan bin 'Uyainah *rahimahullah* berkata:

كُلُّ مَا وَصَفَ اللَّهُ تَعَالَى بِهِ نَفْسَهُ فِي الْقُرْآنِ فَقِرَاءُتُهُ تَفْسِيرٌ لَا كَيْفَ،
وَلَا مِثْلَ.

Maksudnya:

Semua yang Allah Ta'ala sifatkan untuk diri-Nya dalam al-Qur'an, maka bacaannya adalah tafsirnya. Tidak perlu bertanya bagaimana (*kaifiyyat*) dan tidak boleh menyerupakannya dengan sesuatu. [Syarh Ushul al-I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Imam al-Lalika'i, no. 736]

Al-Walid bin Muslim *rahimahullah* berkata: "Aku bertanya kepada Al-Auza'i, Sufyan bin 'Uyainah dan Malik bin Anas tentang hadis-hadis dalam masalah sifat dan *ru'yah*, mereka menjawab:

أَمْرُوهَا كَمَا جَاءَتْ بِلَا كَيْفٍ.

Maksudnya:

Perlakukanlah sebagaimana ia datang tanpa (menanyakan) bagaimana (*kaifiyyat*)nya. [Syarh Ushul al-I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Imam al-Lalika'i, no. 875 dan Syarh As-Sunnah, Imam al-Baghawi, 1/171]

Keterangan para tokoh Ahlus Sunnah di atas jelas menunjukkan bahawa para Salaf tidaklah mentafwidhkan nas-nas al-Sifat Allah secara total kecuali hanyalah pada *kaifiyatnya* sahaja. Adapun dari sisi makna nas-nas al-Sifat Allah, mereka memahami dan menetapkannya sesuai dengan zahir ayat.

Adapun dakwaan para pengingkar dan pentakwil sifat Allah bahawa para Salaf – secara khususnya Rasulullah dan para sahabat - tidak memahami makna nas-nas sifat, sebaliknya menyerahkannya secara total (*tafwidh*) kepada Allah menunjukkan bahawa:

1. Allah telah memfirmankan sejumlah perkataan yang sia-sia di dalam al-Qur'an, perkataan yang tidak mengandungi sebarang erti dan faedah kepada umat

manusia yang membaca dan menelaahnya. Maha Suci Allah daripada berbuat hal yang sia-sia.

2. Dengan demikian, maka sia-sialah perintah Allah agar umat Islam mentadabburi (memahami, memerhati dan merenungi) ayat-ayat-Nya.
3. Demikian juga, pengajaran yang terkandung di sebalik nama-nama dan sifat-sifat Allah tidak lagi bermanfaat kepada manusia. Hal ini akan memungkinkan:
 - i. Manusia bebas melakukan perbuatan mungkar kerana mereka tidak tahu bahawa Allah ialah Tuhan yang bersifat dengan sifat *al-Raqib* (الرقيب) dan *al-Bashir* (البصير) yang membawa makna Dia ialah Tuhan yang Maha Mengawasi dan Maha Melihat setiap gerak-geri para hamba-Nya.
 - ii. Manusia yang menyesal di atas perlakuan maksiatnya tidak akan memohon ampun kepada Allah kerana dia tidak tahu bahawa makna sifat *al-'Afuw* (الغفور) dan *al-Ghaffar* (الغفار) Allah ialah Tuhan yang Maha Pemaaf dan Maha Pengampun.
 - iii. Manusia yang diuji dengan kesempitan rezeki tidak akan berdoa memohon rezeki kepada Allah kerana dia tidak tahu bahawa Allah ialah Tuhan yang Maha Pemberi Rezeki, yakni makna pada sifat *al-Razzaq* (الرزاق).
4. Bahawa para Salaf – khususnya Rasulullah dan para sahabat – adalah manusia yang jahil di dalam memahami ayat-ayat al-Qur'an.
5. Lebih berat, dakwaan ini mengisyaratkan bahawa Nabi telah menyampaikan suatu pengajaran kepada orang lain yang mana baginda sendiri gagal memahaminya. Muhammad Shiddiq Khan menulis di dalam kitab *Qathf ats-Tsamar*, ms.45:

Orang yang berperasangka seperti ini adalah orang yang paling bodoh dengan akidah Salaf dan yang paling sesat dari jalan yang lurus. Perasangka seperti ini mengandungi makna menilai bodoh (golongan) *as-Sabiqun al-Awwalun* dari kalangan Muhajirin dan Ansar, para sahabat lainnya dan para tokoh ulamak yang merupakan orang yang paling berilmu dari umat ini, paling mendalam kefahamannya, paling baik pengamalannya dan paling setia

mengikuti sunnah. Perasangka seperti ini juga mengandungi erti bahawa Rasulullah mengatakan hal itu (berbicara mengenai sifat-sifat Allah) tetapi baginda (sendiri) tidak mengetahui maknanya. Ini adalah kesalahan fatal. Kita berlindung kepada Allah darinya.

6. Dakwaan ini juga merupakan tuduhan ke atas Nabi bahawa baginda telah gagal bertindak sebagai ‘penjelas’ kepada al-Qur'an yang diwahyukan oleh Allah kepadanya. Syeikh Dr. Abdullah bin Abdul Aziz al-Jibrin menulis di dalam kitabnya, *Tahdzib Tashil al-'Aqidah al-Islamiyyah*:

Ini adalah tuduhan kepada Nabi bahawa baginda tidak menjelaskan al-Qur'an padahal baginda diutus untuk menjelaskannya kepada manusia, sebagaimana Allah berfirman: *Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Qur'an agar kamu menjelaskan pada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka.* [Surah An-Nahl, ayat 44]

Dan mereka berpendapat sesungguhnya Nabi berbicara tentang sifat Allah dengan lafaz di mana maksudnya bukanlah makna hakiki yang difahami, lalu baginda tidak menjelaskan hal itu kepada manusia. Ada pun kaum salaf dari kalangan sahabat dan setelahnya tidak memahaminya sehingga mereka tidak menjelaskannya kepada manusia.

Lalu datanglah (golongan) *al-Asy'ari* dan yang datang setelahnya dari kalangan orang yang berjalan di atas *manhajnya*, mereka memahami dan menjelaskannya kepada manusia. Ini adalah perkataan yang nyata kebatilannya, di dalamnya jelas mengandungi tuduhan sesungguhnya Nabi lalai dalam menyampaikan risalah.

Terhadap fitnah golongan Ahli Bid'ah bahawa *Wahhabi* sebagai *al-Musyabbihah* (orang yang menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk), ia dapat dijawab dengan tiga poin berikut:

Pertama:

Terdapat perbezaan yang ketara antara Ahlus Sunnah yang dimomokkan dengan gelaran *Wahhabi* dengan *al-Musyabbiyah* dalam persoalan berinteraksi dengan nas-nas al-Sifat Allah, di mana:

- Ahlus Sunnah menetapkan sifat-sifat Allah (*ithbat*) sebagaimana yang ditetapkan al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih **tanpa menyamakannya** dengan sifat-sifat makhluk (*tanpa tasybih*).
- *Al-Musyabbiyah* menetapkan sifat-sifat Allah (*ithbat*) **kemudian menyamakan** sifat-sifat tersebut dengan sifat-sifat makhluk (dengan *tasybih*).

Berdasarkan perbezaan ini, maka tertolaklah dakwaan sebahagian pihak yang cuba menyamakan Ahlus Sunnah yang digelar sebagai *Wahhabi* dengan *al-Musyabbiyah*, iaitu golongan yang menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk-Nya. Imam al-Hafiz Nu'aim bin Hammad al-Khuza'i *rahimahullah* berkata:

مَنْ شَبَّهَ اللَّهَ بِخَلْقِهِ فَقَدْ كَفَرَ، وَمَنْ أَنْكَرَ مَا وَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ فَقَدْ كَفَرَ، وَلَيْسَ مَا وَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ وَلَا رَسُولُهُ تَشْبِيهُهَا.

Maksudnya:

Sesiapa yang menyerupakan Allah dengan makhluk-Nya, maka dia telah kafir dan sesiapa yang mengingkari apa yang Allah telah sifatkan untuk diri-Nya, maka dia telah kafir. Apa yang Allah sifatkan untuk diri-Nya mahupun (disifatkan oleh) Rasul-Nya bukanlah tasybih (penyerupaan). [*al-'Uluw lil 'Aliy al-Ghaffar* oleh Imam adz-Dzahabi, ms. 184, no.217]

Tidaklah seseorang itu berdegil untuk menyamakan antara keduanya melainkan dia ialah ahli bid'ah yang sebenar-benarnya. Berkata Imam Abu Hatim al-Razi *rahimahullah*:

عَالَمَةُ أَهْلُ الْبِدَعِ: الْوَقِيْعَةُ فِي أَهْلِ الْأَثَرِ، وَعَالَمَةُ الْجَهْمِيَّةُ أَنْ يَسْمُوْا
أَهْلَ السُّنَّةِ مُشَبِّهَةً.

Maksudnya:

Tanda Ahli Bid'ah adalah mencela Ahli Atsar (Ahlus Sunnah). Dan tanda dari *al-Jahmiyyah* adalah menggelari Ahlus Sunnah dengan gelaran *al-Musyabbiyah* (menyerupakan sifat Allah dengan sifat makhluk). [Syarh Ushul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah oleh al-Lalika'i 1/204 dan Dzammul Kalam oleh al-Harawi 4/390]

Ishaq bin Rahawaih *rahimahullah* berkata:

عَالَمَةُ جَهَنَّمٌ وَأَصْحَابِهِ دَعْوَاهُمْ عَلَى أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ مَا أُولَئِعُوا
مِنَ الْكَذِبِ أَنَّهُمْ مُشَبِّهَةُ، بَلْ هُمُ الْمُعَطَّلُونَ.

Maksudnya:

Tanda *Jahm* (pengasas aliran *al-Jahmiyyah*) dan pengikutnya adalah menuduh *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* dengan penuh kebohongan dengan gelaran *al-Musyabbiyah*, padahal mereka (*al-Jahmiyyah*) adalah *Mu'aththilah* (golongan yang menolak atau mengingkari sifat Allah). [Syarh al-'Aqidah ath-Thahawiyyah oleh Ibnu Abi al-'Izz al-Hanafi 1/85]

Kedua:

Jika dicermati, yang sebenarnya berakidah *tasybih* (menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk) ialah pihak yang mentakwilkan sifat-sifat Allah itu sendiri. Ini kerana mereka menyangka segala sifat Allah yang dikhabarkan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah adalah serupa dengan sifat-sifat makhluk-Nya.

Justeru bagi mengelakkan sangkaan ini, mereka beralih kepada strategi mentakwilkan sifat-sifat tersebut, kononnya bagi mensucikan Allah daripada memiliki kesamaan dengan sifat makhluk-Nya. Hal ini berbeza dengan ahli sunnah yang sering diwar-warkan sebagai golongan berakidah *tasybih* oleh ahli bid'ah. Ahlus sunnah sama sekali tidak pernah membayangkan segala nas yang mengkhabarkan sifat Allah adalah sama dengan sifat makhluk.

Atas dasar keyakinan bahawa Allah adalah bebas daripada memiliki kesamaan dengan sifat makhluk-Nya, maka Ahlus Sunnah melihat tidak wujud keperluan untuk mentakwilkan sifat-sifat Allah, hal yang mana merupakan prinsip para Salaf dalam berinteraksi dengan nas-nas sifat Allah. Imam Ibnu 'Abd. al-Barr *rahimahullah* (436H) menjelaskan:

أَهْلُ لِسْنَةِ مُحَمَّدٍ عَلَى الْقَرْأَنِ بِالصَّفَاتِ الْوَارِدَةِ كُلُّهَا فِي الْقُرْآنِ
وَالسَّنَةِ، وَإِيمَانُهَا، وَحَمْلُهَا عَلَى الْحَقِيقَةِ لَا عَلَى الْجَازِ الْأَنْهَمِ لَا يَكْفِيُونَ
شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ، وَلَا يَحْلُونَ فِيهِ صَفَةً مُحْصُورَةً، وَأَمَّا أَهْلُ الْبَدْعِ وَالْجَهَمَيْةِ
وَالْمُعْتَزِلَةِ كُلُّهُمَا وَالْخَوارِيجُ فَكُلُّهُمْ يُنْكِرُهُ، وَلَا يَحْمِلُ شَيْئًا مِنْهَا عَلَى الْحَقِيقَةِ،
وَيَزْعُمُونَ أَنَّ مَنْ أَقْرَبَهَا مِثْبَهُ، وَهُمْ عِنْدَهُ أَثْبَتُهَا نَافُونَ لِلْمَعْبُودِ، وَالْحَقُّ فِيمَا
قَالَهُ الْقَائِلُونَ بِمَا نَطَقُ بِهِ كِتَابُ اللَّهِ وَسَنَةُ رَسُولِهِ، وَهُمْ أَئْمَاءُ الْجَمَاعَةِ وَالْحَمْدُ
الله.

Maksudnya:

Ahlus Sunnah bersepakat dalam menetapkan kesemua sifat-sifat Allah yang datang dalam al-Qur'an dan as-Sunnah dan bersepakat untuk beriman kepada sifat-sifat tersebut. Adapun Ahli Bid'ah, al-Jahmiyyah dan al-Muktazilah

seluruh mereka, demikian juga kaum Khawarij seluruh mereka mengingkari sifat-sifat Allah. Mereka tidak membawakan sifat-sifat Allah pada makna hakikatnya dan mereka menyangka bahwasanya sesiapa yang menetapkan sifat-sifat tersebut maka dia adalah al-Musyabbiyah. Mereka ini di sisi golongan yang menetapkan sifat-sifat Allah adalah penolak sifat Allah yang disembah. Dan kebenaran pada apa yang dikatakan oleh mereka yang berbicara sebagaimana yang dikatakan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah dan mereka adalah para imam jama'ah (*Ahlus Sunnah wal Jama'ah*). Dan segala puji bagi Allah. [at-Tamhid Limaa fi al-Muwaththa' min al-Ma'aniy wa al-Asanid 7/145]

Ketiga:

Dalam menerangkan sikap para sahabat dalam berinteraksi dengan nas-nas sifat Allah, Imam Ibnu Qudamah *rahimahullah* (620H) menjelaskan:

وَأَمَّا الإِجْمَاعُ فَإِنَّ الصَّحَابَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَجْمَعُوا عَلَى تَرْكِ التَّأْوِيلِ.

Maksudnya:

Adapun *ijma'* (kesepakatan), sesungguhnya (para) sahabat telah sepakat untuk meninggalkan *takwil*. [Dzammut Ta'wil, ms. 40, no. 78]

Katanya lagi:

فَإِنْ لَا خَلَافٌ فِي أَنَّ مِذْهَبَ السَّلْفِ الْإِقْرَارُ وَالْتَّسْلِيمُ وَتَرْكُ التَّعْرِضِ

للتَّأْوِيلِ وَالتَّمثِيلِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya tidak ada perbezaan pendapat bahawa mazhab Salaf (dalam masalah sifat-sifat Allah) adalah menetapkan (*ithbat*) dan menyerahkan

(*tafwidh*) serta tidak memasuki *takwil* dan *tamtsil*. [Tahrim an-Nazhr fi Kutub al-Kalam, ms. 36]

Adakah Ahlus Sunnah menolak konsep *Takwil*?

Tidak. Ahlus Sunnah menerima konsep *takwil*, namun dengan syarat:

- 1) *Takwil* itu adalah berdasarkan nas al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih, bukannya dengan akal fikiran semata-mata. Sebagai contoh ialah firman Allah dalam ayat berikut:

وَمَنْ كَانَ فِي هَذِهِ أُعْمَىٰ فَهُوَ فِي الْآخِرَةِ أَعْمَىٰ وَأَضَلُّ سَبِيلًا
٤٦

Maksudnya:

Dan sesiapa yang buta di dunia ini maka dia juga buta pada hari akhirat dan lebih sesat (dari jalan yang lurus). [Surah al-Isra', ayat 72]

Lafaz 'buta' dalam ayat di atas telah ditakwil oleh ayat yang lain sebagai 'buta mati hati'. Perhatikan firman-Nya:

فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَرُ وَلِكِنْ تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الْأَصْدُورِ
٤٦

Maksudnya:

Maka sesungguhnya bukanlah mata yang buta akan tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada. [Surah al-Haj, ayat 46]

Contoh lain ialah perkataan 'zalim' dalam ayat berikut:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَلَمْ يُلْبِسُوا إِيمَانَهُم بِظُلْمٍ أُولَئِكَ لَهُمُ الْأَمْنُ وَهُمْ مُهَتَّدونَ
٤٧

Maksudnya:

Orang-orang yang beriman dan tidak mencampur-adukkan keimanan mereka dengan kezaliman. Mereka itulah orang-orang yang mendapat keamanan dan mendapat hidayah (daripada Allah). [Surah al-An'am, ayat 82]

Perkataan ‘zalim’ dalam ayat di atas telah ditafsir sebagai ‘syirik’ oleh ayat berikut:

إِنَّ الْشَّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya syirik adalah kezaliman yang paling besar. [Surah Luqman, ayat 13]

- 2) *Takwil* tersebut tidak melibatkan nas-nas al-Sifat Allah. Sekali lagi diulangi penjelasan Imam Ibnu Qudamah *rahimahullah*:

وَإِمَّا إِلَيْهِ جَمَاعٌ فَإِنَّ الصَّحَابَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَجْمَعُوا عَلَى تَرْكِ التَّأْوِيلِ.

Maksudnya:

Adapun *ijma'* (kesepakatan), sesungguhnya (para) sahabat telah sepakat untuk meninggalkan *takwil*. [Dzammut Ta'wil, ms. 40, no. 78]

Tidak ada yang menyelisihi kesepakatan ini melainkan orang-orang yang telah sesat dari jalan yang lurus. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ اللَّهَ يَجْمِعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالٍ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak akan menghimpunkan umatku di atas kesesatan. [Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi, no. 2320 dan disahihkan oleh Syaikh al-Albani dalam *Shahih al-Jami'*, no. 1848]

Lebih lanjut berkenaan manhaj Salaf dalam berinteraksi dengan nas-nas al-Sifat Allah, sila rujuk:

1. ***Al-Qawa'id al-Mutsla Fi Shifatillah Wa Asma-ih al-Husna*** karya Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *al-Qowa'idul Mutsla: Memahami Nama & Sifat Allah* (Media Hidayah, Jogjakarta).
2. ***Tahdzib Tashil al-'Aqidah al-Islamiyyah*** karya Syaikh Dr. Abdullah Abdul Aziz al-Jibrin. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Cara Mudah Memahami Aqidah Sesuai al-Qur'an, as-Sunnah dan Pemahaman Salafus Shalih* (Pustaka At-Tazkia, Jakarta).
3. ***Kaedah Memahami Nama-Nama Dan Sifat-Sifat Allah*** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
4. ***Salahkah Aku Menetapkan Sifat Allah Tanpa Tasybih?*** karya Mohd Hairi Nonchi (Bushra Studio & Publication, Selangor).

Fakta 7 : Wahhabi & Sifat 20

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak mempelajari kaedah Sifat 20

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafie *rahimahullah* dan seluruh para ulamak Salaf juga ialah *Wahhabi* kerana mereka tidak pernah mengenal, apatah lagi mempelajari dan mengajarkan sifat 20 kepada umat Islam di zaman mereka. Apa yang jelas, sebagaimana Ahlus Sunnah yang digelar sebagai *Wahhabi*, Imam asy-Syafie bersama para ulamak *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* seluruhnya mempelajari kesemua sifat Allah (tanpa terhad kepada 20 sifat sahaja), menetapkan (*ithbat*) sifat-sifat itu tanpa *tasybih* dan tanpa *takwil*. Diulangi semula perkataan Imam asy-Syafi'e:

الله أسماء وصفات لا يسع أحداً ردها ومن خالف بعد ثبوت الحجة

عليه فقد كفر، وأما قبل قيام الحجة فإنه يعذر بالجهل لأن علم ذلك لا

يدرك بالعقل ولا الرؤية ولا الفكر، فنثبت هذه الصفات وننفي عنه التشبيه

كما نفي عن نفسه.

Maksudnya:

Allah mempunyai nama-nama dan sifat-sifat yang tidak boleh sesiapa pun menolaknya, dan sesiapa yang menyalahinya setelah nyata hujah ke atasnya, maka sesungguhnya dia telah kufur. Adapun sebelum tertegaknya hujah, maka sesungguhnya dia dimaafkan di atas kejahilan itu kerana ilmu yang demikian tidak boleh dicapai melalui akal, mimpi atau fikiran. Maka kita menetapkan sifat-sifat ini dan kita juga menafikan *tasybih* (penyerupaan makhluk) dari-Nya sebagaimana Dia menafikannya dari diri-Nya. [Fath al-Bari 13/407]

Fakta 8 : Wahhabi & Ilmu Kalam

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak ilmu kalam dalam pembahasan agama, khususnya dalam persoalan tauhid.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafie *rahimahullah* ialah *Wahhabi* kerana beliau antara tokoh yang paling menentang ilmu kalam dan para ahlinya sebagaimana ungkapan beliau di bawah ini:

Imam asy-Syafi'e berkata:

وَمَا شَيْءُ أَبْغَضُ إِلَيْيْ مِنَ الْكَلَامِ وَأَهْلِهِ.

Maksudnya:

Tiada yang lebih aku benci daripada ilmu kalam dan ahlinya. [Siyar 'Alam al-Nubala' 10/19]

لَئِنْ يَلْقَى اللَّهُ الْعَبْدُ بِكُلِّ ذَنْبٍ مَا عَدَ لِشَرِكَ أَحَبُّ إِلَيْيَ مِنْ أَنْ يَلْقَاهُ

بِعِلْمِ الْكَلَامِ.

Maksudnya:

Sekiranya seorang hamba bertemu Allah (meninggal) dengan membawa semua dosa selain dosa syirik, hal itu lebih aku sukai daripada dia mati dengan membawa ilmu kalam. [al-Bidayah wa al-Nihayah 10/308]

لَوْ عَلِمَ النَّاسُ مَا فِي الْكَلَامِ مِنَ الْأَهْوَاءِ لَفَرَوْا مِنْهُ كَمَا يَفْرُونَ مِنَ

الْأَسْدِ.

Maksudnya:

Kalaullah manusia tahu hawa nafsu yang ada dalam ilmu kalam, nescaya mereka akan lari daripada seperti mereka lari daripada singa. [Siyar 'Alam al-Nubala' 10/16]

حکمی في أهل الكلام أن يضربوا بالجريدة، ويحملوا على الإبل،
ويطاف بهم في العشائر ينادي عليهم: هذا جزاء من ترك الكتاب و السنة،
وأقبل على الكلام.

Maksudnya:

Hukumanku terhadap *Ahli Kalam* (*al-Mutakallimun*) ialah hendaklah dipukul dengan pelepah kurma, dinaikkan ke atas unta dan dibawa mengelilingi orang ramai sambil melaungkan. Kemudian, dikatakan: Inilah balasan orang yang meninggalkan al-Kitab dan as-Sunnah lalu menghadap ke arah ilmu kalam. [Siyar A'lam al-Nubala' 10/29]

Imam adz-Dzahabi asy-Syafi'e *rahimahullah* menyebutkan di dalam kitabnya *Siyar A'lam al-Nubala'* 10/26 bahawa Imam Ahmad *rahimahullah* pernah memuji Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dengan katanya:

كَانَ الشَّافِعِيُّ، إِذَا ثَبَّتَ عِنْدَهُ الْخَبْرُ، قَلَّدُهُ، وَخَيْرُ خُصْلَةٍ كَانَتْ فِيهِ
لَمْ يَكُنْ يَشْتَهِي الْكَلَامَ، إِنَّمَا هِمَّتُهُ الْفِقْهُ.

Maksudnya:

Apabila telah sahih sebuah hadis menurut pendapatnya, maka beliau selalu mengikuti kandungan hadis tersebut dan hal terbaik yang ada pada dirinya adalah

bahawa beliau tidak suka untuk masuk ke dalam perbahasan ilmu kalam. Beliau hanya bersemangat dalam (membahaskan) masalah-masalah *fiqh* (fekah).

Adapun dakwaan bahawa Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah* (676H) menerima ilmu kalam, maka ia dapat dijawab bahawa penerimaan beliau terhadapnya adalah semata-mata dalam rangka membantah segala kekeliruan yang cuba dicetuskan oleh golongan ahli bid'ah dan *mulhid* (atheis), bukannya menjadikan ilmu kalam sebagai dasar dalam penetapan akidah dan hukum-hakam agama.

Hal ini adalah wajar kerana hakikatnya golongan *mulhid* tidak menerima wahyu al-Qur'an dan as-Sunnah dalam pembahasan akidah dan kepercayaan, sebaliknya hanya berpedoman kepada logik akal (mantik) semata-mata. Oleh itu tiada jalan lain untuk menentang kekeliruan dan fitnah mereka melainkan dengan ilmu kalam juga. Perhatikan kata-kata Imam al-Nawawi *rahimahullah*:

وَمِنَ الْبَدْعَ الْوَاجِبَةُ تَعْلِمُ أَدْلَةَ الْكَلَامِ لِلرَّدِّ عَلَى مُبْتَدِعٍ أَوْ مُلْحِدٍ تَعْرِضُ

وهو فرض كفاية.

Maksudnya:

Dan di antara bid'ah yang wajib adalah mempelajari dalil para ahli kalam untuk membantah *mubtadi'* (pembuat bid'ah) atau *mulhid* (atheis) dan ini hukumnya fardhu kifayah.... [al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab 4/519]

Lebih lanjut, sila lihat:

1. **An-Nashihah Fi Shifatir Rabb Jalla Wa'ala** karya Syaikh Imamuddin Ahmad Ibrahim Al-Washity. Bagi edisi terjemahan, lihat *Mengenal Allah 'Azza Wa Jalla Menurut al-Qur'an Dan as-Sunnah* (Pustaka As-Sunnah, Jakarta).
2. **Al-Imam al-Syafi'i: Kegemilangan Ilmu & Pemikiran** susunan Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).

Fakta 9 : Wahhabi & Sufiyyah (Tasawwuf)

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak *Sufiyyah* (ilmu *Tasawwuf*).

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* (204H) ialah *Wahhabi* kerana menolak *sufiyyah* dan memperingatkan orang ramai akan kerosakan kelompok tersebut sebagaimana katanya:

لَوْ أَنَّ رَجُلًا تَصَوَّفَ مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ لَمْ يَأْتِ عَلَيْهِ الظُّهُرُ إِلَّا وَجَدْتَهُ
أَحْمَقًا.

Maksudnya:

Seandainya seorang menjadi *sufi* (pengamal *tasawwuf*) di awal siang hari, maka sebelum zuhur akan engkau dapati dia termasuk orang yang biul (dungu). [Manaqib asy-Syafi'e 2/207 oleh al-Baihaqi]

أُسُّ التَّصَوُّفِ الْكَسْلُ.

Maksudnya:

Pokok utama *tasawwuf* ialah kemalasan.[*Hilyah al-Ulama'* 9/136-137 oleh Abu Nu'aim]

خَلَقْتُ بَعْدَادَ شَيْئًا أَحْدَثْتُهُ الزَّنَادِقَةُ يُسَمُّونَهُ التَّعْبِيرَ، يُشْغِلُونَ بِهِ
النَّاسَ عَنِ الْقُرْآنِ.

Maksudnya:

Saya tinggalkan kota Bagdad sesuatu yang dibuat orang-orang *zindiq* (orang-orang *sufi*), mereka menamakannya dengan *taghbir* (zikir atau lantunan syair-syair zuhud dengan suara merdu) untuk melalaikan manusia daripada al-Qur'an. [Manaqib asy-Syafi'e 1/283]

Meskipun demikian tegasnya Imam asy-Syafi'e menolak *tasawwuf*, namun terdapat sebahagian dalam kalangan Ahlus Sunnah yang masih menerima *tasawwuf* sebagai salah satu cabang disiplin ilmu akhlak dalam Islam, dengan catatan hendaklah amalan yang terkandung di dalamnya selari dengan petunjuk al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih sesuai dengan manhaj generasi *as-Salaf as-Soleh*.

Lebih lanjut, sila rujuk:

1. **Pandangan Ibnu Taimiyyah Dalam Tasawwuf** karya Hafiz Firdaus Abdullah yang dimuatkan di dalam bukunya berjudul *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah Buku 6* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. **Fiqh Tasawwuf: Satu Perbahasan Tentang Tasawwuf Berdasarkan Al-Qur'an Dan Al-Hadis**; terjemahan kepada karya Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah dari jilid ke-11 kitab *Majmu' al-Fatawa* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3. **At-Tasawwuf al-Syar'i** karya Syaikh Sayyid Nur Sayyid Ali. Bagi edisi terjemahan, lihat *Tasawwuf Syar'i: Kritik Atas Kritik* (Penerbit Hikmah).
4. **Mengembalikan Tasawwuf dan Tariqat ke Pangkalnya**, karya terjemahan oleh Ustaz Abdullah al-Qari Hj. Salleh ke atas tulisan Syaikh 'Abdul Qadir al-Jilani dan Syaikh Abu Bakar Jabir al-Jaza'iri (Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur).

Fakta 10 : Wahhabi & Bid'ah Hasanah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak konsep bid'ah *hasanah* dalam konteks ibadah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* bersama para ulamak *Syafi'iyyah* selain beliau juga ialah *Wahhabi* kerana menolak bid'ah khususnya dalam konteks istilah (ibadah). Berkata Imam asy-Syafi'e:

وَأُوصِي بِتَقْوَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ، وَلِزُومِ السُّنَّةِ وَالآثَارِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ عَلَيْهِ السَّلَامُ، وَأَصْحَابِهِ، وَتَرْكِ الْبِدَعِ وَالْأَهْوَاءِ وَاجْتِنَابِهَا.

Maksudnya:

Saya wasiatkan dengan taqwa kepada Allah 'Azza wa Jalla dan berpegang teguh dengan sunnah dan hadis Rasulullah 'alaihis salam dan para sahabatnya serta meninggalkan dan menjauhi bid'ah dan hawa nafsu. [I'tiqad Imam asy-Syafi'i oleh al-Haraki, ms. 16 dan *al-Amru Bi al-Ittiba'* oleh as-Suyuthi, ms. 313]

Imam al-Baihaqi asy-Syafi'e *rahimahullah* telah membuat satu bab pembahasan tersendiri dalam kitabnya *Manaqib asy-Syafi'i* 1/471-485 dengan judul:

مَا يُسْتَدِلُّ بِهِ عَلَى حُسْنِ إِعْتِقَادِ الشَّافِعِيِّ فِي مُتَابَعَةِ السُّنَّةِ وَمُحَابَبَةِ الْبِدْعَةِ...

Maksudnya:

Keterangan yang membuktikan tentang baiknya mazhab Imam asy-Syafi'e dalam mengikuti sunnah dan menjauhi bid'ah.

Malah beliau sendiri telah mencela perbuatan bid'ah sebagaimana yang disebutkan oleh beliau di dalam kitabnya berjudul *al-I'tiqad*:

البدعة محرمة وضلاله، وهي لا يرضها الله ورسوله.

Maksudnya:

Bid'ah itu hukumnya haram dan sesat dan tidak akan diredhai oleh Allah dan Rasul-Nya. [*al-Bid'ah wa Mashalih al-Mursalah* oleh Dr. Taufik Yusuf al-Wa'i, ms. 105]

Imam Zarkasyi asy-Syafi'i *rahimahullah* (794H) menulis di dalam kitabnya, *al-Bahr al-Muhith*:

البدعة في الأصل، موضوع للحادث المذموم.

Maksudnya:

Pada dasarnya kata bid'ah itu sendiri diperuntukkan atas sesuatu yang baru yang diada-adakan dari perkara yang tercela. [*al-Bid'ah wa Mashalih al-Mursalah* oleh Dr. Taufik Yusuf al-Wa'i, ms. 105]

Ada pun dasar penolakan Imam asy-Syafi'i *rahimahullah* dan para ulamak *Syafi'iyyah* terhadap bid'ah sebagaimana kenyataan mereka di atas adalah berlandaskan kepada hadis dan atsar seperti berikut:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرُ الْحَدِيثِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثُهَا، وَكُلُّ مُحَدَّثٍ بِدُعَةٍ، وَكُلُّ دُعَةٍ ضَلَالٌ، وَكُلُّ ضَلَالٍ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya perkataan yang paling benar adalah kitabullah (al-Qur'an). Sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam. Sedangkan seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan (dalam urusan agama) dan semua yang diada-adakan adalah bid'ah. Semua yang bid'ah adalah sesat dan semua yang sesat tempat kembalinya adalah neraka. [Sunan Abu Daud, no. 1097, Sunan at-Tirmidzi, no. 1105, Sunan Ibnu Majah, no. 1892 dan lain-lain]

'Abdullah bin 'Umar radhiallahu'anhu berkata:

كُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ وَإِنْ رَأَهَا النَّاسُ حَسَنَةً.

Maksudnya:

Semua bid'ah adalah sesat, walaupun manusia menganggapnya hasanah (baik). [Atsar riwayat al-Lalika'i, 1/104 dan Ibnu Baththah dalam al-Ibanah 1/339, no. 205]

Imam Malik bin Anas rahimahullah (179H), salah seorang guru kepada Imam asy-Syafi'e pernah berkata:

مَنِ ابْتَدَعَ فِي الْإِسْلَامِ بِدُعْيَةً يَرَاهَا حَسَنَةً، فَقَدْ زَعَمَ أَنَّ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَانَ الرِّسَالَةَ، لِأَنَّ اللَّهَ يَقُولُ: (الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ)
فَمَا لَمْ يَكُنْ يَوْمَئِذٍ دِينًا، فَلَا يَكُونُ الْيَوْمَ دِينًا.

Maksudnya:

Sesiapa yang membuat bid'ah (perkara baru) dalam Islam yang dia menganggapnya sebagai hasanah (baik), maka sesungguhnya dia telah menuduh bahawa Muhammad telah berkhianat di dalam (menyampaikan) risalah (Islam yang diamanahkan kepadanya). Kerana sesungguhnya Allah telah berfirman: Pada hari ini Aku telah sempurnakan agama kamu. Maka apa-apa yang tidak menjadi

(bahagian dari) agama pada hari itu, nescaya tidak akan menjadi (bahagian dari) agama pada hari ini. [al-I'tisham oleh Imam asy-Syathibi 1/49]

Berkata Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah*:

أَصْوْلُ السُّنْنَةِ عِنْدِنَا: التَّمَثِيلُ بِمَا كَانَ عَلَيْهِ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ
وَالإِقْتِداءُ بِهِمْ وَتَرْكُ الْبِدَعِ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ فَهِيَ ضَلَالٌ.

Maksudnya:

Pokok sunnah menurut kami adalah berpegang teguh pada apa yang dilakukan oleh para Sahabat Rasulullah dan mengikuti mereka serta meninggalkan bid'ah. Semua bid'ah itu adalah sesat. [Riwayat al-Lalika'i dalam *Syarah Ushul I'tiqad Ahlis Sunnah wal Jama'ah*, no. 317]

Hakikat bahawa ajaran Islam telah sempurna juga telah dijelaskan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi hadis-hadisnya sebagaimana berikut:

إِنَّهُ لَمْ يَكُنْ نَّبِيٌّ قَبْلِي إِلَّا كَانَ حَقًّا عَلَيْهِ أَنْ يَدْلِلَ أُمَّةً عَلَى خَيْرٍ مَا
يَعْلَمُهُ لَهُمْ، وَيُنذِرُهُمْ شَرًّا مَا يَعْلَمُهُ لَهُمْ.

Maksudnya:

Sesungguhnya tidak ada seorang Nabi pun sebelumku melainkan wajib baginya untuk menunjukkan kepada umatnya kebaikan yang dia ketahui dan mengingatkan mereka tentang keburukan yang dia ketahui. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 1844]

Sabdanya lagi:

مَا بَقَىَ شَيْءٌ يُقَرِّبُ مِنَ الْجَنَّةِ، وَيُبَاعِدُ مِنَ النَّارِ، إِلَّا وَقَدْ بُيَّنَ لَكُمْ.

Maksudnya:

Tiada suatu pun yang mendekatkan kamu kepada syurga dan menjauhkan kamu dari neraka melainkan telah dijelaskan kepada kamu (semuanya). [al-Mu'jam al-Kabir, no. 1648. Lihat Silsilah ash-Shahihah, no. 1803]

Dengan kesempurnaan ajaran Islam ini, maka tidak mungkin ia memerlukan kepada tokok tambah dan pengubahan daripada manusia. Lebih-lebih lagi setelah kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan terputusnya wahyu daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, tidak ada sesiapa jua di dunia ini yang berhak untuk melakukan penggubalan ke atas ajaran Islam.

Oleh itu, sesiapa yang mencipta bid'ah khususnya dalam urusan akidah dan ibadah, maka sesungguhnya dia telah mengingkari kesempurnaan ajaran Islam dan menentang Allah yang telah mengiktiraf kesempurnaan agama yang telah disampaikan oleh pesuruh-Nya, Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Catatan Tambahan # 1

Mungkin ada yang bertanya: "Bukankah Imam asy-Syafi'e telah membahagian bid'ah kepada dua dan salah satunya ialah bid'ah *hasanah* (bid'ah yang baik)?."

Penulis berkata:

Memang benar bahawa Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* ialah di antara tokoh yang menyatakan adanya bid'ah yang *hasanah* di dalam ajaran Islam. Namun adalah tidak benar jika bid'ah *hasanah* yang dimaksudkan oleh Imam asy-Syafi'e tersebut ditajamkan pengertiannya kepada bid'ah dalam konteks istilah, yakni bid'ah dalam urusan ibadah.

Ini kerana jika dilihat perincian Imam asy-Syafie ke atas pembahagian bid'ah tersebut, jelas menunjukkan bahawa bid'ah *hasanah* yang dimaksudkan oleh beliau adalah merujuk kepada bid'ah dalam konteks bahasa dan bukannya dalam konteks ibadah (syarak / istilah) sebagaimana yang sering disalah fahami oleh ramai pihak.

Bagi mengukuhkan kenyataan ini, mari kita tinjau semula perkataan beliau dan perincian yang dimaksudkan. Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata sebagaimana nukil al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* (852H) di dalam kitab *Fath al-Bari* 13/253:

البدعة بدعutan. بدعة محمودة ومذمومة. فما وافق السنة فهو محمود.

وما خالفها فهو مذموم.

Maksudnya:

Bid'ah itu dua jenis: terpuji dan tercela. Apa yang menepati sunnah adalah terpuji dan apa yang menyalahinya (sunnah) adalah tercela.

Perhatian ditujukan kepada perincian Imam asy-Syafie terhadap apa yang dikatakan oleh beliau sebagai 'bid'ah yang tercela'. Menurut beliau, apa jua perkara baru (bid'ah) dalam urusan agama yang menyalahi sunnah, maka ia adalah bid'ah yang dicela. Tentu saja termasuk dalam perkara yang menyalahi sunnah ialah melakukan sesuatu perkara baru dalam urusan ibadah apa yang tidak pernah dicontohkan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* dan juga para sahabatnya *radhiallahu 'anhuma*.

Ini sebagaimana hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang melarang umatnya daripada melakukan sesuatu amalan yang tidak mengikut tatacara yang telah dicontohkan olehnya dan para sahabatnya seperti dalam hadis berikut:

مَنْ أَحْدَثَ فِي أُمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ فِيهِ فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

Sesiapa yang mengada-adakan di dalam urusan kami (iaitu yang berkaitan urusan agama) apa-apa yang tidak ada padanya, maka tertolaklah ia. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 2697]

Juga dalam hadis yang lain:

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَيْسَ عَلَيْهِ أُمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

Sesiapa yang melakukan satu amal yang bukan dari suruhan kami (iaitu di dalam perkara berkaitan agama), maka tertolaklah ia. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 1718]

Kenyataan bahawa Imam asy-Syafi'e amat menolak keras setiap sesuatu yang bercanggah dengan sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih diperkuatkan lagi dengan beberapa kenyataan beliau yang menggesa agar umat Islam mendahulukan sunnah nabi yang sahih dan menolak setiap yang bercanggah dengannya (lihat semula **Fakta 1: Wahhabi & Taksuh Mazhab**). Beliau *rahimahullah* menegaskan:

مَتَى رَوَيْتُ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ حَدِيثًا صَحِيحًا، فَلَمْ آخُذْ بِهِ، فَأَشْهَدُ كُمْ
وَالْجَمَاعَةَ أَنَّ عَقْلِيَ قَدْ ذَهَبَ.

Maksudnya:

Apabila aku meriwayatkan sebuah hadis sahih daripada Rasulullah kemudian aku tidak mengambilnya, maka saksikanlah olehmu dan semua orang bahawa aku telah gila. [*Adab asy-Syafi'i* oleh Ibnu Abi Hatim al-Razi, ms. 67 & 93, *Manaqib asy-Syafi'i* oleh al-Baihaqi 1/475 dan lain-lain]

Justeru adalah mustahil bagi Imam asy-Syafi'e untuk menentang hadis Nabi yang mencela setiap bid'ah dan melarang umat Islam daripada melakukan suatu ibadah yang tidak mengikuti tatacara yang telah dicontohkan oleh baginda mahupun para sahabatnya.

Berdasarkan hakikat ini, maka dapat difahami bahawa apa yang dimaksudkan oleh Imam asy-Syafi'e mengenai bid'ah *hasanah* ialah bid'ah dalam konteks bahasa, bukannya bid'ah dalam konteks istilah / syarak sebagaimana yang sering didakwa oleh sebahagian golongan. Bagi mengukuhkan kenyataan ini, berikut dinukilkhan beberapa keterangan daripada para ulamak bermazhab Syafi'e mengenai makna sebenar bid'ah *hasanah*:

Maksud bid'ah hasanah menurut para ulamak *Syafi'iyyah*

Ibnu Hajar al-Haitsami asy-Syafi'e *rahimahullah* (973H) berkata sebagaimana yang termaktub di dalam kitab *al-Fatawa al-Haditsiyah*:

أَنَ الْبَدْعَةُ الشَّرِيعَةُ لَا تَكُونُ إِلَّا ضَلَالٌ بِخَلَافِ الْلُّغُوَيْةِ.

Maksudnya:

Bahawasanya bid'ah menurut takrifan syarak pasti sesat. Berbeza dengan bid'ah secara bahasa (tidak semuanya sesat). [*al-Fatawa al-Haditsiyah*, ms. 206]

Beliau juga menjelaskan bahawa bid'ah menurut takrifan syarak merupakan penyelisihan terhadap perintah Allah dan Rasul-Nya. Dalam kata lain, bid'ah dalam konteks ibadah adalah perbuatan yang sesat dan tercela di sisi ajaran Islam. Perhatikan ucapan beliau:

الْبَدْعَةُ لِغَةً: مَا كَانَ مُخْتَرِعًا، وَشَرِيعًا: مَا حَدَثَ عَلَى خَلَافِ أَمْرِ
الشَّرِيعَةِ، وَدَلِيلِهِ الْخَاصُّ وَالْعَامُ.

Maksudnya:

Bid'ah secara bahasa adalah: Sesuatu yang diada-adakan. Sedangkan secara istilah, maka bid'ah itu bererti setiap yang diada-adakan oleh manusia yang menyelisihi perintah syarak (Allah dan Rasul-Nya) dan juga menyelisihi dalil, baik yang khusus maupun yang umum. [*at-Tabyin Syarah Arba'in*, ms. 221]

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* (852H) menulis di dalam kitabnya *Fath al-Bari* 13/253:

فَالْبَدْعَةُ فِي عَرْفِ الشَّرِيعَةِ مَذْمُومَةٌ بِخَلَافِ الْلُّغُوَيْةِ فَإِنْ كُلَّ شَيْءٍ أَحَدَثَ
عَلَى غَيْرِ مَثَلٍ يُسَمَّى بَدْعَةً سَوَاءً كَانَ مُحْمُودًا أَوْ مَذْمُومًا.

Maksudnya:

Maka bid'ah dalam syariat (takrifan syarak) adalah tercela, berbeza dengan bid'ah dalam bahasa kerana segala sesuatu yang diada-adakan tanpa ada contohnya dinamakan bid'ah sama ada terpuji ataupun tercela.

Ketika mensyarahkan hadis no. 1906, beliau berkata:

والبدعة أصلها ما أحدث على غير مثال سابق، وتطلق في الشرع في

مقابل السنة، فتكون مذمومة.

Maksudnya:

Kata bid'ah itu sendiri bererti sesuatu yang baru dan diada-adakan yang tidak memiliki contoh sebelumnya. Sedangkan dalam syarak maka bid'ah secara umum adalah lawan dari kata sunnah, bererti bid'ah tidak mungkin disebutkan kecuali untuk menetapkan celaan. [Fath al-Bari 5/156]

Akhir sekali, perhatikan pula penjelasan Al-Hafiz Jalaluddin As-Suyuthi Asy-Syafi'e *rahimahullah* (911H):

فالبدعة الحسنة، متفق على جواز فعلها، والإستحباب لها، رجاء

الثواب لمن حسنت نيتها فيها، وهي كل مبتدع موافق لقواعد الشريعة، غير

مخلف لشيء، ولا يلزم من فعله محدودٌ شرعي، وذلك نحو: بناء المنابر،

والربط، والمدارس، وখانات السبيل، وغير ذلك من أنواع البر، التي لم تعهد

في صدر الإسلام، فإنه موافق لما جاءت به الشريعة من اصطناع المعروف والمعونة على البر والتقوى.

Maksudnya:

Bid'ah *hasanah* disepakati keharusan membuatnya. Juga disunatkan demi mengharapkan pahala bagi sesiapa yang baik niatnya. Iaitu setiap pembuatan bid'ah yang bertepatan dengan kaedah-kaedah syarak tanpa menyanggahinya sedikit pun. Perbuatannya tidak menyebabkan larangan syarak.

Ini seperti membina mimbar, benteng pertahanan, sekolah, rumah (singgahan) musafir dan sebagainya yang terdiri dari jenis-jenis kebaikan yang tidak ada pada zaman awal Islam. Ini kerana ia bertepatan dengan apa yang dibawa oleh syariat yang memerintahkan membuat yang makruf, tolong menolong dalam kebaikan dan taqwa. [al-Amr Bi al-Ittiba' wa al-Nahyu 'an al-Ibtida' (tahqiq: Masyur Hasan Salman), ms. 92]

Perhatikan, tidak ada satu juga contoh-contoh bid'ah *hasanah* yang dikemukakan oleh al-Hafiz Jalaluddin as-Suyuthi asy-Syafi'e *rahimahullah* di atas berkaitan dengan ibadah. Apa yang dijelaskan oleh beliau di atas hanyalah berkaitan perkara-perkara duniawi yang bermanfaat kepada manusia seperti benteng pertahanan, sekolah dan sebagainya. Dengan penjelasan ini maka tertolaklah dakwaan sebahagian pihak bahawa bid'ah *hasanah* adalah meliputi hal-hal ibadah.

Catatan Tambahan #2:

Penulis pernah menerima pertanyaan berikut:

"Adakah boleh dikatakan sebagai bid'ah al-Qur'an yang disusun oleh para sahabat Nabi, kaedah-kaedah ilmiah yang digariskan oleh para ulamak (*Musthalah al-Hadith, Ushuluddin, Ushul al-Fiqh* dan selainnya), penggunaan mikrofon untuk tujuan

melaungkan azan serta solat di atas kenderaan moden seperti kereta dan seumpama kerana semua ini tidak pernah muncul di zaman Nabi?"

Terhadap persoalan di atas, penulis menjawab:

Harus dibezakan antara perkara baru (bid'ah) yang muncul di dalam urusan ibadah (pertambahan, pengurangan dan perubahan pada tatacara ibadah yang diajarkan oleh Nabi) dengan perkara baru yang berlaku di luar ibadah (urusan keduniaan) di mana ianya berfungsi sebagai 'sarana' yang memberi *maslahah* atau manfaat kepada ummah dan perjalanan syariat.

Al-Qur'an dalam bentuk kitab yang tersusun (*mushaf*), kaedah-kaedah ilmiah seperti *Musthalah al-hadith*, *Ushul ad-Din*, *Ushul al-Fiqh*, *Tafsir*, *Tarikh* dan sebagainya, penggunaan alat pembesar suara (mikrofon) bagi tujuan laungan azan, solat di atas kenderaan moden seumpama kereta dan sebagainya, semua ini adalah adalah perkara baru (bid'ah) yang tidak pernah muncul di zaman Nabi.

Namun ia tidaklah tercela di sisi ajaran agama kerana apa yang baru di sini hanyalah pada 'alat' atau 'sarana' tersebut (takrifan secara bahasa), bukan pada inti ajaran agama dan ibadah yang sedia diajarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* (takrifan secara syarak / istilah).

Sebagai contoh ialah penyusunan dan pembukuan al-Qur'an oleh para sahabat. Apa yang baru (bid'ah) di sini adalah pembukuan tersebut (alat/sarana), namun lafaz, makna dan pengajaran yang terkandung di dalamnya tidaklah berubah, ia masih kekal sebagaimana yang didatangkan oleh Allah melalui perantaraan Rasul-Nya.

Demikian juga bagi orang yang bersolat di atas kenderaan moden seumpama kereta, alat pengangkutan yang tidak pernah muncul di zaman Nabi. Apa yang baru di sini hanyalah pada 'sarana' solat itu dilaksanakan (kenderaan), namun *kaifiyyat* (tatacara) solat hendaklah sebagaimana yang diajarkan oleh baginda tanpa sebarang tokok tambah atau perubahan padanya.

Mudah kata:

1. Bid'ah dalam urusan ibadah adalah suatu yang diharamkan. Dalilnya sebagaimana sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَإِنَّ كُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدُعْيَةٍ، وَكُلَّ بِدُعْيَةٍ ضَلَالَةٌ.

Maksudnya:

Jauhilah kamu perkara-perkara yang diada-adakan (dalam agama) kerana setiap yang diada-adakan itu adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah sesat. [Sunan Abu Daud, no. 4607, Sunan at-Tirmidzi, no. 2676 dan al-Hakim 1/95. Disahihkan oleh al-Hakim dan disepakati oleh adz-Dzahabi]

2. Bid'ah dalam konteks keduniaan / muamalah yang memberi *maslahah* (manfaat) kepada umat dan perjalanan syariat adalah suatu yang dbolehkan. Dalilnya:

أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ

Maksudnya:

Kamu lebih tahu urusan dunia kamu. [Shahih Muslim, no. 2363]

Sabdanya lagi dalam hadis yang lain:

إِنْ كَانَ شَيْئًا مِنْ أَمْرِ دُنْيَاكُمْ فَشَانِكُمْ بِهِ، وَإِنْ كَانَ مِنْ أُمُورِ دِينِكُمْ

فَإِلَيَّ .

Maksudnya:

Jika sekiranya sesuatu itu (berkaitan dengan) urusan dunia kamu, maka uruskanlah dengannya dan kalau sekiranya (ia berkaitan dengan) urusan agama kamu maka kembalikanlah kepada aku. [Sunan Ibnu Majah, no. 2462]

Catatan Tambahan # 3:

Penulis juga pernah menerima pertanyaan berikut:

“Bukankah dalam kalangan para sahabat Rasulullah ada yang melakukan beberapa tatacara ibadah tertentu yang tidak berasal daripada ajaran baginda dan baginda membenarkannya tanpa sebarang bantahan?”

Pertanyaan di atas dapat dijawab dengan semudah berikut:

1. Orang yang melakukan ibadah tersebut ialah para sahabat, sekumpulan manusia yang telah diiktiraf sebagai sebaik-baik generasi oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh yang demikian, tidaklah mereka melakukannya melainkan berdasarkan ilmu yang diajarkan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada mereka.
2. Orang yang mengiktiraf ibadah tersebut ialah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan baginda berkata dengan bimbingan wahyu dari Allah, bukannya dengan akal fikiran semata-mata. Justeru, apakah wahyu yang membenarkan para tokoh Ahli Bid'ah zaman sekarang mengiktiraf ibadah-ibadah rekaan tertentu? Bukankah wahyu Allah sudah terputus setelah kewafatan Rasul-Nya?
3. Terdapat banyak juga riwayat yang menjelaskan bantahan dan penolakan Nabi terhadap beberapa amalan ‘rekaan’ para sahabatnya. Justeru kenapakah riwayat ini tidak dipandang oleh Ahli Bid'ah dan para tokoh mereka?

Lebih lanjut berkenaan bid'ah *hasanah* dan penjelasan terhadap salah faham orang ramai mengenainya, sila rujuk:

1. ***Al-I'tisham*** karya Imam Abu Ishaq Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Lakhmi asy-Syathibi. Bagi edisi terjemahan, lihat *al-I'tisham: Buku Induk Pembahasan Bid'ah dan Sunnah* (Pustaka Azzam, Jakarta).
2. ***Ilmu Ushul al-Bida' Dirasah Takmiliyah Muhimmah fi Ilmi Ushul al-Fiqh*** karya Syaikh Ali bin Hasan bin Abdul Hamid al-Halabi al-Atsari. Bagi edisi terjemahan, lihat *Mengupas Tuntas Akar Bid'ah Dalam Timbangan al-Qur'an & as-Sunnah* (Pustaka Imam adz-Dzahabi, Bekasi).
3. ***Al-Luma' fi al-Radd 'Ala Muhassiniy al-Bida'*** karya Syaikh 'Abdul Qayyum Muhammad as-Sahaibani. Bagi edisi terjemahan, lihat *Adakah Bid'ah Hasanah?*, (Cahaya Tauhid Press, Malang).

4. ***Bid'ah Hasanah: Istilah yang Disalah Fahami*** karya Mohd Asri Zainul Abidin (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
5. ***Bid'ah Hasanah: Mengenal Bid'ah dan Sunnah*** karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Utara).
6. ***Bid'ah Hasanah Tokok Tambah Amalan Rasulullah*** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).
7. ***Catatan-Catatan Ilmiah Ke Atas Buku Makna Sebenar Bid'ah*** karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 11: Wahhabi & Sunnah Tarkiyyah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang enggan melaksanakan tatacara ibadah yang ditinggalkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e (204H) ialah *Wahhabi* kerana meninggalkan tatacara ibadah yang tidak pernah diamalkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerusi sunnahnya yang sahih. Beliau menegaskan:

وَلَكِنَّا نَتَّبِعُ السُّنْنَةِ فِعْلًا أَوْ تَرْجُمًا.

Maksudnya:

Akan tetapi kami tetap mengikuti sunnah dengan cara melaksanakan (apa yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah) dan meninggalkan (apa yang telah ditinggalkan oleh Rasulullah). [Fath al-Bari 3/475]

Termasuk dalam pengertian mengikuti sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* adalah dengan meninggalkan segala tatacara ibadah yang tidak pernah dilakukan atau diperintahkan oleh baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Hendaklah diketahui bahawa apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* meninggalkan sesuatu tatacara ibadah, meskipun tidak wujud faktor penghalang untuk baginda melakukannya, ia menunjukkan bahawa ibadah tersebut bukanlah suatu yang disyariatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Jika ia adalah suatu yang disyariatkan di sisi agama, pastilah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* terlebih dahulu melaksanakannya dan kemudian menjelaskannya kepada para sahabat baginda *radhiallahu 'anhuma* untuk diamal dan disebarluaskan. Ini kerana tidak ada satu jua dalam ajaran Islam yang boleh mendekatkan umat Islam kepada syurga dan menjauhkan mereka daripada neraka melainkan semuanya telah dijelaskan oleh baginda kepada umatnya.

Ini sebagaimana sabdanya:

مَا بَقِيَ شَيْءٌ إِلَّا يُقَرِّبُ مِنَ الْجَنَّةِ، وَإِلَّا وَقَدْ بُيِّنَ لَكُمْ.

Maksudnya:

Tiada suatu pun yang mendekatkan kamu kepada syurga dan menjauhkan kamu dari neraka melainkan telah dijelaskan kepada kamu (semuanya). [al-Mu'jam al-Kabir, no. 1648. Lihat Silsilah ash-Shahihah, no. 1803]

Berpijak di atas dasar inilah maka salah seorang sahabat Nabi, iaitu Huzaifah bin al-Yaman *radhiallahu'anhu* pernah berpesan kepada umat Islam akhir zaman sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Baththah di dalam kitabnya, *al-Ibanah*:

كُلُّ عِبَادَةٍ لَمْ يَتَعَبَّدْ بِهَا أَصْحَابُ رَسُولِ اللهِ فَلَا تَتَعَبَّدُوا بِهَا، فَإِنَّ الْأَوَّلَ مَمْدُونٌ لِلآخِرِ مَقَالًا، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا مَعْشَرَ الْقَرَاءِ خُذُّوا طَرِيقَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ.

Maksudnya:

Setiap ibadah yang tidak pernah dilakukan oleh sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, janganlah kamu melakukannya. Sebab, sesungguhnya generasi pertama itu tidak memberikan kesempatan kepada generasi berikutnya untuk berpendapat (dalam masalah agama). Bertaqwalah kepada Allah wahai para qurra' dan ambillah jalan orang-orang sebelum kamu.

Al-Hafiz Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* menulis di dalam kitabnya, *Fadhlul Ilmus Salaf*, ms. 31:

فَأَمّا مَا اتَّفَقَ السَّلْفُ عَلَى تَرْكِهِ، فَلَا يَحُوزُ الْعَمَلَ بِهِ، لَأَنَّهُمْ مَا تَرَكُوا

إِلَّا عَنْ عِلْمٍ أَنَّهُ لَا يَعْمَلُ بِهِ.

Maksudnya:

Adapun perkara yang telah disepakati oleh ulamak Salaf untuk mereka tinggalkan, maka hal itu menunjukkan bahawa terlarang bagi kita untuk mengerjakan dan mengamalkannya. Ini kerana tidaklah mereka meninggalkan suatu perkara melainkan kerana mereka tahu bahawa perkara tersebut tidak layak untuk diamalkan.

Perhatikan juga pesanan Imam al-Barbahari *rahimahullah*, salah seorang tokoh Salaf yang terkenal dengan kitabnya berjudul *Syarhus Sunnah*:

فَإِنْظُرْ رَحْمَكَ اللَّهُ كُلُّ مَنْ سَمِعَتْ كَلَامَهُ مِنْ أَهْلِ زَمَانِكَ خَاصَّةً فَلَا
تَعْجَلْنَ وَلَا تَدْخُلْنَ فِي شَيْءٍ مِنْهُ حَتَّى تَسْأَلَ وَتَنْتَرِ هَلْ تَكَلَّمَ فِيهِ أَحَدٌ مِنْ
أَصْحَابِ النَّبِيِّ أَوْ أَحَدٌ مِنَ الْعُلَمَاءِ فَإِنْ أَصَبْتَ فِيهِ أَثْرًا عَنْهُمْ فَتَمَسَّكْ بِهِ وَلَا
بُخَاوْزْ لِشَيْءٍ وَلَا تَخْتَرْ عَلَيْهِ شَيْئًا فَتَسْقُطْ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Perhatikanlah - semoga Allah merahmatimu - semua perkataan orang yang ada pada zamanmu secara khusus. Jangan tergesa-gesa dan jangan masuk ke dalamnya sedikit pun sehingga engkau bertanya dan mencermatinya, apakah para sahabat atau salah seorang ulamak (*as-Salaf as-Soleh*) mengatakannya (ataukah tidak). Apabila engkau menjumpai sebuah *atsar* daripada mereka, maka pegangilah. Jangan engkau tinggalkan kerana suatu alasan pun. Jangan (pula) memilih ketentuan lain sehingga akibatnya engkau akan terjerumus ke dalam neraka. [*Syarhus Sunnah*, no. 70]

Adapun dakwaan Ahli Bid'ah bahawa diperbolehkan mewujudkan tatacara baharu (*bid'ah*) dalam urusan ibadah berdasarkan kepada beberapa riwayat yang menunjukkan para sahabat melakukan tatacara ibadah yang baharu, ia telah pun penulis jawab dalam salah satu risalah berjudul ***Mereka Sering Beralasan!***. Ia telah

penulis muatkan di dalam buku ***Mendulang Cinta Ilahi Dengan Ittiba' Al-Rasul*** (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru). Silakan merujuk ke sana untuk penerangan yang lebih terperinci.

Fakta 12 : Wahhabi & Amalan Mengirim Pahala Bacaan al-Qur'an

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menafikan sampainya pahala bacaan al-Qur'an yang dihadiahkan kepada si mati.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan *jumhur* (kebanyakan) ulamak bermazhab Syafi'e selain beliau juga ialah *Wahhabi* kerena berpendapat tidak sampai pahala bacaan al-Qur'an yang dikirimkan kepada si mati. Al-Hafiz Ibnu Katsir *rahimahullah* (770H) yang merupakan salah seorang ahli tafsir yang unggul bermazhab Syafi'e, ketika menafsirkan ayat berikut:

أَلَا تَرُ وَازِرٌ وَزْرَ أَخْرَى ﴿١﴾ وَأَن لَّيْسَ لِلإِنْسَنِ إِلَّا مَا سَعَى

Maksudnya:

Bahawasanya seorang yang berdosa tidak akan memikul dosa orang lain dan bahawasanya seorang manusia tidak memperoleh (pahala) selain apa yang diusahakannya sendiri. [Surah an-Najm, ayat 38-39]

Beliau berkata dalam kitabnya yang tersohor *Tafsir Ibnu Katsir* 4/272:

أَيْ: كَمَا لَا يُحْمَلُ عَلَيْهِ وِزْرُ غَيْرِهِ، كِذَلِكَ لَا يَحْصُلُ مِنَ الْأَخْرِ إِلَّا
مَا كَسَبَ هُوَ لِنَفْسِهِ. وَ مِنْ هَذِهِ الْآيَةِ الْكَرِيمَةِ اسْتَبْنَطَ الشَّافِعِيُّ رَحْمَةُ اللَّهِ
وَمَنْ اتَّبَعَهُ أَنَّ الْقِرَاءَةَ لَا يَصِلُ إِهْدَاءً ثَوَابَهَا إِلَى الْمَوْتَىٰ، لِأَنَّهُ لَيْسَ مِنْ عَمَلِهِمْ
وَ كَسْبِهِمْ وَلَهُذَا لَمْ يُنْدُبْ إِلَيْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُمَّتَهُ، وَلَا

حَشْهُمْ عَلَيْهِ وَلَا أَرْشَدَهُمْ إِلَيْهِ بِنَصٍّ وَلَا إِيمَاءً، وَلَمْ يُنْقَلْ ذَلِكَ عَنْ أَحَدٍ مِنْ
 الصَّحَابَةِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ، وَلَوْ كَانَ خَيْرًا لَسَبَقُونَا إِلَيْهِ، وَبَابُ الْقُرْبَاتِ
 يُقْتَصِرُ فِيهِ عَلَى النَّصُوصِ، وَلَا يُتَصَرَّفُ فِيهِ بِأَنْوَاعِ الْأَقْيَسَةِ وَالْأَرَاءِ.

Maksudnya:

Sebagaimana dosa seseorang tidak dapat dipindahkan kepada orang lain, maka demikian pula ganjaran (pahala) seseorang (tidak dapat dipindah/dikirimkan) kepada orang lain, melainkan diperolehi daripada hasil usahanya sendiri. Dari ayat yang mulia ini, Imam asy-Syafi'e dan orang yang mengikutinya beristinbat (mengambil dalil) bahwasanya pahala bacaan al-Qur'an tidak sampai kepada si mati dan tidak dapat dihadiahkan kepada si mati, kerana yang demikian bukanlah amal dan usaha mereka.

Tentang (mengirimkan pahala bacaan kepada si mati) tidak pernah Rasulullah menyunnahkan umatnya, tidak pernah mengajarkan kepada mereka dengan satu jua nas yang sah (sahih) dan tidak pula ada seorang sahabat pun yang melakukan demikian. Seandainya masalah membaca al-Qur'an di pemakaman dan menghadiahkan pahala bacaannya baik (menurut agama), semestinya mereka (para sahabat) yang lebih dahulu mengerjakan perbuatan yang baik itu.

Tentang bab amal-aal *qurbah* (amal ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah) hanya dibolehkan berdasarkan nas (dalil/contoh) dari Rasulullah dan tidak boleh menggunakan *qiyas* atau pendapat (semata-mata).

Imam al-Muzani *rahimahullah* (264H), iaitu salah seorang ulamak besar bermazhab Syafi'e yang hidup sezaman dengan Imam asy-Syafi'e berkata mengenai ayat di atas sebagaimana yang disebutkan di dalam kitab 7/269:

فَأَعْلَمُ رَسُولُ اللَّهِ مِثْنَ مَا أَعْلَمَ اللَّهُ مِنْ أَنَّ جِنَاحَةَ كُلِّ امْرِئٍ عَلَيْهِ كَمَا
أَنَّ عَمَلَهُ لَهُ لَا لِغَيْرِهِ وَ لَا عَلَيْهِ.

Maksudnya:

Rasulullah telah memberitahu sebagaimana Allah juga telah memberitahu bahawa dosa setiap orang harus dia tanggung sendiri sebagaimana pahala amal kebaikan juga untuk dirinya sendiri, bukan untuk orang lain.

Pendapat Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan Imam al-Muzani *rahimahullah* di atas turut mendapat sokongan oleh *jumhur* (majoriti / kebanyakan) ulamak yang lain, khususnya mereka yang bermazhab Syafi'e. Hal ini diperakui sendiri oleh Imam al-Nawawi *rahimahullah* sebagaimana katanya:

وَإِمَّا قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ وَجْعَلَ ثَوَابَهَا لِلْمَيِّتِ وَالصَّلَاةُ عَنْهُ وَنَحْوُهُمَا فَمَذْهَبُ
الشَّافِعِيِّ وَالْجَمَهُورُ أَنَّهَا لَا تَلْحُقُ الْمَيِّتَ.

Maksudnya:

Adapun membaca al-Qur'an dan menjadikan pahalanya untuk mayat (si mati), juga semisal keduanya maka mazhab Syafi'e dan *jumhur* (kebanyakan) ulamak sependapat bahawa (pahalanya) tidak akan sampai kepada mayat (si mati). [al-Minhaj Syarh Shahih Muslim 11/58]

Katanya lagi di dalam kitab 4/236 dan *Syarh Shahih Muslim* 1/90:

وَإِمَّا قِرَاءَةُ الْقُرْآنِ فَالْمَشْهُورُ مِنْ مَذْهَبِ الشَّافِعِيِّ أَنَّهَا لَا تَصِلُّ ثَوَابَهَا
إِلَى الْمَيِّتِ.

Maksudnya:

Adapun bacaan al-Qur'an maka pendapat yang masyhur di kalangan (para ulamak) yang bermazhab Syafi'e bahawa tidak sampai pahala bacaan yang dikirim kepada orang yang telah mati.

Di dalam kitab الفتاوى الكبرى الفقهية Syaikh al-Haitsami rahimahullah menjelaskan:

الْمَيِّتُ لَا يُقْرَأُ عَلَى مَا أَطْلَقَهُ الْمُتَقَدِّمُونَ مِنْ أَنَّ الْقِرَاءَةَ لَا تَصِلُهُ أَيْ
الْمَيِّتَ لِأَنَّ ثَوَابَهَا لِلْقَارِئِ وَالثَّوَابُ عَلَى عَمَلٍ لَا يُنْقَلُ عَنْ عَامِلِ ذَلِكَ
الْعَمَلِ، قَالَ تَعَالَى: وَأَنْ لَيْسَ لِلإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَى.

Maskudnya:

Orang yang sudah mati tidak boleh dibacakan al-Qur'an berdasarkan pendapat dari para ulamak terdahulu, yakni bahawa bacaan al-Qur'an pahalanya tidak sampai kepada si mati kerana pahala bacaan tersebut hanya untuk si pembaca. Pahala amalan juga tidak akan dipindah-pindahkan dari orang yang mengamalkannya berdasarkan firman Allah: *Dan tidak manusia memperoleh (pahala) selain apa yang diusahakannya sendiri.*"

Demikian beberapa nukilan fatwa Imam asy-Syafi'e dan para ulamak *Syafi'iyyah* mengenai kedudukan amalan membaca al-Qur'an dan menghadiahkan pahalanya kepada orang mati di sisi mazhab Syafi'e.

Catatan Tambahan # 1:

Mungkin ada yang bertanya:

"Bukankah hukum membaca al-Qur'an dan menghadiahkan pahalanya kepada orang yang telah meninggal dunia adalah *khilaf* di kalangan para ulamak?"

Pertanyaan ini dapat dijawab seperti berikut:

Memang benar bahawa hukum menghadiahkan pahala bacaan al-Quran kepada orang yang telah meninggal dunia adalah *khilaf* (diperselisihkan) di kalangan para ulamak. Namun dalam menghadapi perselisihan ini, hendaklah kita mengembalikannya kepada Allah dan Rasul-Nya, yakni al-Qur'an dan juga as-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasalam* yang sahih. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فَإِن تَنْتَزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ^٤

ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya:

Kemudian jika kamu berbeza pendapat (berselisih) dalam suatu perkara, maka kembalikanlah kepada Allah (al-Qur'an) dan Rasul (sunnah) jika kamu beriman kepada Allah dan Hari Kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya. [Surah an-Nisa', ayat 59]

Setelah dirujuk kembali ayat al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih, ternyata bahawa Allah dan Rasul-Nya tidak pernah mensyariatkan amalan ini. Tidak ada satu pun ayat al-Qur'an atau riwayat yang sahih bahawa Nabi dan para sahabatnya membaca surah-surah tertentu di dalam al-Qur'an lalu menghadiahkan pahalanya kepada orang yang telah meninggal dunia.

Sungguh mustahil untuk dikatakan bahawa baginda dan para sahabatnya jahil mengenai keutamaan amalan ini sehingga itu mereka tidak pernah melaksanakannya dan mengajarkannya kepada umat Islam yang hidup pada zaman mereka. Padahal mereka generasi yang paling memahami tentang sebab, tujuan, pengajaran serta kebaikan ayat al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas mereka. Kalaualah amalan ini baik di sisi ajaran Islam, tentulah mereka akan mendahului kita dalam melaksanakannya.

Imam Ibnu Baththah meriwayatkan di dalam kitabnya, *al-Ibanah* bahawa Huzaifah bin al-Yaman *radhiallahu'anhu* pernah berpesan:

كُلُّ عِبَادَةٍ لَمْ يَتَعَبَّدْ بِهَا أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ فَلَا تَتَعَبَّدُوا بِهَا، فَإِنَّ الْأَوَّلَ لَمْ يَدْعُ لِلآخِرِ مَقَالًا، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا مَعْشَرَ الْقُرَّاءِ خُذُوا طَرِيقَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ.

Maksudnya:

Setiap ibadah yang tidak pernah dilakukan oleh sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, janganlah kamu melakukannya. Sebab, sesungguhnya generasi pertama itu tidak memberikan kesempatan kepada generasi berikutnya untuk berpendapat (dalam masalah agama). Bertaqwalah kepada Allah wahai para qurra' dan ambillah jalan orang-orang sebelum kamu.

Imam al-Barbahari *rahimahullah* juga berpesan menerusi kitabnya yang terkenal, *Syarhus Sunnah*:

فَانْظُرْ رَحْمَكَ اللَّهُ كُلُّ مَنْ سَمِعْتَ كَلَامَهُ مِنْ أَهْلِ زَمَانِكَ خَاصَّةً فَلَا
تَعْجَلْنَ وَلَا تَدْخُلْنَ فِي شَيْءٍ مِنْهُ حَتَّى تَسْأَلَ وَتَنْتَرْ هَلْ تَكَلَّمَ فِيهِ أَحَدٌ مِنْ
أَصْحَابِ النَّبِيِّ أَوْ أَحَدٌ مِنَ الْعُلَمَاءِ فَإِنْ أَصَبْتَ فِيهِ أَثْرًا عَنْهُمْ فَتَمَسَّكْ بِهِ وَلَا
تُبْخَاَزُهُ لِشَيْءٍ وَلَا تَخْتَرْ عَلَيْهِ شَيْئًا فَتَسْقُطُ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Perhatikanlah - semoga Allah merahmatimu - semua perkataan orang yang ada pada zamanmu secara khusus. Jangan tergesa-gesa dan jangan masuk ke dalamnya sedikit pun sehingga engkau bertanya dan mencermatinya, apakah para sahabat atau salah seorang ulamak (*as-Salaf as-Soleh*) mengatakannya (ataukah tidak). Apabila engkau menjumpai sebuah *atsar* daripada mereka, maka pegangilah. Jangan engkau tinggalkan kerana suatu alasan pun. Jangan (pula)

memilih ketentuan lain sehingga akibatnya engkau akan terjerumus ke dalam neraka. [Syarhus Sunnah, no. 70]

Adapun para ilmuan yang berpandangan pahala bacaan al-Qur'an adalah sampai kepada si mati, mereka sedia dihormati di atas ijтиhad mereka. Akan tetapi kita tidak boleh mengangkat perkataan mereka sehingga mengatas atau mendahului firman Allah dan juga sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Lebih-lebih lagi jika sudah terbukti bahawa ucapan mereka tidak didukung oleh sebarang nas, baik al-Qur'an maupun as-Sunnah Rasulullah yang sahih.

Selain itu, beberapa persoalan lain juga timbul apabila dikatakan sampainya pahala bacaan al-Qur'an daripada orang yang masih hidup kepada orang yang telah meninggal dunia.

1. Apakah dalil yang menunjukkan pahala bacaan al-Qur'an boleh dipindahkan kepada orang lain yang sudah meninggal dunia?
2. Selain bacaan al-Qur'an, adakah boleh untuk seseorang menyedekahkan pahala amalan lain seperti pahala melakukan solat sunat rawatib, puasa sunat, melaungkan azan, zikir selepas solat dan lain-lain dari jenis amalan yang tidak disebutkan di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih?
3. Jika dikatakan ia tidak perbolehkan dengan alasan ketiadaan dalil yang menganjurkannya, maka apakah bezanya dengan amalan membaca al-Qur'an yang dihadiahkan pahalanya kepada orang lain? Bukankah ia juga tidak dianjurkan oleh al-Qur'an dan as-Sunnah Nabi yang sahih?
4. Apakah jaminan Allah dan Rasul-Nya bahawa pahala bacaan al-Qur'an benar-benar sampai kepada orang yang telah meninggal dunia?
5. Apakah diperbolehkan untuk kita menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada orang yang masih hidup sebagaimana halnya ke atas orang yang telah meninggal dunia?
6. Jika dikatakan bahawa kebolehan untuk menyedekahkan pahala bacaan al-Qur'an khusus untuk orang yang telah meninggal dunia sahaja dan bukannya kepada yang masih hidup, maka apakah dalil yang menyokong alasan ini?

7. Bukankah amalan seperti ini hanya akan melahirkan manusia yang malas membaca al-Qur'an dan mengerjakan ibadah lainnya kerana meyakini akan ada golongan yang mengirimkan pahala kepadanya setelah dia meninggal dunia kelak?
8. Apakah orang yang menyedekahkan pahalanya itu sudah yakin bahawa pahala yang dimilikinya sudah cukup untuk mengimbangi dosanya sehingga itu dia berani mengalihkan atau memindahkan pahalanya kepada orang lain?

Catatan Tambahan # 2

Terdapat beberapa alasan lain bagi menolak kesunnahan membacakan al-Qur'an dan menghadiahkan pahala bacaannya ke atas orang yang telah meninggal dunia.

Pertama:

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَمَا أَنْتَ بِمُسْمِعٍ مِّنْ فِي الْقُبُورِ

Maksudnya:

Dan kamu sekali-kali tidak sanggup menjadikan orang yang di dalam kubur dapat mendengar. [Surah Fathir, ayat 22]

Firman-Nya lagi dalam ayat yang lain:

إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ الْحُصْمَ الْدُّعَاءَ إِذَا وَلَوْا مُدْبِرِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang-orang mati mendengar dan (tidak pula) menjadikan orang-orang tuli mendengar panggilanmu. Apabila mereka telah berpaling membelakang. [Surah an-Naml, ayat 80]

Menerusi kedua-dua ayat di atas, Allah menjelaskan bahawa orang yang berada di dalam kubur, yakni orang yang telah meninggal dunia, tidak lagi memiliki keupayaan untuk mendengar sebagaimana halnya orang yang masih hidup. Berdasarkan ini, maka apakah manfaat al-Qur'an dibacakan ke atas orang yang telah meninggal dunia padahal mereka tidak lagi mampu mendengarnya?

Kedua:

Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menyatakan bahawa al-Qur'an adalah sebuah kitab yang mengandungi peringatan kepada orang yang masih hidup. Firman-Nya:

لِيُنذِرَ مَنْ كَانَ حَيًّا

Maksudnya:

... agar (al-Qur'an itu) menjadi peringatan bagi orang-orang yang masih hidup. [Surah Yasin, ayat 70]

Berdasarkan ayat ini, maka seharusnya al-Qur'an dibacakan kepada orang yang masih hidup agar mereka dapat mengambil pengajaran daripadanya, bukannya kepada mereka yang telah meninggal dunia.

Ketiga:

Membaca al-Qur'an di sisi orang mati secara beramai-ramai sebagaimana yang menjadi tradisi dalam masyarakat Islam hari ini jelas menyalahi perintah al-Qur'an agar orang Islam hendaklah diam di saat al-Qur'an dibacakan. Ini sebagaimana firman-Nya dalam surah al-A'raaf, ayat 204:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَأَسْمَعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

Maksudnya:

Dan apabila al-Qur'an itu dibacakan, maka dengarkanlah serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

Perhatikan juga hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berikut:

أَلَا إِنَّ كُلَّكُمْ مُنَاجِ رَبِّهِ، فَلَا يُؤْذِيَنَّ بَعْضُكُمْ بَعْضًا، وَلَا يَرْفَعُ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ
بَعْضٍ فِي الْقِرَاءَةِ.

Maksudnya:

Ketahuilah, sesungguhnya setiap kamu sedang bermunajat kepada Tuhanmu, maka janganlah saling mengganggu satu sama yang lain. Dan janganlah kamu saling mengangkat (menguatkan suara) melebihi yang lainnya dalam membaca (al-Qur'an). [Hadis riwayat Abu Daud dalam Sunan Abu Daud, no. 1332. Dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani dalam Shahih Sunan Abu Daud, no. 1183 dan Shahih al-Jami' as-Shagir, no. 2639]

Keempat:

Sama-sama kita ketahui bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* ialah insan yang paling kasih dan sayang kepada umatnya. Betapa tinggi kasih dan sayang baginda kepada umatnya ini telah pun dirakamkan oleh Allah menerusi firman-Nya:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ

بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:

Sungguh telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, terasa berat olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan)

bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin. [Surah at-Taubah, ayat 128]

Pun demikian tinggi kasih dan sayang Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kepada umatnya, namun sehingga kini tidak ditemui satu jua dalil yang sahih bahkan yang *maudhu'* (palsu) yang menyatakan bahawa baginda pernah menghadiahkan pahala bacaan al-Qur'an kepada kaum kerabat dan para sahabatnya yang telah meninggal dunia semasa hayatnya. Di sini timbul dua persoalan yang perlu kita renungkan bersama:

1. Adakah Rasulullah tidak sayang kepada mereka yang telah meninggal dunia, padahal mereka ialah insan yang paling rapat lagi akrab hubungannya dengan baginda?
2. Adakah kita lebih sayangkan umat ini melebihi kasihnya baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* sehingga kita berani mendahuluinya dalam mensyariatkan sesuatu tatacara ibadah yang baharu?

Sudah tentulah tidak.

Bagi perbahasan yang lebih mendalam, sila rujuk:

- 1) ***Hukmu al-Qira'ah 'ala al-Amwat: Hal Yashilu Tsawabuha Ilaihim?*** karya Syaikh Muhammad Ahmad Abdus Salam asy-Syuqairi. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Mengirim Bacaan al-Qur'an Untuk Mayat: Sampaikah Pahalanya?* (Pustaka Arafah, Solo.)
- 2) ***Maa Yanfa' al-Muslim Ba'da Wafatihī*** karya Abu Hudzaifah Ibrahim Muhammad. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Menghadiahkan Pahala Sesuai Tuntunan Nabi* (Qiblat Press, Solo).
- 3) ***Hukum Tahsilan (Selamatkan Kematian) Menurut Empat Mazhab & Hukum Membaca al-Qur'an Untuk Mayit Bersama Imam asy-Syafi'i*** karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Maktabah Mua'wiyah bin Abi Sufyan, Jakarta).
- 4) ***Kuburan Bukan Tempat Ibadah*** karya Ustaz Abu Yahya Badrusslam (Nashirussunah, Jakarta Timur).

Fakta 13 : Wahhabi & Kenduri Arwah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak melaksanakan ritual kenduri atau tahlil arwah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* bersama para ulamak bermazhab Syafi'e selainnya juga adalah *Wahhabi*. Ini kerana mereka semua amat membenci amalan kenduri arwah dan menegah orang ramai daripada melakukannya. Dalam kitabnya *al-Umm* 3/318, Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata:

وَأَكْرَهُ الْمَائِتَمْ وَهِيَ الْجَمَاعَةَ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَّهُمْ بُكَاءٌ فَإِنَّ ذَلِكَ يُحَذَّرُ
الْخُذْنَ وَ يُكَلِّفُ الْمُؤْنَةَ مَعَ مَا مَضَى مِنَ الْأَثَرِ.

Maksudnya:

Dan saya membenci berkumpul-kumpul (dalam kematian) sekalipun tanpa diiringi tangisan kerana hal itu akan memperbaharui kesedihan dan memberatkan (menyusahkan) tanggungan (keluarga si mati) serta berdasarkan atsar yang telah lalu.

Dalam kitabnya *al-Majmu'* 5/290 Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah* (676H) menukilkan perkataan pengarang kitab *asy-Syamil* sebagai berikut:

وَأَمَّا إِصْلَاحُ أَهْلِ الْمَيِّتِ طَعَامًا وَجَمْعُ النَّاسِ عَلَيْهِ فَلَمْ يُنْقَلْ فِيهِ شَيْءٌ
وَهُوَ بِدْعَةٌ عَيْرُ مُسْتَحَبَّةٍ.

Maksudnya:

Adapun apabila keluarga si mati membuatkan makanan dan mengundang manusia untuk makan-makan, maka hal itu tidaklah dinukil sedikit pun bahkan termasuk bid'ah, bukan sunnah.

Kenduri arwah menyerupai tradisi masyarakat *Jahiliyyah*. Tidak syak lagi bahawa amalan berkumpul-kumpul di rumah si mati (untuk tujuan kenduri arwah dan bertakziah) adalah termasuk salah satu perbuatan *jahiliyyah* yang dibenci oleh Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* dan Rasul-Nya. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

أَرْبَعٌ فِي أُمَّتِي مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ لَا يَتَرَكُونَهُنَّ الْفَخُورُ فِي الْأَخْسَابِ وَالظَّعُنُ فِي الْأَنْسَابِ وَالْأَسْتِسْقَاءُ بِالنُّجُومِ وَالنَّيَاحَةُ.

Maksudnya:

Empat perkara yang dilakukan oleh umatku yang berasal daripada tradisi jahiliyyah yang belum mereka tinggalkan: Berbangga-bangga dengan keturunan, mencela keturunan, mempercayai hujan turun berdasarkan ramalan bintang dan meratapi kematian. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 934]

Termasuk perbuatan “*meratapi kematian*” dalam hadis di atas adalah berkumpulnya umat Islam di rumah seorang yang ditimpa kematian walaupun bukan tujuan meratap. Berkata salah seorang sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, Jabir bin 'Abdillah *radhiyallahu 'anh*:

كُنَّا نَرَى لَا جُتِمَاعٌ إِلَى أَهْلِ الْمَيَّتِ وَصَنْعَةُ الطَّعَامِ مِنْ النَّيَاحَةِ.

Maksudnya:

Kami (para sahabat) memandang berkumpul di rumah keluarga yang ditimpa kematian dengan membuat makanan termasuk dalam perbuatan meratap. [Shahih Sunan Ibn Majah, no. 1612]

Telah berkata Imam Ibnu Qadamah *rahimahullah* dalam kitabnya *al-Mughni* 3/496-497 (cetakan baru ditahqiq oleh Syeikh Abdullah bin Abdul Muhsin at-Turki):

فَإِمَّا صَنَعَ أَهْلُ الْمَيْتِ طَعَامًا لِلنَّاسِ فَمُكَرَّهٌ لَأَنَّ فِيهِ زِيادةً عَلَى مُصَبِّتِهِمْ وَشَغْلًا لَهُمْ إِلَى شُغْلِهِمْ وَتَشْبِهَا بِصَنْعِ أَهْلِ الْجَاهْلِيَّةِ. وَرُوِيَ أَنَّ جَرِيرًا وَفَدَ عَلَى عُمَرَ فَقَالَ: هَلْ يَنْحِي عَلَى مَيْتَكُمْ؟ قَالَ: لَا. قَالَ: فَهُلْ يَجْتَمِعُونَ عَنْدَ أَهْلِ الْمَيْتِ وَيَجْعَلُونَ الطَّعَامَ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: ذَاكَ النَّوْحُ.

Maksudnya:

Adapun ahli keluarga si mati membuatkan makanan untuk orang ramai maka itu satu hal yang dibenci (haram). Kerana akan menambah (kesusahan) di atas musibah mereka dan menyibukkan mereka di atas kesibukan mereka dan menyerupai perbuatan jahiliyyah. Dan telah diriwayatkan bahwasanya Jarir pernah bertemu kepada 'Umar. Lalu 'Umar bertanya: "Apakah mayat kamu diratapi?" Jawab Jarir: "Tidak!" 'Umar bertanya lagi: "Apakah mereka berkumpul di rumah si mati dan mereka membuat makanan?" Jawab Jarir: "Ya!" Berkata 'Umar: "Itulah ratapan!"

Catatan Tambahan

Apa yang difatwakan oleh Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dalam menyikapi keluarga yang ditimpa musibah kematian ialah, hendaklah jiran tetangga dan keluarga terdekatnya menyediakan makan bagi mereka dengan kadar yang menyenyangkan, bukan sebaliknya iaitu menyusahkan keluarga si mati menyediakan jamuan (kenduri arwah) bagi orang yang hadir.

Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata:

وَأَحِبُّ لِجِنَانِ الْمَيِّتِ أَوْ ذِي قَرَابَتِهِ أَنْ يَعْمَلُوا لِأَهْلِ الْمَيِّتِ فِي يَوْمٍ
 يَمُوتُ وَلَيْلَتِهِ طَعَامًا يُشْبِعُهُمْ، فَإِنَّ ذَلِكَ سُنَّةً وَذِكْرُ كَرِيمٌ وَهُوَ مِنْ عَمَلِ أَهْلِ
 الْحُبِّ قَبْلَنَا وَبَعْدَنَا.

Maksudnya:

Dan saya menyukai agar jiran si mati berserta karib kerabatnya untuk membuatkan makanan yang mengenyangkan bagi keluarga si mati pada hari dan malam kematian. Kerana hal tersebut termasuk sunnah dan amalan baik para generasi mulia sebelum (salaf) dan sesudah kita. [al-'Umm 1/317]

Kenyataan Imam asy-Syafi'i *rahimahullah* di atas adalah bersandarkan kepada hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* seperti berikut:

اَصْنَعُوا لِلَّاِلِ جَعْفَرٍ طَعَامًا فَإِنَّهُ قَدْ أَتَاهُمْ مَا يَسْغَلُهُمْ.

Maksudnya:

Buatkanlah makanan untuk keluarga Ja'far kerana sesungguhnya telah datang kepada mereka apa yang menyibukkan mereka (iaitu kematian). [Musnad Ahmad 1/205]

Bagi melihat perbincangan yang lebih mendalam berkenaan hukum mengadakan ritual kenduri arwah menurut pandangan para ulamak muktabar *Ahlus Sunnah wal Jama'ah*, sila lihat:

1. *Hukum Tahlilan (Selamatkan Kematian) & Perayaan Haul (Ulang Tahun Kematian)* karya Ustaz Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Media Tarbiyah, Bogor).
2. *Bincang-bincang Seputar Tahlilan, Yasinan & Maulidan* karya Ustaz Abu Ihsan Al-Atsari (Pustaka At-Tibyan, Solo).

3. *Tarekat, Tasawuf, Tahlilan & Maulidan* karya Ustaz Hartono Ahmad Jaiz (Wacana Ilmiah Press).
4. *Penjelasan Gamblang Seputar Hukum Yasinan, Tahlilan & Selamatan* karya Ustaz Abu Ibrahim Muhammad Ali A. Mutholib (Pustaka Al-Ummat, Jawa Tengah).
- 5) *Hukum Tahlilan (Selamatan Kematian) Menurut Empat Mazhab & Hukum Membaca al-Qur'an Untuk Mayit Bersama Imam asy-Syafi'i* karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Maktabah Mua'wiyah bin Abi Sufyan, Jakarta).

Fakta 14 : Wahhabi & Talqin Mayat

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menafikan kesunnahan mentalqinkan mayat di sisi kuburan.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* juga adalah *Wahhabi* kerana beliau tidak pernah menganjurkan amalan mentalqinkan mayat di sisi kuburan kecuali sebilangan ulamak *mutakhirin* yang menyandarkan diri mereka kepada mazhab Syafi'e. Berkata Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil di dalam kitabnya, *Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah*:

Tidak ditemukan ucapan dari Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* tentang masalah ini (iaitu anjuran mentalqinkan mayat) dan tidak ada seorang pun dari kawan-kawan dan pengikutnya yang mengatakan bahawa Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* telah mengemukakan pendapatnya mengenai masalah ini. Yang mensunnahkannya hanyalah sebahagian dari pengikut Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* seperti yang dituturkan oleh Imam al-Nawawi *rahimahullah*. [*Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah*, ms. 312]

Syubhat Dan Jawapan

Berikut dipaparkan salah satu hadis berkenaan anjuran mentalqin mayat di kuburan yang sering dijadikan dalil oleh sebahagian pihak bagi mensabitkan amalan tersebut:

عَنْ سَعِيدِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ الْأَوْدِيِّ قَالَ: شَهِدْتُ أَبَا أُمَامَةَ، وَهُوَ فِي النَّزْعِ فَقَالَ:
إِذَا أَنَا مِتْ فَاصْنَعُوا بِي كَمَا أَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ، أَنْ نَصْنَعَ بِمَوْتَانَا أَمْرَنَا رَسُولُ اللَّهِ، فَقَالَ

إِذَا مَاتَ أَحَدٌ مِنْ إِخْرَانِكُمْ فَسَوَّيْتُمْ عَلَى قَبْرِهِ، فَلَيْقُمْ أَحَدُكُمْ عَلَى رَأْسِ قَبْرِهِ، ثُمَّ
يَقُولُ يَا فُلَانُ ابْنُ فَلَانَةِ، فَإِنَّهُ يَسْمَعُهُ وَلَا يُجِيبُ، ثُمَّ يَقُولُ: يَا فُلَانُ ابْنُ فَلَانَةِ، فَإِنَّهُ
يَسْتَوِي قَاعِدًا، ثُمَّ يَقُولُ يَا فُلَانُ ابْنُ فَلَانَةِ، فَإِنَّهُ يَقُولُ: أَرْشِدْ رَحْمَكَ اللَّهُ، وَلَكَنْ لَا
تَشْعُرُونَ، فَلَيَقُلُ أَذْكُرْمَا خَرَجْتَ عَلَيْهِ مِنَ الدُّنْيَا شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَأَنَّكَ رَضِيْتُ بِاللَّهِ رَبِّا وَبِالْإِسْلَامِ دِيْنَا، وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا. وَبِالْقُرْآنِ
إِمَامًا، فَإِنَّ مُنْكَرًا وَنَكِيرًا يَأْخُذُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا بِيَدِ صَاحِبِهِ، يَقُولُ: انْطَلِقْ مَا
تَقْعُدُ عِنْدَ مَنْ لُقِنَ حُجَّتَهُ، فَيَكُونُ اللَّهُ حَجِّيْجَهُ دُونَهُمَا، فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ:
فَإِنْ لَمْ يَعْرِفْ اسْمَ أُمِّهِ؟ قَالَ: فَلَيَنْسِبْهُ إِلَى حَوَاءَ، فُلَانُ بْنُ حَوَاءَ.

Maksudnya:

Dari Sa'id bin Abdullah al-Audi berkata: Saya menyaksikan Abu Umamah saat menjelang meninggal dunia dan beliau berkata: Apabila saya meninggal dunia maka lakukanlah bagiku sebagaimana yang diperintahkan oleh Rasulullah untuk kami lakukan pada orang yang meninggal. Baginda bersabda: Apabila salah seorang dari kalian meninggal dunia lalu kalian sudah meratakan kuburannya, maka hendaklah salah seorang dari kalian berdiri pada sisi kepala kubur, lalu hendaklah dia berkata: Wahai Fulan anaknya Fulanah kerana dia akan mendengarnya meskipun tidak boleh menjawab.

Kemudian katakan: Wahai Fulan bin Fulanah, maka dia akan duduk sempurna. Kemudian katakan Wahai Fulan anaknya Fulanah", maka dia akan berkata: Berilah aku petunjuk, semoga Allah merahmati kalian. Lalu hendaklah dia katakan: Ingatlah apa yang engkau bawa keluar dari dunia ini iaitu syahadah

bahawa Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah seorang hamba dan utusan-Nya, dan engkau redha Allah sebagai Rabb-mu, Islam sebagai agamamu, Muhammad sebagai nabimu, al-Qur'an sebagai imammu. Kerana salah seorang daripada Malaikat Mungkar dan Nakir akan mengambil tangan yang lainnya seraya berkata: Pergilah, tidak perlu duduk pada orang yang sudah ditalqinkan hujahnya.

Dengan ini semua maka Allah akan menjadi hujahnya dalam menghadapi keduanya. Lalu ada seorang yang bertanya: Wahai Rasulullah, bagaimana kalau tidak diketahui nama ibunya? Maka Rasulullah bersabda: Nasabkanlah kepada Hawa, katakan Fulan bin Hawa.

Hadis di atas dikeluarkan oleh Imam ath-Thabrani dalam *ad-Du'a* dan *Mu'jam al-Kabir* dari jalan Muhammad bin Ibrahim al-Ala', telah menceritakan kepada kami Isma'il bin 'Ayyasy, telah menceritakan kepada kami Abdullah bin Muhammad al-Qurasyi dan Yahya bin Abi Katsir dari Sa'id bin Abdullah al-Audi.

Hadis ini adalah *dha'if* (lemah) menurut para ulamak hadis. Antara yang mendha'ifkan hadis ini ialah: al-Haithami (*al-Majma'* 3/45), Imam al-Nawawi (*al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab* 5/304), Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah (*Majmu' al-Fatawa* 4/296), Imam Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah (*Zad al-Ma'ad* 1/523), Imam al-'Iraqi (*Takhrij Ihya'* 4/420), Imam al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani (*Fath al-Bari* 10/563), Imam ash-Shan'ani (*Subulus Salam* 2/114) dan ramai lagi.

Ringkasnya, hadis ini adalah lemah sama sekali. Demikian juga dengan kedudukan riwayat-riwayat lain yang dianggap sebagai *syawahid* kepada hadis di atas di mana kesemuanya dilihat terlalu longgar untuk berfungsi sebagai penguat bagi mensabitkan amalan *mentalqinkan mayat* di sisi kuburan.

Dengan penerangan di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa amalan *mentalqin* mayat di kuburan sebagaimana yang biasa diamalkan oleh sebahagian umat Islam – sekalipun ada yang menganggapnya baik (*bid'ah hasanah*) – adalah merupakan *bid'ah* yang harus ditinggalkan. Hal ini berdasarkan kepada beberapa alasan berikut:

Pertama:

Dewasa ini ramai dalam kalangan umat Islam yang mewajibkan *talqin*. Mereka menganggapnya sebagai sunnah, bahkan dalam kalangan mereka ada yang mengatakan bid'ah jika hal itu ditinggalkan. Akhirnya, sunnah dan bid'ah bercampur. Dengan demikian kita harus berwaspada.

Kedua:

Masalah ini bukanlah termasuk *fadhl al-a'mal* (keutamaan amal) sebagaimana dakwaan sesetengah pihak. Akan tetapi ianya adalah tergolong dalam masalah akidah yang di dalamnya mengandungi berita tentang perkara-perkara ghaib yang tidak dapat disaksikan dengan mata seperti perkhabaran mengenai duduknya jenazah, mendengarnya jenazah akan panggilan yang memanggilnya dan ucapan Malaikat Munkar dan Malaikat Nakir.

Hal ini jelas bercanggah dengan sekian banyak firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih yang menafikan keupayaan manusia untuk mengetahui perkara-perkara ghaib. Antaranya sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerusi kedua-dua ayat di bawah ini:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبَعْثُرُونَ

Maksudnya:

Katakanlah: Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib kecuali Allah. [Surah al-Naml, ayat 65]

Juga firman-Nya dalam ayat yang lain:

وَعِنْدَهُ رَمَفَاتُحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ

Maksudnya:

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perpendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya kecuali Dia sahaja.

Ketiga:

Lafaz hadis tersebut sendiri adalah menyalahi adab *rabbani* dalam doa dan panggilan. Ini kerana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memerintahkan kita supaya memanggil seseorang itu dengan menisbahkan kepada nama bapanya dan bukan kepada nama ibunya. Ini sebagaimana firman-Nya:

أَدْعُوهُمْ لِأَبَاهِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ

Maksudnya:

Panggilah mereka (anak-anak angkat itu) dengan memakai nama bapa-bapa mereka, itulah yang lebih adil di sisi Allah. [Surah al-Ahzab, ayat 5]

Sedangkan panggilan pada riwayat tentang *talqin* ini dengan nama ibu iaitu “**Hai Fulan bin Fulanah**”, jelas bertentangan dengan ayat al-Qur'an di atas.

Keempat:

Sementara itu, Imam ash-Shan'ani *rahimahullah* menerusi kitabnya yang berjudul *Subulus Salam* 1/114 menyimpulkan sebagai berikut:

Kesimpulan daripada para imam ahli *tahqiq*, bahawa hadis *mentalqinkan* mayat itu adalah *dha'if* dan mengamalkannya adalah bid'ah. Kerana itu janganlah kamu terpedaya oleh ramainya orang yang mengamalkannya.

Kelima:

Ia bertentangan dengan perintah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* agar *mentalqinkan* orang yang hampir meninggal dunia (berdasarkan kepada lafaz *mautaakum* (موتاكم) dan bukannya orang yang telah mati kerana orang yang telah mati tidak mampu berkata-kata lagi. Perhatikan hadis baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* di bawah ini:

لَقُنُوا مَوْتَاكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.

Maksudnya:

Talqinlah orang yang akan/hampir mati di antara kamu dengan ucapan:

Laa ilaaha illallah. [Hadis riwayat al-Bukhari, no. 1283 dan Muslim, no. 926]

Anjuran hadis di atas diperkukuhkan lagi dengan hadis berikut yang menjelaskan bahawa apabila seorang hamba mengucapkan kalimah tauhid 'Laa ilaha illallah' di akhir hayatnya (nazak), maka dia pasti menjadi salah seorang penghuni syurga. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ.

Maksudnya:

Sesiapa yang akhir perkataannya 'Laa ilaha illallah', maka dia akan masuk syurga. [Shahih al-Jami' ash-Shagir, no. 6479]

Keenam:

Orang-orang yang telah mati, mereka tidak lagi dapat mendengar sebagaimana halnya orang yang masih hidup. Berdasarkan keadaan mereka yang tidak dapat mendengar ini, bagaimana mungkin mereka boleh mendapat manfaat daripada *talqin* yang dibacakan ke atas mereka? Perhatikan firman Allah dalam ayat berikut:

وَمَا أَنْتَ بِمُسَمِّعٍ مِّنْ فِي الْقُبُورِ

Maksudnya:

Dan kamu sekali-kali tidak sanggup menjadikan orang yang di dalam kubur dapat mendengar. [Surah Fathir, ayat 22]

Firman-Nya lagi dalam ayat yang lain:

إِنَّكَ لَا تُسْمِعُ الْمَوْتَىٰ وَلَا تُسْمِعُ الْصُّمَمَ الْدُّعَاءَ إِذَا وَلَوْا مُدْبِرِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya kamu tidak dapat menjadikan orang-orang mati mendengar dan (tidak pula) menjadikan orang-orang tuli mendengar panggilanmu. Apabila mereka telah berpaling membelakang. [Surah an-Naml, ayat 80]

Untuk perbincangan yang lebih mendalam berkenaan hukum mentalqinkan mayat, sila lihat:

1. ***Manhaj al-Imam asy-Syafi'i Rahimahullah Ta'ala fii Itsbat al-'Aqidah*** karya Dr. Muhammad bin A.W. al-'Aqil. Bagi edisi terjemahan, sila lihat '*Aqidah Imam Asy-Syafi'i* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta).
2. ***Al-Ayat al-Bayyinah*** karya Syaikh Nu'man bin al-Mufassir al-Syahir Mahmud al-Alusi. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Mayat Tidak Boleh Mendengar* (Jasmin Publication, Selangor).

Fakta 15: Wahhabi & Tawassul Kepada Orang Mati

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak amalan bertawassul kepada orang yang telah meninggal dunia.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* juga adalah *Wahhabi*. Ini kerana tidak ditemui dalam mana-mana jua kitabnya yang masyhur bahawa beliau menganjurkan amalan bertawassul kepada orang yang telah meninggal dunia. Ketiadaan petunjuk atau anjuran daripada beliau serta para Salaf selainnya menunjukkan hal tersebut bukanlah suatu yang disyariatkan di dalam ajaran Islam.

Catatan tambahan.

Walau bagaimanapun terdapat dua riwayat masyhur yang dijadikan sandaran oleh sebahagian pihak bahawa Imam asy-Syafi'e pernah bertawassul kepada orang yang telah meninggal dunia, antaranya:

Riwayat # 1

قال ابن حجر المكي في كتابه المسمى (با لخيرات الحسان) في مناقب أبي حنيفة النعمان في الفصل الخامس والعشرين أن الإمام الشافعي أيام هو ببغداد كان يتولّ بالإمام أبي حنيفة (يحبه إلى ضريحه يزور فيسلم عليه ثم يتولّ إلى الله به في قضاء حاجاته).

Maksudnya:

Ibnu Hajar Al-Makki dalam kitabnya al-Khairat al-Hisan menyebutkan manaqib Abu Hanifah pada fasal 25 bahawa ketika Imam asy-Syafi'e berada di Baghdad, dia bertawassul melalui Abu Hanifah dengan mendatangi kuburannya dan mengucapkan salam kemudian bertawassul kepada Allah dengannya untuk memenuhi keperluannya.

Kisah ini diriwayatkan oleh al-Khatib al-Baghdadi dalam *Tarikh Baghdad* dari 'Umar bin Ishaq bin Ibrahim, memberitahukan kepada kami Ali bin Maimun, aku mendengar Imam asy-Syafi'e berkata: *Aku suka bertabarruk dengan mendatangi kuburan Abu Hanifah setiap hari. Apabila ada keperluan aku solat dua rakaat dan mendatangi kuburannya, lalu aku memohon kepada Allah hajatku di sisinya. Tidak lama setelah itu hajatku dipenuhi.*

Bantahan:

Pertama, dalam sanadnya terdapat 'Umar bin Ishaq bin Ibrahim, tidak diketahui siapa dia dan tidak juga disebutkan biografinya dalam kitab-kitab *Rijal* (lihat *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah* 1/78) sehingga kisah ini adalah kisah yang lemah bahkan batil.

Kedua, Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* menulis dalam kitabnya *ash-Shirathil Mustaqim* 1/343-344:

Ini adalah kedustaan yang nyata. Orang yang mempunyai pengetahuan yang rendah sahaja dapat memastikan kedustaannya. Ketika Imam asy-Syafi'e datang ke kota Baghdad, tidak ada di kota itu kuburan yang selalui dikunjungi untuk berdoa di sisinya. Bahkan di zaman Imam asy-Syafi'e perbuatan tersebut tidak dikenal, padahal Imam asy-Syafi'e telah melihat di Hijaz, Yaman, Syam, Iraq dan Mesir kuburan para Nabi.

Menurut kaum muslimin, para sahabat dan para tabi'in yang lebih utama daripada Abu Hanifah dan ulamak yang setaraf dengannya, lalu mengapa Imam asy-Syafi'e hanya berdoa di sisi kuburan Abu Hanifah sahaja? Sahabat-sahabat Abu Hanifah yang bertemu dengannya, seperti Abu Yusuf, Muhammad, Zufar, al-

Hassan bin Ziyad dan lainnya tidak pernah berdoa di sisi kuburan Abu Hanifah, tidak juga kuburan lainnya.

Lebih-lebih lagi Imam asy-Syafi'e mengharamkan (perbuatan) mengagungkan kuburan makhluk kerana khuatir akan menimbulkan fitnah terhadap kuburan itu. Orang yang membuat kisah ini hanyalah orang yang dangkal ilmu dan agamanya atau dinukil daripada orang yang tidak dikenali.

Riwayat # 2

ذكر ابن حجر المكي في كتابه المسمى: بالصواعق المحرقة لإنحصار الضلال والزندقة أن الإمام الشافعي (تولى بآهل البيت النبوى حيث قال:

آل النبي ذريعي

أرجوهم أعطى غداً

وهم إليه و سيلتي

بيدي اليمين صحيفتي.

Maksudnya:

Ibnu Hajar al-Makki menyebutkan dalam kitabnya ash-Shawa'iq al-Muhriqah bahawa Imam asy-Syafi'e bertawassul melalui ahli bait (keluarga) Nabi, dia berkata:

Keluarga Nabi pengantarku.

Aku berharap esok melalui mereka diberi.

Dan merekalah wasilahku kepada-Nya.

Di tangan kananku shahifah-ku.

Bantahan:

Pertama, kisah ini termasuk jenis kisah di atas dan tidak diketahui sanad yang sahih kepada Imam asy-Syafi'e. Tidak dapat dipastikan bahawa ini adalah perkataan Imam asy-Syafi'e. Boleh jadi kisah ini dibuat kaum sufi untuk menguatkan pendapatnya dengan cara berdusta terhadap Imam asy-Syafi'e. Kita ketahui Imam asy-Syafi'e adalah imam yang sangat berpegang kuat kepada sunnah, sehingga para ulamak di zamannya memberikan baginda gelaran 'pembela sunnah.' Jadi sangat mustahil apabila perkataan ini berasal daripada perkataan baginda.

Kedua, Imam asy-Syafi'e bukanlah dalil yang menjadi sandaran dalam menentukan hukum syariat tetapi sandaran kita adalah al-Qur'an dan as-Sunnah.

Beberapa alasan lain dan jawapan.

Alasan # 1

Mereka berkata: "Terdapat ayat yang menganjurkan untuk memohon ampun kepada Allah melalui perantaraan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ayat yang dimaksudkan ialah surah an-Nisa', ayat 64. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذْ ظَلَمُوا أَنفَسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفِرْ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُوا

الله توابا رحيمما

Maksudnya:

Sesungguhnya jika mereka ketika itu menganiaya dirinya datang kepadamu, lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasul pun memohonkan ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.

Berdasarkan ayat ini, terdapat anjuran untuk memohon keampunan dan doa kepada Allah melalui perantaraan orang yang telah meninggal dunia.”

Jawapan:

Ayat tersebut tidak tepat untuk dijadikan sebagai dalil bolehnya bertawassul kepada orang yang telah meninggal dunia. Ini kerana:

1. Ayat 64 surah an-Nisa' berbicara dalam konteks peristiwa yang telah berlaku (*past tense*) pada masa lalu iaitu ketika Rasulullah masih lagi hidup, bukannya untuk masa yang akan datang (*future tense*) setelah kewafatan baginda. Perhatikan semula firman-Allah: ***Sesungguhnya jikalau mereka ketika itu menganiaya dirinya....***, lafaz **ذل** (*ketika itu*) dalam ayat ini adalah *zharf* (kata penghubung) yang menunjukkan suatu yang telah berlaku dan bukannya untuk masa yang akan datang. Berbeza sekiranya Allah berfirman dengan lafaz **إذ** (*apabila*) seumpama: ***Sesungguhnya jikalau mereka apabila menganiaya dirinya ...***, maka barulah ayat tersebut boleh diperhujahkan untuk mensabitkan amalan bertawassul ke atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, meskipun setelah kewafatannya. Namun kenyataannya tidak demikian. Jadi, ayat ini tidak boleh diamalkan untuk memohon doa melalui perantaraan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* setelah kewafatannya.
2. Ayat tersebut diturunkan pada zaman Rasulullah dan para sahabat akan tetapi tidaklah mereka memahami ayat tersebut menjadi dalil bolehnya meminta ampun atau meminta hajat kepada Allah melalui perantaraan orang yang telah meninggal dunia. Amatlah mustahil untuk dikatakan bahawa umat akhir zaman lebih memahami pengajaran ayat tersebut berbanding Rasulullah dan para sahabatnya.
3. Ayat tersebut juga menjadi hujah bahawa yang diperbolehkan adalah bertawassul melalui perantaraan doa orang yang masih hidup, bukannya yang telah meninggal dunia sebagaimana amalan kebanyakan golongan tareqat kesufian (orang sufi). Perhatikan semula firman Allah: ***lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasul pun memohonkan ampun untuk mereka.***

4. Bukti lain yang menguatkan penjelasan ini ialah hadis Rasulullah bahawa semua amalan manusia terputus setelah kematiannya, kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan olehnya dan doa daripada anaknya yang soleh. [*Shahih Muslim*, no. 1631]. Berdasarkan hadis ini, orang yang telah meninggal dunia tidak lagi boleh beramal sebagaimana amalan orang yang masih hidup, termasuklah berdoa kepada Allah.
5. Memohon keampunan dan hajat daripada Allah melalui orang yang telah meninggal dunia juga merupakan penyerupaan dengan amalan orang kafir (*tasyabuh bil kuffar*) yang meminta ampun dan hajat kepada Allah melalui perantaraan Nabi Isa ‘alaihis salam. Kita berlindung kepada Allah daripada perbuatan seperti ini.

Alasan # 2

Mereka berkata: “Kami tidak menyembah pun Nabi dan para wali di kuburan mereka. Kami hanya menjadikan mereka sebagai perantaraan dalam memohon sesuatu hajat kepada Allah. Lalu bagaimana dikatakan kami telah melakukan syirik?”

Jawapan:

Hendaklah diinsafi bahawa doa itu adalah ibadah. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

الدُّعَاءُ هُوَ الْعِبَادَةُ.

Maksudnya:

Doa itu adalah ibadah. [Hadis riwayat at-Tirmidzi dalam *Shahih Sunan at-Tirmidzi*, no. 3372]

Oleh kerana doa adalah ibadah, maka sewajarnyalah ia ditujukan hanya kepada Allah, bukan kepada selainnya. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ﴿٤٦﴾

Maksudnya:

Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu.

[Surah an-Nisa', ayat 36]

Firman-Nya lagi:

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَنْ لَا يَسْتَحِيْبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ وَهُمْ عَنْ

دُعَاءِهِمْ غَافِلُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya:

Dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang berdoa kepada selain Allah yang tidak dapat memperkenankan (doa)nya sehingga hari kiamat dan mereka lalai dari (memperhatikan) doa mereka? [Surah al-Ahqaf, ayat 5]

Firman-Nya lagi:

أَمَّنْ تُحِبُّ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَيَكْسِفُ الْسُّوءَ وَيَجْعَلُكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ أَءِ اللَّهُ مَعَ اللَّهِ

قَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

Atau siapakah yang mengabulkan (doa) orang yang (berada) dalam kesulitan apabila dia berdoa kepada-Nya dan yang menghilangkan kesusahan dan yang menjadikan kamu sebagai khalifah di bumi? Apakah di samping Allah ada tuhan (yang lain)? Amatlah sedikit kamu mengingati. [Surah an-Naml, ayat 62]

Sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

مَنْ لَمْ يَسْأَلِ اللَّهَ يَعْضَبْ عَلَيْهِ.

Maksudnya:

Sesiapa yang tidak berdoa kepada Allah maka Allah murka kepadanya.

[Hadis riwayat at-Tirmidzi dalam *Shahih Sunan at-Tirmidzi*, no. 3373]

Sabdanya lagi:

مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَدْعُو مِنْ دُونِ اللَّهِ نِدًّا دَخَلَ النَّارَ.

Maksudnya:

Sesiapa yang meninggal dunia dalam keadaan berdoa kepada selain Allah, maka (dia akan) masuk neraka. [Hadis riwayat al-Bukhari, no. 4497]

Di dalam doa terkandung nilai kerendahan dan pengharapan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Inilah kemuncak kehambaan seseorang kepada Tuhan yang menciptanya. Justeru, patutkah nilai ini dipersembahkan kepada selain Allah?

Adapun alasan kalian bahawa kalian tidak menyembah Rasulullah dan hanya menjadikannya sebagai perantara kepada Allah adalah persis dengan alasannya orang kafir yang telah menghalalkan perbuatan syirik mereka. Perhatikan firman-Nya dalam ayat berikut:

وَالَّذِينَ أَخْنَدُوا مِنْ دُونِهِ أُولَئِاءِ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقْرَبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَ

Maksudnya:

Dan orang-orang (musyrik) yang mengambil selain Allah menjadi pelindung dan penolong (mereka berkata): Kami tidak menyembah mereka melainkan supaya mereka mendekatkan kami kepada Allah dengan sedekat-dekatnya. [Surah az-Zumar, ayat 3]

Alasan # 3

Mereka berkata: "Ibarat kita hendak bertemu dengan Perdana Menteri, tentulah bukan mudah untuk kita melakukannya. Jalan mudah untuk kita berhubung dengannya ialah melalui perantaraan mereka yang hampir dengannya. Begitulah Allah. Kami tidak mampu berhubung secara langsung dengan-Nya, mengingatkan betapa rendah dan hinanya kami di sisi-Nya. Jalan mudah untuk kami berhubung dan menyatakan permohonan hajat kami kepada-Nya ialah melalui perantaraan Rasul yang dikasihi-Nya, iaitu Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam.*"

Jawapan:

Alasan di atas hanyalah berdasarkan andaian dan logik akal semata-mata. Alasan ini tidak sepatutnya diungkapkan oleh mereka yang mengaku sebagai Islam. Ini kerana:

1. Alasan tersebut jelas merupakan perendahan terhadap kedudukan Allah dengan menyamakan-Nya dengan seorang Perdana Menteri. Maha Suci Allah daripada kesamaan dengan mana-mana jua makhluk ciptaan-Nya.
2. Alasan tersebut telah menyanggahi perintah Allah agar berdoa secara terus kepada-Nya sebagaimana firman-Nya:

وَقَالَ رَبُّكُمْ أَدْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya:

Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa kamu." [Surah al-Mukmin, ayat 60]

3. Alasan tersebut menzahirkan sikap sangka buruk kepada Allah, seakan-akan Allah enggan mengabulkan permintaan hamba-Nya melainkan melalui perantaraan orang yang telah meninggal dunia.

Satu persoalan yang menarik untuk difikirkan oleh para penggemar amalan bertawassul kepada orang yang telah meninggal dunia: Mengapakah ketika solat mereka meminta secara terus (*direct*) kepada Allah, namun ketika berada di luar solat

memerlukan perantaraan selain Allah untuk berdoa? Bukankah keyakinan dan amalan mereka ini suatu yang luar biasa?

Lain-lain *syubhat* golongan yang membolehkan *tawassul* kepada orang yang telah meninggal dunia dan jawapan semula Ahli Sunnah ke atasnya, sila lihat:

1. ***At-Tawassul: Aqsamuhu wa Ahkamuhu*** karya Abu Anas bin Husain Abu Luz. Bagi edisi terjemahan, lihat *Tawassul Sunnah VS Tawassul Bid'ah* (Darul Haq, Jakarta).
2. ***At-Tawassul 'an Wa'usuhu wa Ahkamuhu*** karya Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Tawassul dan Tabarruk* (Pustaka al-Kautsar, Jakarta).
3. ***Al-Washitah Bainal Haqqi wal Khalqi*** karya Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyah. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Kesalahan Dalam Memahami Wasitah* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
4. ***Ketika Sang Habib Dikritik*** karya Ustaz Firanda Andirja Abidirin (Nashirussunnah, Jakarta Timur)
5. ***Kuburan Bukan Tempat Ibadah*** karya Ustaz Abu Yahya Badrussalam (Nashirussunnah, Jakarta Timur).
6. ***Syirik: Dosa Pembatal Akidah & Amalan*** karya Mohd Hairi Nonchi (Bushra Studio & Publication, Selangor).

Fakta 16 : Wahhabi & Tabarruk (Amalan Mengambil Berkat)

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak amalan bertabarruk, yakni mengambil berkat pada sesuatu.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan para ulamak *Syafi'iyyah* selainnya adalah *Wahhabi* kerana mengharamkan amalan bertabarruk pada perkara yang tidak disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Imam al-Ghazali asy-Syafi'e *rahimahullah* (505H) berkata mengenai adab menziarahi kuburan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَلَيْسَ مِنَ السُّنْنَةِ أَنْ يَمْسِ الْجَدَارَ وَلَا أَنْ يَقْبِلْهُ بَلِ الْوَقْفُ مِنْ بَعْدِ

أَقْرَبٌ لِلْحَرَامِ.

Maksudnya:

Dan bukanlah sunnah menyentuh dinding (kuburan Nabi) dan bukan juga (sunnah) menciumnya akan tetapi berdiri dari jauh lebih dekat kepada penghormatan (kepada baginda). [*Ihya' Ulum ad-Din* 1/259]

Katanya lagi ketika mengkritik perbuatan golongan tertentu yang menyentuh dan mencium kuburan:

فَإِنَّ الْمُسْ وَالتَّقْبِيلَ لِلْمُشَاهِدِ عَادَةُ النَّصَارَى وَالْيَهُودِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya menyentuh dan mencium kuburan-kuburan merupakan kebiasaan kaum Nasrani (Kristian) dan kaum Yahudi. [*Ihya' Ulum ad-Din* 1/271]

Perhatikan juga perkataan Imam al-Nawawi *rahimahullah* berikut:

لا يجوز أن يطاف بقبره صلى الله عليه و سلم، ويكره إلصاق الظهر
والبطن بجدار القبر، قاله أبو عبيد الله الحليمي وغيره، قالوا: ويكره مسحه
باليد وتقبيله، بل الأدب أن يبعد منه كما يبعد منه لو حضره في حياته.
هذا هو الصواب الذي قاله العلماء وأطبقوا عليه.

Maksudnya:

Tidak boleh tawaf di kuburan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan dibenci
menempelkan perut dan punggung di dinding kuburan. Hal ini telah disebutkan
oleh Al-Halimy dan selain beliau. Selain itu dibenci menyapu kuburan dengan
tangan dan dibenci mencium kuburan. Bahkan adab (yang benar ketika menziarahi
kuburan Nabi) adalah dia jauh dari Nabi sebagaimana dia jauh dari Nabi apabila
bertemu dengan Nabi ketika dia masih hidup. [al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab
8/257]

Katanya lagi:

من خطر بياله أن المسح باليد ونحوه أبلغ في البركة، فهو من جهالته
وغفلته، لأن البركة إنما هي فيما وافق الشرع، و كيف يتغى الفضل في
مخالفة الصواب.

Maksudnya:

Sesiapa yang terdetik di benaknya bahawa menyapu kuburan dengan
tangan dan perbuatan yang seumpamanya lebih berkah, maka ini disebabkan
kebodohan dan kelalaianya. Ini kerana keberkahan itu pada sikap mengikuti

syariat dan perkataan para ulamak. Bagaimana mungkin keutamaan boleh diraih dengan menyelisihi kebenaran?. [al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab 8/258]

Catatan tambahan

Golongan yang digelar sebagai '*Wahhabi*' tidaklah mengharamkan secara mutlak amalan bertabarruk sebagaimana dakwaan dan tuduhan para penggemar amalan bid'ah. Apa yang diharamkan oleh golongan '*Wahhabi*' ialah amalan bertabarruk pada perkara-perkara yang tidak disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Umpamanya bertabarruk dengan cara mencium atau menyapu kuburan dan barang peninggalan individu tertentu yang dianggap sebagai orang yang soleh. Padahal tidak ada satu pun dalil yang menetapkan keberkataan pada kuburan dan juga barang peninggalan individu tersebut.

Lebih lanjut, sila rujuk dua buku berikut yang mengupas secara lebih mendalam mengenai amalan bertabarruk menurut al-Qur'an dan sunnah yang sahih sesuai dengan kefahaman dan amalan generasi *as-Salaf as-Soleh*:

1. *Al-Tabarruk Anwaa'u hu wa Ahkamu hu* karya Dr. Nashir al-Judai'. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Tuntunan Mengambil Berkat* (Pustaka Imam Asy-Syafi'i, Jakarta).
2. **13 Perkara yang Mencemari Kemurnian Tauhid** karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 17 : Wahhabi & Yasinan Jumaat

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak mengkhususkan amalan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat tetapi menggalakkan amalan membaca surah al-Kahfi.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* ialah *Wahhabi* kerana beliau telah memfatwakan agar hendaklah surah yang dibaca pada malam Jumaat ialah al-Kahfi, bukannya surah Yasin sebagaimana yang menjadi tradisi sebahagian besar umat Islam di negara ini.

Demikian juga, tidak ditemui seorang jua dalam kalangan para ulamak *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* selain beliau yang menggalakkan agar menjadikan malam Jumaat sebagai waktu yang khusus untuk membaca surah Yasin. Berkata Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* menerusi kitabnya yang masyhur *al-Umm* 1/239:

وَبَلَغَنَا أَنَّ مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ وَقَيَ فِتْنَةَ الدَّجَالِ وَأَحِبَّ كَثْرَةَ الصَّلَاةِ
عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي كُلِّ حَالٍ، وَأَنَا فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَتِهَا
أَشَدُ اسْتِحْبَابًا، وَأَحِبُّ قِرَاءَةَ الْكَهْفِ لَيْلَةَ جُمُعَةٍ وَ يَوْمَهَا لِمَا جَاءَ فِيهَا.

Maksudnya:

Dan apa yang telah sampai kepada kami, sesungguhnya sesiapa yang membaca surah al-Kahfi terselamat daripada fitnah Dajjal. Dan disukai memperbanyak selawat ke atas nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pada setiap masa. Bagi pendapat saya pada hari Jumaat dan pada malamnya lebih disukai. Dan saya suka membacanya (al-Kahfi) pada malam Jumaat dan pada siangnya seperti hadis yang menyebutnya.

Apa yang disarankan oleh Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* di atas adalah selaras dengan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* seperti berikut:

مَنْ قَرَأَ سُورَةَ الْكَهْفِ فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ أَضَاءَ لَهُ مِنَ النُّورِ مَا بَيْنَ الْجُمْعَتَيْنِ.

Maksudnya:

Sesiapa membaca surah al-Kahfi pada hari Jumaat nescaya akan dibuatkan baginya cahaya di antara dua Jumaat. [Hadis riwayat al-Hakim 2/368 dan disahihkan oleh al-Baihaqi 3/249]

Dalam lafaz lain yang dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani *rahimahullah* dalam *Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah* (no. 2751) bersumberkan daripada Abu Sa'id Al-Khudri *radhiallahu'anhu* disebut bahawa:

من قرأ سورة الكهف كما أنزلت كانت له نوراً يوم القيمة من مقامه إلى مكة.

Maksudnya:

Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi sebagaimana ia diturunkan (nescaya) baginya cahaya pada Hari Kiamat dari tempatnya sehingga ke Makkah.

Catatan Tambahan

Terdapat beberapa faktor mengapakah golongan yang dimomokkan dengan gelaran *Wahhabi* menolak ritual Yasinan Jumaat, antaranya:

1. Keyakinan para pengamal ritual Yasinan Jumaat bahawa terdapat kelebihan khusus di sebalik amalan membaca Yasin pada setiap malam Jumaat. Padahal tidak ada satu jua ayat al-Qur'an dan hadis yang sahih yang menjanjikan kelebihan tertentu bagi sesiapa yang membaca surah Yasin pada malam Jumaat.
2. Pendalilan para pengamal ritual Yasinan Jumaat kepada hadis yang menganjurkan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat. Padahal tidak

ada satu juga hadis yang sahih mengenainya menurut penilaian *Muhadditsin* (pakar-pakar hadis). Bagi meneliti hadis-hadis yang dimaksudkan berserta komentar para ulamak hadis ke atasnya, sila rujuk buku *Yasinan* karya Ustaz Yazid Abdul Qadir Jawas (Media Tarbiyyah, Bogor).

3. Perbuatan para pengamal ritual Yasinan Jumaat membaca surah Yasin dengan suara yang kuat dan dilakukan beramai-ramai sehingga menimbulkan gangguan kepada umat Islam yang sedang beribadah di dalam masjid. Hal ini jelas menyanggahi sabda Rasulullah *shallalahu 'alaihi wasallam*:

أَلَا إِنَّ كُلَّكُمْ مُنَاجِي رَبِّهِ، فَلَا يُؤْذِنَنَّ بَعْضُكُمْ بَعْضًا، وَلَا يَرْفَعَنَّ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ
بَعْضٍ فِي الْقِرَاءَةِ.

Maksudnya:

Ketahuilah, sesungguhnya setiap kamu sedang bermunajat kepada Tuhanmu, maka janganlah saling mengganggu satu sama yang lain. Dan janganlah kamu saling mengangkat (menguatkan suara) melebihi yang lainnya dalam membaca (al-Qur'an). [Hadis riwayat Abu Daud dalam *Sunan Abu Daud*, no. 1332 dan disahihkan oleh Syaikh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Daud*, no. 1183 dan *Shahih al-Jami' as-Shagir*, no. 2639]

Dalam lafaz yang lain:

إِنَّ الْمُصَلِّي يُنَاجِي رَبِّهِ، فَلْيَنْظُرْ بِمَا يُنَاجِهِ، وَلَا يَجْهَرْ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ
بِالْقُرْآنِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya orang solat itu sedang bermunajat kepada Tuhanmu. Perhatikan, kepada siapakah dia sedang bermunajat! Maka janganlah kamu saling mengeraskan bacaan al-Qur'an. [Hadis riwayat ath-Thabrani dalam *al-*

Ausath, al-Hakim 1/335 dan selainnya. Dinilai sahih oleh Syaikh Salim ‘Ied al-Hilali]

4. Perbuatan para pengamal ritual Yasinan Jumaat yang menentang perintah Allah agar hendaklah umat Islam diam apabila mendengar ayat al-Qur'an sedang dibacakan. Firman Allah dalam surah al-A'raaf, ayat 204:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْءَانُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ، وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

Maksudnya:

Dan apabila al-Quran itu dibacakan, maka dengarkanlah serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

Dalam ritual Yasinan, semua jamaah sibuk menghabiskan bacaan surah Yasin sambil menguatkan suara bacaan masing-masing. Jika demikian, siapakah yang hendak ‘diam’ dan ‘memerhatikan’ ayat al-Qur'an yang sedang dibacakan sebagaimana perintah ayat di atas?

5. Perbuatan para pengamal ritual Yasinan Jumaat yang mengkhususkan amalan membaca surah Yasin pada setiap malam Jumaat sehingga menimbulkan keyakinan kepada orang ramai bahawa itulah yang disyariatkan oleh agama, padahal ia adalah tatacara ibadah rekaan mereka semata-mata. Ibnu ‘Abbas *radhiallahu’anhу* berkata:

ما يأتي على الناس من عامٍ إلا أحدهما فيه بدعة، وأماتوا فيه سنة،
حتى تحيى البدعُ وتموت السننُ.

Maksudnya:

Tidaklah datang suatu zaman, melainkan mereka akan mengadak-adakan perbuatan bid'ah dan mereka mematikan sunnah. Sehingga akhirnya bid'ahlah yang akan hidup dan diketahui oleh manusia, sedangkan

sunnah-sunnah Rasulullah pasti akan mati. [‘Ilmu Ushul al-Bida’ oleh Syaikh Ali Hasan Ali Abdul Hamid al-Halabi, ms. 288]

‘Abdullah bin ‘Amr bin ‘Ash radhiallahu’anhу berkata:

مَا ابْتَدَعْتُ بِدُّعَةً، إِلَّا ازْدَادْتُ مُضِيًّا، وَلَا نُزِعْتُ سُنَّةً إِلَّا ازْدَادْتُ

. هَرَبًا

Maksudnya:

Tidak ada suatu bid’ah yang dilakukan, melainkan bid’ah tersebut semakin bertambah banyak. Tidak ada suatu sunnah yang dicabut, melainkan sunnah tersebut bertambah jauh. [Diriwayatkan oleh Imam Ibnu Baththah dalam *al-Ibanah*, no. 227]

Hassan bin ‘Athiyyah berkata:

مَا ابْتَدَعَ قَوْمٌ بِدُّعَةً فِي دِينِهِمْ إِلَّا نُزِعَ اللَّهُ مِنْ سُنَّتِهِمْ مِثْلُهَا، ثُمَّ لَا

يَعِدُهَا عَلَيْهِمْ.

Maksudnya:

Tidaklah suatu kaum melakukan bid’ah dalam agama mereka, melainkan Allah akan menghilangkan dari sunnah yang semisal dengan perbuatan bid’ah itu sehingga Allah tidak lagi mengembalikan sunnah yang dihilangkan itu kepada mereka. [Diriwayatkan oleh al-Lalika'i dalam *Syarah Ushul I'tiqad Ahlis Sunnah wal Jama'ah*, no. 129]

Syaikh Mahmud Saltut, iaitu salah seorang ulamak Mesir yang mendapat gelaran *Syaikh al-Azhar* pernah berkata:

وَكثِيرًا مَا تُنْشَرُ الْبَدْعُ وَتَأْخُذُ مَكَانَةَ الدِّينِ فِي النُّفُوسِ، وَتَصِيرُ هِيَ الدِّينَ الْمُتَّبَعَ عِنْدَ النَّاسِ، وَبِقُدْرَةِ ذُيْعَهَا يَكُونُ انْدِرَاسُ الدِّينِ، وَهَذَا هُوَ الطَّرِيقُ الَّذِي أَنْدَرَسْتُ بِهِ الشَّرَائِعُ السَّابِقَةُ، وَالْحَرْفُ عَنْهَا الْمُتَدَيْنُونَ.

Maksudnya:

Dengan semakin banyak tersebarnya bid'ah, maka bid'ah itu akan terpatri dalam hati manusia dan dianggap sebagai ajaran agama, sehingga kelak ia akan menjadi ajaran yang diikuti oleh manusia. Dan semakin luas dan besar bid'ah itu tersebar, maka semakin hilanglah ajaran agama yang sebenarnya berada daripada Allah dan Rasul-Nya. [al-Bid'ah Asbabuha wa Madharuha, ms. 57]

6. Perbuatan para pengamal ritual Yasinan Jumaat yang menggantikan sunnah Rasulullah dan ajaran Imam asy-Syafi'e dengan sunnah rekaan mereka.

Lebih lanjut berkenaan amalan-amalan sunnah dan bid'ah pada hari dan malam Jumaat, sila rujuk:

1. ***Amalan Sunat Hari Jumaat & Surah al-Kahfi*** karya Ustaz Mohd Fikri Che Hussain (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. ***200 Bid'ah Hari Jumaat Di Dunia Islam*** karya Ustaz 'Abdullah Al-Qari Hj. Salleh (Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur).
3. ***Al-Jumu'ah Adab wa Ahkam Dirasah Fiqhiyyah Muqaranaah*** karya Jabir Abdul Qayyim as-Saidi. Bagi edisi terjemahan, lihat *Jum'atan Bersama Nabi*, (Aqwam, Solo).
4. ***Panduan Shalat Jum'at*** karya Ustaz Yazid Abdul Qadir Jawas (Pustaka At-Taqwa, Jawa Barat).

Fakta 18 : Wahhabi & Nisfu Sya'ban

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka menolak amalan khusus yang dilakukan pada malam pertengahan bulan Sya'ban (*nisfu Sya'ban*).

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan para ulamak *Syafi'iyyah* adalah *Wahhabi*. Ini kerana mereka bukan sahaja tidak pernah meraikan nisfu Sya'ban dengan amalan-amalan ritual tertentu, bahkan menghukum bid'ah ibadah yang diada-adakan tanpa adanya dalil sahih yang mendukunginya.

Berkata Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah* mengenai solat khusus yang diadakan pada malam *nisfu Sya'ban*:

الصلوة المعروفة بصلوة الرغائب وهي ثنتي عشرة ركعة تصلى بين المغرب والعشاء ليلة أول جمعة في رجب وصلوة ليلة نصف شعبان مائة ركعة وهاتان الصلاتان بدعتان ومنكران قبيحتان، ولا يغير بذكرهما في كتاب قوت القلوب واحياء علوم الدين، ولا بالحديث المذكور فيهما فان كل ذلك باطل.

Maksudnya:

Solat yang dikenali dengan solat ar-Raghaib iaitu solat 12 rakaat yang dikerjakan di antara maghrib dan isyak pada malam Jumaat yang pertama di bulan Rejab, dan juga solat malam nisfu (pertengahan bulan) Sya'ban seratus rakaat, dua solat ini merupakan solat yang bid'ah, solat yang mungkar dan buruk.

Janganlah terpengaruh dengan disebutkannya kedua solat ini dalam kitab *Quutu Al-Qulub* dan *Ihya' Ulumiddin*, dan jangan pula terpedaya dengan hadis yang disebutkan tentang kedua solat ini kerana semuanya adalah batil. [al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab 4/56]

Imam al-Nawawi menerusi kenyataannya di atas dengan tegas menyatakan solat khusus yang diadakan pada malam nisfu Sya'ban adalah bid'ah di sisi agama. Beliau juga menambah bahawa semua hadis yang menjelaskan kelebihan serta anjurannya adalah batil sama sekali.

Memadai dengan kenyataan salah seorang tokoh besar mazhab Syafi'e ini menjadi bukti bahawa ibadah khusus yang diadakan pada malam *nisfu Sya'ban* sebagaimana yang masyhur dalam masyarakat Islam di nusantara adalah bid'ah dan bukan merupakan ajaran para ulamak *Syafi'iyyah*.

Lebih lanjut mengenai amalan-amalan bid'ah pada malam *nisfu Sya'ban* serta kelemahan hadis-hadis mengenainya, sila rujuk:

1. ***Al-Bida' al-Hauliyyah*** karya Syaikh Abdullah bin 'Abdul 'Aziz at-Tuwaijiri. Bagi edisi terjemahan, lihat *Menyoal Rutinitas Perayaan Bid'ah Sepanjang Tahun* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta).
2. ***Amalan Bid'ah Pada Bulan Muharram, Rejab, Sya'ban & Ramadan*** karya Dr. Abdul Ghani Azmi bin Hj. Idris (Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur).
3. ***Hebatnya Bulan Islam*** karya Mohd Yaakub bin Mohd Yunus (Karya Bestari, Selangor).

Fakta 19 : Wahhabi & Zikir Berjemaah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang enggan berzikir dan berdoa berjemaah secara terus-menerus dengan suara yang kuat.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi* maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan para ulamak bermazhab Syafi'e selainnya juga ialah *Wahhabi*. Ini kerana mereka tidak pernah mengajarkan amalan berzikir dengan *kaifiyyat* (tatacara) demikian, iaitu berzikir secara beramai-ramai dengan suara yang keras dan dilakukan secara terus-menerus setiap kali selesai mengerjakan solat berjamaah. Perhatikan ucapan-ucapan mereka di bawah ini:

Imam asy-Syafi'e menjelaskan di dalam kitabnya *al-Umm* 1/127:

وَاحْتِيَارُ لِلإِمَامِ وَالْمَأْمُومِ أَنْ يَذْكُرَا اللَّهَ بَعْدَ الْإِنْصِرَافِ مِنَ الصَّلَاةِ
وَيُخْفِيَانِ الذِّكْرَ إِلَّا أَنْ يَكُونَ إِمَاماً يَحِبُّ أَنْ يُتَعَلَّمَ مِنْهُ، فَيَجْهَرُ حَتَّى يَرَى أَنَّهُ
قَدْ ثُعِلَّمَ مِنْهُ ثُمَّ يُسِرُّ، فَإِنَّ اللَّهَ يَقُولُ: وَلَا تَجْهَرْ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا،
يَعْنِي - وَاللَّهُ تَعَالَى أَعْلَمُ - الدُّعَاءُ، وَلَا تَجْهَرْ: تَرْفَعْ، وَلَا تُخَافِتْ: حَتَّى لَا
تَسْمَعَ نَفْسُكَ.

Maksudnya:

Dan aku memilih bagi para imam dan makmum untuk berzikir setelah solat (yang lima waktu) dengan cara memperlahangkan (yakni tidak mengeraskan suara), kecuali bila imam harus mengajark

annya kepada makmum, maka ia (boleh) untuk mengeraskan bacaan tersebut sehingga boleh mengikuti, tetapi kemudian dia (imam) kembali memperlahangkan (lagi seperti semula).

Ini kerana sesungguhnya Allah telah berfirman: (maksudnya) *Dan janganlah kamu mengeraskan suaramu dalam solatmu dan janganlah pula merendahkannya....*, maksudnya adalah (ketika) berdoa - *wallahu Ta'ala a'lam* -, "Dan janganlah kamu mengeraskan..." (Maksudnya adalah: janganlah) kamu mengangkat (suaramu ketika berdoa), "... dan janganlah pula merendahkannya..." terlalu rendah sehingga tidak didengar oleh dirimu sendiri.

Imam al-Nawawi *rahimahullah* di dalam kitabnya *at-Tahqiq*, ms. 14 menulis:

يُنْدَبُ الذِّكْرُ وَالدُّعَاءُ عَقِيبَ كُلِّ صَلَاةٍ، وَيُسَرُّ بِهِ، فَإِذَا كَانَ إِمَامًا
يُرِيدُ أَنْ يُعْلَمَهُمْ جَهَرًا، فَإِذَا تَعَلَّمُوا أَسْرَ.

Maksudnya:

Dan telah disunnahkan untuk berzikir dan berdoa setiap selesai salam; dengan cara menyembunyikan (tidak mengeraskan) bacaan (zikir dan doanya itu), terkecuali apabila seorang imam hendak mengajarkan bacaan-bacaan zikir tersebut. Maka dia boleh untuk mengeraskan bacaannya tersebut. Namun apabila dia melihat bahawa makmum telah belajar daripadanya bacaan-bacaan tersebut, maka hendaklah dia memperlahangkan kembali.

Adapun hadis Ibnu 'Abbas berikut yang sering dijadikan dalil oleh sebahagian orang bagi mensabitkan kesunnahan berzikir dengan suara yang keras secara terus-menerus:

أَنْ رَفِعَ الصَّوْتُ بِالذِّكْرِ حِينَ يَنْصَرِفُ النَّاسُ مِنَ الْمَكْتُوبَةِ كَانَ عَلَى عَهْدِ
 النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : كُنْتُ أَعْلَمُ إِذَا انصَرَفُوا بِذَلِكَ إِذَا
 سَمِعْتُهُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya mengangkat suara dengan zikir sewaktu manusia bersurai dari solat fardhu adalah berlaku pada zaman Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan berkata Ibn Abbas: Aku mengetahui yang demikian apabila mereka pulang dan aku mendengarnya. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam Shahih al-Bukhari, no. 841, 842 dan Imam Muslim dalam Shahih Muslim, no. 120, 121, 122, 583]

Imam al-Nawawi asy-Syafi'e menjelaskan di dalam *Syarh Shahih Muslim* 5/84:

حَمَلَ الشَّافِعِيُّ رَحْمَةً اللَّهِ تَعَالَى هَذَا الْحَدِيثَ عَلَى أَنَّهُ جَهَرٌ وَقُتُّا يَسِيرًا
حَتَّى يَعْلَمَهُمْ صِفَةَ الذِّكْرِ، لَا أَنَّهُمْ جَهَرُوا دَائِمًا.

Maksudnya:

Imam asy-Syafi'e menafsiri hadis ini bahawa baginda mengeraskan suaranya dalam beberapa waktu sahaja, bertujuan untuk mengajari sahabatnya cara berzikir, bukan bererti mereka (Nabi dan para sahabatnya) sentiasa mengeraskan suaranya (dalam berzikir).

Syaikh Zainuddin Abdil 'Aziz al-Malibari asy-Syafi'e *rahimahullah* di dalam kitabnya *Fath al-Mu'in* 3/185-186 menyatakan:

قَالَ شِيخُنَا: أَمَا الْمُبَالَغَةُ فِي الْجَهْرِ بِهِمَا فِي الْمَسْجِدِ، بِجَبِيلٍ يَحْصُلُ
تَشْوِيشٌ عَلَى مُصَلٍّ فَيَنْبَغِي حُرْمَتُهَا.

Maksud:

Syaikh kami (Ibnu Hajar al-Haitsami) mengatakan: Adapun (berzikir atau berdoa) dengan suara yang sangat keras di dalam masjid sehingga mengganggu orang yang sedang solat, maka sudah seharusnya hal seperti ini diharamkan.

Berdasarkan nukilan fatwa Imam asy-Syafi'e dan para ulamak *Syafi'iyyah* di atas, maka dapat ditarik satu kesimpulan bahawa:

1. Hukum asal berzikir selepas solat menurut sunnah Nabi dan ajaran Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* ialah dengan memperlahangkan suara dan dilakukan secara individu, bukan beramai-ramai.
2. Pengecualian apabila imam hendak mengajarkan makmumnya, maka dalam situasi ini disunatkan untuk dia mengeraskan suaranya supaya para makmum dapat mempelajari tatacara berzikir selepas solat.
3. Setelah itu, apabila para makmum sudah tahu untuk berzikir selepas solat, hendaklah imam memperlahangkan semula suaranya apabila dia hendak berzikir selepas solat.
4. Adapun perbuatan sebahagian imam yang mengeraskan suaranya ketika berzikir sehingga mendatangkan gangguan kepada orang yang masih beribadah, maka ia adalah haram di sisi mazhab Syafi'e.

Sekian beberapa huraiyan mengenai tatacara berzikir selepas solat menurut sunnah Nabi yang sahih dan ajaran Imam asy-Syafi'e serta para ulamak *Syafi'iyyah* yang sering sahaja dituduh sebagai amalan *Wahhabi* oleh para pelaku bid'ah dan pentaksuh mazhab. Seterusnya bandingkan pula sunnah Rasulullah dan ajaran Imam asy-Syafi'e serta para ulamak *Syafi'iyyah* di atas dengan sunnah tradisi umat Islam di negara ini:

1. Kebanyakan imam masjid menyaringkan suara semasa berzikir dan berdoa setelah selesai solat berjamaah. Hal ini dilakukan secara berterusan, bukan sekali-sekala sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan Imam asy-Syafi'e *rahimahullah*.
2. Dengan berbantuan alat pembesar suara (mikrofon), suara imam semakin bertambah nyaring sehingga memenuhi segenap ruang masjid. Bahkan suara

imam juga kedengaran sehingga mencecah jarak ratusan meter daripada lokasi masjid.

3. Boleh dikatakan rata-rata umat Islam di negara ini yang mengikuti solat secara berjamaah memiliki kebolehan untuk berwirid dan berdoa secara individu, meskipun tanpa pimpinan daripada imam. Namun, tradisi imam memimpin bacaan zikir dan doa tetap menjadi rutin di kebanyakan masjid.

Berdasarkan ketiga-tiga poin di atas, adakah:

1. Umat Islam yang rata-ratanya mengaku bermazhab Syafi'e di negara ini benar-benar mengikuti ajaran Rasulullah dan Imam asy-Syafi'i?
2. Golongan yang ditohmah sebagai *Wahhabi* yang memperjuangkan sunnah Rasulullah benar-benar telah terkeluar daripada ajaran baginda dan Imam asy-Syafi'e?

Sama-samalah kita menilainya.

Lebih lanjut berkenaan hukum berzikir secara berjemaah, sila rujuk:

1. ***Apa Kata Imam Syafi'i Tentang Dzikir Berjemaah Setelah Solat Wajib Dengan Suara Keras?*** karya Ibnu Saini Muhammad Musa, (Maktabah Mua'wiyah bin Abi Sufyan, Jakarta).
2. ***Adz-Dzikr al-Jama'i Bain al-Ittiba' wa al-Ibtida'*** karya Dr. Muhammad Abdul Rahman Al-Khumais. Bagi edisi terjemahan, lihat *Dzikir Jama'i Yang Sunnah & Bid'ah* (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur).
3. ***Amalan Berzikir Antara Sunnah & Rekaan Manusia*** karya Mohd Khairil Anwar Abdul Latif (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).
4. ***Marilah Berzikir Selepas Solat Bersama Rasulullah*** karya Mohd Hairi Nonchi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 20 : Wahhabi & Berdoa Beramai-Ramai

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak berdoa beramai-ramai setiap kali selesainya ibadah solat fardhu secara berjamaah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* (204H) bersama para ulamak *Syafi'iyyah* ialah *Wahhabi* kerana beliau tidak pernah mengajarkan amalan berdoa secara beramai-ramai setiap kali selesainya ibadah solat fardhu. Perhatikan hadis berikut dan keterangan Imam asy-Syafi'e yang menyusulnya:

عَنْ جَابِرِ بْنِ يَزِيدٍ بْنِ الْأَسْوَدِ عَنْ أَبِيهِ، أَنَّهُ صَلَّى مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاةَ الصُّبْحِ فَلَمَّا صَلَّى الْخَرْفَ.

Maksudnya:

Jabir bin Yazid Ibnu Aswad berkata, dari ayahnya bahawa dia pernah solat bersama Rasulullah dalam solat Subuh. Setelah selesai solatnya, baginda segera meninggalkan tempat solatnya. [Hadis riwayat an-Nasa'i dalam *Shahih Sunan an-Nasa'i*, no. 1334]

Berdasarkan hadis ini, Imam asy-Syafi'e berpandangan bahawa dibolehkan bagi makmum untuk meninggalkan imam sebaik sahaja selesai solat jamaah dikerjakan, tanpa perlu lagi menunggu untuk berzikir bersama-sama dengannya. Beliau berkata di dalam kitab *Mausu'ah al-Imam asy-Syafie: al-Umm* 1/355:

ثُمَّ يَقُومُ وَإِنْ قَامَ قَبْلَ ذَلِكَ أَوْجَلْسَ أَطْوَلَ مِنْ ذَلِكَ فَلَا شَيْءٌ عَلَيْهِ،

وَلِلْمَأْمُونِ أَنْ يَنْصُرِفَ إِذَا قَضَى الْإِمَامُ السَّلَامَ قَبْلَ قِيَامِ الْإِمَامِ

Maksudnya:

Kemudian imam boleh bangun. Jika dia bangun sebelum itu atau duduk lebih lama di situ, tidak mengapa. Maknum pula boleh pergi setelah imam selesai memberi salam, sebelum imam bangun.

Fatwa yang seumpama juga dikemukakan oleh al-'Allamah Ibnu Hajar al-Haitsami al-Makki asy-Syafi'i *rahimahullah* (974H). Beliau berkata:

وَالْأَفْضَلُ لِلإِمَامِ إِذَا سَلَّمَ أَنْ يَقُومَ مِنْ مُصَلَّاهُ عَقِبَ سَلَامِهِ.

Maksudnya:

Dan lebih utama bagi seorang imam adalah (bersegera) bangkit dari tempat duduknya setelah salam. [*Hawasyi asy-Syirwani wa Ibnil Qasim al-'Abadi 'Ala Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj* 2/104]

Fatwa Imam asy-Syafi'i *rahimahullah* dan al-'Allamah Ibnu Hajar al-Haitsami al-Makki asy-Syafi'i *rahimahullah* yang membolehkan maknum meninggalkan imam sebaik sahaja selesai mengerjakan solat ini bertolak belakang dengan pandangan majoriti masyarakat di negara ini yang sering sahaja menganggap orang yang tidak berzikir dan berdoa bersama imam sebagai biadap atau tidak menghormati imam.

Dengan penerangan kedua imam besar mazhab Syafi'i ini maka jelaslah kepada kita bahawa yang sebenarnya biadap ialah diri mereka sendiri lantaran sikap mereka yang sering sahaja menentang sunnah-sunnah Rasulullah yang sahih dan pandangan para imam mazhab yang menjadi ikutan mereka sendiri.

Catatan Tambahan

Di antara bukti yang menunjukkan bahawa tidak disyariatkan berdoa secara berjamaah setelah selesainya mengerjakan solat-solat fardhu adalah hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* seperti berikut:

عَنْ الْبَرَاءِ قَالَ كُنَّا إِذَا صَلَّيْنَا خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْبَبْنَا أَنْ نَكُونَ عَنْ يَمِينِهِ يُقْبِلُ عَلَيْنَا بِوْجْهِهِ قَالَ فَسَمِعْتُهُ يَقُولُ: رَبِّنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ أَوْ تَجْمَعُ عِبَادَكَ.

Maksudnya:

Dari al-Barra' dia berkata: Jika kami solat di belakang Rasulullah, kami suka berada di sebelah kanan baginda. Baginda akan menghadapkan wajahnya kepada kami. Aku pernah mendengar baginda berdoa: "Wahai Rabbku, peliharalah aku dari siksa-Mu pada hari (Kiamat) yang Engkau akan membangkitkan atau mengumpulkan para hamba-Mu." [Shahih Muslim, no. 709.]

Perhatikan, dalam doanya di atas, Rasulullah tidak menggunakan lafaz yang menunjukkan *dhamir jama'* (kata ganti yang menunjukkan banyak / plural). Sebaliknya baginda hanya menggunakan lafaz yang menunjukkan kata ganti tunggal (*singular*). Baginda tidak menyebut '*peliharalah kami*', akan tetapi baginda menyebut '*peliharalah aku*', padahal ketika itu baginda baru sahaja menyelesaikan ibadah solat secara berjamaah.

Perhatikan juga hadis berikut yang menunjukkan baginda tetap berdoa secara individu, dan bukannya berjamaah.

عَنْ عَلَيٍّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَلَّمَ مِنَ الصَّلَاةِ قَالَ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَرْتُ وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ وَمَا أَسْرَفْتُ وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي أَنْتَ الْمُقَدَّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya:

Dari Ali bin Abi Thalib radhiallahu'anhu, dia berkata: Kebiasaan Nabi, jika telah mengucapkan salam solat, baginda berdoa: "Ya Allah, ampunilah dosaku yang telah aku lakukan dan yang telah aku tinggalkan, yang aku rahiaskan dan yang telah aku lakukan terang-terangan, yang telah aku lakukan dengan berlebih-lebihan dan segala dosa yang Engkau lebih mengetahuinya daripada aku. Engkau adalah Muqaddim (Dzat yang memajukan orang yang Engkau kehendaki dengan sebab mentaati-Mu atau sebab lainnya) dan Muakhkhir (Dzat yang memundurkan orang yang Engkau kehendaki). Tidak ada yang berhak diibadahi kecuali Engkau."

[Hadis riwayat Abu Daud, no. 1509.]

Wallahu Ta'ala a'lam.

Fakta 21 : Wahhabi & Bersalam-Salaman Selepas Solat

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak bersalam-salaman setelah mengerjakan ibadah solat secara berjamaah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* ialah *Wahhabi* kerana tidak dinukilkan satu pun bukti bahawa beliau mengkhususkan amalan bersalam-salaman setelah selesai solat berjamaah. Demikian juga, takrifan di atas secara tidak langsung melazimkan para ulamak *Syafi'iyyah* yang melarang amalan bersalam-salaman setelah selesai solat berjamaah sebagai *Wahhabi*.

Imam al-'Izz 'Abdis Salam asy-Syafi'e *rahimahullah* (660H) ditanya mengenai amalan bersalam-salaman setelah solat, dia menjawab:

الْمُصَافَحَةُ عَقِبَ الصُّبُحِ وَالْعَصْرِ مِنَ الْبِدَعِ.

Maksudnya:

Berjabat tangan setelah selesai dari (mengerjakan) solat Subuh dan Asar termasuk perbuatan bid'ah. [Fatawa Al-'Izz 'Abdis Salam, ms. 46, no. 15]

Apa yang dibid'ahkan oleh Imam al-'Izz 'Abdis Salam menerusi fatwanya di atas ialah apabila amalan bersalam-salaman itu dikhkususkan selepas solat sambil meyakini bahawa ia adalah suatu yang diperintahkan oleh syarak.

Namun jika amalan tersebut dilakukan kerana baru bertemu, baik sebelum atau selepas solat, maka tidaklah ia dikatakan sebagai bid'ah. Sebaliknya ia adalah amalan yang menepati sunnah dan perintah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sabdanya:

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَلْتَقِيَانِ فَيَتَصَافَحَا إِلَّا غُفرَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَتَمَرَّقَا.

Maksudnya:

Tidaklah dua orang Muslim bertemu lalu saling berjabat tangan, melainkan Allah mengampuni dosa keduanya sebelum berpisah. [Shahih at-Targhib wa at-Tarhib, no. 2718]

Sabdanya lagi dalam hadis yang lain:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا لَقِيَ الْمُؤْمِنَ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ وَأَخَذَ بِيَدِهِ فَصَافَحَهُ تَنَاثَرْتُ
خَطَايَاهُمَا كَمَا يَتَنَاثَرُ وَرَقُ الشَّجَرِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya seorang Mukmin apabila bertemu dengan Mukmin yang lain, lalu dia memberikan salam dan mengambil tangannya lalu berjabat tangan, maka akan gugur kesalahan keduanya sebagaimana dedaunan pohon berguguran. [Shahih at-Targhib wa at-Tarhib, no. 2721]

Selain itu, mengkhususkan amalan bersalam-salaman selepas solat berjamaah juga dilihat mengandungi beberapa keburukan, antaranya:

1. Menyelisihi sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apa yang sunnah berhubung dengan amalan bersalam-salaman ialah apabila berlakunya pertemuan antara dua orang saudara Muslim. Adapun mengkhususkan amalan bersalam-salaman selepas solat berjamaah, maka ia adalah perbuatan yang menyelisihi sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.
2. Mengganggu orang lain yang sedang beribadah. Pada kebiasaananya, upacara bersalam-salaman ini dilakukan di sekitar saf pertama, di mana imam dan para makmum akan berkumpul beramai-ramai di lokasi tersebut sambil berjabat tangan dengan diiringi bacaan selawat ke atas Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* secara beramai-ramai. Perbuatan ini sudah pastinya akan mendatangkan gangguan kepada mereka yang masih berkeinginan melanjutkan amalan sunat selepas solat seperti berwirid, berdoa, solat sunat dan ibadah lainnya.
3. Mengundang salah faham golongan yang jahil terhadap mereka yang tidak menyertai amalan bersalam-salaman selepas solat jamaah. Bukanlah suatu yang

menghairankan apabila ada pihak yang tidak menyertai amalan bersalam-salaman selepas solat berjamaah, mereka ini pasti akan dianggap oleh sebahagian pihak sebagai penentang sunnah, ekstrim, pemecah belah masyarakat dan yang paling masyhur ditohmah sebagai berfahaman *Wahhabi*.

Laa hawla walaa quwwata illa billah !

Fakta 22 : Wahhabi & Amalan Melafaz Niat

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak melafazkan niat sebelum solat.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* ialah *Wahhabi* kerana beliau tidak pernah mengajarkan amalan demikian. Demikian juga para ulamak *Syafi'iyyah* selain beliau ialah *Wahhabi* kerana menyatakan amalan melafazkan niat sebelum solat (seperti lafaz *ushalli*.... atau *nawatu*) itu bukan berasal daripada sunnah Nabi yang sahih. Perhatikan ucapan mereka berikut:

Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah* menulis di dalam kitabnya *al-Majmu'*:

قال أصحابنا: غلط هذا القائل، وليس المراد الشافعى بالنطق في الصلاة هذا، بل مراده التكبير.

Maksudnya:

Pendapat yang menyatakan sunat melafazkan niat adalah kesilapan. Sebenarnya, maksud kata-kata Imam asy-Syafi'e 'menyebut' ialah lafaz takbir (*takbiratul ihram*). [*al-Majmu'* 3/243]

Kenyataan Imam al-Nawawi ini adalah selaras dengan sunnah Rasulullah di mana apabila memulakan solatnya, baginda akan melakukan *takbiratul ihram*. A'isyah *radhiallahu'anha* meriwayatkan:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَفْتِحُ الصَّلَاةَ بِالْتَّكْبِيرِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membuka solatnya dengan takbir. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 498]

Dari Abu Humaid as-Sa'idi *radhiyallahu'anhu*, dia berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ اسْتَقْبَلَ الْقِبْلَةَ وَرَفَعَ يَدَيْهِ

وَقَالَ: اللَّهُ أَكْبَرُ.

Maksudnya:

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam apabila berdiri untuk melakukan solat, baginda menghadap kiblat, mengangkat kedua tangannya dan mengucapkan: "Allahu Akbar.." [Hadis riwayat Ibnu Majah, no. 803 dan Ibnu Hibban, no. 1867]

Tidak syak lagi bahawa orang yang melafazkan niatnya, apakah lagi yang melakukannya secara berulang-ulang, mereka sebenarnya sedang ditimpa oleh perasaan was-was. Dalam hal ini, Imam asy-Syafi'e menjelaskan dengan katanya:

الوسوسة في نية الصلاة والطهار من جهل بالشرع أو خجل بالعقل.

Maksudnya:

Was-was pada niat solat dan bersuci termasuk dalam kejahanan terhadap hukum syarak atau kekeliruan pada akalnya. [*al-Amru bi al-Itba' wa an-Nahyu 'An al-Ibtida'* oleh al-Hafiz as-Suyuthi, *Lauhah* 28 / B]

Al-Hafiz as-Suyuthi asy-Syafi'e *rahimahullah* (911H) berkata:

Daripada bid'ah itu adalah, was-was dalam niat solat. Itu bukan daripada perbuatan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dan para sahabat baginda. Mereka tidak pernah melafazkan sedikit pun niat solat melainkan hanya takbir (*takbiratulihram*). [*al-'Amr bi al-Ittiba' wa al-Nahy 'An al-Ibtida'*, ms. 100]

Sementara itu al-Qadhi Abu al-Rabi' Sulaiman asy-Syafi'e *rahimahullah* (270H) pula menuturkan:

Melafazkan niat di belakang imam bukan perkara sunnah, bahkan hukumnya makruh. Jika mengganggu orang lain, maka hukumnya haram. Barangsiapa mengatakan bahawa melafazkan niat termasuk sunnah, maka dia salah dan tidak halal bagi sesiapa pun berkata dalam agama Allah tanpa ilmu (dalil). [*al-Qaul al-Mubin fi Akhtha' al-Mushallin*, ms. 91]

Fakta 23 : Wahhabi & Lafaz Sayyidina

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak menyebut lafaz ‘*Sayyidina*’ ketika berselawat ke atas Nabi.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi’e *rahimahullah* ialah *Wahhabi* kerana tidak pernah mengajarkan kepada umat Islam agar menyebut lafaz “*Saiyyidina*” di dalam mana-mana tulisannya yang terkenal, baik kitab *al-Umm*, kitab *al-Risalah*, kitab *Sunannya* mahupun selainnya.

Catatan tambahan

Sebahagian pihak yang membolehkan penambahan gelaran *Sayyidina* ke atas Nabi berujah kepada dua alasan berikut:

Alasan #1:

“Apa yang dilarang berkenaan perbuatan menambah gelaran *Sayyidina* ke atas nama Nabi hanyalah khusus di dalam solat. Adapun di luar solat, maka tidak ada nas yang melarangnya.”

Bantahan:

Alasan di atas dapat ditolak dengan merujuk kepada hadis-hadis berikut:

عَنْ مُطَرِّفٍ قَالَ: قَالَ أَبِي انْطَلَقْتُ فِي وَفْدٍ بَنِي عَامِرٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا: أَنْتَ سَيِّدُنَا! فَقَالَ: السَّيِّدُ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى! قُلْنَا: وَأَفْضَلُنَا

فَضْلًا وَأَعْظَمُنَا طَوْلًا. فَقَالَ: قُولُوا بِقَوْلِكُمْ أَوْ بَعْضِ قَوْلِكُمْ وَلَا يَسْتَجِرِنَّكُمْ
الشَّيْطَانُ.

Maksudnya:

Dari Mutarrif bin Abdullah radhiAllahu'anhu berkata bahawa ayahnya pernah bersama satu rombongan daripada Bani Amir pergi untuk berjumpa Rasulullah shalallahu'alaihi wasallam. Apabila mereka tiba, mereka berkata kepada Rasulullah: "Anta Sayyidina' (Engkau Tuan kami)." (Mendengarkan yang demikian). Rasulullah shalallahu'alaihi wasallam menjawab: "Tuan kamu ialah Allah Tabaraka wa Ta'ala!"

Mereka (Banu Amir) berkata lagi: "Engkau adalah yang paling mulia kemuliaannya dan yang paling besar kemuliaannya." Rasulullah shalallahu'alaihi wasallam menjawab: "Berkatalah kamu dengan perkataan itu, akan tetapi janganlah sampai syaitan menjadikan kamu sebagai wakilnya!." [Hadis riwayat Abu Daud dalam Shahih Sunan Abu Daud, no. 4806]

Dalam riwayat yang lain:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا مُحَمَّدُ يَا سَيِّدَنَا وَابْنَ سَيِّدِنَا وَحَيْرَنَا وَابْنَ حَيْرَنَا! فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا أَئِيَّهَا النَّاسُ! عَلَيْكُمْ بِتَقْوَاتِكُمْ! وَلَا يَسْتَهِنُّكُمُ الشَّيْطَانُ، أَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ وَاللَّهُ مَا أُحِبُّ أَنْ تَرْفَعُونِي فَوْقَ مَنْزِلَتِي الَّتِي أَنْزَلَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ.

Maksudnya:

Dari Anas bin Malik, berkata seorang lelaki Arab telah datang kepada Rasulullah shalallahu'alaihi wasallam seraya berkata : "Ya Sayyidina wa ibni Sayyidina". Rasulullah shalallahu'alaihi wasallam menjawab:

"Wahai manusia! Berkatalah apa yang engkau hendaki, akan tetapi berhati-hatilah kalau-kalau syaitan mempermudah engkau dan mempengaruhi engkau sehingga menyebabkan engkau melampaui batas! Sesungguhnya aku adalah Muhammad ibnu Abdillah.

Dan aku bersumpah kepada Allah bahwasanya aku tidak suka sesiapa mengangkat kedudukan aku melebihi sedikit pun daripada apa yang telah Allah tentukan bagi aku." [Hadis riwayat Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad* 3/153, no. 12551 dan sanadnya dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan.]

Kedua-dua hadis di atas menerangkan bahawa orang yang memanggil baginda dengan gelaran *Sayyidina* juga berlaku di luar solat. Meskipun demikian baginda tetap mengingkari perbuatan lelaki tersebut dan memerintahkan agar mereka mengekalkan gelaran Nabi sebagai '*Abduhu wa Rasuluh* (hamba dan pesuruh Allah).

Alasan #2:

"Memberi gelaran *Sayyidina* kepada Nabi hanyalah sebagai simbolik rendah diri dan rasa hormat kita kepada baginda. Ada pun orang yang enggan memberikan gelaran *Sayyidina* kepada baginda setiap kali nama baginda disebut, mereka sebenarnya ialah orang-orang yang tidak beradab kepada Rasulullah."

Bantahan:

Satu-satunya barometer yang tepat bagi mengukur sama ada seseorang itu beradab atau biadap, hormat atau merendahkan kedudukan baginda ialah dengan merujuk kepada ajaran al-Qur'an dan sunnahnya yang sahih, bukannya dengan akal dan persangkaan semata-mata.

Orang yang menokok tambah ajaran Nabi, seumpama menambah gelaran *Saiyyidina* dalam selawat padahal telah jelas hadis yang melarangannya, mereka

bukanlah orang yang hormat kepada baginda. Akan tetapi sebenarnya ialah orang yang biadap kepada Rasulullah, bahkan juga kepada Allah yang memerintahkan agar umat Islam taat kepada perintah suruhan mahu pun larangan baginda.

Al-Hafizh Ibnu Hajar al-'Asqalani *rahimahullah* (852H) yang merupakan salah seorang tokoh hadis bermazhab Syafi'e pernah berkata ketika ditanya mengenai pemenambahan lafaz "Saiyyidina" di dalam selawat ke atas Nabi, beliau berkata:

Mengucapkan lafaz-lafaz selawat sebagaimana tersebut dalam riwayat hadis adalah benar. Janganlah sampai ada orang yang mengatakan Nabi tidak menggunakan kata-kata "Sayyid" dalam bacaan selawat hanya disebabkan sikap rendah diri (*tawadhu*) sahaja sebagaimana juga tidak layak ketika orang mendengar disebut nama Nabi tidak menyahut dengan ucapan "*shallallaahu 'alaihi wasallam*". Semua orang Islam dianjurkan untuk mengucapkan kata tersebut setiap kali mendengar sebutan nama Nabi.

Saya (Ibnu Hajar) menyatakan bahawa sekiranya benar bahawa ucapan "Sayyid" itu ada (disyariatkan di dalam agama), nescaya disebutkan dalam riwayat dari sahabat *radhiyallahu 'anhuma* dan *tabi'in*. Akan tetapi, saya (Ibnu Hajar) tidak menemukan adanya riwayat seperti itu dari seorang sahabat atau *tabi'in* pun, padahal begitu banyak cara bacaan selawat yang diterima dari mereka.

(Malah, Imam) asy-Syafi'e *rahimahullah* sebagai seorang yang paling menghormati Rasulullah *shallallaahu 'alaihi wasallam* juga tidak menyebutkan (adanya) kata "Sayyidin" dalam awal *muqaddimah* (pembukaan) kitabnya. Padahal (Imam) Asy-Syafi'e *rahimahullah* adalah contoh ikutan para pengikut mazhabnya. Beliau hanya menyebutkan (lafaz) "*Allahumma shalli 'ala Muhammad*." [*Shifatu Shalati an-Nabiy Shallallahu 'Alaihi Wasallam Min at-Takbiri Ila at-Taslim Kannaka Taraha* karya Syaikh al-Albani, ms. 215-216]

Lebih lanjut berkenaan beberapa contoh selawat yang sunnah dan bid'ah, sila rujuk:

1. ***Fadhlush Shalah 'Alan Nabiy Shallallahu 'Alaihi Wasallam*** karya Syaikh Muhammad Jamil Zainu. Bagi edisi terjemahan, lihat *Keajaiban Shalawat: Hak Nabi Yang Wajib Dipenuhi Oleh Umatnya* (Media Tarbiyah, Jawa Barat).
2. ***Marilah Berselawat Ke Atas Rasulullah (SAW): Suatu Jemputan Ke Arah Berselawat Dengan Sebenar-benar Selawat Dan Huraian Tentang Beberapa Salah Faham Dalam Bab Berselawat*** karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3. ***Fadhilat Shalawat Kepada Nabi Menurut al-Qur'an Dan as-Sunnah*** karya Mubarak Mahfudh Bamuallim (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta).

Fakta 24 : Wahhabi & Perayaan Maulid Nabi

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak perayaan hari kelahiran Nabi (*maulid Nabi*).

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e dan para ulamak *Syafi'iyyah* selain beliau ialah *Wahhabi*. Ini kerana, mereka bukan sahaja tidak pernah meraikan perayaan maulid bahkan menghukumnya sebagai perbuatan yang bid'ah di sisi ajaran agama. Al-Hafiz Ibnu Hajar al-Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata sebagaimana nukil al-Hafiz as-Suyuthi asy-Syafi'e *rahimahullah* di dalam kitabnya *Al-Hawi Fil Fatawa* 1/196:

أَصْلُ عَمَلِ الْمَوْلَدِ بَدْعَةٌ، لَمْ تَنْقُلْ عَنْ أَحَدٍ مِّنَ السَّلْفِ الصَّالِحِ مِنْ
القرون الثلاثة.

Maksudnya:

Hukum asal perayaan maulid itu adalah bid'ah dan hal itu tidak pernah dicontohkan oleh para ulamak *as-Salafus as-Soleh* yang hidup pada tiga abad yang pertama.

Sementara itu, salah seorang pembesar mazhab Syafi'e iaitu S Ibnu Hajar al-Haitsami asy-Syafi'e *rahimahullah* menyebutkan di dalam kitabnya *al-Fatawa al-Haditsiyah*:

وَمَا يَفْعُلُهُ كَثِيرٌ عِنْدَ ذِكْرِ مَوْلَدِهِ وَوُضُعُ أَمْهَ لِهِ مِنَ الْقِيَامِ بَدْعَةٌ لَمْ يُرِدْ
فِيهَا شَيْءٌ.

Maksudnya:

Adapun apa yang dirayakan oleh kebanyakan orang ketika hari kelahiran Nabi dan saat ibunda baginda melahirkannya, maka hal itu adalah perbuatan bid'ah dan tidak ada satu pun dalil yang mendasari perbuatan tersebut sama sekali.

Selanjutnya perhatikan pula ungkapan salah seorang ulamak *Syafi'iyyah* mengenai hukum perayaan maulid iaitu Syaikh Ja'far at-Tazmanti asy-Syafi'e *rahimahullah* (682H), katanya:

هذا لفعل لم يقع في الصدر الأول من السلف الصالح مع تعظيمهم

وحبّهم له - أي: للنبي - إعظيمًا ومحبّة لا يبلغ جمعنا الواحد منهم.

Maksudnya:

Perbuatan (perayaan *maulid*) ini tidak pernah dicontohkan pada masa (kurun) pertama dari masa para ulama *Salafus Soleh*, padahal mereka adalah orang yang paling besar pengagungan dan rasa cintanya kepada baginda (Rasulullah) dan tidak ada seorang pun dari kita yang mampu untuk menandingi bagaimana besarnya pengagungan dan rasa cinta mereka (para sahabat) kepada baginda. [Subul al-Huda wa al-Rasyad fi Sirati Khair al-'Ibad 1/441-441]

Lebih lanjut, sila rujuk:

1. **Benarkah Shalahuddin Al-Ayubi Merayakan Maulid Nabi?** karya Ustaz Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa (Maktabah Abu Mu'awiyah Bin Abi Sufyan, Jakarta).
2. **Tarekat, Tasawuf, Tahlilan & Maulidan** karya Ustaz Hartono Ahmad Jaiz (Wacana Ilmiah Press, Solo).
3. **Bincang-Bincang Seputar Tahlinan, Yasinan & Maulidan** karya Ustaz Abu Ihsan al-Atsari (Pustaka At-Tibyan, Solo).

Fakta 25 : Wahhabi & Qasidah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak tatacara berselawat dengan cara berqasidah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan para ulamak *as-Salaf as-Soleh* seluruhnya ialah *Wahhabi* kerana tidak pernah berselawat ke atas baginda dengan cara berqasidah, iaitu berselawat dengan lafaz yang direka-reka sambil diiringi dengan alunan muzik sebagaimana yang menjadi kebiasaan sebahagian besar golongan tareqat sufi (kesufian). Berkata Imam asy-Syafi'e *rahimahullah*:

خَلَّفْتُ بِيَغْدَادَ شَيْئًا أَحْدَثْتُهُ الزَّنَادِقَةُ يُسَمُّونَهُ التَّغْيِيرَ، يُشْغِلُونَ بِهِ النَّاسَ
عَنِ الْقُرْآنِ.

Maksudnya:

Saya tinggalkan kota Baghdad sesuatu yang dibuat orang-orang *zindiq* (orang-orang *sufi*), mereka menamakannya dengan *taghbir* (zikir atau lantunan syair-syair zuhud dengan suara merdu) untuk melalaikan manusia daripada al-Qur'an. [Manaqib asy-Syafi'e 1/283]

Para ulamak menjelaskan pernyataan Imam asy-Syafi'e di atas:

وَمَا ذَكَرَهُ الشَّافِعِيٌّ – رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ – مِنْ أَنَّهُ مِنْ إِحْدَاثِ الزَّنَادِقَةِ –

فَهُوَ كَلَامٌ إِمَامٌ خَبِيرٌ بِأَصْوَلِ الْإِسْلَامِ؛ إِنَّ هَذَا السَّمَاعَ لَمْ يَرْغَبْ فِيهِ وَيَدْعُو

إليه في الأصل إلا من هو متهم بالزنقة... ذكر أبو عبد الرحمن السلمي في
مسألة السماع...

Maksudnya:

Apa yang disebutkan oleh Imam asy-Syafie *rahimahullah* adalah suatu pandangan seorang imam yang ahli dalam ilmu usul dalam Islam. Ini kerana pada dasarnya, tidak ada yang menggalak dan menganjurkan nyanyian melainkan orang-orang *zindiq*.... sebagaimana yang disebutkan oleh Abdurrahman as-Sulami dalam *Mas'alah as-Sama'* daripada Ibnu Rawandi. [Majmu' al-Fatawa 11/570]

Salah seorang ulamak besar bermazhab Syafi'e, Imam Jalaluddin as-Suyuthi *rahimahullah* berfatwa dengan katanya:

ومن ذلك الرقص، والغناء في المساجد، وضرب الدف أو الرباب، أو غير ذلك من آلات الطرب. فمن فعل ذلك في المسجد، فهو مبتدع، ضال، مستحق للطرد والضرب؛ لأنه استخف بما أمر الله بتعظيمه، قال الله تعالى:
(في بيوت أذن الله أن ترفع "أي تعظم" ويدرك فيها اسمه)، أي يتلى فيها كتابه. وبيوت الله هي المساجد؛ وقد أمر الله بتعظيمها، وصيانتها عن الأقدار، والأوساخ، والصبيان، والمخاط، والثوم، والبصل، وإنشاد الشعر فيها، والغناء والرقص؛ فمن غنى فيها أو رقص فهو مبتدع، ضال مضل، مستحق للعقوبة.

Maksudnya:

Dan di antaranya adalah menari, menyanyi di dalam masjid, memukul kompong (atau gendang) atau rebab (sejenis alat muzik bertali seperti biola), atau selain itu dari jenis-jenis alat-alat muzik. Maka sesiapa yang melakukan perkara yang tersebut di dalam masjid maka dia adalah *mubtadi'*(pelaku bid'ah), sesat, perlu dihalau dan boleh dipukul, kerana dia meremehkan perintah Allah untuk memuliakan masjid. Allah berfirman: *Bertasbihlah kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan (iaitu menggungkannya) dan disebut nama-Nya di dalamnya.* [Surah al-Nur, ayat 36], iaitu dibacakan kitab-Nya di dalamnya.

Rumah-rumah Allah adalah masjid-masjid, dan Allah Ta'ala telah memerintahkan untuk memuliakannya, menjaganya dari kotoran, najis, anak-anak (dari mengotori masjid), hingus, bawang putih, bawang merah (memakannya kemudian ke masjid tanpa bersuci terlebih dahulu), nasyid-nasyid, sya'ir, nyanyian dan tarian di dalamnya. Maka sesiapa yang menyanyi atau menari di dalamnya maka dia adalah pelaku bid'ah, sesat dan menyesatkan dan berhak dikenakan hukuman. [*al-Amru bi al-Ittiba' wa an-Nahyu 'an al-Ibtida'*, ms. 30 – *al-Maktabah asy-Syamilah*]

Beberapa Pertanyaan Para Pendukung Qasidah dan Jawapannya.

Soalan # 1

“Salahkah kami berselawat ke atas Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*? ”

Jawapan:

Tiada siapa yang menghalangi anda untuk berselawat kerana jelas ia adalah sebahagian daripada perintah Allah dan ajaran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Namun yang menjadi persoalan adalah, bagaimanakah cara yang benar untuk berselawat kepada baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*?

Jawapannya tidak lain, seperti yang telah diajarkan oleh Rasulullah menerusi hadis-hadisnya yang sahih. Sebagaimana kita tidak dibolehkan mereka cipta tatacara ibadah solat, puasa dan haji, maka demikianlah dengan selawat. Hendaklah kaedah berselawat kita benar-benar berasal daripada ajaran Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, bukannya suatu yang direka-reka oleh manusia biasa.

Soalan # 2:

“Salah satu tujuan kami berqasidah adalah ingin memohon pertolongan atau syafaat secara terus kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Adakah perbuatan kami ini bercanggah dengan ajaran Islam?”

Jawapan:

Betul, perbuatan kamu adalah bercanggah dengan ajaran Islam jika ditinjau daripada beberapa sisi. Antaranya:

1. Bercanggah dengan Sunnah Rasulullah. Terdapat banyak cara yang diajarkan oleh Rasulullah untuk kita umat Islam mendapatkan syafaatnya pada hari kiamat. Salah satu daripadanya ialah dengan memperbanyakkan selawat ke atasnya. Adapun memohon syafaat baginda melalui qasidah, ia bukanlah ajaran Allah dan Rasul-Nya, bukan juga ajaran para Sahabat dan para Imam terkemuka umat ini.
2. Menggubal syariat Islam. Sebagaimana yang telah ditegaskan di atas bahawa qasidah bukanlah selawat yang disyariatkan di sisi ajaran Islam. Ia hanyalah bait-bair syair yang direkacipta oleh manusia berdasarkan akal dan perasaan mereka lalu mendakwanya sebagai selawat. Dakwaan mereka ini jelas satu pembohongan atas nama agama dan merupakan perombakan ke atas syariat Allah dan Rasul-Nya.
3. Berbaur syirik dan khurafat. Terdapat sebahagian lirik-lirik qasidah pada masa kini yang dilihat berunsur mempersekuatkan Allah dengan selain-Nya. Antaranya ialah meminta pertolongan kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, padahal baginda telah pun wafat. Ini jelas menyalahi ajaran Islam yang memerintahkan umatnya agar berdoa dan memohon pertolongan

secara terus kepada Allah, bukannya melalui perantaraan makhluk yang sudah meninggal dunia. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Maksudnya:

Hanya kepada Engkau kami menyembah dan hanya kepada Engkau kami memohon pertolongan. [Surah al-Fatihah, ayat 5]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِذَا سَأَلْتَ فَسْأَلِ اللَّهُ وَإِذَا سَتَعْنَتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ.

Maksudnya:

Apabila engkau meminta maka mintalah kepada Allah dan apabila engkau meminta pertolongan maka mintalah pertolongan Allah. [Hadis riwayat at-Tirmidzi dalam *Sunan at-Tirmidzi*, no. 2516]

Larangan memohon pertolongan kepada selain Allah yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada perkara yang berada di luar kemampuan manusia. Ini seperti permohonan agar dimurahkan rezeki, diselamatkan daripada azab kubur dan neraka, dipanjangkan usia, ditunaikan segala hajat dan sebagainya. Adapun khurafat yang dimaksudkan adalah keyakinan bahawa roh Nabi hadir ke dalam majlis qasidah. Sungguh ini adalah merupakan pembohongan di siang hari dan pembodohan ke atas umat Islam.

4. Menyerupai tatacara ibadah orang kafir. Memohon doa kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sambil diiringi dengan muzik merupakan *tasyabuh* (penyerupaan) kepada tatacara ibadah orang kafir yang berdoa kepada Nabi Isa *'alaihi wasallam* secara bernyanyi-nyanyi sambil diiringi alunan muzik di gereja.
5. Bercanggah dengan amalan para Salaf. Berselawat dengan cara berqasidah adalah bercanggah dengan amalan para Salaf, khususnya generasi para Sahabat yang mendapat pengiktirafan oleh Rasulullah sebagai sebaik-baik

generasi. Mereka ialah barisan manusia yang paling mencintai baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*. Disebabkan kecintaan yang mendalam terhadap Rasulullah, mereka sanggup mengorbankan harta dan seluruh jiwa dan raga mereka. Namun sehingga kini tidak ditemui satu jua dalil yang sahih bahkan yang *maudhu'* (palsu) bahawa mereka melakukan qasidah untuk menunjukkan rasa cinta mereka kepada baginda.

Soalan # 3:

"Bukankah yang mengajak berdoa dan berselawat dengan cara berqasidah juga ialah mereka yang berketurunan Nabi? Mustahil mereka salah! "

Jawapan:

Sebagaimana kalian mengatakan mustahil mereka berbuat salah, demikian juga sebaliknya, adalah mustahil untuk dikatakan mereka sentiasa betul dalam semua hal dan keadaan. Hakikatnya mereka juga adalah manusia biasa, yang ada nafsu dan kecenderungan untuk berbuat salah. Mereka bukanlah Rasul yang dijanjikan maksum oleh Allah, bukan juga malaikat yang suci daripada dosa.

Siapa pun di dunia ini tetap tertakluk kepada hukum-hakam Allah, termasuklah mereka yang mengaku berketurunan Nabi. Jika mereka berbuat dosa, pastilah balasan buruk yang bakal diterima oleh mereka. Demikian sebaliknya, mereka akan mendapat nikmat keamanan dan kebahagiaan daripada Allah sekiranya mereka berbuat baik di dunia. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَإِيمُّ اللَّهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقَطَعَ مُحَمَّدٌ يَدَهَا.

Maksudnya:

Demi Allah sekiranya Fatimah binti Muhammad mencuri, pasti Muhammad akan memotong tangannya. [Hadis al-Bukhari, no. 6788 dan Muslim, no. 1688]

Perhatikan hadis di atas, jika Fatimah *radhiallahu'anha* yang merupakan anak terdekat kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mencuri, pastilah baginda sendiri yang akan memotong tangannya. Lalu bagaimana pula jika ada yang mengaku

sebagai keturunan Rasul namun giat mempromosikan kepercayaan dan amalan berunsur syirik dan bid'ah ke dalam masyarakat Islam? Bukankah hukuman yang bakal diterima oleh golongan ini jauh lebih berat berbanding dengan perbuatan mencuri?

Perlu ditegaskan bahawa nasab atau keturunan bukanlah penentu benar atau salahnya seseorang, selamat atau sengsaranya dia di sisi Allah. Ukuran yang tepat untuk menilai kedudukan seseorang di sisi Allah ialah nilai taqwanya, bukan keturunannya semata-mata. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنِكُمْ ۝ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ ۝

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. [Surah al-Hujurat, ayat 13]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِنَّ أَوَّلَ النَّاسِ بِي الْمُتَّقُونَ، مَنْ كَانُوا حَيْثُ كَانُوا.

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang paling dekat dengan aku adalah orang-orang yang bertaqwa (tidak kira) siapa pun mereka dan di mana sahaja mereka (berada). [Hadis riwayat Ahmad dalam *Musnad Ahmad*, no. 22052]

Lupakah kalian, bahawa yang menentang para Rasul Allah juga terdiri daripada kerabat terdekat para Rasul itu sendiri? Apakah kesemua para penentang itu selamat dan mendapat kemuliaan daripada Allah disebabkan oleh nasab atau keturunan mereka? Sama-sama kita renungkan!

Bagi kajian yang lebih mendalam mengenai penyimpangan qasidah di sisi syariat Islam, sila rujuk ***Huquq an-Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam Bain al-Ijlal wa al-Ikhlas***, koleksi tulisan al-'Allamah Dr. Shalih Fauzan al-Fauzan, Syaikh Dr. Abdul Aziz Muhammad Alu Abdil Lathif dan Syaikh Abdul Lathif Muhammad al-Hasan. Bagi edisi terjemahan, rujuk *Cinta Rasul: Antara Sikap Berlebihan dan Menyepelekan* (Darul Haq, Jakarta).

Fakta 26 : *Wahhabi & Yaqazah* (Bertemu Nabi Secara Sedar)

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak keyakinan pertemuan secara jaga (*yaqazah*) dengan Nabi setelah kewafatannya.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan para ulamak *Syafi'iyyah* selainnya ialah *Wahhabi*. Ini kerana mereka bukan sahaja tidak pernah bertemu dengan roh baginda secara jaga sebagaimana yang diyakini oleh kebanyakan golongan tareqat kesufian (sufi), bahkan mereka juga menghukum keyakinan tersebut sebagai kepercayaan yang bercanggah dengan akidah Islam. Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* menulis:

وقد اشتد إنكار القرطبي على من قال من رأه في المنام فقد رأى
حقيقة ثم يراها كذلك في اليقظة.

Maksudnya:

Sungguh (Imam) al-Qurthubi telah mengingkari dengan keras terhadap orang yang berkata bahawa sesiapa yang melihat Nabi dalam mimpi maka sungguh (dia) telah melihat Nabi secara hakikat, kemudian dia melihatnya juga dalam keadaan terjaga (sedar). [Fath al-Bari 12/385]

Sementara itu, Imam adz-Dzahabi asy-Syafi'e telah mengingkari pengakuan ar-Rabi' bin Muhammad al-Mardini yang mendakwa bahawa dirinya telah bertemu dengan Nabi secara jaga. Padahal jarak masa antara dia dengan Rasulullah sangatlah jauh. Oleh itu Imam adz-Dzahabi menggelarnya sebagai Dajjal dan pendusta. Beliau berkata mengenai ar-Rabi':

الربيع بن محمد المارديني: دجل مفتر، ادعى الصحبة والتعمير في سنة
تسع وتسعين وخمسماة.

Maksudnya:

Ar-Rabi' bin Muhammad al-Mardini: (Dia ialah) Dajjal pendusta. Dia mengaku sebagai seorang sahabat dan dipanjangkan umurnya pada tahun 599 Hijriyyah. [Mizan al-I'tidal 2/42]

Perhatikan juga komentar Imam as-Sakhawi asy-Syafi'e *rahimahullah* terhadap dakwaan golongan tertentu yang mendakwa bertemu dengan Rasulullah dalam keadaan jaga. Katanya sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Qasthalani *rahimahullah*:

وَأَمَا رُؤْيَاكَ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فِي الْيَقْظَةِ بَعْدَ مَوْتِهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَقَالَ شِيخُنَا: لَمْ يَصُلِ إِلَيْنَا ذَلِكَ عَنْ أَحَدٍ مِّن الصَّحَابَةِ، وَلَا
عَنْ مَنْ بَعْدِهِمْ. وَقَدْ اشْتَدَ حَزْنُ فَاطِمَةَ عَلَيْهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -
حَتَّى مَاتَتْ كَمَدًا بَعْدَهُ بِسَتَةِ أَشْهُرٍ - عَلَى الصَّحِيفَةِ - وَبَيْتَهَا مُجاوِرٌ
لِضَرِيْحِهِ الشَّرِيفِ، وَلَمْ يَنْقُلْ عَنْهَا رُؤْيَاكَ فِي الْمَدَةِ الَّتِي تَأْخُرَتْ عَنْهُ.

Maksudnya:

Adapun melihat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam keadaan terjaga (sedar) setelah wafatnya Nabi, maka guru kami (Imam as-Sakhawi) berkata: "Tidaklah sampai kepada kami hal tersebut (melihat Nabi dalam keadaan terjaga), seorang pun dari kalangan para sahabat Nabi dan juga selepas mereka. Dan sungguh telah berat kesedihan (yang ditanggung oleh) Fatimah atas wafatnya

Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* sehingga Fatimah - setelah enam bulan menurut pendapat yang sahih - akhirnya meninggal kerana (menanggung) kesedihan yang sangat dalam. Padahal rumahnya berdekatan dengan kuburan Nabi yang mulia, tetapi tidak dinukilkan (iaitu tidak dikhabarkan) bahawa beliau melihat Nabi pada masa enam bulan tersebut.

Lihatlah, anak baginda iaitu Fatimah dan para sahabatnya yang begitu intim dan amat kasih kepada Rasulullah sendiri tidak pernah mendakwa bertemu secara jaga dengan Rasulullah setelah kewafatan baginda. Sungguh aneh apabila golongan tertentu yang jauh lebih rendah martabatnya jika dibandingkan dengan anak dan juga para sahabat baginda mengaku telah bersua dengan baginda secara jaga. *Allahul musta'an*.

Bagi melihat perbahasan yang lebih mendalam mengenai persoalan ini, sila rujuk buku *Ajaran Madzhab Imam Asy-Syafi'i yang Ditinggalkan* karya Ustaz Firanda Andirja (Nashirussunnah, Jakarta Utara).

Fakta 27 : Wahhabi & Azan Jumaat Dua Kali

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak amalan melaungkan azan sebanyak dua kali sebelum solat Jumaat.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* yang cenderung kepada sunnah Nabi, iaitu melaungkan azan Jumaat hanya sebanyak satu adalah layak digelar sebagai *Wahhabi*. Berkata Imam asy-Syafi'e *rahimahullah*:

فإذا زالت لشمس مجلس الإمام على المنبر وأذن المؤذنون فقد انقطع

الركوع فلا يركع أحد إلا أن يأتي رخل لم يكن ركع فيركع.

Maksudnya:

Apabila matahari gelincir dan imam mulai duduk di atas mimbar serta *mu'adzdzin* (juru azan) mengangkat suara azan, maka habislah masa solat. Tidaklah sesiapa mendirikan solat kecuali seseorang yang baru datang ke masjid di mana dia belum lagi mendirikan solat, maka dia mendirikan solat (*tahiyyatul masjid*). [Mukhtashar al-'Umm karya al-Muzani 1/27]

Ketika Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* mengulas hadis riwayat As-Sa'ib Ibn Yazid *radhiyallahu'anhu*, beliau berkata di dalam kitabnya yang terkenal *al-Umm* 1/195:

وقد كان عطاء ينكر أن يكون عثمان أحدثه، ويقول: أحدثه معاوية

والله أعلم.

Maksudnya:

Sesungguhnya 'Atha' (Ibnu Abi Rabah) mengingkari hakikat 'Uthman yang mula-mula mengadakannya (azan dua kali), bahkan dia berpendapat Mu'awiyah Ibn Abi Sufyan yang memulakannya, *wallahu a'lam*.

Kemudian dia berkata:

وَأَيُّهُمَا كَانَ فَالْأَمْرُ الَّذِي عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَبُّ إِلَيَّ.

Maksudnya:

Walau siapa pun antara keduanya (yang memulakan), tetapi aku lebih suka amalan pada zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Untuk perbahasan yang lebih mendalam berkenaan hukum azan dua kali sebelum solat Jumaat, sila lihat:

1. *Apa Kata Imam Syafi'i Tentang Adzan Jumaat Dua Kali? (Bid'ahnya Muraqqi Jumaat)* karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa (Mu'awiyah bin Abi Sufyan, Jakarta).
2. *Penerangan Manfa'at Bagi Dua Azan Dan Sunat Qabliyyah Jum'at Menurut Manhaj Ahl Sunnah Wal Jama'ah* karya Syaikh Ismail Lufti Fatoni (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 28 : Wahhabi & Muraqqi Jumaat

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menghukum bid'ah *muraqqi* Jumaat iaitu amalan juru azan membacakan firman Allah dalam surah al-Ahzab, ayat 56 sebelum khatib menyampaikan khutbah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan para ulamak Syafi'iyyah adalah *Wahhabi* kerana bukan sahaja tidak pernah melaksanakan *muraqqi* Jumaat tetapi juga menghukumnya sebagai bid'ah di sisi agama. Perhatikan fatwa mereka di bawah ini:

Syaikh Syamsuddin ar-Ramli asy-Syafie *rahimahullah* (1004H) berkata:

وَأَمَّا مَا جَرَتْ بِهِ الْعَادَةُ فِي زَمِنِنَا مِنْ مَرْقٍ يَخْرُجُ بَيْنَ يَدَيِ الْخَطِيبِ،
يَقُولُ: (إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ...) لَا يَأْتِي بِالْحَدِيثِ، فَلَيْسَ لَهُ أَصْلٌ فِي
السُّنْنَةِ.

Maksudnya:

Adapun apa yang biasa berjalan dalam adat kebiasaan manusia pada zaman ini di mana mereka mengadakan *muraqqi* yang membacakan firman Allah: "Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya (berselawat ke atas Nabi)..." kamudian membacakan hadis (tentang larangan berbicara semasa khutbah Jumaat), maka hal ini tidak memiliki dasar dalam Sunnah. [Nihayatul Muhtaj ila Syarhil Minhaj 2/313]

Seterusnya perhatikan pula apa yang disebutkan oleh Ibnu Hajar al-Haitsami (974H) berkenaan dengan *muraqqi* Jumaat:

كَلَامُهُمْ هَذَا وَغَيْرُهُ صَرِيقٌ فِي أَنَّ الْخَادِ مُرَقٌ لِّلْخَطِيبِ يَقْرَأُ الْآيَةَ
وَالْحُجْرَ الْمَشْهُورَيْنِ بِدُعَةٍ، وَهُوَ كَذَلِكَ لِأَنَّهُ حَدَثَ بَعْدَ الصَّدْرِ الْأَوَّلِ.

Maksudnya:

Perkataan mereka (para ulamak Syafi'iyyah) dalam menerangkan tatacara khutbah Jumaat ini menunjukkan bahawa untuk mengadakan seorang *muraqqi* bersama khatib yang bertugas membacakan ayat (dari surah al-Ahzab, ayat 56) dan hadis yang sangat dikenal itu adalah perbuatan bid'ah. Dan saya sendiri bersetuju dengan keputusan ini, disebabkan hal itu hanyalah perkara yang diadakan setelah masa Rasulullah. [Tuhfatul Muhtaj bi Syarhil Minhaj 2/460]

Lain-lain tokoh Syafi'iyyah yang menghukum bid'ah *muraqqi* Jumaat ialah Syaikh Ibrahim al-Qalyubi asy-Syafi'e *rahimahullah* (1069H), Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani asy-Syafi'e *rahimahullah*, Syaikh Ibrahim al-Bajuri asy-Syafi'e *rahimahullah* (1277H) dan ramai lagi.

Lebih lanjut, sila rujuk buku **Apa Kata Imam Syafi'i Tentang Adzan Jumaat Dua Kali? (Bid'ahnya Muraqqi Jumaat)** karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa (Mu'awiyah bin Abi Sufyan, Jakarta).

Fakta 29 : Wahhabi & Solat Sunat Qabliyyah Jumaat

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak melaksanakan solat sunat *qabliyyah* (sebelum) dua rakaat solat Jumaat.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam Abu Syamah asy-Syafi'e *rahimahullah* (665H), al-Hafizh al-'Iraqi asy-Syafi'e *rahimahullah* (806H) serta al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* (852H) ialah *Wahhabi* kerana mereka antara tokoh bermazhab Syafi'e yang bersepakat menolak kesunnahan solat sunat dua rakaat sebelum Jumaat. Imam Abu Syamah asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata:

Bahawa kebiasaan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika keluar dari rumahnya pada hari Jumaat, maka baginda terus naik ke mimbar lalu muazin melaungkan azan. Setelah muazin (juru azan) selesai melaungkan azannya, maka baginda terus menyampaikan khutbahnya.

Seandainya pada solat Jumaat tersebut wujud solat sunat *qabliyyah*, tentu sesudah azan selesai dilaungkan baginda akan menyuruh para sahabat mendirikan solat sunat tersebut. Bahkan baginda sendiri akan mendirikannya terlebih dahulu sebelum menyuruh para sahabatnya. Pada zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, tidak dikenali solat sunat pada hari Jumaat yang didirikan setelah azan dilaungkan dan didirikan di hadapan khatib. [al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits, ms.225-226]

Beliau juga berkata:

Berkenaan solat sunat *qabliyah* Jumaat, tidak ada satu petunjuk jua dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang menunjukkan bahawa solat tersebut disunnahkan. Disamping itu tidak dibenarkan melakukan qiyas dalam menetapkan dalil syar'i yang berkenaan dengan solat. [al-Baits al-Ingkar al-Bida' wa al-Hawadits, ms. 225-226]

Sementara itu, perhatikan pula ucapan al-Hafizh al-'Iraqi asy-Syafi'e di bawah ini:

Yang sedemikian adalah kerana Nabi *al-Sholah wa al-Salam*, tidak dilaungkan azan pada hari Jumaat kecuali di hadapan baginda dan baginda pada ketika itu di atas mimbar. Maka tidaklah baginda bersolat untuknya (sesudah azan). Dan demikian juga para sahabat *radhiallahu 'anhum*, dimana apabila keluarnya imam mereka terus memberhentikan solat. [Tharh al-Tsarib fi Syarh al-Taqrif 3/41]

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* turut menegaskan:

Dan adapun (solat) sunat Jumaat yang didirikan sebelumnya (*qabliyah* Jumaat) maka tidaklah sabit tentangnya sedikit jua. [Fath al-Bari 3/75]

Lebih lanjut berkenaan hukum solat sunat *Qabliyyah* Jumaat dan kedudukan hadis-hadis berkaitan dengannya:

1. **Pencerahan Dalam Persoalan Sunat Qabliyyah Jumaat** karya Hafiz Firdaus Abdullah yang dimuatkan di dalam buku beliau berjudul *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah Buku 4* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. **Kelemahan Hadis Solat Sunat Qabliyyah Jumaat** karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat yang dimuatkan di dalam buku beliau *al-Masa'il jilid 4* (Darus Sunnah Press, Jakarta).

Fakta 30: Wahhabi & Mengangkat Tangan Ketika Khatib Berdoa

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak mengangkat tangan ketika khatib sedang berdoa.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka para ulamak bermazhab Syafi'e yang menetapkan kesunnahan untuk tidak mengangkat tangan ketika khatib berdoa juga ialah ialah *Wahhabi*. Perhatikan riwayat berikut:

رَأَى عُمَارَةُ بْنُ رُوَيْبَةَ بِشَرَّ بْنَ مَرْوَانَ وَهُوَ يَدْعُو فِي يَوْمٍ جُمُعَةٍ فَقَالَ عُمَارَةُ
قَبَحَ اللَّهُ هَاتَيْنِ الْيَدَيْنِ قَالَ زَائِدُهُ قَالَ حُصَيْنُ حَدَّثَنِي عُمَارَةُ قَالَ لَقَدْ رَأَيْتُ رَسُولَ
اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ مَا يَزِيدُ عَلَى هَذِهِ يَعْنِي السَّبَابَةِ الَّتِي تَلِي
الإِبْهَامَ.

Maksudnya:

'Umarah bin Ruwaibah melihat Bisyr bin Marwan sedang berdoa pada hari Jumaat (dengan mengangkat tangan), maka Umarah berkata: "Semoga Allah memburukkan kedua tangan ini." Za'idah berkata: "Hushain berkata: 'Telah menceritakan kepadaku 'Umarah dia berkata' "Sungguh aku pernah melihat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam ketika baginda di atas mimbar, (baginda berdoa dengan) tidak lebih daripada memberi isyarat dengan ini.", iaitu jari telunjuk dekat ibu jari." [Shahih Muslim, no. 874, Sunan Abu Daud, no. 930 dan lain-lain.]

Berdasarkan riwayat di atas, Imam al-Nawawi asy-Syafi'e rahimahullah berkata:

هَذَا فِيهِ أَنَّ السُّنْنَةَ أَنْ لَا يَرْفَعَ الْيَدَ فِي الْخُطْبَةِ وَهُوَ قَوْلُ مَالِكٍ وَأَصْحَابِنَا
وَغَيْرِهِمْ.

Maksudnya:

Pada hadis ini menunjukkan bahwasanya sunnah tidak mengangkat tangan ketika khutbah dan ini adalah perkataan (Imam) Malik, sahabat-sahabat kami (para ulamak bermazhab Syafi'e) dan selain mereka. [Syarh Shahih Muslim 6/146]

Lebih lanjut, sila lihat:

1. **Amalan Sunnah Pada Hari Jum'at** oleh Team Bushra (Perniagaan Bushra, Selangor.)
2. **Jum'atan Bersama Nabi** oleh Syaikh Jabir As-Saidi (Aqwam, Solo).

Fakta 31 : Wahhabi & Gerakan Jari Telunjuk

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menggerak-gerakkan jari telunjuknya ketika melakukan *tahiyat*.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka para ulamak *Syafi'iyyah* adalah *Wahhabi* kerana menghukum sunnah perbuatan menggerak-gerakkan jari ketika *tasyahhud* dan menilai sahih hadis-hadis mengenainya. Wail bin Hujr *radhiallahu 'anhu* ketika menceritakan sifat solat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, beliau berkata:

ثُمَّ جَلَسَ فَأَفْتَرَشَ فَخِذَةَ الْيُسْرَى وَجَعَلَ يَدَهُ الْيُسْرَى عَلَى فَخِذِهِ وَرُكْبَتِهِ الْيُسْرَى
وَجَعَلَ حَدًّا مِرْفَقِهِ الْأَيْمَنِ عَلَى فَخِذِهِ الْيُمْنَى وَعَقَدَ ثُتُبَيْنِ مِنْ أَصَابِعِهِ وَحَلَقَ حَلْقَةً ثُمَّ
رَفَعَ أَصْبَعَهُ فَرَأَيْتُهُ يُخْرُكُهَا يَدْعُونَهَا...

Maksudnya:

Kemudian baginda duduk iftirasy di atas paha kirinya dan menjadikan tangannya yang kiri di atas paha dan lututnya yang kiri pula dan meletakkan hujung siku tangan kanannya di atas pahanya yang kanan dan baginda membuat lingkaran (dengan mempertemukan jari telunjuk dengan ibu jarinya) dan baginda, maka aku pun melihat baginda menggerak-gerakkannya sambil berdoa dengannya...

Hadis di atas diriwayatkan oleh para ulamak hadis bermazhab Syafi'e antaranya ialah:

- 1) Imam al-Baihaqi asy-Syafi'e *rahimahullah* (458H) dalam *Sunan al-Kubra* 2/189, no. 2787.

- 2) Imam Ibnu Khuzaimah asy-Syafi'e *rahimahullah* (311H) dalam *Shahihnya* 1/230, no. 480.
- 3) Imam Ibnu Hibbah asy-Syafie *rahimahullah* (345H) dalam *Shahihnya* 5/170, no. 1860.

Hadis ini dinilai sahih oleh Imam al-Nawawi *rahimahullah* (676H) yang juga merupakan salah seorang pembesar mazhab Syafi'e sebagaimana disebutkan di dalam kitabnya *Majmu' Syarah al-Muhazzab* 3/417. Di dalam kitab yang sama, Imam al-Nawawi *rahimahullah* menerangkan bahawa:

(وَالثَّالِثُ) يُسْتَحْبِطْ تَحْرِيْكُهَا، حَكَاهُ الشَّيْخُ أَبُو حَامِدٍ، وَالْبَنْدِيْجِيُّ،
وَالْقَاضِيُّ أَبُو الطَّيْبِ، وَآخَرُونَ، وَقَدْ يُحْتَجُ لِهَذَا بِحَدِيثٍ وَائِلِ بْنِ حُجْرٍ.

Maksudnya:

(Pendapat ketiga) sunnah (hukumnya) menggerakkan jari telunjuk (semasa *tasyahhud*). Ini merupakan pendapat Syaikh Abu Hamid dan al-Bandajali dan al-Qadi Abu Thayyib dan selainnya. Mereka telah mendasarkan pendapat mereka dengan hadis Wail bin Hujr. [*Majmu' Syarah al-Muhadzdzab* 3/454]

Kenyataan Imam al-Nawawi di atas disokong oleh Imam al-Munawi asy-Syafi'e *rahimahullah* sebagaimana katanya:

فَتَحْرِيْكُ الْمُصَلَّى أَصْبَعَةُ فِيهِ سُنَّةٌ وَإِلَيْهِ ذَهَبَ جَمْعُ شَافِعِيَّةٍ فَسَنُّوا تَحْرِيْكَ السَّبَابَةِ.

Maksudnya:

Maka menggerak-gerakkan jari telunjuk ketika *tasyahhud* hukumnya adalah sunnah, dan banyak dari kalangan para ulamak *Syafi'iyyah* yang berpendapat demikian di mana mereka menghukum sunnah menggerak-gerakkan jari telunjuk. [*Faidh al-Qadir* 3/232]

Antara ulamak *Syafi'iyyah* lain yang menjelaskan sunat hukumnya menggerak-gerakkan jari semasa *tasyahhud* di sisi mazhab Syafi'e ialah Syaikh al-Bujairimi asy-Syafi'e *rahimahullah* (1221H). Beliau berkata di dalam kitab *Minhaj* 2/409:

بَلْ قِيلَ إِنَّ تَحْرِيْكَهَا مَنْدُوبٌ عِنْدَ نَا.

Maksudnya:

Bahkan ada pendapat dalam mazhab kami yang menyatakan bahawa menggerak-gerakkan jari telunjuk itu sunat hukumnya.

Adapun dakwaan kebanyakan umat Islam di negara ini bahawa batal solat bagi orang yang menggerak-gerakkan jarinya, maka Imam al-Nawawi menegaskan:

(وَالثَّالِي) تَحْرُمُ تَحْرِيْكَهَا، فَإِنْ حَرَكَهَا بَطَلَتْ صَلَاتُهُ، حَكَاهُ عَنْ أَيِّ
عَلِيٍّ بْنِ أَيِّ هُرَيْرَةَ، وَهُوَ شَادٌ ضَعِيفٌ.

Maksudnya:

(Pendapat kedua): Haram hukumnya dan hal itu membatalkan solat. Pendapat ini telah disandarkan kepada Abu 'Ali bin Abi Hurairah. Akan tetapi pendapat yang kedua ini adalah *syadz* (*ganjil*) dan *dha'if* (*lemah*). [Majmu' Syarh al-Muhadzdzab 3/454]

Setelah menjelaskan kelemahannya pendapat yang menyatakan batal solat menggerak-gerakkan jari telunjuk semasa *tasyahhud*, beliau pun menyatakan bahawa status solat bagi orang yang melakukannya adalah sah menurut mazhab Syafi'e. Hal ini dinyatakan oleh beliau di dalam kitabnya yang lain, berjudul *Raudhatut Thalibin*:

فَحَرَكُهَا لَمْ تَبْطُلْ صَلَاتُهُ عَلَى الصَّحِيحِ.

Maksudnya:

Namun apabila seseorang menggerak-gerakkan jari telunjuknya maka hal itu tidak membatalkan solatnya menurut pendapat yang sahih (dalam mazhab Syafi'e). [Raudhatut Thalibin 1/96]

Termasuk yang berpendapat tidak batal solat bagi orang yang menggerak-gerakkan jari telunjuknya semasa tasyahhud ialah Syaikh Zakaria al-Anshari asy-Syafi'e rahimahullah (926H) dalam *Fathul Wahhab* 3/416 dan juga Syaikh al-Bujairimi asy-Syafi'e rahimahullah (1221H) dalam *Minhaj* 2/409.

Jika ada yang bertanya: Bagaimakah gerakan jari itu dilakukan? Syaikh al-Azim Abadi rahimahullah menjelaskan bahawa jari telunjuk digerak-gerakkan secara berterusan. Beliau berkata:

وَفِيهِ تَحْرِيُّكُهَا دَائِمًا.

Maksudnya:

Ketika *tahiyyat*, jari telunjuk hendaklah digerakkan secara berterusan. ['Aun al-Ma'bud 1/374]

Kesimpulannya:

- 1) Hukum menggerak-gerakkan jari semasa *tasyahhud* adalah sunat di sisi mazhab Syafi'e, selain daripada tidak menggerak-gerakkanya.
- 2) Status solat bagi orang yang menggerak-gerakkan jarinya semasa *tasyahhud* adalah sah. Dengan ini terbatallah andaian sebahagian orang di negara ini bahawa batal solat bagi orang yang melakukannya.

Lebih lanjut berkenaan hukum menggerak-gerakkan jari ketika *tasyahhud*, sila rujuk:

1. **Petunjuk Bagi Mereka yang Menolak untuk Menggerakkan Jari Telunjuk Ketika Tasyahhud** karya Ibnu Saini bin Muhammad bin Musa (Mu'awiyah bin Abi Sufyan, Jakarta Selatan).
2. **Takhrij Ilmiyyah dari Hadits Wail Bin Hujr Tentang Menggerak-gerakkan Jari Telunjuk di Waktu Tahiyat dan Bantahan Terhadap Mereka yang Mendha'ifkannya dengan Dasar Ilmiyyah Mengikuti Musthalah Ahlul 'Atsar**

karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat yang dimuatkan di dalam buku beliau *al-Masa'il* (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur).

3. ***Hukum Menggerak-gerakkan Jari Telunjuk & Menyapu Muka Setelah Salam Dan Berdoa*** karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
4. ***Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat*** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 32 : Wahhabi & Sapu Muka Selepas Salam dan Berdoa

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak menyapu muka selepas salam dan berdoa. Mereka mendakwa amalan tersebut bukan berasal daripada sunnah Nabi yang sahih.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka para ulamak *Syafi'iyyah* seperti Imam al-Baihaqi *rahimahullah* dan Imam al-Nawawi *rahimahullah* ialah *Wahhabi* kerana telah menafikan kesunnahan menyapu muka selepas salam dan berdoa. Demikian juga Imam al-'Izz bin 'Abdis Salam asy-Syafi'e *rahimahullah* (660H) yang menyatakan bodoh bagi mereka yang menyapu mukanya selepas berdoa.

Berkata Imam al-Baihaqi asy-Syafi'e *rahimahullah* (458H):

وَأَمَا فِي الصَّلَاةِ فَهُوَ عَمَلٌ لَمْ يُبَيِّنْ بِخَبْرٍ صَحِيفٍ وَلَا أَثْرٍ ثَابِتٍ وَلَا
قِيَاسٍ، فَالْأُولَى أَنْ لَا يَفْعُلَهُ وَيَقْتَصِرَ عَلَى مَا فَعَلَهُ السَّلْفُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ مِنْ
رَفْعِ الْيَدِينِ دُونَ مَسْحِهِمَا الْوِجْهَ فِي الصَّلَاةِ.

Maksudnya:

Adapun menyapu muka selepas solat solat, maka itu adalah amalan yang tidak ada dalilnya yang sahih. Tidak ada riwayat dari ulamak Salaf, juga tidak ada dalil berupa *qiyas*. Maka yang utama ialah kita tidak melakukannya. Memadai dengan apa yang telah dilakukan oleh ulamak Salaf *radhiallahu 'anhuma*, iaitu setelah selesai solat memadai mengangkat tangan berdoa tanpa menyapunya ke muka. [Sunan al-Kubra 2/212]

Imam al-Nawawi *rahimahullah*, setelah menyebutkan hadis tentang menyapu muka selesai berdoa dan menjelaskan kelemahan riwayat tersebut, beliau berkata dalam kitabnya *al-Majmu' Syarah al-Muhadzdzab* 3/481:

Kesimpulan dari *ashab* kami (para pengikut mazhab Syafi'e) ada tiga pendapat: Yang benar adalah disukai mengangkat tangan (berdoa) dengan tanpa menyapu muka.

Sementara itu, Imam al-'Izz bin 'Abdis Salam asy-Syafi'e *rahimahullah* menulis di dalam kitab *Fatawanya*, ms. 46-47, no. 15:

وَلَا يَمْسُحُ وَجْهَهُ بِيَدِيهِ عَقِبَ الدُّعَاءِ إِلَّا جَاهِلٌ.

Maksudnya:

Dan tidaklah ada orang yang menyapu wajah dengan kedua tapak tangan selepas berdoa melainkan orang bodoh.

Bagi perbincangan yang lebih meluas berkenaan hukum menyapu muka selepas berdoa, sila rujuk:

1. **Hukum Mengusap Wajah Setelah Berdoa** karya Abu Karimah Askari Jamal al-Bughisy (Cahaya Tauhid Press, Malang).
2. **Kelemahan Hadits-Hadits Tentang Mengusap Muka Dengan Kedua Tangan Sesudah Berdoa** karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat yang dimuatkan di dalam buku beliau *al-Masa'il* (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur).
3. **Hukum Menggerak-gerakkan Jari Telunjuk & Menyapu Muka Setelah Salam Dan Berdoa** karya Ustaz Rasul Dahri (Perniagaan Johor Bahru).

Fakta 33 : Wahhabi & Qunut Subuh

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang tidak melakukan doa qunut terus-menerus dalam solat fardu subuh.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka *Wahhabilah* beberapa tokoh ulamak bermazhab Syafi'e seperti Imam Taqiyuddin as-Subki asy-Syafie *rahimahullah* (756H) dan Syeikh Abu Hasan al-Karajji asy-Syafie *rahimahullah* (532H) kerana meninggalkan qunut subuh atas alasan kelemahan hadisnya.

Sa'ad bin Thariq bin Asyam al-Asyja'i *radhiallahu'anhu* meriwayatkan:

فُلْتُ لِأَيِّهِ: يَا أَبَتِ إِنَّكَ صَلَّيْتَ خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّهِ هَهُنَا وَبِالْكُوفَةِ خَمْسَ سِنِينَ فَكَانُوا يَقْتُلُونَ فِي الْفَجْرِ؟
فَقَالَ: أَيْ بْنَيَّ مُحَمَّدَ.

Maksudnya:

Saya bertanya kepada ayahku: Wahai ayahku, engkau (mengerjakan) solat di belakang Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, dan di belakang Abu Bakar, 'Umar, 'Utsman dan 'Ali di sini dan di Kufah selama 5 tahun, apakah mereka melakukan (doa) qunut pada solat subuh? Maka dia (ayahku) menjawab: "Wahai anakku, hal tersebut adalah perkara baru (bid'ah)". [Sunan at-Tirmidzi, no. 402, Sunan Ibnu Majah, no. 402, Shahih Sunan al-Nasa'i, no. 1035]

Dalam atsar yang lain:

عَنْ أَبِي بِحْرَةِ قَالَ: صَلَّيْتُ مَعَ ابْنِ عُمَرَ صَلَاةَ الصُّبْحِ: فَلَمْ يَقْنُتْ، فَقُلْتُ لَهُ: لَا أَرَاكَ تَقْنُتُ، فَقَالَ: لَا أَحْفَظُهُ عَنْ أَحَدٍ مِنْ أَصْحَابِنَا.

Maksudnya:

Dari Abi Miljaz, dia berkata: "Aku pernah solat subuh bersama Ibnu 'Umar, tetapi dia tidak qunut. Lalu aku bertanya kepadanya: Aku tidak lihat engkau qunut subuh?. Dia jawab: Aku tidak dapati seorang sahabat pun yang melakukan hal itu." [Atsar riwayat al-Baihaqi dalam Sunan al-Kubra 2/213 dengan sanad yang hasan sebagaimana menurut pentahqiq kitab Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khairil Ibad 1/272]

Al-Hafiz Ibnu Katsir *rahimahullah*, salah seorang ulamak *Syafi'iyyah* terkemuka menyebutkan di dalam kitabnya *al-Bidayah wa an-Nihayah* (12/229) dalam menyebutkan biografi ringkas Imam Abu al-Hasan al-Karajji *rahimahullah* yang juga merupakan seorang ulamak pembesar bermazhab *Syafi'i* menyatakan bahawa beliau (Imam al-Karajji):

وكان لا يقنط في الفجر، ويقول: لم يصح ذلك في حديث، وقد كان

إمامنا الشافعي يقول: إذا صاح الحديث، فهو مذهبى، وأضربوا بقولي الحائط.

Maksudnya:

(Imam al-Karajji) tidak melaksanakan qunut pada solat subuh. Ia berdasarkan bahawa tidak ada satu pun hadis yang sahih dalam masalah ini dan Imam kami, Imam asy-Syafi'i telah menyatakan: Bila sebuah hadis itu sahih, maka itulah mazhabku dan buanglah perkataanku (pendapatku yang menyelisihi hadis sahih) ke arah tembok.

Begini juga Imam Taqiyuddin as-Subki *rahimahullah* – yang juga merupakan seorang pembesar ulamak *Syafi'iyyah* – pernah meninggalkan qunut subuh beberapa lama, lantaran mengikuti apa yang telah diterangkan oleh Imam Abu al-Hasan al-Karajji

di atas, sebagaimana hal itu beliau terangkan sendiri di dalam risalah emas beliau yang berjudul *Ma'na Qaulil Imam al-Muththalibi Idza Shahhal Haditsu Fahuwa Madzhab* 3/103 – *Majmu'atur Rasaa-ilil Muniriyah*.

Lebih lanjut berkenaan kedudukan doa qunut dalam solat subuh, sila lihat:

1. ***Menangani Persoalan Doa Qunut: Dibaca Atau Tidak?*** karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. ***Kelemahan Hadits Qunut Subuh Terus-Menerus*** karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat yang dimuatkan di dalam buku beliau *Al-Masa'il* (Darus Sunnah Press, Jakarta Timur).
3. ***Semua Hadis Tentang Qunut Shubuh Terus Menerus Adalah Lemah*** karya Ustaz Yazid Abdul Qadir Jawas yang dimuatkan di dalam buku beliau *Ar-Rasaail* (Pustaka Abdullah, Jakarta).

Fakta 34 : Wahhabi & Tarawih 20 Rakaat

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka menolak fatwa yang menetapkan solat sunat Tarawih kepada 20 rakaat sahaja.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka menjadi *Wahhabilah* para ulamak *Syafi'iyyah* yang menolak fatwa yang menetapkan bilangan rakaat solat Tarawih pada bulan Ramadhan kepada 20 rakaat sahaja. Abu Salamah bin 'Abdur Rahman *radhiallahu 'anhu* pernah bertanya kepada A'isyah *radhiallahu 'anha* mengenai sifat solat Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pada malam Ramadhan, maka A'isyah menjawab dengan katanya:

مَا كَانَ يَزِيدُ فِي رَمَضَانَ وَلَا فِي غَيْرِهِ عَلَى إِحْدَى عَشْرَةِ رَكْعَةً.

Maksudnya:

Tidaklah pernah baginda melaksanakan solat malamnya pada bulan Ramadhan mahupun pada bulan-bulan lainnya melebihi sebelah rakaat. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 2013]

Imam Al-Bukhari *rahimahullah* meletakkan hadis ini di bawah judul: كتب صلة التراویح “Kitab Solat Tarawih.” Perhatikan juga atsar berikut:

Al-Saib bin Yazid *radhiallahu 'anhu* berkata:

أَمَرَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ أَبِيَّ بْنَ كَعْبٍ وَتَمِيمًا الدَّارِيَّ أَنْ يَقُولَا لِلنَّاسِ بِإِحْدَى
عَشْرَةِ رَكْعَةٍ.

Maksudnya:

Umar bin al-Khattab telah memerintahkan Ubay bin Ka'ab dan Tamim ad-Dari untuk mengimami orang ramai (dalam solat tarawih) sebanyak sebelas rakaat. [Hadis iwayat Imam Malik dalam *al-Muwaththa'*, no. 232]

Hadis dan juga atsar di atas menjadi dalil yang sangat jelas dan terang bahawa bilangan rakaat solat Rasulullah dan para sahabatnya pada malam Ramadhan ialah sebanyak 11 rakaat. Oleh itu dalam rangka menghidupkan sunnah Rasulullah ini, sebahagian ahlus sunnah cenderung untuk mengerjakan solat malam mereka pada bulan Ramadhan dengan 11 rakaat sahaja, sesuai dengan zahir hadis dan juga atsar di atas.

Namun kecenderungan ini sama sekali tidak menafikan sikap keterbukaan mereka terhadap pihak lain yang memilih untuk mengerjakan solat tarawih dengan jumlah rakaat yang berbeza dengan jumlah rakaat di atas. Keterbukaan sikap ahlus sunnah ini adalah berlandaskan kepada kesedaran akan wujudnya keluasan pandangan dalam persoalan ini.

Hanya sahaja apa yang ditolak oleh ahlus sunnah ialah fatwa yang menetapkan solat sunat Tarawih mesti dikerjakan sebanyak 20 rakaat sahaja serta menghukum sesat sesiapa yang tidak melaksanakan solat sunat Tarawih dengan jumlah rakaat tersebut. Ini adalah bercanggah dengan fatwa para ulamak yang menyatakan bahawa tidak ada had untuk jumlah rakaat solat malam pada bulan Ramadhan. Imam Jalaluddin as-Suyuthi asy-Syafi'e *rahimahullah* menegaskan:

الذى وردت به الأحاديث الصحيحة والحسان الأمر بقيام رمضان

والترغيب فيه من غير تخصيص بعده ، ولم يثبت أن النبي صلى الله عليه

وسلم صلى التراويف عشرين ركعة ، وإنما صلى ليالي صلاة لم يذكر عددها

Maksudnya:

Yang sabit dari hadis yang sahih dan hasan ialah perintah menghidupkan malam Ramadhan dan mengalakkannya tanpa meletakkan had bilangan (rakaat).

Tidak sabit bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* melakukan solat tarawih 20 rakaat. Sebaliknya baginda bersolat dan tidak dinyatakan bilangan rakaatnya. [*al-Masabih fi Sholat at-Tarawih*, ms. 14]

Bagi meneliti perbahasan yang lebih mendalam lagi terperinci berkenaan hukum mengerjakan solat sunat Tarawih 20 rakaat pada bulan Ramadhan, sila rujuk buku ***Solat Tarawikh: Satu Perbahasan ke atas Fatwa yang Menetapakannya kepada 20 Rakaat*** karya Hafiz Firdaus Abdullah (diedarkan oleh Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 35 : Wahhabi & Binaan di Atas Kuburan

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang melarang mengkapur dan membina binaan di atas kubur.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafie *rahimahullah* dan *jumhur* (majoriti) para ulamak bermazhab Syafi'e selainnya juga ialah *Wahhabi* kerana mereka amat membenci amalan membangun dan mengkapur kuburan sebagaimana yang mendarah daging dalam tradisi umat Islam yang mengaku bermazhab Syafi'e.

Berkata Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dalam kitabnya *al-Umm* 1/277:

وأَحَبُّ أَنْ لَا يَبْيَنِي وَلَا يَجْعَلُنِي، فَإِنْ ذَلِكَ يُشَبِّهُ الزِّينَةَ وَالْخِيلَاءَ، وَ

لَيْسَ الْمَوْتُ مَوْضِعًا وَاحِدًا مِنْهُمَا وَلَمْ أَرْ قَبْرَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ مُجَعَّلَهُ...

وَقَدْ رَأَيْتُ مِنَ الْوَلَادَةِ مِنْ يَهْدِمُ بَكَةً مَا يَبْقَى فِيهَا فَلَمْ أَرْ الْفَقَهَاءَ يَعْبُدُونَ

ذَلِكَ.

Maksudnya:

Saya suka kuburan itu tidak dibangun dan dikapur kerana hal itu termasuk perhiasan dan kesombongan, sedangkan kematian bukanlah tempat untuk salah satu di antara keduanya. Dan saya tidak mendapati kuburan orang-orang Muhibbin dan Ansar dibangun... Aku mendapati para imam di Makkah memerintahkan dihancurnya bangunan-bangunan (di atas kuburan) dan saya tidak mendapati para ulamak mencela hal itu.

Imam al-Munawi asy-Syafi'e *rahimahullah* (1031H) dalam *Faidhul Qadir* 6/309 menerangkan:

Majoriti (kebanyakan) ulamak *Syafi'iyyah* berfatwa tentang wajibnya menghancurkan segala bangunan di Qarafah (tempat perkuburan) sekalipun kubah imam kita, *Asy-Syafi'e*, yang dibangunkan oleh sebahagian penguasa.

Ada pun hadis yang dijadikan landasan fatwa pengharaman amalan mengkapur dan membina binaan di atas kuburan adalah seperti berikut, riwayat Muslim, no. 2239:

أَنْ لَا تَدْعُ مِثْلًا إِلَّا طَمَسْتَهُ وَلَا قَبْرًا مُشْرِفًا إِلَّا سَوَّيْتَهُ.

Maksudnya:

Jangan tinggalkan patung kecuali kamu menghancurkannya dan kuburan yang tinggi kecuali kamu meratakaninya.

Juga dalam hadis yang lain:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ أَنْ يُجْصِّصَ الْقَبْرُ وَأَنْ يُقْعَدَ عَلَيْهِ وَأَنْ يُبْنَى عَلَيْهِ.

Maksudnya:

Dari Jarir radhiallahu'anhu berkata: Rasulullah melarang kuburan dikapur, diduduki dan dibangun di atasnya. [Shahih Muslim, no. 2240]

Menjelaskan maksud hadis di atas, Imam al-Nawawi *rahimahullah* (676H) menulis di dalam kitabnya *Syarah Shahih Muslim* 7/40-41:

Dalam hadis ini terdapat dalil bahawa kuburan tidak ditinggikan dari tanah dengan sangat tinggi, namun hanya ditinggikan seukuran satu hasta. Ini adalah mazhab *Syafi'e* dan yang sependapat dengannya.

Sementara itu, Ibnu Hajar al-Haitsami *asy-Syafi'e* pula *rahimahullah* berkata:

وَوَجَبَ عَلَىٰ وُلَاةِ الْأَمْرِ هَدْمُ الْأَبْنِيَةِ الَّتِي فِي الْمَقَابِرِ الْمُسَبَّلَةِ وَلَقَدْ أَفْتَ جَمَاعَةً مِنْ عُظُمَاءِ الشَّافِعِيَّةِ بِهَدْمِ قُبَّةِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَإِنْ صُرِفَ عَلَيْهَا أُلُوفٌ مِنَ الدَّنَائِيرِ.

Maksudnya:

Wajib bagi pemerintah untuk menghancurkan bangunan-bangunan yang terdapat di kawasan perkuburan umum. Sekelompok ulamak besar bermazhab Syafi'e telah berfatwa untuk menghancurkan kubah (yang dibina di kuburan) Imam asy-Syafi'e meskipun telah dikeluarkan perbelanjaan ribuan dinar. [al-Fatwa al-Fiqhiyyah al-Kubra 2/25]

Untuk perbahasan yang lebih lanjut, sila rujuk:

1. **Syarah Shudur Bit Tahrim Raf'il Qubur** karya Imam Muhammad bin Ali Muhammad asy-Syaukani. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Berlapang Dada Dengan Pengharaman Meninggikan Kubur* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. **Tahzirus Sajid min Ikhtikadzil Qubur Masajid** karya Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani. Bagi edisi terjemahan, sila lihat *Larangan Shalat Di Masjid Yang Dibangun Di Atas Kubur* (Pustaka Imam asy-Syafi'i, Jakarta).
3. **Ajaran Madzhab Imam asy-Syafi'i yang Ditinggalkan** karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Utara).

Fakta 36 : Wahhabi & Air Mustakmal

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang membolehkan penggunaan air *mustakmal* untuk tujuan bersuci.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* juga ialah *Wahhabi* kerana beliau membolehkan penggunaan air *mustakmal* untuk tujuan bersuci. Demikian juga beberapa para ulamak bermazhab Syafi'e selain beliau yang turut membolehkan penggunaan air *mustakmal* untuk tujuan bersuci.

Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata di dalam kitabnya *al-Umm* 1/46:

وَلَا نُحَاسَةٌ فِي شَيْءٍ مِّنَ الْأَحْيَاءِ مَا سَتَ مَاءً قَلِيلًا بَأْنَ شَرِبَتْ مِنْهُ أَوْ
اَدْخَلَتْ فِيهِ شَيْئًا مِّنْ أَعْضَائِهَا.

Maksdunya:

Air yang sedikit tidak akan menjadi najis walaupun disentuh oleh sesuatu yang bernyawa seperti meminumnya ataupun memasukkan sebahagian anggota badannya.

Juga dinyatakan dalam kitab yang sama, *al-Umm* 1/38:

Al-Rabi' berkata peluh orang Kristian, orang berjunub dan wanita yang sedang haid itu suci. Demikian juga peluh orang majusi dan peluh setiap binatang ternak itu suci. Air sisa minuman binatang ternak dan binatang buas seluruhnya itu suci kecuali anjing dan babi.

Al-Rabi' berkata dan termasuk kata-kata Asy-Syafi'e ialah: Apabila seseorang meletakkan air, lalu dia mengerjakan perbuatan sunat dengan bersugi dan dia membernamkan sugi itu ke dalam air, kemudian dia mengeluarkannya, pasti

dia dapat berwuduk dengan air itu. Kerana yang terdapat pada sugi itu adalah air liurnya. Dan kalau dia meludah atau berdahak atau mengeluarkan hingus ke dalam air, nescaya ia tidak menjajaskan air itu. Binatang ternak itu sendiri minum di dalam air dan kadang-kadang bercampuran air liur dengan air maka ia tidak menjajaskan air kecuali anjing dan babi.

Begitu juga kalau berpeluh, lalu peluhnya terjatuh ke dalam air, nescaya tidak menjajaskan. Ini kerana, peluh manusia dan binatang ternak itu tidak najis dan sama sahaja dari mana tempat peluh itu keluar sama ada dari bawah bahu atau lainnya.

Sementara itu al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'i *rahimahullah* menulis di dalam kitabnya *Fath al-Bari* 2/469:

Ibnu Hibban telah menyebut hal ini dalam satu bab khusus di dalam kitabnya sebagai bantahan terhadap orang yang berpendapat bahawa orang yang junub dan berniat mandi wajib, lalu air percikan mandi wajibnya itu jatuh ke dalam bekas maka airnya menjadi najis.

Adapun dalil diperbolehkan menggunakan air *mustakmal* bagi tujuan bersuci (wudhuk, mandi junub dan sebagainya) adalah seperti berikut: Berkata Abu Juhaifah:

خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْحَاجَةِ، فَأَتَيْتُ بِوَضُوءٍ فَتَوَضَّأَ،
فَجَعَلَ النَّاسُ يَأْخُذُونَ مِنْ فَضْلِ وَضُوئِهِ فَيَتَسَّعُونَ بِهِ، فَصَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ الظَّهَرَ رَكْعَتَيْنِ وَالعَصْرَ رَكْعَتَيْنِ، وَبَيْنَ يَدَيْهِ عَزَّةٌ.

Maksudnya:

Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam keluar menemui kami di waktu zuhur kemudian didatangkan kepada baginda tempat wudhuk lalu baginda pun berwudhuk (dari tempat tersebut), maka orang ramai pun mulai mengambil (wudhuk) dari sisa / bekas air wudhuk baginda dan mereka pun berwudhuk

dengannya. Kemudian Nabi shallallahu 'alaihi wasallam (mengerjakan) solat Zuhur dua rakaat dan Asar dua rakaat (yakni jamak qashar dengan jamak taqdim) dan di hadapan baginda ada tongkat kecil (yang digunakan sebagai sutrah). [Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari, no. 187]

Berdasarkan hadis di atas, Imam al-Bukhari menulis di dalam kitab *Shahihnya*:

بَابُ اسْتِعْمَالِ فَضْلِ وَضْوِئِ النَّاسِ.

Bab (penjelasan tentang hukum) memakai sisa dari wudhuk manusia.

Berkata Ibnu Khuzaimah asy-Syafi'e *rahimahullah* (311H) dalam *Shahihnya*:

باب إباحة الوضوء بالماء المستعمل.

Bab bolehnya berwudhuk dengan air *mustakmal*.

Sementara itu, Imam Ibnu Hazm *rahimahullah* juga menjelaskan perkara yang sama di dalam kitabnya yang terkenal, *al-Muhalla* 1/183 (masalah ke-141):

الوضوء بالماء المستعمل جائز و كذلك الغسل به.

Maksudnya:

Wudhuk dengan air *mustakmal* itu *jaiz* (boleh). Demikian juga mandi *janabah*.

Lebih lanjut, sila rujuk:

1. **Beberapa Persoalan Lazim Tentang Thaharah** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. **Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafi'e** karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).

Fakta 37: Wahhabi & Samak Khinzir

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka menolak fatwa kewajipan samak apabila tersentuh khinzir.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka menjadi *Wahhabilah* sebahagian ulamak *Syafi'iyyah* yang menolak pandangan yang mewajibkan samak apabila tersentuh khinzir. Berkata Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah*:

واعلم أن الراجح من حيث الدليل أنه يكفي غسلة واحدة بلا تراب

، وبه قال أكثر العلماء الذين قالوا بنجاسة الخنزير. وهذا هو المختار ؛ لأن

الأصل عدم الوجوب حتى يرد الشعع ، لا سيما في هذه المسألة المبنية على

التعبد

Maksudnya:

Ketahuilah bahawa yang rajih (pandangan terkuat) dari sudut dalil, (jilatan/kenajisan babi) memadai dengan sekali basuhan tanpa perlu tanah. Inilah pandangan kebanyakan ulama yang berkata tentang kenajisan babi. Inilah pandangan yang terpilih. Hal ini kerana hukum asal ialah tidak wajib (samak) sehingga ada bukti dari syara', terutama dalam persoalan seperti ini yang dibina di atas dasar menjadikan ibadah. [*al-Majmu' Syarh al-Muhadzab* 2/604]

Pandangan al-Nawawi ini ditarjihkan oleh Syaikh Muhammad bin Soleh al-'Uthaimin *rahimahullah*. Beliau berkata di dalam kitab *Syarh al-Mumti'* 1/459:

والفقهاء - رحمة الله - ألحقو نجاسته بنجاست الكلب لأنه أثبت من الكلب، فيكون أولى بالحكم منه وهذا قياس ضعيف؛ لأن الخنزير مذكور في القرآن، موجود في عهد النبي - صلى الله عليه وسلم - ، ولم يرد إلهاقه بالكلب. فالصحيح أن نجاسته كنجاسته غيره، فتغسل كما تغسل

بقية النجاست

Maksudnya:

Sebahagian ulama menyamakan kenajisannya (babī) dengan kenajisan anjing kerana babī lebih keji dari anjing, maka babī lebih wajar diberikan hukum tersebut (samak). Namun *qiyas* ini adalah lemah, kerana babī disebut di dalam al-Qur'an, terdapat di zaman Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Namun tidak disamakan hukumnya dengan anjing. Maka yang sahihnya kenajisan babī adalah sama seperti najis yang lain, hanya perlu dibasuh sepetimana dibasuh najis-najis yang lain.

Lebih lanjut, sila rujuk:

1. **Meninjau Semula Hukum Kenajisan Khinzir** dalam buku *Himpunan Risalah dalam Beberapa Persoalan Ummah* (Buku 4) karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. **Hukum Kenajisan Anjing: Satu Penilaian Semula** dalam buku *Himpunan Risalah dalam Beberapa Persoalan Ummah* (Buku 3) karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 38 : Wahhabi & Zakat Fitrah

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menunaikan zakat fitrah dengan makanan asasi dan menolak penggunaan wang.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* ialah *Wahhabi* kerana memfatwakan zakat fitrah hendaklah dengan menggunakan makanan rujि, bukan wang sebagaimana amalan umat Islam di Malaysia termasuk mereka yang mengaku bermazhab Syafi'e. Berkata Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dalam *Mukhtashar Kitab al-'Umm fil Fiqhi* (diringkaskan dan diteliti oleh Husain Abdul Hamid Abu Nashir Nail) 1/494-495:

Seseorang boleh mengeluarkan zakat fitrah dari makanan yang biasa dimakan sehari-hari, iaitu berupa *hintrah* (biji gandum), jagung, *'alas*, *sya'ir* (tepung gandum), *tamar* dan *zabib* (anggur kering). Adapun ukuran yang harus dikeluarkan sebagai zakat adalah satu *sha'*, iaitu *sha'* yang biasa dipakai oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Apabila makan tersebut berupa biji-bijian, maka ia hanya wajib mengeluarkan biji-bijian tersebut. Jadi, ia tidak boleh mengeluarkan tepung dari biji-bijian tersebut dan tidak boleh mengeluarkan zakat berupa *sawik* dan juga tidak boleh mengeluarkan zakat fitrah dengan harganya (dengan wang).

Dalam kitab *Matan Abi Syuja'* (متن أبي شجاع) dijelaskan kaedah pelaksanaan zakat fitrah menurut mazhab Syafi'e:

وَيُنْزَكِي عَنْ نَفْسِهِ وَعَمَّنْ تَلْزِمُهُ نَفْقَةُهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ صَاعًا مِنْ قُوتٍ

بَلَدِهِ وَقَدْرُهُ خَمْسَةُ أَرْطَالٍ وَثُلُثٌ بِالْعِرَاقِيِّ.

Maksudnya:

Kita wajib membayar zakat untuk diri dan orang Islam yang wajib dinafkahinya sebanyak satu sha' (2.5 kilogram) makanan asasi. Ukuran satu sha' bersamaan dengan 5 dan 1/3 ritel Iraq.

Kenyataan Imam asy-Syafi'e di atas adalah bersesuaian dengan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang memerintahkan zakat fitrah dikeluarkan dalam bentuk makanan, bukannya wang. Perhatikan riwayat berikut:

Abu Sa'id al-Khudri *radhiallahu'anhu* berkata:

كُنَّا نُخْرِجُ زَكَاةَ الْفِطْرِ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ أَقْطِيلٍ، أَوْ صَاعًا مِنْ زَبِيبٍ.

Maksudnya:

Dahulu kami mengeluarkan zakat fitrah satu sha' makanan, atau satu sha' gandum, atau satu sha' kurma, atau satu sha' keju atau satu sha' anggur kering. [Shahih al-Bukhari, no. 1506 dan Shahih Muslim, no. 985]

Berdasarkan riwayat di atas, *jumhur* (kebanyakan) ulamak berpendapat bahawa zakat fitrah dikeluarkan dalam bentuk makanan, iaitu makanan asasi bagi sesebuah negara. Ini adalah pendapat mazhab *Malikiyyah*, *Syafi'iyyah* dan *Hanabilah*. Melainkan mazhab *Hanafiyyah*, mereka mengharuskan zakat fitrah dengan menggunakan wang.

Walau bagaimanapun dalil-dalil yang dikemukakan oleh golongan yang mewajibkan zakat fitrah dalam bentuk makanan asasi adalah lebih kuat berdasarkan beberapa poin seperti berikut:

1. Mengeluarkan zakat fitrah dengan makanan adalah menepati sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih.
2. Mengeluarkan zakat fitrah dengan makanan juga menepati sunnah para sahabat, barisan manusia yang mendapat didikan secara langsung daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan pengiktirafan sebagai generasi terbaik berdasarkan lisan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.

3. Umum sedia maklum bahawa wang sudah sedia wujud pada zaman Nabi (dinar dan dirham). Walau bagaimanapun tidak dinukilkhan satu pun riwayat yang sahih bahawa Rasulullah dan para sahabatnya mengeluarkan zakat fitrah dalam bentuk wang. Seandainya wang boleh digunakan untuk zakat fitrah, pastilah mereka mendahului kita dalam melaksanakannya.
4. Sesuai dengan kaedah bahawa tidak dibolehkan berpindah kepada *badal* (ganti) kecuali apabila aslinya sudah tidak ada, maka hendaklah zakat fitrah dikeluarkan dalam bentuk aslinya iaitu makanan, dan bukannya wang sebagai pengganti.
5. Adapun alasan bahawa mengeluarkan zakat dengan makanan asasi akan menyusahkan para amil (pegawai yang dilantik khas untuk mengutip zakat), maka ia dapat dijawab dengan hujah bahawa, keadaan pada zaman Nabi adalah jauh lebih sukar berbanding umat Islam pada hari ini. Meskipun berada dalam situasi serba kekurangan, mereka tetap mengeluarkan zakat dengan menggunakan makanan asasi. Berbeza keadaannya dengan umat Islam pada zaman ini yang dilengkapi dengan segala macam kemudahan seperti pengangkutan moden yang memudahkan mereka mengumpul dan mengagihkan zakat kepada asnaf, maka sudah tentu pengeluaran zakat fitrah dengan makanan asasi lebih mudah untuk dipraktikkan.

Fakta 39 : Wahhabi & Mencukur Janggut

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang mengharamkan perbuatan mencukur janggut.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan para ulamak yang mengikutinya adalah *Wahhabi* kerana sepakat dalam hukum memelihara janggut. Perhatikan ucapan mereka berikut:

Berkata Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah*:

والمختار ترك اللحية على حالها وألا يتعرض لها بتقصير شيء أصلًا.

Maksudnya:

Pendapat yang terpilih adalah membiarkan janggut sesuai keadaannya dan tidak boleh memendekkannya sama sekali. [al-Minhaj Syarh Shahih Muslim 3/151]

Al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* ketika mengomentari perkataan Imam al-Nawawi di atas, beliau berkata:

وكان مراده بذلك في غير النسك لأن الشافعى نص على استحبابه

. فيه

Maksudnya:

Sepertinya maksud al-Nawawi hal itu diharamkan pada selain nusuk (ibadah haji dan umrah) kerana asy-Syafi'e telah menaskan (menetapkan hukum) atas disunnahkannya hal itu. [Fath al-Bari 10/350]

Berkata Imam Abu Syamah asy-Syafi'e *rahimahullah*:

وقد حدث قوم يحلقون لحاظهم، وهو أشد مما نقل عن المحسوس أنهم

كانوا يقصونها.

Maksudnya:

Telah datang sekelompok kaum yang membotakkan janggutnya. Perbuatan mereka itu lebih parah daripada apa yang dinukil dari kaum Majusi bahawa mereka dahulu memendekkannya. [Fath al-Bari 10/351]

Abdur Rahman bin 'Umar Baa 'Alawi asy-Syafi'e rahimahullah berkata:

نص الشافعى رضى الله عنه على تحريم حلق اللحية ونفتها.

Maksudnya:

Imam asy-Syafi'e radhiyallahu 'anhu telah menyatakan haramnya mencukur janggut dan mencabutnya. [Bughyah al-Mustarsyidin, ms. 20]

Abu al-Hasan al-Mawardi asy-Syafi'e rahimahullah (450H) berkata:

نَفَّ الْلَّحْيَةِ مِنَ السُّفَهَاءِ الَّذِي تَرَدَّبَهُ الشَّهَادَةُ.

Maksudnya:

Mencabut janggut merupakan perbuatan *safah* (bodoh) yang menyebabkan persaksian seseorang ditolak.

Berkata Imam al-Ghazali asy-Syafi'e rahimahullah:

وَأَمَّا نَفْهَا فِي أُولَى النَّبَاتِ تَشْبِهَا بِالْمَرْدِ فَمِنَ الْمُنْكَرَاتِ الْكَبَارُ فَإِنْ

اللَّحْيَةِ زِينَةُ الرِّجَالِ.

Maksudnya:

Adapun (perbuatan) mencabut janggut di awal pertumbuhannya agar menyerupai orang yang tidak berjanggut, maka ini termasuk kemungkaran yang besar kerana janggut adalah penghias bagi kaum lelaki. [al-Ihya' Ulum ad-Din 1/277]

Katanya lagi:

فَإِنَّ الْلَّحِيَةَ زِينَةُ الرِّجَالِ... وَبِهَا يَتَمَيَّزُ الرَّجُلُ عَنِ النِّسَاءِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya janggut adalah perhiasan para lelaki. Dan dengannya dibezakan antara para lelaki dengan para wanita. [al-Ihya' Ulum ad-Din 1/257]

Memadai dengan nukilan-nukilan di atas menunjukkan kepada para pembaca tentang kesepakatan para ulamak *Syafi'iyyah* terhadap kesunnahan memelihara janggut bagi kaum lelaki. Apa yang diungkapkan oleh para ulamak *Syafi'iyyah* di atas adalah bertepatan dengan beberapa hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang memerintahkan agar kaum lelaki memelihara janggut mereka. Sabdanya:

خَالِقُوْا الْمُشْرِكِيْنَ، وَفَرُّوا اللَّحَى، وَأَحْفُوْا الشَّوَارِبَ.

Maksudnya:

Selisihilah (berbezalah) orang-orang musyrik. Biarkanlah janggut dan potonglah kumis. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 5892]

Sabdanya lagi:

أَحْفُوْا الشَّوَارِبَ وَأَعْفُوْا اللَّحَى.

Maksudnya:

Potonglah kumis dan biarkanlah janggut. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 623]

Lebih lanjut, sila rujuk *Ajaran Madzhab Imam Asy-Syafi'i yang Ditinggalkan* karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Timur).

Fakta 40 : Wahhabi & Hadis Dha'if

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menghukum bid'ah amalan yang bersumberkan hadis-hadis yang *dha'if* (lemah).

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah* adalah *Wahhabi* kerana menolak amalan yang dianjurkan oleh hadis yang *dha'if*. Perhatikan kata-kata beliau berikut:

أَنَّ السُّنْنَةَ فِي السَّلَامِ مِنَ الصَّلَاةِ أَنْ يَقُولَ السَّلَامُ عَلَيْكُو وَرَحْمَةُ اللَّهِ

عَنْ يَمِينِهِ السَّلَامُ عَلَيْكُو وَرَحْمَةُ اللَّهِ عَنْ شَمَائِلِهِ وَلَا يَسْنُ زِيَادَةً وَبَرَكَاتَهُ وَأَنْ كَانَ

قَدْ جَاءَ فِيهَا حَدِيثٌ ضَعِيفٌ وَأَشَارَ إِلَيْهَا بَعْضُ الْعُلَمَاءِ وَلَكِنَّهَا بَدْعَةٌ إِذْ لَمْ

يَصْحُ فِيهَا حَدِيثٌ وَغَيْرُهُ فِي تَرْكَهَا.

Maksudnya:

Sesungguhnya yang menjadi sunnah bagi salam dalam solat ialah dengan berkata: "Assalamu'alaikum wa rahmatullah" sebelah kanan dan: "Assalamu'alaikum wa rahmatullah" sebelah kiri. Tidak disunnahkan menambah: "wabarakatuh". Ini sekalipun tambahan ini terdapat dalam hadis yang dha'if dan diisyaratkan oleh sebahagian ulamak. Namun, ia adalah bid'ah kerana tidak ada hadis yang sahih (yang menganjurkan beramal dengannya). Bahkan yang sahih dalam hadis ini dan selainnya ialah meninggalkan tambahan itu. [al-Minhaj Syarh Shahih Muslim 4/153]

Dalam kenyataannya di atas, Imam al-Nawawi dengan tegas menolak bahkan menghukum bid'ah penambahan kalimah “*wabarakatuh*” dalam ucapan salam selepas mengerjakan ibadah solat. Penolakan beliau ke atas tambahan kalimah “*wabarakatuh*” ini adalah kerana dua sebab berikut:

- 1) Kedha'ifan atau kelemahan hadisnya.
- 2) Ketiadaan hadis sahih yang menganjurkannya.

Dalam kenyataannya yang lain, beliau mengkritik golongan yang suka mengikuti hadis-hadis yang *dha'if* dan meninggalkan hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang jelas kesahihannya. Beliau menulis di dalam mukadimah kitabnya, *Khulashah al-Ahkam*:

Sepantasnya bagi setiap orang untuk berakhlik sesuai dengan akhlak Rasulullah, mencontohi ucapan, perbuatan dan apa-apa yang didiamkannya dalam masalah hukum, adab dan semua cabang-cabang Islam. Dan hendaknya dalam hal ini setiap orang berpegang kepada dalil sahih serta menjauhi dalil *dhaif*, jangan terpedaya oleh orang-orang yang menyalahi sunnah yang sahih, jangan bertaklid kepada orang-orang yang berpegang kepada hadis-hadis *dha'if*. [Shahih Kitab al-Adzkar wa Dha'ifuhu karya Syaikh Salim bin 'Id al-Hilali 1/17]

Bukankah Imam al-Nawawi dan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani membolehkan beramal dengan hadis yang *dha'if*?

Benar bahawa Imam al-Nawawi dan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani ialah membolehkan orang ramai beramal dengan hadis yang *dha'if*. Namun kebolehan menurut beliau ini bukanlah secara mutlak. Akan tetapi ia diikat dengan beberapa syarat seperti berikut:

- 1) Hadis tersebut diamalkan dalam rangka meraih *fadhilat* (keutamaan atau kelebihan) yang dianjurkan oleh sesuatu amalan yang terbit berdasarkan dalil yang sahih. Dalam perkataan lain, hadis *dha'if* tidak berdiri sendiri dalam mensabitkan sesuatu tatacara ibadah melainkan terdapat dalil sahih yang mengisyariatkan tatacara amalan tersebut. Dengan mengutip penjelasan al-Hafiz

Ibnu Hajar al-'Asqalani asy-Syafi'e *rahimahullah* berkenaan syarat beramal dengan hadis yang *dha'if*, Imam as-Sakhawi menulis:

أن يكون مندرجًا تحت أصل عام، فيخرج ما يخترع، بحيث لا يكون له أصل أصلًا.

Maksudnya:

Hendaklah amalan itu tercakup oleh suatu dasar (*dalil*) yang bersifat umum, sehingga amalan yang diada-adakan dan tidak memiliki dasar hukum (*dalil*) sama sekali tidak dimaksudkan di sini. [*al-Qaulul Badi* oleh as-Sakhawi, ms. 363]

- 2) Hadis tersebut memiliki kecatatan yang ringan di sisi para ulamak hadis. Adapun hadis yang berada di bawah tingkatannya seumpama hadis yang terlalu lemah (*dha'if jiddan*) dan *maudhu'* (palsu), maka ia merupakan bid'ah yang tercela di sisi syarak. Berkata al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani:

متفق عليه أن يكون الضعف غير شديد، فيخرج من انفرد من الكذابين والمتهمين بالكذب ومن فحش غلطه.

Maksudnya:

(Syarat) yang disepakati oleh seluruh ulamak: Hendaklah hadis itu tidak terlalu lemah (*dha'if jiddan*). Dengan demikian hadis-hadis yang hanya diriwayatkan oleh para pendusta (pemalsu hadis), orang-orang yang dituduh berdusta (memalsukan hadis) dan orang yang banyak melakukan kesalahan dalam periyawatan hadis tidak dimaksudkan dalam hal ini. [*al-Qaulul Badi* oleh as-Sakhawi, ms. 363]

- 3) Hadis tersebut tidak dinisbahkan secara terus lagi pasti kepada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Masih bersama al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani:

أن لا يعتقد عند العمل به ثبوته، لئلا ينسب إلى النبي ما لم يقله.

Maksudnya:

Hendaklah ketika mengamalkannya, tidak diyakini akan keabsahan hal tersebut, agar tidak dinisbahkan kepada Nabi suatu hal yang tidak pernah disabdarkan oleh baginda. [al-Qaulul Badi oleh as-Sakhawi, ms. 363]

Sebagai tambahan, hendaklah hadis tersebut tidak bercanggah dengan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Sebagai contoh ialah dua hadis berikut yang menjelaskan kelebihan amalan membaca Yasin pada setiap malam Jumaat:

مَنْ قَرَأَ يَسِّ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ عُفِرَلَهُ.

Maksudnya:

Sesiapa membaca surah Yasin pada malam Jumaat, maka dia akan diampuni.

Dalam hadis yang lain disebutkan:

إِنَّ لِكُلِّ شَيْءٍ قَلْبًا وَقَلْبَ الْقُرْآنِ يَسِّ.

Maksudnya:

Sesungguhnya segala sesuatu ada hati dan hati al-Qur'an adalah surah Yasin.

Hadis pertama di atas diriwayatkan oleh al-Asfahani dalam kitab *at-Targhib wa at-Tarhib* dan ia adalah hadis yang mungkar (*Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah*, no. 5111). Manakala hadis yang kedua pula adalah hadis yang sangat lemah (*dha'if jiddan*). Sila lihat penjelasannya di dalam kitab *Silsilah al-Ahadith adh-Dha'ifah wa al-Maudhu'ah*, no. 169.

Kedua-dua hadis ini, selain ia dihukum lemah di sisi para *muhadditsin*, ia juga bercanggah dengan hadis yang sahih seperti berikut yang menganjurkan membaca surah Al-Kahfi pada setiap malam Jumaat. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

من قرأ سورة الكهف كما أنزلت كانت له نورا يوم القيمة من مقامه إلى مكة.

Maksudnya:

Sesiapa yang membaca surah al-Kahfi sebagaimana ia diturunkan (nescaya) baginya cahaya pada Hari Kiamat dari tempatnya sehingga ke Makkah. [Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah, no. 2751]

Lebih lanjut berkenaan hukum beramal dengan hadis yang *dha'if*, sila rujuk buku penulis berjudul *Mendulang Cinta Ilahi Dengan Ittiba' Al-Rasul* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Fakta 41 : Wahhabi & Kaedah *al-Qiyas*

Orang kata *Wahhabi* ialah mereka yang menolak kaedah *al-Qiyas* dalam urusan ibadah.

Penjelasan

Jika demikian takrifan *Wahhabi*, maka Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* dan beberapa orang ulamak *Syafi'iyyah* adalah *Wahhabi* kerana menolak penggunaan kaedah *al-Qiyas* dalam urusan ibadah. Imam Ibnu Katsir asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata:

وَبَابُ الْقَرِيبَاتِ يَقْتَصِرُ فِيهِ عَلَى النُّصُوصِ وَلَا يَتَصَرَّفُ فِيهِ بِأَنْوَاعِ الْأَقْسِيَةِ وَالآرَاءِ.

Maksudnya:

Bab *qurbah* itu terhad pada *nusus* dan tidak boleh dicampuri dengan pelbagai jenis *qiyas* dan pertimbangan akal. [Tafsir al-Qur'an al-'Azhim, 4/234]

Sehubungan dengan ini, Imam asy-Syafi'e mensyaratkan bahawa kaedah *al-Qiyas* hendaklah didasarkan kepada dalil-dalil al-Qur'an, as-Sunnah dan ijmak (kesepakatan para ulamak), bukannya dengan *istihsan* (bersangka baik) dan akal fikiran semata-mata. Beliau menegaskan:

وَلَا أَنْ يُفْتَى إِلَّا مِنْ جَهَةِ خَبْرٍ لَازِمٍ، وَذَلِكَ الْكِتَابُ ثُمَّ السُّنْنَةُ أَوْ مَا

قَالَهُ أَهْلُ الْعِلْمِ لَا يَخْتَلِفُونَ فِيهِ، أَوْ قِيَاسٌ عَلَى بَعْضِ هَذَا، لَا يَحْوِزُ لَهُ أَنْ

يُحکم ولا يفتی بالا ستحسان إذ لم يكن الا ستحسان وا جبا ولا في واحد

من هذه المعاني...

Maksudnya:

Dan tidak dibolehkan untuk berfatwa kecuali berdasarkan dalil yang lazim iaitu al-Qur'an, kemudian as-Sunnah atau ijma' (kesepakatan) para ulamak Islam atau *al-Qiyas* yang didasarkan kepada semua dalil di atas. Dan tidak diperbolehkan bagi seseorang untuk berfatwa berdasarkan istihsan (bersangka baik) semata-mata, kerana istihsan itu bukanlah sebuah hukum yang wajib di dalam salah satu dalil yang telah disebutkan di atas (al-Qur'an, as-Sunnah dan ijma'). [al-Umm, 7/315]

Mempraktikkan *al-Qiyas* dalam urusan agama, khususnya dalam hal ibadat, bukanlah merupakan sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Dalam hal ini, Imam al-Bukhari *rahimahullah* menyusun satu bab:

بَابِ مَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُسَأَّلُ بِمَا لَمْ يُنْزَلْ عَلَيْهِ الْوَحْيُ
فَيَقُولُ لَا أَدْرِي أَوْ لَمْ يُحِبْ حَتَّى يُنْزَلَ عَلَيْهِ الْوَحْيُ وَمَمْ يَقُولُ بِرَأْيِي وَلَا بِقِيَاسٍ.

Maksudnya:

Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ketika ditanya tentang sesuatu yang tidak ada dalilnya dari wahyu (al-Qur'an) maka baginda menjawab "Aku tidak tahu" atau tidak menjawab sehingga lah wahyu mengenai hal itu diturunkan. Baginda tidak berpendapat dengan fikiran peribadi dan tidak juga dengan *qiyas*.

Demikian juga para sahabat *radhiyallahu anhum*, mereka tidak pernah menggunakan *al-Qiyas* dalam memahami dan mempraktikkan ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Perbuatan mereka

meninggalkan *al-Qiyas* adalah sebagai tanda dan cara mereka beradab kepada baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*. Imam Sya'rani menjelaskan:

قَدْ كَانَ السَّلَفُ الصَّالِحُ مِنَ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ يَقْدِرُونَ عَلَى الْقِيَاسِ
وَلَكِنَّهُمْ تَرَكُوا ذَلِكَ أَدَبًا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ.

Maksudnya:

Sungguh (para ulamak) *as-Salaf as-Soleh* dari kalangan para sahabat dan *tabi'in* mampu untuk melakukan *al-Qiyas* akan tetapi mereka meninggalkannya kerana beradab bersama Rasulullah. [Qawa'id at-Tahdith min Funun Mustholah al-Hadith 1/253]

Catatan Tambahan

Secara mudahnya *al-Qiyas* ialah kaedah menetapkan hukum ke atas sesuatu perkara baharu yang tidak dinyatakan di dalam al-Qur'an mahu pun as-Sunnah Rasulullah yang sahih, dengan cara menghubungkan (menyamakan) *'illat* (sebab) antara 'perkara baharu' tersebut dengan perkara yang sedia wujud di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Ditinjau dari sudut penerapannya, kaedah *al-Qiyas* digunakan dalam urusan mu'amalat, yakni urusan-urusan keduniaan yang baru muncul selepas beredarnya zaman Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Adapun dalam urusan ibadah khusus, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Imam Ibnu Katsir asy-Syafi'e *rahimahullah* sebelum ini, kaedah *al-Qiyas* tidak boleh diterapkan. Kaedah menetapkan bahawa:

لَا قِيَاسٌ فِي الْعِبَادَاتِ.

Tidak ada *qiyas* dalam perkara ibadah.

Hal ini kerana, ibadah khusus seperti solat, zikir, selawat dan sebagainya bukanlah 'perkara baharu' di dalam urusan agama. Semua yang berhubung kait dengan

urusan ibadah, baik dari segi sebab, syarat, *kaifiyyat* (tatacara) dan kelebihan yang dikurniakan kepada orang yang melaksanakannya, telah pun diajar dan dijelaskan oleh Rasulullah dan juga para sahabatnya. Imam al-'Izz Abdis Salam asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata:

فِإِنَّ الشَّرِيعَةَ لَمْ تُرِدْ بِالْتَّقْرِبِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى بِسُحْدَةٍ مُنْفَرِدةٍ لَا سَبَبٌ

لَهَا، فِإِنَّ الْقَرْبَ لَهَا أَسْبَابٌ وَشَرَائِطٌ وَأَوْقَاتٌ وَأَرْكَانٌ لَا تَصْحُ بِدُونِهَا.

Maksudnya:

Agama Islam ini tidak pernah menetapkan untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan cara sujud dengan satu sujud di luar solat dengan tanpa sebab yang dibenarkan oleh Allah, kerana sesungguhnya segala macam bentuk ibadah itu pasti memiliki sebab-sebab, syarat-syarat, waktu-waktu dan rukun-rukunnya yang tidak mungkin menjadi sah ibadah tersebut kecuali dengan ketentuan-ketentuan tersebut. [At-Targhib 'An Shalatir Raghayib al-Maudhu'ah, ms. 7-8]

Oleh itu umat manusia yang muncul selepas kewafatan baginda dan para sahabat tidak dibolehkan untuk mencipta sesuatu tatacara baharu dalam beribadah tanpa adanya contoh daripada as-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dan juga para sahabat baginda *radhiallahu'anhum*. Lebih-lebih lagi apabila tatacara ibadah yang diada-adakan itu bercanggah dengan tatacara ibadah yang sabit daripada as-Sunnah Nabi yang sahih. Maka dengan sendirinya ia terbatal sebagaimana disebutkan dalam kaedah:

لَا قِيَاسٌ فِي مُقَابِلِ النَّصّ.

Tidak ada *qiyas* dalam berhadapan dengan nas.

Selain itu terdapat beberapa kerosakan apabila kaedah *al-Qiyas* diaplikasikan secara mutlak dalam urusan ibadah. Antaranya:

- 1) Munculnya segolongan manusia yang malas mengerjakan ibadah solat, lalu mereka menyempurnakan rukun kedua Islam itu dengan hanya membayar fidyah solat. Mereka mengqiyaskannya dengan hukum membayar fidyah puasa.
- 2) Munculnya segolongan manusia yang mengerjakan ibadah solat sunat pelangi, *qiyyas* kepada solat sunat gerhana.
- 3) Munculnya segolongan manusia yang mengerjakan solat sunat *rawatib* (solat-solat sunat yang mengiringi solat-solat fardhu), *tahiyyatul masjid* dan solat sunat dhuha secara berjamaah, *qiyyas* kepada solat sunat tarawih berjemaah pada bulan Ramadhan.
- 4) Munculnya segolongan manusia yang melaksanakan khutbah setiap kali sebelum mengerjakan solat Zuhur, *qiyyas* kepada khutbah sebelum solat Jumaat.
- 5) Pelbagai kerosakan lainnya.

Wallahu'a'lam.

KHATIMAH

Demikian 41 keyakinan dan amalan yang sering disandarkan oleh sebahagian pihak ke atas golongan yang digelar sebagai *Wahhabi*. Berdasarkan penelitan semula kepada fatwa para ulamak *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* yang muktabar, khususnya para ulamak bermazhab Syafi'e, jelas menunjukkan bahawa kesemua keyakinan dan amalan yang dinyatakan sebagai ciri-ciri golongan *Wahhabi* itu sebenarnya juga berasal daripada ajaran al-Qur'an, sunnah Nabi yang sahih serta pegangan generasi *as-Salafus as-Soleh*.

Melalui paparan ini maka jelaslah kepada kita semua bahawa apa yang disebut-sebut oleh sebahagian pihak selama ini sebagai golongan yang berfahaman *Wahhabi* ialah merujuk kepada mereka yang berpegang kepada ajaran Islam yang tulen akan tetapi ia tidak selari dengan kebiasaan dan tradisi kebanyakan umat Islam di negara ini. Mungkin inilah takrifan yang paling tepat tentang *Wahhabi*, istilah yang sengaja diadakan oleh para penentang sunnah Rasulullah namun sehingga kini mereka sendiri masih tidak jelas mengenai takrifannya.

Sebagai mengakhiri tulisan ini, berikut dititipkan beberapa buah nasihat berharga yang penulis tujukan buat siapa juar yang menelaah risalah ini, yang berkemungkinan termasuk dalam salah satu daripada tiga kategori berikut:

Pertama: Ahlus Sunnah

Hendaklah anda – wahai Ahlus Sunnah - tetap bersabar dan teguh meniti di atas manhaj Salaf, sekalipun ramai orang yang menolakmu dan sedikitnya orang yang meniti di atas manhaj yang agung ini. Ketahuilah, kebenaran itu tidaklah diukur berdasarkan ramainya orang akan tetapi ialah dasar ia berpijak. Firman Allah dalam surah al-An'am, ayat 116:

وَإِنْ تُطِعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضْلُوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَإِنْ

هُمْ إِلَّا تَخْرُصُونَ

Maksudnya:

Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti persangkaan belaka dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap Allah).

Imam al-Auza'i *rahimahullah* (157H), salah seorang tokoh muktabar *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* yang hidup pada zaman Salaf, pernah berkata:

عَلَيْكَ بِآثَارِ مَنْ سَلَفَ وَإِنْ رَفَضَكَ النَّاسُ، وَإِيَّاكَ وَآرَاءَ الرِّجَالِ وَإِنْ
رَحْرُفُوهُ لَكَ بِالْقَوْلِ.

Maksudnya:

Hendaklah engkau berpegang kepada atsar Salaf meskipun orang-orang menolakmu dan jauhkanlah dirimu dari pendapat orang meskipun dia hiasi pendapatnya dengan perkataan yang indah. [Jami' al-Bayan al-'Ilmi wa Fadhlahu 2/1071, no. 2077]

Pesanan yang seumpama juga dituturkan oleh al-Fudhail bin 'Iyadh *rahimahullah*, merupakan salah seorang tokoh *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* yang terbilang:

اتَّبِعْ طُرُقَ الْهُدَى وَلَا يَضُرُّكَ قِلَّةُ السَّالِكِينَ، وَإِيَّاكَ وَطُرُقَ الضَّلَالَةِ، وَلَا

تَغْتَرِ بِكَثْرَةِ الْهَالِكِينَ.

Maksudnya:

Ikutilah jalan-jalan kebenaran itu. Jangan dihiraukan meskipun sedikit orang yang mengikutinya. Jauhkanlah dirimu dari jalan-jalan kesesatan dan janganlah terpesona dengan banyaknya orang yang menempuh jalan kebinasaan. [al-I'tisham 1/112]

Usahlah anda hairankan dengan setiap cercaan dan tentangan yang dilontarkan kepadamu kerana yang demikian adalah *sunnatullah* yang pasti dihadapi oleh para penegak panji kebenaran. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا شَيَاطِينَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ يُوحَى بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ

رُخْرُفَ الْقَوْلِ غُرُورًا وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ مَا فَعَلُوهُ فَدَرَهُمْ وَمَا يَفْتَرُونَ

Maksudnya:

Dan demikianlah Kami jadikan bagi tiap-tiap nabi itu musuh, iaitu syaitan-syaitan (dari jenis) manusia dan (dari jenis) jin. Sebahagian mereka membisikkan kepada sebahagian yang lain perkataan-perkataan yang indah untuk menipu (manusia). Jikalau Tuhanmu menghendaki nescaya mereka tidak mengerjakannya, maka tinggalkanlah mereka dan apa yang mereka ada-adakan. [Surah al-An'am, ayat 112]

Amat tepatlah apa yang pernah diungkapkan oleh Imam Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah *rahimahullah* (751H), katanya:

وَالْحُقُّ مَنْصُورٌ وَمُمْتَحَنٌ فَلَا تَعْجَبْ فَهَذِي سُنَّةُ الرَّحْمَانِ.

Maksudnya:

Kebenaran itu akan menang dan mendapat ujian. Janganlah hairan, sebab ini adalah sunnah Ar-Rahman. [al-Kafiyyah asy-Syafiiyyah, no. 217.]

Waraqah bin Naufal *radhiallahu'anhu* pernah berkata kepada Nabi:

لَمْ يَأْتِ رِجْلٌ قَطُّ إِمَّا جَهْتَ بِهِ إِلَّا عُودِيَ.

Maksudnya:

Tidak ada seorang pun yang datang dengan membawa ajaranmu kecuali (pasti) akan dimusuhi. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 7 dan Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 160]

Justeru jadikanlah hadis Rasulullah yang mulia di bawah ini sebagai ‘azimat’ di dalam menghadapi gelombang fitnah yang tidak mengenal titik noktah ini. Sabda Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*:

بَدَأَ الْإِسْلَامُ غَرِيبًا، وَسَيَعُودُ كَمَا بَدَأَ غَرِيبًا، فَطُوبَى لِلْغُرَبَاءِ.

Maksudnya:

Islam awalnya asing dan kelak akan kembali menjadi asing sebagaimana awalnya maka beruntunglah bagi al-Ghuraba' (orang-orang yang asing). [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 145]

'Abdullah bin 'Amr Al-'Ash *radhiallahu'anhu* meriwayatkan bahawa pada suatu ketika Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* pernah ditanya mengenai makna *al-Ghuraba'*, baginda *shallallahu ‘alaihi wasallam* menjawab dengan sabdanya:

أَنَّاسٌ صَالِحُونَ فِي أُنَاسٍ سُوءٍ كَثِيرٌ مِنْ يَعْصِيهِمْ أَكْثُرُ مِنْ يُطِيعُهُمْ.

Maksudnya:

Orang-orang soleh yang berada di tengah banyaknya orang-orang yang buruk, orang yang menderhakai (menentang) mereka lebih banyak daripada mentaati mereka. [Hadis riwayat Imam Ahmad dalam *Musnadnya*, no. 6650]

Dalam riwayat yang lain:

الَّذِينَ يُصْلِحُونَ مَا أَفْسَدَ النَّاسُ مِنْ بَعْدِيْ مِنْ سُنْتِيْ.

Maksudnya:

Iaitu orang-orang yang memperbaiki sunnahku (sunnah Rasulullah) setelah (kewafatan)ku sesudah dirosakkan oleh manusia. [Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi dalam Sunan at-Tirmidzi, no. 2630]

Kedua: Orang Awam

Hendaklah anda berhati-hati di dalam menerima apa jua khabar berita yang disampaikan kepada anda. Lebih-lebih lagi jika berita tersebut mengandungi suatu maklumat yang berunsur fitnah ke atas suatu golongan dan anda sendiri masih tidak jelas mengenainya.

Langkah terbaik dalam mendepani fitnah ini ialah dengan cara menahan diri (*bertawaqquf*) daripada membuat apa-apa rumusan dan hukum, di samping berusaha melakukan penyelidikan sebagaimana anjuran Allah menerusi firman-Nya dalam ayat berikut:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامْنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِيٍّ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلٍ فَتُصْبِحُوا

عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِمِينَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu. [Surah al-Hujurat, ayat 6]

Di samping itu hendaklah juga anda mengelakkan diri daripada turut serta menjadi mata rantai kepada para penyebar fitnah tanpa terlebih dahulu memastikan kesahihannya sebagaimana yang diperingatkan oleh nabi:

كَفَىٰ بِالْمَرءِ كَذِبًا أَنْ يُحَدِّثَ بِكُلِّ مَا سَمِعَ.

Maksudnya:

Cukuplah seseorang dianggap berdusta apabila dia menceritakan setiap yang dia dengar. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 5]

Ketiga: Para Penentang Dakwah Sunnah

Hendaklah anda bertaubat dengan taubat nasuha daripada meneruskan perbuatan anda yang amat dikutuk oleh Allah dan Rasul-Nya. Jika setelah penjelasan ini anda tetap memilih untuk meneruskan fitnah ke atas ahlus sunnah, maka tidak ada ucapan yang lebih layak untuk kami persembahkan kepada anda sebagai peringatan melainkan firman Allah dan sabda Nabi-Nya yang mulia berikut:

Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ جَاءُوا بِالْفَحْشَاءِ لَمْ يُكَفِّرُوا لَهُمْ لِكُلِّ

أَمْرٍ يِرِي مِنْهُمْ مَا أَكْتَسَبَ مِنَ الْإِثْمِ وَالَّذِي تَوَلَّ كِبَرُهُ مِنْهُمْ لَهُ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita bohong itu adalah dari golongan kamu juga. Janganlah kamu menyangka bahawa berita bohong itu buruk bagi kamu bahkan ia adalah baik bagi kamu. Tiap-tiap orang dari mereka mendapat balasan dari dosa yang dikerjakannya. Dan sesiapa di antara mereka yang mengambil bahagian yang terbesar dalam penyiaran bohong itu, baginya azab yang besar. [Surah an-Nur, ayat 11]

Sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

وَمَنْ قَالَ فِي مُؤْمِنٍ مَا لَيْسَ فِيهِ أَسْكَنَهُ اللَّهُ رَدْغَةً الْخَبَالِ حَتَّىٰ يَخْرُجَ مِمَّا قَالَ.

Maksudnya:

Sesiapa yang menuduh seorang mukmin secara dusta maka Allah akan menempatkannya di tanah lumpur Neraka hingga dia mencabut ucapannya. [Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah, no. 437]

Sabdanya lagi dalam hadis yang lain:

لَا يَرْمِي رَجُلٌ رَجُلاً بِالْفُسُوقِ، وَلَا يَرْمِيْهِ بِالْكُفْرِ إِلَّا ارْتَدَّتْ عَلَيْهِ إِنْ لَمْ يَكُنْ صَاحِبُهُ كَذِيلَكَ.

Maksudnya:

Tidak boleh seseorang menuduh orang lain dengan kefasikan dan tidak pula menuduhnya dengan kekafiran, melainkan hal ini akan kembali kepadanya (yang menghukum) jika orang yang tertuduh tidak demikian. [Shahih al-Bukhari, no. 6045 dan Musnad Ahmad 4/181]

Akhirnya penulis berdoa kepada Allah semoga Dia menerima usaha ini sebagai suatu ibadah dan menjadikannya sebagai ‘wasilah’ ke arah membersihkan semula manhaj salaf yang agung ini setelah ia dikotori oleh tangan-tangan para penyelisih kebenaran. Penulis juga berdoa semoga Allah sentiasa melimpahkan rahmat-Nya ke atas kita semua agar sentiasa kekal dalam keimanan dan kembali ke pangkuhan-Nya sebagai hamba-Nya yang diredhai. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

فَبَشِّرْ عِبَادِ اللَّهِ الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَبَعُونَ أَحْسَنَهُرُ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ وَأُولَئِكَ هُمُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya:

Sampaikanlah khabar gembira kepada hamba-hamba-Ku (iaitu) orang-orang yang mendengarkan perkataan lalu mengikuti yang paling baik (pada segi hukum agama). Mereka itulah orang-orang yang diberi hidayah (petunjuk) oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang berakal sempurna. [Surah az-Zumar, ayat 17-18]

Amin ya Rabb al-'Alamin.

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ
وَآخِرُ دَعْوَانَا أَنِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

LAMPIRAN

Beberapa Persoalan Lazim Tentang *Wahhabi*

Artikel 1

Wahhabi Gemar Mengkafirkan Umat Islam?

Soalan:

Seringkali kedengaran bahawa golongan yang digelar sebagai *Wahhabi* amat gemar menghukum sesat dan kafir serta menetapkan masuk neraka umat Islam yang melakukan bid'ah dalam urusan ibadah. Sejauh manakah dakwaan ini benar?

Jawapan:

Jika dikaji tulisan-tulisan para ulamak *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* sepanjang zaman, maka kita akan dapati bahawa mereka adalah barisan manusia yang amat berhati-hati dalam menjatuhkan hukum sesat atau kafir terhadap orang lain, khususnya sesama umat Islam. Sikap hati-hati mereka ini tidak lain adalah kerana kesedaran mereka terhadap peringatan Nabi supaya tidak bermudah-mudahan dalam menghukum sesat atau kafir seseorang individu Muslim. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَا يَرْمِي رَجُلًا بِالْفُسُوقِ وَلَا يَرْمِيهِ بِالْكُفْرِ إِلَّا ارْتَدَّتْ عَلَيْهِ إِنْ مَمْ يَكُونُ

صَاحِبُهُ كَذِلِكَ.

Maksudnya:

Tidak boleh seseorang menuduh orang lain dengan kefasikan dan tidak pula dia menuduhnya dengan kekafiran, kecuali hal ini akan kembali kepadanya jika orang yang dituduh tidak demikian. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 6045]

Sabdanya lagi:

مَنْ دَعَا رَجُلًا بِالْكُفْرِ، أَوْ قَالَ: عَدُوُّ اللَّهِ، وَلَيْسَ كَذَلِكَ إِلَّا حَارَ عَلَيْهِ.

Maksudnya:

Sesiapa yang memanggil seseorang dengan kafir atau memanggilnya: "Wahai musuh Allah", sedangkan orang tersebut tidaklah demikian, maka tuduhan tersebut kembali kepadanya. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 61]

Sabdanya lagi dalam lafaz yang lain:

وَلَعْنُ الْمُؤْمِنِ كَقَتْلِهِ، وَمَنْ رَمَى مُؤْمِنًا بِكُفْرٍ فَهُوَ كَفَّتِلِهِ.

Maksudnya:

Dan melaknat seorang Mukmin seperti membunuhnya. Sesiapa yang menuduh seorang Mukmin dengan kekafiran, maka dia seperti membunuhnya. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 6105]

➤ Faktor-faktor pengecualian hukum sesat dan kafir.

Perlu difahami bahawa, sebelum menetapkan seseorang individu atau sekumpulan manusia sebagai sesat atau kafir di sisi ajaran Islam, Ahlus Sunnah terlebih dahulu akan mengambil kira beberapa faktor berikut:

1. Apakah individu tersebut seorang yang jahil, iaitu tidak mengetahui bahawa apa yang dilakukannya itu adalah salah di sisi ajaran Islam?
2. Apakah individu tersebut terlupa bahawa apa yang sedang dilakukannya itu merupakan penyelisihan terhadap kebenaran?
3. Apakah individu tersebut terkeliru di dalam memahami sesuatu persoalan yang berkaitan dengan urusan agamanya sehingga dia terjerumus kepada perbuatan yang menyelisihi kebenaran?
4. Apakah individu tersebut melakukan sesuatu kemungkaran secara tidak sengaja?

5. Apakah individu tersebut tidak memiliki pilihan lain melainkan terpaksa melakukan sesuatu kemaksiatan demi mengutamakan sesuatu yang lebih besar maslahatnya?

Kelima-lima faktor yang disenaraikan di atas merupakan ‘keuzuran’ yang mengecualikan seseorang daripada dihukum sebagai sesat di sisi ajaran Islam. Adapun dalil bagi setiap faktor di atas adalah seperti berikut:

1. Jahil (tidak tahu). Firman Allah:

إِنَّمَا الْتَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ أَسْوَاءَ نَجْهَلَةً ثُمَّ يَتُوبُونَ مِنْ قَرِيبٍ

فَأُولَئِكَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمًا

Maksudnya:

Sesungguhnya taubat daripada Allah hanyalah taubat dari orang-orang yang mengerjakan kejahatan kerana kejahilan yang kemudian mereka bertaubat dengan segera. Maka itulah yang diterima Allah taubatnya dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. [Surah An-Nisa', ayat 17]

Firman-Nya lagi:

وَمَا كُنَّا مُعَذِّبِينَ حَتَّىٰ نَبْعَثَ رَسُولًا

Maksudnya:

Dan tidaklah Kami mengazabkan sesiapa pun sebelum Kami mengutuskan seorang Rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah). [Surah al-Isra', ayat 15]

Ayat di atas menjelaskan tentang pengecualian yang diberikan kepada kaum yang jahil daripada terkena azab Allah Subhanahu wa Ta'ala. Oleh sebab itu, Allah mengutuskan para Rasul-Nya untuk menjelaskan kepada mereka tentang ajaran dan juga hukum-hakam agama-Nya. Firman-Nya:

وَمَا أَرْسَلْنَا مِنْ رَّسُولٍ إِلَّا بِلِسَانٍ قَوْمِهِ لِيُبَيِّنَ لَهُمْ

Maksudnya:

Dan Kami tidak mengutuskan seseorang Rasul melainkan dengan bahasa kaumnya supaya dia menjelaskan (hukum-hukum Allah) kepada mereka. [Surah Ibrahim, ayat 4]

2. Terlupa. Firman Allah:

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا

Maksudnya:

Wahai Rabb kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami terlupa atau kami bersalah. [Surah al-Baqarah, ayat 286]

3. Keliru. Sabda Rasulullah:

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَحَدَ ثُمَّ أَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَحَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرُ.

Maksudnya:

Apabila seorang hakim itu menghukum lalu dia berijtihad kemudian menepati kebenaran maka baginya dua pahala. Sementara apabila dia menghukum lalu dia berijtihad kemudian silap maka baginya satu pahala. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 7352]

Hadis di atas merupakan dalil bahawa seseorang yang terkeliru dalam berijtihad akan diberikan keampunan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

4. Tidak sengaja. Firman Allah:

وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنَّ مَا تَعَمَّدَتْ قُلُوبُكُمْ

وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya:

Dan tidak ada dosa atasmu terhadap apa yang kamu tersilap melakukannya, akan tetapi (yang dikira berdosa itu adalah) apa yang disengajakan oleh hatimu (untuk melakukannya). Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. [Surah al-Ahzab, ayat 5]

5. Terpaksa. Firman Allah:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌ بِالْإِيمَانِ

وَلَكِنَّ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفُرِ صَدُّرَ أَعْلَيْهِمْ غَضْبُ مِنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

Sesiapa yang kafir kepada Allah sesudah dia beriman (dia mendapat kemurkaan Allah), kecuali orang yang dipaksa (menjadi) kafir padahal hatinya tetap tenang dalam beriman (dia tidak berdosa). Akan tetapi orang yang melapangkan dadanya untuk kekafiran, maka kemurkaan Allah menimpanya dan baginya azab yang besar. [Surah An-Nahl, ayat 106]

Demikian beberapa faktor yang mengecualikan seseorang daripada dihukum sebagai sesat atau kafir menurut perspektif *Ahlus Sunnah wal Jama'ah*. Setelah kesemua faktor ini dipertimbangkan, langkah seterusnya yang diambil oleh Ahlus Sunnah adalah dengan menegakkan hujah (*iqamatul hujjah*) ke atas mereka yang telah dikenalpasti memiliki keyakinan atau amalan yang menyimpang daripada ajaran Islam.

Jika setelah penegakkan hujah dilakukan, namun mereka tetap berdegil di atas penyimpangan tersebut, maka Ahlus Sunnah mengambil langkah mengisyiharkan

status kesesatan mereka dan seterusnya memperingatkan orang ramai akan bahaya kesesatan yang dibawa bersamanya.

Ringkasnya, Ahlus Sunnah bukanlah seperti yang digambarkan oleh sebahagian pihak sebagai golongan yang amat rakus lagi tergesa-gesa dalam menjatuhkan hukuman sesat dan kafir ke atas orang lain. Selain mengambil kira pelbagai faktor yang telah disebutkan sebelum ini, Ahlus Sunnah juga mengambil inisiatif memberikan nasihat dan peringatan terhadap mereka yang didapati menyelisihi ajaran Islam.

Meneliti perkataan para tokoh *Wahhabi* berkaitan isu *takfir*.

Terlanjur berbicara mengenai persoalan *takfir* (hukum kafir-mengkafir), mari kita semak beberapa keterangan dua orang tokoh Ahlus Sunnah di bawah ini yang masyhur digelar oleh para pelaku bid'ah sebagai tokoh yang berfahaman *Wahhabi*. Mereka yang dimaksudkan ialah Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah *rahimahullah* dan juga Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah*.

Berkata Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah *rahimahullah*:

وَلَيْسَ لِأَحَدٍ أَنْ يُكَفِّرَ أَحَدًا مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَإِنْ أَخْطَأَ وَغَلَطَ حَتَّىٰ
تُقَامَ عَلَيْهِ الْحُجَّةُ وَتُبَيَّنَ لَهُ الْمَحَجَّةُ، وَمَنْ ثَبَّتَ إِسْلَامُهُ بِيَقِينٍ لَمْ يَرُدْ ذَلِكَ
عَنْهُ بِالشَّكِّ، بَلْ لَا يَزُولُ إِلَّا بَعْدَ إِقَامَةِ الْحُجَّةِ وَإِرَازَةِ الشُّبُهَةِ.

Maksudnya:

Tidak ada seorang pun berhak mengkafirkan seorang Muslim lainnya, walau pun dia telah melakukan kekeliruan atau kesalahan, sehingga ditegakkan hujah terhadapnya dan dijelaskan jalan yang benar kepadanya. Orang yang berstatus Muslim dengan pasti, maka statusnya itu tidak akan lepas hanya dengan sebab sesuatu yang masih diragukan (kesahihannya), bahkan status keislamannya itu

tetap melekat padanya sehingga sampai hujah berhasil ditegakkan dan syubhat (kesamaran) telah berhasil dihilangnya. [Majmu' al-Fatawa 12/465-466]

Katanya lagi:

هَذَا مَعَ أَنِّي دَائِمًا وَ مَنْ جَالَسَنِي يَعْلَمُ ذَلِكَ مِنْ: أَنِّي مِنْ أَعْظَمِ
النَّاسِ نَهْيَاً عَنْ أَنْ يُنْسَبَ مُعَيْنٌ إِلَى تَكْفِيرٍ وَ تَفْسِيقٍ وَ مَعْصِيَةٍ، إِلَّا إِذَا عُلِمَ
أَنَّهُ قَدْ قَامَتْ عَلَيْهِ الْحُجَّةُ الرَّسَالِيَّةُ التَّيْيَّارَةُ كَانَ كَافِرًا تَارَةً وَ فَاسِقًا
أُخْرَى وَ عَاصِيًّا أُخْرَى وَ إِنِّي أُفَرِّزُ أَنَّ اللَّهَ قَدْ غَفَرَ لِهِذِهِ الْأُمَّةِ خَطَاهَا: وَ ذَلِكَ
يَعْمُلُ الْخَطَا فِي الْمَسَائِلِ الْخْبَرِيَّةِ الْقَوْلِيَّةِ وَ الْمَسَائِلِ الْعَمَلِيَّةِ. وَ مَا زَالَ لِسَلْفِ
يَتَنَازَعُونَ فِي كَثِيرٍ مِنْ هَذِهِ الْمَسَائِلِ وَ لَمْ يَشْهُدْ أَحَدٌ مِنْهُمْ عَلَى أَحَدٍ لَا
بِكُفْرٍ وَ لَا بِفَسْقٍ وَ لَا مَعْصِيَةٍ.

Maksudnya:

Inilah dan orang-orang yang bermajlis denganku mengetahui bahawa aku adalah orang yang paling keras melarang (orang Islam daripada) menuduh orang tertentu dengan kekafiran, kefasikan dan kemaksiatan, kecuali jika telah diketahui bahawa hujah dari Rasul telah tegak padanya, yang orang menyelisihinya menjadi kafir, atau fasik, atau pelaku maksiat. Dan aku menetapkan Allah mengampuni kekeliruan umat ini dan ini meliputi kekeliruan di dalam perkara-perkara *khabariyyah* (perkara berkaitan akidah) dan perkara-perkara *'amaliyyah* (berkaitan amalan dan hukum-hakam). Dahulu para salaf (*as-Salaf as-Soleh*) selalu berbeza pendapat di dalam banyak dari perkara-perkara

ini, tetapi tidak ada seorang pun dari mereka menuduh orang lain dengan kekafiran, kefasikan dan kemaksiatan. [Majmu' al-Fatawa 3/229]

Berikut dinukilkan pula kata-kata Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah*:

بَلْ نُشْهِدُ اللَّهَ عَلَى مَا يَعْلَمُ مِنْ قُلُوبِنَا بِأَنَّ مَنْ عَمِلَ بِا لِتَوْحِيدِ وَتَبَرَّأً
مِنَ الشَّرِكِ وَأَهْلِهِ فَهُوَ الْمُسْلِمُ فِي أَيِّ زَمَانٍ وَأَيِّ مَكَانٍ، وَإِنَّمَا نُكَفِّرُ مَنْ
أَشْرَكَ بِاللَّهِ فِي إِلَهِيَّتِهِ بَعْدَمَا تُبَيِّنُ لَهُ الْحُجَّةُ عَلَى بُطْلَانِ الشَّرِكِ.

Maksudnya:

Bahkan kami mempersaksikan Allah yang mengetahui hati kami, bahawa orang yang mengamalkan tauhid, berlepas diri dari syirik dan pelakunya, maka dia adalah seorang Muslim pada zaman (bila-bila) sahaja dan di mana sahaja. kami hanya mengkafirkan orang yang mensyirikkan Allah dalam *uluhiyah* (yakni beribadat kepada selainnya) setelah kami jelaskan hujah kepadanya tentang kebatilan syirik. [Majmu' Muallafat Syaikh Muhammad Ibnu 'Abdil Wahhab 3/34]

Syaikh Muhammad menyatakan bahawa beliau tidak mengkafirkan sesiapa sahaja dari kalangan umat Islam yang melakukan kesyirikan disebabkan kejahilan dan juga tidak ada sesiapa yang memperingatkan mereka tentang kebatilan amalan syirik yang dilakukan oleh mereka. Katanya:

... كُنَّا لَا نُكَفِّرُ مَنْ عَبَدَ الصَّنَمَ الَّذِي عَلَى عَبْدِ الْقَادِرِ، وَالصَّنَمَ الَّذِي عَلَى قَبْرِ أَحْمَدَ الْبَدْوِيِّ، وَأَمْثَالِهِمَا لِأَجْحِلِ جَهَلِهِمْ وَعَدَمِ مَنْ يُنَبِّهُهُمْ...

Maksudnya:

Kami tidak menjatuhkan hukum kafir kepada orang yang menyembah berhala yang ada di atas (kuburan Syaikh) Abdul Qadir (Jailani) dan yang menyembah berhala yang ada di atas kuburan Ahmad Badawi dan selainnya kerana ketidaktahuan mereka, juga kerana tidak ada orang yang mengingatkan mereka.
[ad-Durar as-Saniyyah 1/66]

Syaikh ‘Abdul Lathif bin ‘Abdurrahman bin Hasan Aalu Syaikh, salah seorang ulamak besar berketurunan Syaikh Muhammad bin ‘Abdul Wahhab berkata:

وَالشَّيْخُ مُحَمَّدٌ رَّحْمَةُ اللَّهِ مِنْ أَعْظَمِ النَّاسِ تَوْقُفًا وَإِحْجَامًا عَنِ إِطْلَاقِ
الْكُفْرِ، حَتَّىٰ أَنَّهُ لَمْ يَجِدْ بِتَكْفِيرِ الْجَاهِلِ الَّذِي يَدْعُونَ عَيْرَ اللَّهِ مِنْ أَهْلِ الْقُبُوْرِ
أَوْ غَيْرِهِمْ إِذَا لَمْ يَتَسَّرْ لَهُ مَنْ يَنْصَحُهُ وَيُبَلِّغُهُ الْحُجَّةُ الَّتِي يُكَفِّرُ تَارِكُهَا..

Maksudnya:

Dan Syaikh Muhammad *rahimahullah* termasuk orang yang sangat berhati-hati dan tidak berani menghukum kafir (orang Islam yang lain). Sehingga beliau tidak memastikan kekafiran orang bodoh yang berdoa kepada selain Allah, baik berdoa kepada penghuni kubur atau selainnya, jika belum ada orang yang menasihatinya, yang mana orang yang meninggalkan hujah itu menjadi kafir.
[Minhaj at-Ta’sis wa at-Taqdis, ms. 98]

Masih terlalu banyak ungkapan kedua-dua orang tokoh di atas jika hendak dikemukakan berhubung dengan manhaj mereka dalam persoalan *takfir*. Walau bagaimanapun, memadai dengan beberapa nukilan di atas untuk menunjukkan kepada para pembaca bahawa manhaj kedua-dua tokoh tersebut dalam persoalan *takfir* adalah sejalan dengan manhaj seluruh tokoh *Ahlus Sunnah wal Jama’ah* sepanjang zaman. Sememangnya, *Ahlus Sunnah wal Jama’ah* amat terkenal dengan sikap berpada-pada dalam menjatuhkan hukuman sesat atau kafir khususnya terhadap kaum Muslimin.

Kenyataannya, mereka lah yang gemar mengkafirkan!

Di sebalik kelancangan lidah dan goresan pena mereka menuduh kaum *Wahhabi* gemar menghukum sesat dan kafir orang Islam, mereka terlupa bahawa mereka lah manusia yang paling rakus dalam menjatuhkan hukum sesat, bahkan kafir ke atas golongan yang digelar oleh mereka sebagai *Wahhabi*.

Ungkapan-ungkapan seperti “*Wahhabi adalah kaum Musyabbihah* (golongan yang menyamakan Allah dengan makhluk)”, “*Wahhabi lebih bahaya daripada Syi’ah*”, “*Wahhabi bukan Islam*”, “*Wahhabi adalah agen Yahudi*”, “*Wahhabi adalah pengganas*” dan puluhan ungkapan seumpama sentiasa bermain di lidah dan memenuhi tulisan-tulisan mereka. Para pembaca dipersilakan melihat mana-mana sesawang internet, buku atau rakaman video golongan yang menentang golongan *Wahhabi*, nescaya para pembaca akan menemui hakikat ini.

➤ ***Wahhabi* penentu calon neraka?**

Terhadap persoalan, apakah benar golongan *Wahhabi* menetapkan individu atau kelompok tertentu sebagai golongan ahli neraka, sehingga kini tidak pernah penulis menemui satu sahaja kenyataan mana-mana tokoh atau golongan yang ditomah sebagai berfahaman *Wahhabi* yang mengeluarkan kenyataan demikian. Justeru dakwaan demikian adalah suatu fitnah yang sengaja dicetuskan oleh golongan yang benci kepada dakwah yang dibawa oleh para pendukung sunnah Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam*.

Perlu ditambah bahawa apabila Ahlus Sunnah menghukum dan mencela sesuatu keyakinan atau amalan sebagai sesat dan bid’ah di sisi ajaran Islam, maka hukuman dan celaan tersebut hanya ditujukan kepada keyakinan dan amalan itu sahaja. Adapun status pelakunya, sama ada dia sebagai bakal penghuni neraka atau sebaliknya, ia diserahkan sepenuhnya kepada Allah.

Ini kerana persoalan syurga atau neraka adalah termasuk dalam urusan ghaib yang hanya Allah sahaja mengetahuinya. Oleh yang demikian, kenyataan sebahagian pihak bahawa Ahlus Sunnah amat rakus dalam menghukum dan menetapkan seseorang pelaku bid’ah sebagai ahli neraka, ia hanyalah merupakan rumusan berdasarkan logik

mereka semata-mata. Sesungguhnya, Ahlus Sunnah berlepas diri daripada tuduhan dan andaian sedemikian.

Lebih lanjut berkenaan manhaj Ahlus Sunnah dalam isu *takfir*, sila rujuk:

1. ***Manhaj Ahlus Sunnah wal Jama'ah Dalam Isu Takfir*** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus, dimuatkan di dalam buku *Himpunan Risalah Dalam Beberapa Persoalan Ummah Buku 3* susunan Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
2. ***Zhahiratul Tabdi' wa Tafsiq wa Takfir wa Dhawabithuha*** karya Syaikh Shaleh Fauzan al-Fauzan. Bagi edisi terjemahan, lihat *Stop! Jangan Mudah Mengkafirkan dan Membid'ahkan* (Pustaka Qaba-il, Malang).
3. ***Muzim al-Illas Fii al-Ahkam 'Ala An-Naas*** karya Sa'id Shabir Abduh. Bagi edisi terjemahan, lihat *Muzimul Illas: Hukum Mengkafirkan Sesama Muslim* (Griya Ilmu, Jakarta).
4. ***Rifqan Ahlas Sunnah bi Ahlis Sunnah*** karya Syaikh 'Abdul Muhsin al-'Abbad al-Badr. Bagi edisi terjemahan, lihat *Lembutnya Dakwah Ahlus Sunnah* (Pustaka Darul Ilmi, Bogor).

Artikel 2

Syaikh Ibnu Bazz, Syaikh Muhammad Soleh al-'Utsaimin dan Syaikh al-Albani Mengkafirkan al-Hafiz Ibnu Hajar, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari?

Telah tersebar kenyataan bahawa Syaikh Ibnu Bazz *rahimahullah* (mantan mufti kerajaan Arab Saudi), Syaikh Muhammad Soleh al-'Utsaimin *rahimahullah* dan Syaikh al-Albani *rahimahullah* telah menghukum kafir tiga tokoh ulamak *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* iaitu al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani *rahimahullah*, Imam al-Nawawi *rahimahullah* dan Imam al-Bukhari *rahimahullah*. Sejauh manakah kenyataan ini benar? Mari ikuti penjelasan di bawah ini.


Ibn Baz (Bekas Mufti Saudi) kata al-Imam al-Nawawi dan Imam Ibni Hajar al-Asqalani bukan Ahli Sunnah dan Jama'ah dalam isu Sifat-sifat Allah SWT.

Sumber:
<http://www.binbaz.org.sa/mat/4087> - Laman Rasmi Ibn Baz.

Nak ikut Ibn Baz atau Imam al-Nawawi dan Ibni Hajar al-Asqalani – Tanya iman anda ☺

Terjemahan: "Seseorang bertanya: Di sana ada (agamawan) yang memberi amaran berkenaan kitab-kitab al-Imam al-Nawawi dan Ibni Hajar (al-Asqalani) - semoga Allah Ta'alā merahmati mereka berdua - dan dia berkata: Sesungguhnya mereka berdua bukanlah dari Ahli Sunnah dan Jama'ah, apakah kesahihan (dakwaan) itu?

(Jawapan) Bagi mereka (al-Nawawi, Ibni Hajar al-Asqalani, dll) perkara-perkara yang mereka salah padanya berkenaan Sifat-sifat (Allah), Ibni Hajar, al-Nawawi dan sekumpulan yang lain, bagi mereka perkara-perkara yang mereka telah salah padanya (Sifat-sifat Allah). Mereka bukanlah dari Ahli Sunnah dan Jama'ah padanya (Sifat-sifat Allah). Dan mereka adalah Ahli Sunnah pada apa yang mereka selamat padanya dan tidak mengubahnya. Mereka dan seumpama mereka adalah daripada orang-orang melakukan kesilapan.



The screenshot shows a website page for Ibn Baz. At the top right is a portrait of him wearing a white robe and a red and white checkered headscarf. To his left is a yellow banner with Arabic calligraphy. Below the banner, the word 'فتاوى' (Fatwa) is written in large green letters. The main content area has a yellow background and contains Arabic text. On the right side of the page, there is a vertical sidebar with several menu items in Arabic, such as 'المرشدين', 'فتاوى', 'مكتبة', 'دور على الدرب', 'شجرة المنشيات', 'مكتبة', 'بيانات', and 'مسيرة عطاء'. The overall layout is typical of a religious website from the early 2000s.

Ilmuwan Wahhabi, al-Sheikh Soleh Ibn Uthaymin mengatakan al-Imam al-Nawawi dan al-Imam Ibn Hajar al-Asqalani bukan Ahli al-Sunnah dan al-Jama'ah dalam bab Nama-nama dan Sifat-sifat Allah. Kitab: Liqa' al-Bab al-Maftuh.



Terjemahan bagi yang berwarna
kuning di sebelah kanan bawah (nak terjemah semua panjang ☺):

Maksudnya: "Dan seperti al-Nawawi dan Ibn Hajar, (adakah) kita menjadikan mereka berdua bukan dari kalangan Ahli al-Sunnah dan al-Jama'ah?

(Jawapan) Pada apa yang mereka berdua (al-Nawawi dan Ibn Hajar al-Asqalani) pegang dalam perkara berkaitan Nama-nama dan Sifat-sifat (Allah), (maka) mereka berdua bukanlah dari Ahli al-Sunnah dan al-Jama'ah."

Anda semua nak ikut Ibn 'Uthaymin atau al-Imam al-Nawawi dan al-Imam Ibn Hajar al-Asqalani dalam bab aqidah??!! Tepuk dada tanya iman ☺



DATA ORIGINAL

AL-ALBANI, ULAMA WAHHABI MENGKAFIRKAN AL-IMAM AL- BUKHARI

Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, tokoh Wahhabi yang tinggal di Yordania mengkafirkan al-Imam al-Bukhari dalam *Fatawa*-nya hal. 523, karena melakukan ta'wil.

سؤال: أنا طبعاً أردت أن أبين هنا مخافة أن أقع في كلام عن الإمام البخاري وهو...

جواب: نعم جزاكم الله خيراً ..
أنت سمعت من الشك في أن يقول البخاري هذه الكلمة .. لأنه ..
﴿ويقى وجه ربك ذو الجلال والإكرام﴾ أي ملكه ..
يا أخي هذا لا يقوله مسلم مؤمن .



PERTAMA

Perhatikan, tidak terdapat satu pun perkataan ‘kafir’ pada kenyataan ketiga-tiga tokoh ‘Wahhabi’ berkenaan ke atas al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani *rahimahullah*, Imam al-Nawawi *rahimahullah* dan Imam al-Bukhari *rahimahullah*. Apa yang zahir pada kenyataan mereka hanyalah penolakan terhadap manhaj para imam tersebut dalam persoalan berinteraksi dengan nas-nas al-Sifat Allah, iaitu melakukan *takwil* ke atas nas-nas sifat Allah. Penulis merasa agak kehairanan, di manakah lafaz ‘kafir’ itu mereka temui sehingga dengan mudah menuduh para tokoh ‘Wahhabi’ telah menghukum kafir al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari?

KEDUA

Memang benar kenyataan ketiga-tiga tokoh ‘Wahhabi’ tersebut bahawa perbuatan mentakwilkan nas-nas sifat Allah sebagaimana yang dilakukan oleh al-Hafiz Ibnu Hajar al-‘Asqalani, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari bukanlah berasal daripada pegangan *Ahlus Sunnah wal Jama’ah yang diasaskan oleh para Sahabat radhiallahu anhum*. Perhatikan penjelasan para imam besar *Ahlus Sunnah wal Jama’ah* di bawah ini.

Imam al-Mubarakfuri *rahimahullah* menulis di dalam kitabnya *Tuhfat al-Ahwazi bi Syarh Jami’ at-Tirmidzi*, 8/360:

هذا تأويلان لا حاجة إليها قد مر مراراً أن مذهب السلف الصالحين

في أمثال هذه الأحاديث إمرارها على ظواهرها من غير تأويل وتكيف.

Maksudnya:

Takwil-takwil (dalam masalah sifat-sifat Allah) ini sama sekali tidak diperlukan dan telah berlalu masa yang panjang bahawa mazhab *as-Salaf as-Soleh* dalam (berinteraksi dengan) hadis-hadis (tentang sifat Allah) adalah membiarkannya sesuai dengan zahirnya (tekstual) tanpa ditakwil dan *takyif* (membagaimanakan sifat-sifat Allah).

Imam Ibnu Qudamah *rahimahullah* (620H) menjelaskan:

وَمَا الْإِجْمَاعُ إِنَّ الصَّحَابَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَجْمَعُوا عَلَى تَرْكِ التَّأْوِيلِ.

Maksudnya:

Adapun *ijmak* (kesepakatan), sesungguhnya para Sahabat telah sepakat untuk meninggalkan *takwil*. [*Dzammut Ta'wil*, ms. 40, no. 78]

Katanya lagi:

فَإِنْ لَا خِلَافٌ فِي أَنَّ مِذْهَبَ السَّلْفِ إِلَاقْرَارٌ وَالْتَّسْلِيمُ وَتَرْكُ التَّعْرُضِ

لِلتَّأْوِيلِ وَالتَّمثِيلِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya tidak ada perbezaan pendapat bahawa mazhab *Salaf* (dalam masalah sifat-sifat Allah) adalah menetapkan (*ithbat*) dan menyerahkan (*tafwidh*) serta tidak memasuki *takwil* dan *tamsil*. [*Tahrim an-Nazhr fii Kutub al-Kalam*, ms. 36]

Tegasnya lagi di dalam kitab yang lain, *Lum'atul I'tiqad al-Hadi Ila Sabilir Rasyad*:

وَعَلَى هَذَا دَرْجَ السَّلْفِ، وَأَئْمَةِ الْخَلْفِ – رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ – كُلُّهُمْ

مُتَقْرِّبُونَ إِلَى إِلَاقَرَارِ، وَالْإِمْرَارِ، وَالْإِثْبَاتِ الْمُأْوَرَدِ مِنَ الصَّفَاتِ فِي كِتَابِ اللَّهِ وَ

سَنَةِ رَسُولِهِ، مِنْ غَيْرِ تَعْرُضٍ لِتَأْوِيلِهِ.

Maksudnya:

Demikianlah jalan yang ditempuh oleh orang-orang *Salaf* dan para imam setelah mereka. Mereka semua sepakat untuk mengakui dan menetapkan sifat-

sifat Allah sebagaimana semestinya seperti yang dijelaskan dalam kitabullah dan as-Sunnah Rasul-Nya tanpa melakukan *takwil*.

KETIGA

Ketahuilah bahawa yang mula-mula melakukan *takwil* ke atas nas-nas sifat Allah ialah golongan *al-Jahmiyyah*, *al-Qadariyyah* dan *al-Muktazilah*, tiga aliran yang telah disepakati kesesatannya di sisi *Ahlus Sunnah wal Jama'ah*. Perhatikan kenyataan para tokoh *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* di bawah ini.

Imam Ibnu Khuzaimah asy-Syafi'e *rahimahullah* (311H) berkata ketika mengkritik golongan *al-Jahmiyyah* yang mentakwilkan sifat *al-Istiwa'* kepada *al-Istaula'*:

فَحُنْ نَؤْمِنُ بِخَيْرِ اللَّهِ جَلَّ وَعَلَا أَنْ خَالقَنَا مَسْتَوْ عَلَى عَرْشِهِ، لَا
نَبْدِلُ كَلَامَ اللَّهِ وَلَا نَقُولُ قَوْلَ لَا غَيْرَ الذِّي قِيلَ لَنَا كَمَا قَالَتِ الْمَعْطَلَةُ
الْجَهَمِيَّةُ: إِنَّهُ اسْتَوَى عَلَى عَرْشِهِ لَا اسْتَوَى. فَبَدَلُوا قَوْلَ لَا غَيْرَ الذِّي قِيلَ لَهُمْ
كَفَعَلَ الْيَهُودُ لَمَا أَمْرُوا أَنْ يَقُولُوا حَطَّةً، فَقَالُوا حَنْطَةً مُخَالِفِينَ لِأَمْرِ اللَّهِ جَلَّ وَ
عَلَا.

Maksudnya:

Kami beriman dengan khabar dari Allah *Jalla wa 'Ala sesungguhnya* Pencipta kami (Allah), Dia *istiwa'* di atas 'Arasy-Nya. Kami tidak akan mengganti / mengubah *Kalam* (firman) Allah dan kami tidak akan mengucapkan perkataan yang tidak pernah dikatakan (Allah) kepada kami sebagaimana (golongan) yang menghilangkan sifat-sifat Allah. (Golongan) *al-Jahmiyah* telah berkata: 'Sesungguhnya Dia (Allah) *istaula'* (menguasai) 'Arasy-Nya, tidak *istiwa'*' Maka mereka telah menggantikan perkataan yang tidak pernah dikatakan (oleh Allah)

kepada mereka seperti perbuatan Yahudi ketika mereka diperintah mengucapkan: '*Hiththatun* (ampunkanlah dosa-dosa kami), tetapi mereka (mengubah perkataan itu dengan) mengucapkan: '*Hinthal* (gandum). Mereka (kaum Yahudi) telah menyalahi perintah Allah Yang Maha Besar dan Maha Tinggi. Seperti itulah *al-Jahmiyyah*. [Kitab at-Tauhid, ms. 101]

Tidak ketinggalan dalam melontarkan kritikan terhadap golongan *al-Jahmiyyah* ini ialah Imam at-Tirmidzi *rahimahullah* (279H). Kata beliau tatkala mengkritik tindakan golongan *al-Jahmiyyah* mentakwilkan sifat 'Tangan Allah' kepada 'kudrat' (kuasa):

وَأَمَا الْجَهْمِيَّةُ فَأَنْكَرُتْ هَذِهِ الرِّوَايَاتِ فَقَالُوا: هَذَا تَشْبِيهٌ. وَقَدْ ذَكَرَ اللَّهُ

عَزْ وَجْلُ فِي غَيْرِ مَوْضِعٍ مِّنْ كِتَابِهِ: الْيَدُ وَالسَّمْعُ وَالبَصَرُ، فَتَأْوَلَتِ الْجَهْمِيَّةُ

هَذِهِ الْآيَاتِ فَقُسِّرُوهَا عَلَى غَيْرِ مَا فَسَرَهَا أَهْلُ الْعِلْمِ وَقَالُوا: إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَخْلُقْ

آدَمَ بِيَدِهِ، وَقَالُوا إِنَّ مَعْنَى الْيَدِ هُنَّا الْقُوَّةُ.

Maksudnya:

Manakala golongan *al-Jahmiyyah* pula mereka mengingkari riwayat-riwayat ini kerana menganggapnya ada *tasybih* (penyerupaan sifat Allah dengan sifat makhluk). Sesungguhnya Allah 'Azza Wa Jalla telah menyebut pada lebih dari satu tempat dalam kitab-Nya (sifat) Tangan, Mendengar dan Melihat, lalu puak *al-Jahmiyyah* mentakwilkan (maksud) ayat-ayat ini dan menafsirkannya dengan tafsiran yang berbeza daripada tafsiran ahli ilmu. Mereka (*al-Jahmiyyah*) berkata: Sesungguhnya Allah tidak menjadikan Nabi Adam dengan Tangan-Nya dan mereka juga berkata: Sesungguhnya makna Tangan itu di sini ialah kudrat (kuasa). [Sunan at-Tirmidzi, di bawah hadis no. 662]

Seterusnya perhatikan pula kritikan Imam Abu Hanifah *rahimahullah* (150H) terhadap golongan *al-Qadariyyah* dan *al-Muktazilah* yang mentakwilkan sifat ‘Tangan Allah’ sebagai ‘kuasa’ atau ‘nikmat’. Beliau berkata:

فَمَا ذَكَرَهُ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ مِنْ ذِكْرِ الْوِجْهِ وَالْيَدِ وَالنَّفْسِ فَهُوَ لَهُ
صَفَاتٌ بِلَا كَيْفٍ، وَلَا يُقَالُ: إِنْ يَدْهُ قَدْرُهُ أَوْ نِعْمَتُهُ لَا نَفِيْهُ إِبْطَالُ الصَّفَةِ
وَهُوَ قَوْلُ أَهْلِ الْقَدْرِ وَالْاعْتِزَالِ وَلَكِنْ يَدْهُ صَفَتُهُ بِلَا كَيْفٍ وَغَضْبُهُ وَرَضَاهُ
صَفَاتٌ مِنْ صَفَاتِهِ تَعَالَى بِلَا كَيْفٍ.

Maksudnya:

Maka apa yang disebut oleh Allah *Ta’ala* dalam al-Qur'an daripada sebutan Wajah, Tangan dan Diri, maka ia adalah sifat-sifat bagi-Nya tanpa (menggambarkan) *kaifiyat* (bentuk rupa). Tidak boleh dikatakan bahawa Tangan-Nya (bermaksud) kuasa atau nikmat-Nya, sedangkan ia adalah pendapat puak *al-Qadariyyah* dan *al-Muktazilah*. Akan tetapi Tangan-Nya adalah sifat-Nya tanpa (digambarkan) *kaifiyat*, manakala Marah dan Redha-Nya juga adalah dua sifat daripada sifat-sifat-Nya tanpa (digambarkan) *kaifiyyat*. [Syarh Kitab al-Fiqh al-Akbar li Abi Hanifah, ms. 66-68]

Selanjutnya perhatikan pula kritikan Syaikh ‘Abd al-Qadir al-Jailani *rahimahullah* (561H) terhadap golongan *al-Muktazilah* dan *al-Asya’irah* yang mentakwilkan sifat *al-Nuzul* (Penurunan) Allah sebagai turunnya ‘nikmat’ atau ‘rahmat’ Allah. Beliau menulis di dalam kitabnya, *al-Ghunya li Thalib al-Haqq* (*Tahqiq*: M. Khalid ‘Umar), ms. 86-87, Bab Tentang Makrifat Allah ‘Azza wa Jalla:

وَأَنَّهُ تَعَلَّى يَنْزِلُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا كَيْفَ شَاءَ وَكَمَا شَاءَ،
فَيغْفِرُ لِمَنْ أَذْنَبَ وَأَخْطَأَ وَأَجْرَمَ وَعَصَى لِمَنْ يَخْتَارُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَشَاءُ. تَبَارَكَ

وَتَعْلَى الْعُلَيِّ الْأَعْلَى، لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لِهِ الْأَسْمَاءُ الْحَسَنَىٰ . لَا بِمَعْنَى نَزْولِ الرَّحْمَةِ وَثَوَابِهِ عَلَى مَا ادْعَتْهُ الْمُعْتَزِلَةُ وَالْأَشْعُرِيَّةُ .

Maksudnya:

Sesungguhnya Dia (Allah) *Ta’ala turun (al-Nuzul)* pada setiap malam ke langit dunia dengan cara yang tersendiri dan layak bagi-Nya dan Dia mengampunkan mereka yang berdosa, berbuat kesalahan dan maksiat, yakni mereka yang terdiri para hamba yang terpilih..... (*Sifat turun tersebut*) tidaklah boleh difahami sebagai turunnya rahmat atau turunnya ganjaran Allah sebagaimana yang dikatakan oleh (golongan) *al-Muktazilah* dan *al-Asya’irah*.

KEEMPAT

Seperti yang ditegaskan sebelum ini, bahawa apa yang ditolak oleh ketiga-tiga tokoh di atas hanyalah merujuk kepada manhaj atau metod Ibnu Hajar al-‘Asqalani, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari dalam persoalan berinteraksi dengan sifat-sifat Allah. Para tokoh ini telah melakukan *takwil* ke atas nas-nas al-Sifat Allah, hal yang mana merupakan penyelisihan terhadap manhaj generasi *as-Salaf as-Soleh*, khususnya para Sahabat Nabi *radhiallahu ‘anhuma*. Syaikh Ibnu Bazz, Syaikh Muhammad Soleh al-‘Utsaimin dan Syaikh al-Albani sama sekali tidak menyesatkan, apalagi mengkafirkan para tokoh tersebut dan lain-lain tokoh seumpama yang telah tergelincir ketika berinteraksi dengan nas-nas sifat Allah.

Ini seumpama sesuatu perbuatan atau perkataan yang dilakukan atau dituturkan oleh seorang muslim yang bertentangan dengan ajaran Islam. Maka kita katakan, perbuatan dan perkataannya itu bukanlah berasal daripada ajaran Islam. Namun ini bukanlah bererti kita terus menghukumnya sebagai sesat atau kafir. Ini kerana wujud kemungkinan ketika melakukan perbuatan atau menuturkan perkataan tersebut, dia berada dalam situasi tidak sengaja atau tidak tahu atau keliru bahawa perbuatan dan perkataannya itu merupakan penyelisihan terhadap ajaran Islam. Sehingga yang

demikian, tanpa dia sedar, dia telah tergelincir melakukan sesuatu yang bercanggah dengan ajaran Islam.

Inilah yang harus difahami berhubung dengan kenyataan Syaikh Ibnu Bazz, Syaikh Muhammad Soleh al-'Utsaimin dan Syaikh al-Albani mengenai al-Hafiz Ibnu Hajar, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari. Apa yang dihukum oleh mereka sebagai suatu yang menyelisihi ajaran Islam adalah perbuatan dan perkataan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari yang mentakwilkan nas-nas sifat Allah. Mereka sama sekali tidak menyesatkan secara total atau mengkafirkan ketiga-tiga tokoh berkenaan.

KELIMA

Terlalu banyak bukti yang menunjukkan bahawa Syaikh Ibnu Bazz, Syaikh Muhammad Soleh al-'Utsaimin dan Syaikh al-Albani masih mengiktiraf al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari sebagai tokoh yang berada sebaris dengan para ulamak *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* muktabar yang lain. Silakan merujuk buku penulis berjudul ***Salahkah Aku Menetapkan Sifat Allah Tanpa Tasybih?*** (terbitan Bushra Studio & Publicaiton) bagi melihat deretan perkataan mereka yang melakukan pembelaan dan pengiktirafan ke atas tokoh-tokoh berkenaan.

KEENAM

Jika dikatakan Syaikh Ibnu Bazz, Syaikh Muhammad Soleh al-'Utsaimin dan Syaikh al-Albani telah menghukum sesat dan kafir al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani, Imam al-Nawawi dan Imam al-Bukhari, apakah masuk akal jika dikatakan:

- 1) Syaikh Ibnu Bazz melakukan *tahqiq* ke atas kitab *Fath al-Bari bi Syarh Shahih al-Bukhari* yang merupakan karangan al-Hafiz Ibnu Hajar al-'Asqalani dan mengajarkannya kepada orang ramai?
- 2) Syaikh Muhammad Soleh al-'Utsaimin mensyarahkan karya-karya Imam al-Nawawi seperti *Syarh al-Arba'in an-Nawawiyyah*, *Riyadhus Shalihin* dan selainnya serta mengajarkannya kepada orang ramai?

- 3) Syaikh al-Albani melakukan *tahqiq* terhadap karya-karya Imam al-Bukhari seperti *Shahih al-Bukhari*, *Adab al-Mufrad* dan lainnya sambil memuji serta mendoakan kerahmatan ke atas Imam al-Bukhari?

Artikel 3

Wahhabi Penumpah Darah Umat Islam?

Soalan:

Saya telah mendengar kenyataan daripada Nuruddin Marbu al-Banjari bahawa pengasas *Wahhabi*, iaitu Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab *rahimahullah* ialah seorang yang gemar menumpahkan darah umat Islam. Dalam kenyataan yang sama, beliau juga mencabar golongan *Wahhabi* agar meneliti sendiri kitab berjudul *Tarikh Najd* yang menjelaskan hakikat dakwaan beliau. Soalan saya, apakah benar dakwaan beliau bahawa Syaikh Muhammad seorang ‘penumpah darah’ umat Islam? Jika demikian halnya, adakah benar golongan yang digelar *Wahhabi* ini gemar melakukan aksi yang sama ke atas umat Islam?



Lihat pautan berikut: <http://www.youtube.com/watch?v=y4bTv9reD5g>

Jawapan:

Kenyataan Nuruddin Marbu al-Banjari mengenai Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah* sebagai 'penumpah darah' umat Islam – atau dalam kata lainnya sebagai pengganas - itu tidak ubah seperti sebuah lagu klasik lama yang cuba didendangkan semula demi menutup kebenaran yang dibawa oleh Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah* dan para pengikutnya.

Sehingga kini kami masih tertanya-tanya, apakah Nuruddin Marbu al-Banjari telah merujuk kitab tersebut secara langsung atau mengkajinya melalui sumber kedua yang telah diulas secara tidak adil, zalim dan ditokok tambah oleh para musuh Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah*?

Ini kerana, jika dirujuk secara terus kepada kitab *Tarikh Najd* seperti yang disarankan oleh beliau, maka kita akan mendapati bahawa kandungan kitab tersebut merupakan pembelaan kepada Syaikh Muhammad itu sendiri. Silakan merujuk buku *Sejarah Berdarah Sekte Syi'ah: Membongkar Koleksi Dusta Syaikh Idahram*, karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (terbitan Nashirussunnah, Jakarta Utara) yang mengupas secara terperinci mengenai fitnah yang dilontarkan oleh musuh-musuh Syaikh Muhammad berdasarkan kitab-kitab Sejarah, termasuklah kitab *Tarikh Najd* seperti yang disarankan oleh Nuruddin Marbu al-Banjari.

Sebelum menjawab persoalan apakah kaum *Wahhabi* gemar melakukan aksi-aksi keganasan dan menumpahkan darah umat Islam, mari kita perhatikan sebentar kenyataan Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah* mengenai pendirian beliau berhubung dengan isu ini. Beliau berkata:

مَا نَحْنُ عَلَيْهِ: أَنَا لَا نَرَى سَيِّ الْعَربِ، وَلَمْ نَفْعَلْهُ، وَلَمْ نَقَاتِلْ غَيْرَهُمْ، وَلَا
نَرَى قَتْلَ النِّسَاءِ وَالصِّبِيَّانِ.

Maksudnya:

Dan termasuk yang kami yakini adalah kami tidak memandang bolehnya menawan kaum Arab, kami tidak pernah melakukannya dan kami tidak pernah

memerangi selain mereka. Kami tidak memandang bolehnya membunuh para wanita dan kanak-kanak. [Ad-Durar as-Saniyyah 1/227]

Kata-kata di atas jelas menunjukkan pendirian Syaikh Muhammad dan para pengikutnya yang tidak suka kepada aktiviti keganasan seperti menawan apalagi menumpahkan darah umat Islam. Berdasarkan ini maka tertolaklah dakwaan dan fitnah yang dilontarkan oleh sebahagian pihak bahawa beliau dan para pengikutnya amat gemar kepada perang dan keganasan.

Kembali kepada persoalan yang dilontarkan, apakah benar golongan yang digelar sebagai *Wahhabi* ini suka melakukan keganasan dan menumpahkan darah umat Islam? Bagi menjawab pertanyaan ini, ada baik kiranya penulis bawakan kenyataan salah seorang tokoh semasa yang menjadi rujukan kebanyakan golongan ‘*Wahhabi*’ di seluruh dunia. Beliau yang dimaksudkan ialah Syaikh ‘Abdul ‘Aziz bin ‘Abdullah bin Baz *rahimahullah*, merupakan mantan mufti kepada Kerajaan Arab Saudi. Beliau berkata setelah ditanya mengenai aksi-aksi keganasan yang ditunjukkan oleh sebahagian orang:

إِذَا كَانَ مِنْ تَعْرُضِ النَّاسِ بِأَخْذِ خَمْسَةِ رِيَالَاتٍ أَوْ عَشْرَةِ رِيَالَاتٍ أَوْ

مائةِ رِيَالٍ مَفْسِدًا فِي الْأَرْضِ، فَكَيْفَ مِنْ يَتَعْرُضُ بِسْ�َكِ الدَّمَاءِ وَإِهْلَاكِ

الْحَرثِ وَالنِّسْلِ وَظُلْمِ النَّاسِ، فَهَذَا جُرْمَةٌ عَظِيمَةٌ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ. التَّعْرُضُ لِلنَّاسِ

بِأَخْذِ أَمْوَالِهِمْ أَوْ فِي الْطَّرِيقَاتِ أَوْ فِي الْأَسْوَاقِ جُرْمَةٌ وَفَسَادٌ عَظِيمٌ، لَكِنْ مُثُلِّ

هَذَا التَّفْجِيرُ تَرَبِّيْتُ عَلَيْهِ إِزْهَاقُ نُفُوسٍ وَقَتْلُ نُفُوسٍ وَفَسَادٌ فِي الْأَرْضِ وَجَرَاحَةٌ

لِلآمِنِينِ وَتَخْرِيبُ بَيْوَتِ وَدُورِ وَسِيَارَاتِ وَغَيْرِ ذَلِكِ، فَلَا شَكَّ أَنَّ هَذَا مِنْ

أعظم الجرائم ومن أعظم الفساد في الأرض، وأصحابه أحق بالجزاء بالقتل
والتطبيع بما فعلوا من جريمة عظيمة.

Maksudnya:

Jika orang yang melakukan kezaliman kepada manusia dengan mencuri 5, 10 atau 100 riyal adalah perosak di muka bumi, lalu bagaimana dengan mereka yang menumpahkan darah dengan merosak tanaman, binatang ternak dan menzalimi manusia? Maka (sudah tentulah semua) ini adalah kejahatan dan kerosakan yang besar (di sisi ajaran Islam). Menzalimi manusia dengan mengambil harta mereka, atau melakukan kerosakan di jalan-jalan dan pasar-pasar adalah kejahatan dan kemungkaran yang besar (di sisi ajaran Islam), tetapi dengan pengeboman ini mengakibatkan hilangnya jiwa, pembunuhan, kerosakan di muka bumi, melukai orang-orang yang tidak bersalah, merosakkan rumah-rumah, gedung-gedung, kenderaan-kenderaan dan selain itu tidak diragukan lagi perbuatan ini adalah termasuk kejahatan dan kerosakan terbesar di muka bumi. Para pengikutnya lebih wajar mendapat hukuman bunuh dan dipotong (anggota kaki dan tangan secara bersilang) disebabkan kejahatan besar yang dilakukan oleh mereka. [Majmu' Fatawa asy-Syaikh bin Baz 9/255]

Kenyataan Syaikh 'Abdul 'Aziz *rahimahullah* di atas jelas mencerminkan pendirian Ahlus Sunnah yang amat tegas menentang dan mengutuk aksi-aksi keganasan yang dilakukan oleh sebahagian manusia. Memadai dengan kenyataan tokoh besar '*Wahhabi*' sedunia ini menjadi hujah untuk meruntuhkan fitnah para penentang dakwah Sunnah bahawa Ahlus Sunnah sebagai kelompok yang gemar kepada keganasan dan kezaliman ke atas sesama saudara Islam.

Lebih lanjut, sila rujuk:

- 1) **Sejarah Berdarah Sekte Syi'ah: Membongkar Koleksi Dusta Syaikh Idahram**
karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Utara)

- 2) *Salafi: Antara Tuduhan Dan Kenyataan* karya Sofyan Calid bin Idham Ruray (Toobagus Publishing, Bandung). Lihat bab: ***Meluruskan Kedustaan Sejarah Versi Syaikh Idahram.***
- 3) *Siapakah Ahlus Sunnah yang Sebenar?* karya Dr. Azwira Abdul Aziz (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru). Lihat bab: ***Tohmahan Ketujuh: Para Pendukung Sunnah Malaysia Penyemai Bibit Perpecahan, Fahaman Radikal dan Anti Kerajaan.***
- 4) *Kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyyah: Suatu Analisis ke Atas Peranan Gerakan ‘Wahhabiyah’* karya Ibnu Ahmadain al-Barlisi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

Artikel 4

Wahhabi Melarang Umat Islam Beribadah?

Soalan

Adakah benar golongan yang digelar sebagai *Wahhabi* gemar menghukum bid'ah dan melarang umat Islam daripada melakukan ibadah-ibadah tertentu seperti membaca al-Qur'an, berselawat, berzikir dan seumpama? Bukankah semua ibadah ini juga disyariatkan di sisi ajaran Islam?

Penjelasan

Sepanjang kajian penulis, tidak ada satu jua aliran dalam Islam di dunia ini yang mengharamkan umat Islam daripada melakukan amalan-amalan yang secara umumnya disifatkan sebagai ibadah di sisi ajaran Islam, seperti membaca al-Qur'an, berselawat, berzikir, solat dan sebagainya. Ini termasuklah golongan yang digelar sebagai *Wahhabi*.

Seandainya wujud golongan yang digelar sebagai *Wahhabi* melarang umat Islam daripada mengerjakan ibadah-ibadah tertentu, maka ketahuilah bahawa apa yang diharamkan oleh mereka adalah merujuk kepada tatacara (*kaifiyyah*) pelaksanaan ibadah tersebut di mana ianya tidak pernah diajar, dianjur serta diperakukan (*taqrir*) oleh Allah dan Rasul-Nya sebagai tatacara beribadah yang disyariatkan di sisi ajaran Islam.

Imam Ibnu Hajar al-Haitsami asy-Syafi'e *rahimahullah* pernah ditanya tentang amalan berselawat selepas azan dengan tatacara yang tidak berasal daripada sunnah Nabi yang sahih, maka dia pun menjawab:

الْأَصْلُ سُنَّةٌ، وَالْكَيْفِيَّةُ بِدُعَّةٍ... .

Maksudnya:

(hukum) asal ibadah (membaca selawat dan salam kepada Rasulullah) adalah sunnah, akan tetapi kaifiyyah (tatacara) pelaksanaannya adalah bid'ah. [al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra, 1/131]

Perhatikan jawapan yang diberikan oleh Imam Ibnu Hajar al-Haitsami as-Syafi'e di atas. Apa yang dinyatakan bid'ah oleh beliau bukanlah selawat kerana semamangnya selawat adalah ibadah yang disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Namun apa yang dihukum sebagai bid'ah oleh beliau adalah kaedah atau tatacara berselawat tersebut. Perhatikan pula riwayat berikut:

عَنْ هَشَامِ بْنِ حَجَيرٍ قَالَ: كَانَ طَاؤِسٌ يَصْلِي رُكْعَتَيْنِ بَعْدَ الْعَصْرِ، فَقَالَ لَهُ

ابْنُ عَبَّاسٍ: اتَرْكَهُمَا! قَالَ: مَا أَدْعُهُمَا، قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: إِنَّهُ قَدْ نَهَى النَّبِيُّ عَنِ الصَّلَاةِ

بَعْدَ الْعَصْرِ، فَلَا أَدْرِي أَتَعذَّبُ عَلَيْهِمَا أَمْ تُؤْجِرُ لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ: وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ

وَلَا مُؤْمِنَةٌ إِذَا قُضِيَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ، أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخُيُورُ مِنْ أَمْرِهِمْ.

Maksudnya:

Dari Hisyam bin Hujair, dia berkata: Bahawasanya Thawus biasa melakukan solat dua rakaat setelah solat Asar. Ketika Ibnu Abbas melihatnya, maka beliau pun berkata kepada Thawus: Tinggalkan hal itu!. Tetapi Thawus berkata: Aku tidak akan meninggalkannya. Ibnu Abbas berkata lagi: Sesungguhnya Nabi telah melarang kita untuk melaksanakan solat setelah solat Asar dan aku tidak tahu, apakah orang yang melaksanakan solat setelah solat Asar itu akan diberikan ganjaran atau akan diazab kerana Allah telah berfirman: Dan tidaklah patut bagi lelaki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan suatu keputusan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. [Atsar riwayat al-Baihaqi 2/453. Diriwayatkan juga oleh al-Hakim 1/110 dan beliau mensahihkannya dengan disepakati oleh Imam adz-Dzahabi]

Atsar di atas menjelaskan bahawa Thawus telah melaksanakan ibadah solat sebanyak dua rakaat sebagai ibadah tambahan setelah mengerjakan ibadah solat Asar. Akan tetapi perbuatan beliau ini mendapat tentangan daripada Ibnu Abbas *radhiallahu'anhu*. Persoalannya, bukankah ibadah solat secara umumnya diperintahkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan mengapakah pula ia ditentang oleh Ibnu Abbas? Jawapannya tidak lain, kerana solat dengan tatacara yang demikian tidak pernah dilakukan oleh Nabi, malah bercanggah dengan perintah baginda agar tidak mengerjakan ibadah solat selepas solat Asar.

Lihat pula atsar seterusnya:

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيْبِ، أَنَّهُ رَأَى رَجُلًا يُصَلِّي بَعْدَ طُلُوعِ الْفَجْرِ أَكْثَرَ مِنْ رَكْعَتَيْنِ يُكَثِّرُ فِيهَا الرُّكُونَ وَالسُّجُودَ فَنَهَا فَقَالَ: يَا أَبَا مُحَمَّدٍ! أَعُذْ بِنِي اللَّهُ عَلَى الصَّلَاةِ؟! قَالَ: لَا وَلَكِنْ يُعَذِّبُكَ عَلَى خِلَافِ السُّنَّةِ.

Maksudnya:

Dari Sa'id al-Musayyib, bahwasanya beliau melihat seorang sedang solat setelah terbit fajar lebih dari dua rakaat. Dia memperbanyakkan rukuk dan sujud. (Melihat yang demikian), beliau pun melarangnya. Maka orang itu berkata (kepada Sa'id al-Musayyib): "Wahai Abu Muhammad, apakah Allah akan mengazabku kerana melakukan solat?" Beliau (Sa'id al-Musayyib) menjawab: "Tidak. Akan tetapi Allah mengazabmu kerana menyelisihi sunnah."

Atsar di atas ini diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi asy-Syafi'e dalam *Kitabus Shalat*, 2/654, no. 4445 dengan sanad yang sahih daripada Sa'id al-Musayyib *radhiallahu'anhu*. Atsar ini mengandungi beberapa pengajaran yang penting, antaranya:

- 1) Sekilas pandang, tidak ada yang salah pada perbuatan lelaki tersebut kerana apa yang dikerjakan olehnya adalah ibadah solat. Padahal solat adalah salah satu ibadah yang sangat dianjurkan di dalam al-Qur'an dan juga hadis-hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

- 2) Meskipun demikian, tindakan lelaki tersebut tetap mendapat tegahan dan ancaman daripada Sa'id al-Musayyab. Tegahan dan ancaman yang dilontarkan oleh Sa'id al-Musayyib bukanlah kerana ibadah solat yang dikerjakan oleh lelaki tersebut, akan tetapi adalah kerana tatacara solat yang dilakukan olehnya – yakni tiga rakaat dan dikerjakan selepas solat fajar – tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh yang demikian, perbuatannya itu dianggap sebagai menyelisihi sunnah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.
- 3) Jawapan yang dikemukakan oleh Sa'id al-Musayyib di dalam riwayat tersebut secara tidak langsung telah membatalkan andaian kebanyakan pelaku bid'ah masa kini yang gemar mencipta tatacara beribadah tersendiri. Dengan bermodalkan alasan '*apa salahnya, perkara ini kan baik?*', '*memanglah Nabi tidak buat namun baginda tidak pernah melarangnya...*' dan lain-lain alasan seumpama, ramai penggemar bid'ah yang bermudah-mudahan di dalam mencipta dan mempraktikkan tatacara ibadah yang tidak dilandaskan kepada ajaran al-Qur'an dan sunnah Rasulullah yang sahih. Padahal kaedah yang benar dalam beribadah adalah dengan mengikuti sunnah Nabi, bukan mencipta tatacara ibadah baharu untuk menyaingi dan mendahului sunnah baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*.

Akhir sekali, perhatikanlah apa yang diungkapkan oleh Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* tatkala mengomentari riwayat di atas. Katanya:

وَهَذَا مِنْ بَدَئِعِ أَجْوَبَةِ سَعِيدٍ بْنِ الْمُسَيْبِ رَحْمَةُ اللَّهِ تَعَالَى وَهُوَ سِلَاحٌ
 قَوِيٌّ عَلَى الْمُبْتَدِعِينَ الَّذِينَ يَسْتَحْسِنُونَ كَثِيرًا مِنَ الْبِدَعِ بِاسْمِ آنَّهَا ذِكْرُ وَ
 صَلَاةُ، ثُمَّ يَنْكِرُونَ عَلَى أَهْلِ السُّنَّةِ إِنْكَارَ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ وَيَتَهْمُونَهُمْ بِأَنَّهُمْ
 يُنْكِرُونَ الذِّكْرَ وَ الصَّلَاةَ! وَهُمْ قِيَ الْحَقِيقَةِ إِنَّمَا يُنْكِرُونَ خِلَافَهُمْ لِلصُّنُونَ فِي
 الذِّكْرِ وَ الصَّلَاةِ وَنَحْوِ ذَلِكَ.

Maksudnya:

Ini adalah di antara bentuk cerdasnya jawapan-jawapan Sa'id bin Al-Musayyib *rahimahullah* dan jawapan ini merupakan senjata yang kuat untuk menghadapi para pelaku bid'ah yang menganggap baik (*hasanah*) terhadap banyak perbuatan bid'ah (mereka) dengan dalih (alasan bahawa) amalan (bid'ah mereka) itu juga merupakan zikir dan solat. Lalu mereka mengingkari ahlus sunnah yang melarang bid'ah mereka dan mereka menuduh ahlus sunnah melarang zikir dan solat. Padahal hakikatnya yang diingkari (oleh ahlus sunnah) adalah penyelisihan mereka terhadap sunnah dalam (tatacara) zikir dan doa tersebut dan amalan-amalan yang seumpamanya. [*Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar as-Sabil* 2/236, syarah ke atas hadis no. 478]

Artikel 5

Wahhabi Mengharamkan Ziarah Kubur?

Soalan

Saya mendapat tahu bahawa golongan yang digelar *Wahhabi* telah melarang secara mutlak umat Islam daripada menziarahi kuburan. Ini termasuklah kuburan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Mohon penjelasan.

Penjelasan

Dakwaan bahawa golongan *Wahhabi* telah melarang secara mutlak umat Islam daripada menzairahi kuburan sangatlah menghairankan. Bagaimana mungkin golongan yang digelar *Wahhabi* mengharamkan amalan menziarahi kuburan sedangkan ia adalah sesuatu yang disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya? Perhatikan hadis berikut:

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

كُنْتُ نَهِيًّا كُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ، أَلَا فَزُورُوهَا، فَإِنَّهُ يُرِيقُ الْقَلْبَ، وَتُدْمِعُ
الْعَيْنَ، وَتُذَكِّرُ الْآخِرَةَ.

Maksudnya:

Dahulu aku melarang kamu dari menziarahi kubur. Sekarang ziarahlah ia kerana sesungguhnya ia dapat melembutkan hati, menitiskan air mata dan mengingkatkan hari akhirat. [Hadis riwayat al-Hakim dalam *al-Mustadrak*, no. 1342]

Dalam lafaz yang lain disebutkan:

فَزُورُوا الْقُبُوْرَ فَإِنَّهَا تُذَكِّرُ الْمَوْتَ.

Maksudnya:

Maka ziarahlah kuburan kerana sesungguhnya ia mengingatkan kematian.

[Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 976]

Sebenarnya apa yang diharamkan oleh golongan *Wahhabi* adalah perbuatan sesetengah golongan yang melakukan ziarah kuburan dengan cara yang tidak disyariatkan oleh Allah dan Rasul-Nya. Antaranya seperti berikut:

1. Melakukan rihal (perjalanan jauh) dalam rangka menziarahi kuburan tertentu. Ini bercanggah dengan hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang melarang umat Islam melakukan perjalanan jauh melainkan ke tiga masjid iaitu masjid al-Haram di Mekah, masjid Nabawi di Madinah dan Masjid al-Aqsa di Palestin. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ
الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَمَسْجِدِ الْأَقصَى.

Maksudnya:

Tidak boleh mengadakan perjalanan jauh kecuali ke tiga masjid iaitu masjid al-Haram, masjid Rasulullah dan masjid al-Aqsa. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 1397]

Para ulamak menjelaskan bahawa larangan hadis di atas adalah khusus kepada mereka yang melakukan perjalanan jauh dalam rangka melaksanakan sesuatu urusan ibadat. Adapun perjalanan jauh yang disebabkan selain daripada tujuan ibadat, seperti seseorang yang berkerja atau menyambung pelajaran di luar negara serta pelbagai urusan muamalat lainnya, tidaklah termasuk dalam perbicaraan hadis tersebut. Syaikh Ibnu Bazz *rahimahullah* berkata:

ليست زياره قبر النبي واجبة ولا شرط في الحج كما يظنه بعض العامة

وأشبههم، بل هي مستحبة في حق من زار مسجد الرسول أو كان قريبا

منه. أما البعيد عن المدينة فليس له شد الرحال لقصد زيارة القبر، ولكن يسن له شد الرحال لقصد المسجد الشريف، فإذا وصله زار القبر الشريف وقبر الصالحين، ودخلت الزيارة القبر عليه الصلاة والسلام وقبر صاحبه تبعاً لزيارة مسجده صلى الله عليه وسلم.

Maksudnya:

Ziarah kubur bukanlah kewajipan ataupun syarat dalam ibadah haji seperti yang disangka oleh sebahagian orang awam dan seperti mereka. Akan tetapi ziarah ke kuburan Nabi itu disunnahkan bagi orang yang mendatangi masjid baginda (masjid Nabawi) atau yang sudah dekat dengannya. Adapun orang yang jauh dari kota Madinah, maka tidak disyariatkan baginya untuk melakukan *rihal* (perjalanan jauh) dengan maksud menziarahi kuburan. Tetapi disunnahkan baginya melakukan itu dengan maksud mengunjungi masjid Nabawi. Jika dia telah sampai di masjid Nabawi barulah disunnahkan baginya menziarahi kuburan baginda dan dua orang sahabatnya (Abu Bakar dan Umar). Ketika itu ziarah ke kuburan Nabi masuk dalam (keumuman hadis yang menganjurkan) ziarah ke masjid baginda. [at-Tahqiq wal Idhah li Katsirin min Masa-il Haj wa al-'Umrah (tahqiq: Syaikh Dr. Shalih bin Muqbil al-'Ushaimi), ms. 250]

2. Mengerjakan solat di kawasan kuburan. Ini bercanggah dengan sekian banyak hadis Nabi yang melarang umatnya daripada menjadikan kuburan sebagai tempat untuk mengerjakan ibadah solat. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

إِجْعَلُوا مِنْ صَلَاتِكُمْ فِي بُيُوتِكُمْ، وَلَا تَتَحَدُّهَا قُبُورًا.

Maksudnya:

Jadikanlah sebahagian solat kamu di rumah-rumah kamu dan janganlah kamu menjadikan rumah-rumah kamu sebagai kuburan. [Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari*, no. 432]

Dalam menjelaskan maksud hadis di atas, Imam al-Nawawi asy-Syafi'e *rahimahullah* berkata:

معناه صلوا فيها ولا تجعلوها كالقبور مهجورة من الصلاة.

Maksudnya:

Maknanya solatlah kamu di rumah kamu dan janganlah kamu menjadikannya seperti kuburan yang dijauhkan dari solat. [*al-Minhaj Syarh Shahih Muslim*, 6/67]

Imam Abdul Ra'uf al-Munawi asy-Syafi'e *rahimahullah* pula menjelaskan:

شَبَهُ الْبَيْوَتِ الَّتِي لَا يَصْلِي فِيهَا بِالْقَبُورِ وَالَّتِي تَقْبُرُ الْمَوْتَى فِيهَا.

Maksudnya:

(Nabi) menyamakan rumah-rumah yang tidak didirikan solat padanya seperti kuburan-kuburan dan seperti tempat yang dikuburkan mayat padanya. [*at-Taysir bi Syarh al-Jami' as-Shaghir* 1/72]

Adapun solat yang dimaksudkan oleh Rasulullah menerusi hadisnya di atas, menurut para ulamak ia merujuk kepada solat-solat sunat. *Allahu a'lam*.

3. Membaca al-Qur'an di kawasan kuburan. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ، إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْفِرُ مِنْ الْبَيْتِ الَّذِي تُقْرَأُ فِيهِ

سُورَةُ الْبَقَرَةِ.

Maksudnya:

Janganlah jadikan rumah kamu seperti kuburan. Sesungguhnya Syaitan lari dari rumah yang dibacakan di dalamnya surah al-Baqarah.
[Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 780]

Hadis ini menjelaskan bahawa rumah bukanlah seperti kawasan kuburan yang tidak dibacakan al-Qur'an. Oleh itu amalan membaca al-Qur'an di kawasan kuburan sebagaimana yang menjadi kebiasaan dalam kalangan sebahagian umat Islam bukanlah merupakan ajaran dan sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*.

4. Melakukan amalan-amalan syirik semasa menziarahi kuburan seperti *beristighotsah*, *beristi'anah* (meminta tolong), *bertabarruk* (mengambil berkat) dan *bertawassul* kepada orang yang telah meninggal dunia. Imam Shan'ani *rahimahullah* berkata:

وَمُقْصُودُ زِيَارَةِ الْقُبُورِ، الدُّعَاءُ لَهُمْ وَالْإِحْسَانُ إِلَيْهِمْ، وَتَذَكُّرُ الْآخِرَةِ

وَالْزَهْدُ فِي الدُّنْيَا، وَأَمَّا مَا أَحْدَثَهُ الْعَامَّةُ مِنْ خَلْفِ هَذَا، كَدُعَائِهِمُ الْمَيِّتُ،

وَالْاسْتِرْجَاجُ بِهِ، وَالْاسْتِغْاثَةُ بِهِ، وَسُؤَالُ اللَّهِ بِحَقِّهِ، وَطَلْبُ الْحَاجَاتِ إِلَيْهِ تَعَالَى

بِهِ، فَهَذَا مِنَ الْبَدْعَ وَالْجَهَالَاتِ.

Maksudnya:

Maksud ziarahi kuburan adalah mendoakan mereka (orang Islam yang telah meninggal dunia) dan berbuat baik kepada mereka serta untuk mengingati akhirat dan zuhud kepada dunia. Adapun yang diada-adakan oleh orang-orang awam yang menyelisihi hal ini seperti berdoa kepada mayat, berteriak meminta pertolongan (*istighotsah*) kepadanya, meminta kepada Allah dengan hak mayat (*bertawassul* kepada si mati) dan meminta dipenuhi hajat kepada Allah dengan (perantaraan) mayat, maka ini adalah bid'ah dan kebodohan. [*Subulus Salam*, 2/337]

5. Melakukan hal-hal yang bercanggah dengan syarak seperti melakukan ratapan, *ikhtilat* dan *tabarruj* bagi kaum wanita. Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani *rahimahullah* menjelaskan:

والنساء كالرجال في استحباب زيارة القبور لكن لا يجوز لهن الإكثار

من زيارة القبور و التردد عليها لأن ذلك قد يفضي بهن إلى مخالفة الشريعة.

Maksudnya:

Kaum wanita dan lelaki adalah sama dalam hukum sunnahnya menziarahi kuburan. Namun tidak boleh bagi wanita memperbanyakkan (amalan ziarah) dan berulang-alik ke kuburan kerana hal itu (dibimbangi) dapat membawa kepada pelanggaran syariat. [Ahkamul Janaiz, ms. 180]

Artikel 6

Wahhabi Mengharamkan Mazhab ?

Soalan:

Benarkah golongan *Wahhabi* melarang secara mutlak umat Islam daripada mengikuti mana-mana ajaran mazhab muktabar yang ada dalam Islam, malah menghukum sesat mazhab-mazhab tersebut?

Jawapan:

Tidak benar bahawa golongan yang digelar sebagai *Wahhabi* mengharamkan secara mutlak orang ramai daripada beriltizam dengan mana-mana mazhab muktabar *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* yang ada. Malah, tokoh yang disandarkan kepadanya aliran '*Wahhabi*' iaitu Syaikh Muhammad bin 'Abdul Wahhab *rahimahullah* adalah pengikut kepada mazhab Hanbali. Kenyataan ini diperakui sendiri oleh beliau sebagaimana katanya:

وَنَحْنُ أَيْضًا: فِي الْقَرْوَعِ عَلَى مِذَهَبِ الْأَمَامِ أَحْمَدَ بْنِ حَنْبَلٍ، وَلَا نَنْكِرُ

عَلَى مَنْ قَدِ اَحَدُ الْأئِمَّةِ الْأَرْبَعَةِ، دُونَ غَيْرِهِمْ لِعَدَمِ ضَبْطِ مَذَاحِبِ الْغَيْرِ.

Maksudnya:

Dan kami dalam permasalahan *furu'* berada di atas mazhab Imam Ahmad bin Hanbal (iaitu mazhab Hanbali) dan kami tidak mengingkari siapa pun yang bertaqlid kepada salah seorang daripada empat imam mazhab bukan selain mereka, kerana mazhab selain empat mazhab tersebut tidak teratur. [ad-Durar as-Saniyyah 1/227]

Hanya sahaja apabila didapati terdapat sesuatu pendapat di dalam mazhab Hanbali yang menyelisihi al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih, Syaikh Muhammad akan meninggalkan pendapat tersebut dan beralih kepada pandangan mazhab lain yang bersesuai dengan petunjuk kedua-dua sumber hukum tersebut. Beliau berkata:

وَلَا نَسْتَحِقُ مَرْتَبَةَ إِلَّا جَتَهَادَ الْمُطْلَقُ وَلَا أَحَدٌ لِدِينِنَا يَدْعُونَا، إِلَّا أَنَا فِي
بعضِ الْمَسَائِلِ، إِذَا صَحَّ لَنَا نَصٌّ جَلِيلٌ مِنْ كِتَابٍ أَوْ سَنَةٍ غَيْرِ مَنْسُوخٍ، وَلَا
مُخْصَصٌ، وَلَا مَعَارِضٌ بِأَقْوَى مِنْهُ، وَقَالَ بِهِ أَحَدُ الْأَئِمَّةِ الْأَرْبَعَةِ: أَخْذَنَا بِهِ وَتَرَكَنَا
كَنَّا الْمَذْهَبَ.

Maksudnya:

Kami tidak berhak mendapatkan martabat sebagai mujtahid mutlak dan tidak ada seorang jua dalam kalangan kami yang mengaku sebagai mujtahid mutlak. Namun ada sebahagian permasalahan jika telah sahih di sisi kami dalil yang jelas dan terang dari al-Qur'an atau as-Sunnah yang tidak *mansukh* (dibatalkan hukumnya) dan tidak dikhuruskan, serta tidak ada dalil yang lebih kuat menghalanginya dan pendapat tersebut merupakan pendapat dari salah satu dari imam yang empat, maka kami mengambil pendapat tersebut dan kami tinggalkan mazhab Hanbali. [*ad-Durar as-Saniyyah* 1/227]

Bandingkan kata-kata beliau di atas dengan wasiat tokoh yang menjadi ikutannya, Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah* (241H), iaitu pengasas kepada mazhab Hanbali:

لَا تُنَقِّلَنِي وَلَا تُقَلِّدَنِي مَالِكًا وَلَا الشَّافِعِيَّ وَلَا الْأَوْزَاعِيَّ وَلَا الشَّوَّرِيَّ، وَخُذْ مِنْ
حَيْثُ أَخَذُوا.

Maksudnya:

Janganlah kamu bertaqlid (mengikut membuta tuli) kepadaku dan jangan pula bertaqlid kepada Malik, asy-Syafi'e, al-Auza'i dan Sufyan ats-Tsauri. Akan tetapi ambillah dari mana mereka mengambil (yakni dalil al-Qur'an dan as-Sunnah). [I'lam al-Muwaqqi'in oleh Ibnu al-Qayyim, 2/201]

Demikianlah juga mereka yang ditohmah sebagai berfahaman *Wahhabi* di negara ini. Mereka sama sekali tidak menafikan kepentingan dan keperluan bermazhab di dalam Islam. Bahkan jika dibuat perbandingan antara golongan yang digelar sebagai *Wahhabi* dan para penuduhnya, ternyata golongan *Wahhabi* dilihat lebih terkehadapan di dalam mengikuti dan mempraktikkan ajaran mazhabnya, iaitu mazhab Syafi'e sebagaimana yang telah penulis jelaskan menerusi buku ini.

Kembali kepada persoalan apakah benar *Wahhabi* mengharamkan mazhab, maka ia dapat dijawab bahawa apa yang diharamkan oleh golongan *Wahhabi* bukanlah mazhab tersebut akan tetapi ialah sikap sebahagian pihak yang keterlaluan di dalam mengunggulkan ajaran selain al-Qur'an dan as-Sunnah Nabi yang sahih.

Ini kerana ketaaan yang mutlak hanyalah kepada Allah dan juga Rasul-Nya. Adapun selainnya, ia ditaati dan dipatuhi sekadar pada perkara yang jelas sejalan dengan ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah Nabi yang sahih. Namun apabila ia bercanggah dengan ajaran al-Qur'an dan sunnah yang sahih, maka ia ditinggalkan.

Walau bagaimanapun perlu digaris bawahi di sini bahawa meninggalkan ucapan para ulamak dalam perkara tertentu yang jelas menyelisihi dalil bukanlah bererti menghina atau memperkecilkan ulamak berkenaan. Sebaliknya tindakan meninggalkan ucapan mereka yang jelas menyelisihi ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih itu adalah merupakan manifestasi kepada kepatuhan mengikuti wasiat mereka agar mengunggulkan al-Qur'an dan as-Sunnah di atas selainnya.

Berkata Imam Malik *rahimahullah* (179H), guru kepada Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* (204H):

إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ أُخْطِئُ وَأُصِيبُ، فَانْظُرُوا فِي رَأْيِي، فَكُلُّ مَا وَافَقَ الْكِتَابَ وَالسُّنَّةَ
فَخُذُوهُ، وَكُلُّ مَا لَمْ يُوَافِقِ الْكِتَابَ وَالسُّنَّةَ فَاتْرُكُوهُ.

Maksudnya:

Aku hanyalah manusia biasa yang mana pendapat aku mungkin benar dan mungkin salah. Maka telitilah pendapat yang aku kemukakan. Semua pendapat yang selaras dengan al-Qur'an dan sunnah maka ambillah ia. Manakala yang tidak selaras dengan al-Qur'an dan sunnah, maka tinggalkanlah. [Jami' Bayan al-'Ilm oleh Ibnu 'Abd al-Barr 2/32]

Katanya lagi:

كُلُّ أَحَدٍ يُؤْخَذُ مِنْ قَوْلِهِ وَيُتَرَكُ، إِلَّا صَاحِبُ هَذَا الْقَبْرِ.

Maksudnya:

Setiap manusia boleh diikuti perkataannya dan juga boleh ditinggalkan kecuali penghuni kuburan ini (iaitu Rasulullah). [Siyar A'lam al-Nubala oleh adz-Dzahabi 8/93.]

Ini berbeza dengan para penuduh dari kalangan pelaku bid'ah dan pentaksuh mazhab, mereka bukan sahaja meninggalkan sebahagian besar ajaran dan wasiat para imam mazhab yang menjadi ikutan mereka sendiri, bahkan dengan berani mereka menentang sekian banyak dalil al-Qur'an dan as-Sunnah Nabi yang sahih hanya kerana ia menyelisihi ajaran mazhab dan juga bid'ah yakni ibadah rekaan para tokoh mereka.
Wallahu Ta'alaa a'lam.

Artikel 7

Wahhabi Menolak Kaedah Ushul al-Fiqh?

Soalan:

Saya pernah terbaca sebuah buku yang menjelaskan bahawa golongan yang dimomokkan dengan gelaran *Wahhabi* menolak kaedah-kaedah *Ushul al-Fiqh* seperti *al-Qiyas*, *al-Istihsan*, *al-'Uruf* dan sebagainya sebagai sumber hukum Islam selepas al-Qur'an dan as-Sunnah. Benarkah?

Jawapan:

Tidak benar bahawa golongan yang dimomokkan sebagai *Wahhabi* menolak kesemua sumber dalil agama selain al-Quran dan as-Sunnah sebagaimana yang telah digariskan oleh para ulamak *Ushul al-Fiqh*. Buktinya, terdapat ramai para tokoh yang dimomokkan dengan gelaran *Wahhabi*, baik yang berada di negara ini maupun di peringkat antarabangsa yang mendalami bidang *Ushul al-Fiqh* sehingga ada dalam kalangan mereka yang benar-benar mahir dalam bidang berkenaan. Memadai dengan disebutkan di sini judul sebuah kitab iaitu *al-Ushul Min 'Ilm al-Ushul* karya Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah* sebagai bukti kepakaran tokoh yang mendapat momokan sebagai ulamak *Wahhabi* tersebut dalam bidang *Ushul al-Fiqh*.

Apa yang ditolak oleh golongan *Wahhabi* ialah perbuatan sesetengah pihak yang menyalahgunakan kaedah-kaedah *Ushul al-Fiqh* bagi menjustifikasi sebahagian keyakinan syirik dan amalan bid'ah mereka. Sebagai contoh ialah perbuatan sesetengah pihak yang membolehkan amalan-amalan bid'ah (rekaan dalam tatacara beribadah) dengan berdalihkan kepada kaedah fiqh berikut:

الْأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ

Pada dasarnya segala sesuatu itu hukumnya mubah (harus).

Kaedah fiqh di atas adalah benar namun ia diletakkan bukan pada tempatnya. Kaedah yang benar berkaitan dengan urusan ibadah adalah:

الْأَصْلُ فِي الْعِبَادَاتِ الْمَنْعُ.

Hukum asal ibadah adalah terlarang (untuk dilaksanakan).

الْأَصْلُ فِي الْعِبَادَاتِ الْحَظْرُ، وَالْأَصْلُ فِي الْعَادَاتِ الْإِبَاحَةُ.

Pada dasarnya ibadah itu terlarang, sedangkan adat itu dibolehkan.

Maksud kaedah ini adalah:

- 1) Dalam urusan ibadah, seseorang tidak dibolehkan untuk beramal dengannya sehingga terdapat dalil yang menjelaskan perintah untuk melaksanakannya.

Dalilnya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاءُ شَرَعُوا لَهُم مِّنَ الْأَدِينِ مَا لَمْ يَأْذِنْ بِهِ اللَّهُ

Maksudnya:

Apakah mereka mempunyai sekutu (tandingan selain Allah) yang mensyariatkan bagi mereka agama yang tidak diizinkan oleh Allah? [Surah asy-Syura, ayat 21]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَنْ عَمِلَ عَمَلاً لَّيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

Maksudnya:

*Sesiapa yang melakukan satu amalan yang bukan dari suruhan kami (iaitu di dalam perkara berkaitan agama), maka tertolaklah ia. [Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, no. 1718]*

2) Manakala dalam urusan adat (urusan keduniaan), ia adalah dibolehkan melainkan terdapat dalil yang menjelaskan larangan atau keharamannya.

Dalilnya adalah firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا

Maksudnya:

Dialah yang menciptakan semua yang ada di muka bumi untuk kamu.

[Surah al-Baqarah, ayat 29]

Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

مَا أَحَلَ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ فَهُوَ حَالِلٌ، وَمَا حَرَمَ فَهُوَ حَرَامٌ، وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَافِيَةٌ، فَاقْبِلُوا مِنَ اللَّهِ الْعَافِيَةَ، فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَكُنْ نَسِيَّاً.

Maksudnya:

Apa yang dihalalkan oleh Allah di dalam kitab-Nya maka ia adalah halal dan apa yang diharamkan bererti ia adalah haram. Sedangkan apa yang didiamkan oleh-Nya bererti hal itu dimaafkan, maka terimalah apa yang dimaafkan oleh Allah kerana dia tidak pernah lupa. [Hadis riwayat al-Hakim 2/375 dan beliau mensahihkan sanadnya dengan disepakati oleh Imam adz-Dzahabi. Syaikh al-Albani menilai hadis ini sebagai *hasan* dalam *Ghayatul Maram*, no. 2]

Berkata Imam asy-Syathibi *rahimahullah*:

وَإِنَّ الْعَادِيَاتِ مِنْ حَيْثُ هِيَ عَادِيَةٌ لَا بِدْعَةَ فِيهَا، وَمِنْ حَيْثُ يُتَعَبَّدُ بِهَا أَوْ تُؤْضَعُ وَضْعَ التَّعْبُدِ تَدْخُلُهَا الْبِدْعَةُ.

Maksudnya:

Sesuatu adat kebiasaan yang memang merupakan adat maka ia tidak termasuk dalam bid'ah. Namun jika adat dijadikan ibadat atau memasukkan unsur ibadat dalam adat tersebut, maka ia dikira bid'ah. [al-I'tisham (tahqiq: Syaikh Salim 'Eid al-Hilali), 2/59]

Demikian juga alasan sebahagian pihak yang membenarkan bid'ah mereka dengan berlandaskan kepada dalih *al-Istihsan* dan akal fikiran semata-mata tanpa dilandaskan kepada al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih. Alasan mereka ini ditolak keras oleh Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* sebagaimana katanya:

من استحسن فقد شرع.

Maksudnya:

Sesiapa yang ber*istihsan*, maka sesungguhnya dia telah mencipta syarak.
[*Al-Mushtashfa* karya Imam al-Ghazali 1/274.]

Imam asy-Syafi'e *rahimahullah* menerusi kenyataannya di atas menjelaskan bahawa seseorang yang menetapkan sesuatu hukum dalam agama dengan hanya berdasarkan kepada *al-Istihsan* (sangka baik) samalah dengan mencipta syarak. Padahal mencipta syarak adalah perbuatan yang sangat tercela di sisi agama kerana pelakunya sedang meletakkan dirinya sejajar dengan *asy-Syari'* (Pencipta Syariat) iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Sebagai bukti penolakannya terhadap *al-Istihsan*, beliau telah menyusun sebuah bab khusus di dalam kitabnya *al-Umm* dengan judul: **كتاب إبطال الاستحسان** (*Kitab Pembatalan Istihsan*).

Berkata Imam al-Ghazali asy-Syafi'e *rahimahullah* (505H) ketika menjelaskan makna *al-Istihsan* dari sudut yang tercela:

الأول: وهو الذي يسبق إلى الفهم، ما يستحسنه المحتهد بعقله...

ولكن وقوع التعبد لا يعرف من ضرورة العقل ونظره بل من السمع.

Maksudnya:

(Maksud) yang pertama: Makna yang cepat difahami, iaitu suatu perkara yang dianggap baik oleh seorang ulamak ahli ijtihad (mujtahid) dengan dasar akal fikirannya semata-mata..... padahal di dalam menetapkan ibadah di dalam Islam hendaklah berdasarkan kepada dalil al-Qur'an dan as-Sunnah, dan bukannya berdasarkan akal fikiran semata-mata. [al-Mushtashfa oleh Imam al-Ghazali 1/247]

Lebih lanjut, sila lihat:

- 1) ***al-Ushul min 'Ilm al-Ushul*** karya Syaikh Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin, bagi edisi terjemahan, lihat *Pengenalan Ringkas Kepada Ilmu Ushul al-Fiqh* (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
- 2) ***Usul al-Fiqh 'Ala Manhaj Ahli Hadith*** karya Zakariya bin Ghulam Qadir al-Pakistani. Bagi edisi terjemahan, lihat *Kaedah-Kaedah Penting Usul Fiqh Berdasarkan Manhaj Ahli Hadis* (Al-Hidayah Publication, Selangor).
- 3) ***Kaedah-Kaedah Praktis Memahami Fiqih Islami*** karya Ahmad Sabiq bin Abdul Lathif Abu Yusuf (Pustaka Al-Furqon, Gresik).

Artikel 8

Wahhabi Pencetus Perselisihan dan Perpecahan?

Soalan:

Masyhur dikatakan bahawa kemunculan golongan *Wahhabi* adalah punca utama yang membawa kepada perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Boleh jelaskan?

Jawapan:

Sebelum menjawab pertanyaan di atas, ada baiknya kita merenungi sejenak firman Allah dalam ayat berikut:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۝ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ ۝ إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ

وَلِذِلِكَ خَلَقَهُمْ ۝ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لِأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ۝

Maksudnya:

Dan kalaullah Tuhanmu menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya sebagai umat yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisih, kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu dan kerana itulah Dia menjadikan manusia. Dan dengan demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia. [Surah Hud, ayat 118-119]

Berdasarkan ayat ini, maka dapat difahami bahawa perselisihan yang terjadi dalam kalangan manusia merupakan fenomena yang telah pun ditentukan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Hakikatnya tiada sesiapa jua di dunia ini yang terlepas daripada menghadapi suasana perselisihan. Justeru, sesiapa yang menafikan hakikat ini bererti dia telah menafikan ketentuan Allah, Tuhan yang menjadikan perselisihan sebagai salah

satu pelengkap kepada fitrah kejadian manusia. Seterusnya perhatikan pula hadis Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* di bawah ini, sabdanya:

أَلَا إِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ إِفْتَرَقُوا عَلَىٰ ثُسْتِينَ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَإِنَّ
هَذِهِ الْمِلَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَىٰ ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ: ثُنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ
وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Maksudnya:

Ketahuilah bahawa orang-orang sebelum kamu daripada Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) telah berpecah kepada tujuh puluh dua kumpulan. Dan sesungguhnya kumpulan ini (umat Islam) akan berpecah kepada tujuh puluh tiga (kumpulan). Tujuh puluh dua daripadanya akan masuk neraka dan hanya satu daripadanya akan masuk syurga iaitu al-Jamaah. [Hadis riwayat Ibnu Hibban dalam *Shahih Ibnu Hibban* 8/48. Dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah*, no. 203]

Menerusi hadis di atas, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjelaskan bahawa selepas kewafatan baginda, umat Islam pasti akan berpecah kepada beberapa kumpulan. Ternyata apa yang diungkapkan oleh baginda itu benar-benar berlaku, di mana umat Islam telah pun berpecah-belah kepada pelbagai aliran, manhaj dan kumpulan sebagaimana yang dapat kita saksikan bersama pada ketika ini. Di sini timbul satu persoalan, apakah punca yang membawa kepada perpecahan umat Islam?

➤ Punca-punca perselisihan dan perpecahan umat Islam.

Sebenarnya terdapat banyak faktor yang menjadi penyebab kepada tercetusnya perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Antaranya:

Pertama: Bid'ah dalam urusan agama.

Tidak syak lagi bahawa punca utama dan pertama yang mencetuskan perselisihan sekaligus membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam adalah disebabkan oleh bid'ah yang diada-adakan di dalam urusan agama. Hal ini sebagaimana yang diisyaratkan oleh Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri menerusi salah sebuah hadisnya seperti berikut:

فَإِنَّمَا مَنْ يَعِشُ مِنْكُمْ بَعْدِي فَسَيَرِى اخْتِلَافًا كَثِيرًا، فَعَلَيْكُمْ بِسُنْتِي وَسُنْنَةِ
الْخُلُقَاءِ الْمَهْدِيَّينَ الرَّاشِدِينَ، تَمَسَّكُوا بِهَا وَعَضُّوا عَلَيْهَا بِالنَّوْاجِذِ، وَإِيَّاكُمْ وَمُحْدَثَاتِ
الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدُعَّةٍ، وَكُلَّ بِدُعَّةٍ ضَلَالَةٌ.

Maksudnya:

Sesungguhnya sesiapa di antara kamu yang hidup selepas (kewafatan) aku dia akan melihat banyak perselisihan, maka hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk selepasku. Gigitlah ia (sekuat hati) dengan gigi geraham (kamu) dan jauhilah perkara yang diada-adakan (dalam urusan agama ini) kerana ia adalah bid'ah. Sedangkan setiap bid'ah itu (adalah) sesat. [Hadis riwayat Abu Daud, no. 4607 dan at-Tirmidzi, no. 2676. Dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani dalam *Silsilah ash-Shahihah*, no. 2735]

Kenyataan di atas juga disokong oleh sebuah hadis di mana Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menerangkan bahawa di antara punca berlakunya porak peranda dalam kalangan umat Islam adalah disebabkan oleh perbuatan bid'ah yang diada-adakan oleh mereka di dalam urusan agama. Imam ad-Daruquthni meriwayatkan daripada Anas *radhiallahu'anhu* bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah bersabda:

من غشت أمتی فعليه لعنت الله والملائكة والناس أجمعین، قیل: يا رسول

الله، وما الغش؟ قال: أن يبتدع لهم بدعة فيعمل بها.

Maksudnya:

Sesiapa yang memporak perandakan umatku, maka Allah akan murka kepadanya dan murkalah malaikat dan murkalah segenap manusia. Baginda ditanya (oleh para sahabat): "Wahai Rasulullah, apakah yang dinamakan dengan memporak perandakan itu?" Baginda menjawab: "Bahawa ia berbuat bid'ah kepada mereka suatu bid'ah lalu dikerjakan."

Kedua: Bertaqlid (mengikut membuta tuli).

Di antara sebab lain berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam ialah sikap sebahagian besar mereka yang hanya pasrah dan tunduk kepada amalan tradisi yang bercanggah dengan ajaran Islam. Firman Allah Subhanahu wa Ta'alaa:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُواْ بَلْ نَتَّبِعُ مَا أَفْيَنَا عَلَيْهِ إِبَاءَنَا أَوْلَوْ كَانَ

ءَابَاؤُهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

Maksudnya:

Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Ikutilah apa yang telah diturunkan oleh Allah". Mereka menjawab: "(Tidak!) tetapi kami hanya mengikuti apa yang telah kami dapati daripada (perbuatan) nenek moyang kami." (Apakah mereka akan mengikuti juga) walaupun nenek moyang mereka itu tidak mengetahui suatu apa pun dan tidak pula mendapat petunjuk?. [Surah al-Baqarah, ayat 170]

Ketiga: Taksub kepada kelompok dan tokoh tertentu.

Di antara sebab berlakunya perpecahan dalam kalangan manusia ialah sikap sebahagian mereka yang taksub kepada kelompok dan tokoh tertentu sehingga membelakangkan ajaran agama. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ مِنَ الْذِينَ فَرَقُوا دِينَهُمْ وَكَانُوا شِيَعًا كُلُّ

حِزْبٌ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرَحُونَ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu termasuk orang-orang yang menyekutukan Allah, iaitu orang-orang yang memecah-belahkan agama mereka dan mereka menjadi beberapa golongan. Setiap golongan merasa bangga dengan apa yang ada pada golongan mereka. [Surah al-Rum, ayat 31-32]

Firman-Nya lagi:

أَتَخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَنَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ

Maksudnya:

Mereka menjadikan orang-orang alim dan rahib-rahib mereka sebagai Rabb selain Allah. [Surah at-Taubah, ayat 31]

Ayat yang terakhir di atas menerangkan tentang sikap golongan Nasrani yang fanatik terhadap para pembesar agama mereka sehingga menjadikannya sebagai ‘tandingan’ Allah dalam mensyariatkan ajaran agama. Sikap golongan ini dilihat tidak jauh berbeza dengan sikap sebahagian umat Islam yang sanggup membelakangkan ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah yang bercanggah dengan ajaran golongan yang menjadi ikutan mereka.

Dikatakan kepada Abu Thalib al-Misykani bahawa ada segolongan orang yang meninggalkan hadis Rasulullah lalu mengambil pendapat Sufyan ats-Tsauri, maka beliau berkata:

أَعْجَبَ لِقَوْمٍ سَمِعُوا الْحَدِيثَ وَعَرَفُوا الْإِسْنَادَ وَصِحَّتْهُ يَدْعُونَهُ وَيَذْهَبُونَ إِلَى رَأْيِ سُفْيَانَ وَغَيْرِهِ، قَالَ اللَّهُ: فَلَيَخْدُرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ.

Maksudnya:

Aku merasa hairan pada suatu kaum yang telah mendengar hadis Rasulullah dan mengetahui kesahihan sanadnya namun mereka meninggalkannya dan mengambil pendapat Sufyan dan selainnya. Allah berfirman: "Maka hendaklah orang-orang yang menyalahi perintah Rasul takut akan ditimpa fitnah atau azab yang pedih." [ash-Sharimul Maslul, ms. 56-57]

Keempat: Sering mempertikai dan membantah kebenaran.

Di antara sebab berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam ialah sikap sebahagian mereka yang gemar mempertikai malah membantah kebenaran yang dibentangkan di hadapan mereka. Inilah kebiasaan golongan ahli kitab sehingga Allah mencela perbuatan mereka menerusi firman-Nya dalam ayat berikut:

وَقَالُوا إِنَّا لَهُتَّنَا خَيْرٌ أَمْ هُوَ مَا ضَرَبُوهُ لَكَ إِلَّا جَدَلًا بَلْ هُمْ قَوْمٌ خَصِّمُونَ

Maksudnya:

Mereka tidak memberikan perumpamaan itu kepadamu (wahai Muhammad) melainkan dengan maksud membantah sahaja. Sebenarnya mereka adalah kaum yang suka bertengkar. [Surah az-Zukhruf, ayat 58]

Firman-Nya lagi dalam ayat yang lain:

فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ

Maksudnya:

Maka setelah datang kepada mereka apa yang telah mereka ketahui, lalu mereka ingkar kepadanya. [Surah al-Baqarah, ayat 89]

Imam al-Bukhari dan Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah bersabda:

إِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ سُؤَالُهُمْ وَاحْتِلَافُهُمْ عَلَىٰ أَنْبِيَائِهِمْ.

Maksudnya:

Sesungguhnya umat sebelum kamu binasa oleh banyaknya pertanyaan mereka dan perselisihan mereka terhadap para nabi mereka.

Sabdanya lagi:

مَاضِلَّ قَوْمٌ بَعْدَ هُدًىٰ كَانُوا عَلَيْهِ إِلَّا أُوتُوا الْجَحَدَ.

Maksudnya:

Tidaklah suatu kaum itu tersesat setelah mendapat petunjuk kecuali kerana suka melakukan perdebatan. [Hadis riwayat ath-Thabrani dalam *al-Mu'jam al-Kabir*, no. 8067]

Kelima: Menjadikan selain al-Qur'an dan as-Sunnah sebagai pemutus perselisihan.

Di antara sebab berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam ialah keengganan mereka untuk kembali kepada al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih. Sebaliknya menjadikan selain kedua-dua sumber hukum tersebut sebagai sumber penyelesaian dalam setiap perselisihan yang dihadapi sesama mereka. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذْ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأَمْرٌ مِنْ كُمْ فَإِن تَنَزَّعُمُ فِي
 شَيْءٍ فَرْدُوْهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ حَيْرٌ وَأَحَسْنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya:

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah dan (as-Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya. [Surah an-Nisa, ayat5]

Keenam: Hasad dengki.

Di antara sebab berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam adalah kerana hasad dengki sesama mereka. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala ketika menjelaskan punca berlakunya perselisihan dalam kalangan ahli kitab:

وَمَا أَخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ الْبَيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ

Maksudnya:

Dan (sebenarnya) tidaklah berselisih tentang kitab itu melainkan orang yang didatangkan kepada mereka kitab, iaitu setelah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang nyata, (mereka berselisih semata-mata) kerana hasad dengki sesama sendiri. [Surah al-Baqarah, ayat 213]

Firman-Nya lagi dalam surah yang sama, ayat 109:

حَسَدًا مِنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ

Maksudnya:

Kerana rasa iri yang (timbul) dari diri mereka sendiri setelah nyata bagi mereka kebenaran.

Firman-Nya lagi:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ أَلْيَسْلَمُوا وَمَا أَخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا بَيْنَهُمْ

Maksudnya:

Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam. Tidak berselisih orang-orang yang diberikan al-Kitab kecuali sesudah datang pengetahuan kepada mereka kerana kedengkian (yang ada) di antara mereka.
[Surah Ali Imran, ayat 19]

Benarkah Wahhabi menjadi pencetus utama kepada perselisihan dan perpecahan umat Islam khususnya di Malaysia?

Dalam huraian terdahulu telah dijelaskan beberapa faktor yang menjadi penyebab kepada berlakunya perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam. Jika dikaji faktor-faktor tersebut, ternyata ia tidak ada kaitan sedikit ju dengan fahaman Wahhabi. Justeru, toh mahan sesetengah pihak bahawa Wahhabi sebagai faktor utama yang membawa kepada perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam adalah tidak tepat sama sekali.

Kenyataan ini diperkuuhkan lagi dengan dua poin berikut:

- 1) Fahaman Wahhabi tidak pernah menyeru umat Islam untuk berpegang kepada sesuatu yang lain daripada ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* yang sahih. Ini jelas terbukti bahawa apabila munculnya perselisihan pendapat dalam sesuatu perkara, Wahhabi akan menuntut supaya perkara tersebut segera dikembalikan kepada petunjuk al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih sesuai dengan kefahaman generasi *as-Salaf as-Soleh*, khususnya para Sahabat *radhiallahu 'anhuma*.

Ini berbeza dengan sikap para pemfitnah *Wahhabi* dari kalangan para pelaku bid'ah dan pentaksub mazhab yang sering sahaja memaksa umat Islam untuk terus terpaku dan terbelenggu di bawah kongkongan adat yang penuh bid'ah dan juga ajaran mazhab tertentu. Ini sekalipun jelas bersalahan dengan petunjuk al-Qur'an dan as-Sunnah Nabi yang sahih.

- 2) Umum sedia maklum bahawa fahaman *Wahhabi* adalah satu-satunya aliran yang amat sensitif terhadap pelbagai fahaman dan amalan bid'ah yang wujud dalam masyarakat Islam. Setiap kali bermunculan fahaman dan amalan bid'ah, maka golongan *Wahhabi* pasti akan berusaha keras membanteras bid'ah tersebut. Golongan *Wahhabi* tidak akan pernah sekali-kali berdiam diri membiarkan fahaman dan amalan bid'ah tersebut daripada terus menular ke dalam masyarakat. Tindakan *Wahhabi* dalam menentang sekeras-kerasnya fahaman dan amalan bid'ah ini adalah tidak lain disebabkan oleh kesedaran mereka terhadap bahaya bid'ah dan implikasinya terhadap kerosakan akidah dan perpecahan umat Islam.

Prinsip ini tidak terdapat pada diri para penentang tegar *Wahhabi* kerana golongan ini sering kali melihat fahaman dan amalan bid'ah yang berleluasa dalam masyarakat sebagai perkara *furu'* (perkara cabang dan remah) yang tidak sepatutnya dibincang dan dipertikaikan. Lebih-lebih lagi, usaha pembanterasan fahaman dan amalan bid'ah yang dilakukan oleh *Wahhabi* itu dilihat oleh mereka sebagai suatu tindakan yang bercanggah dengan amalan 'arus perdana' yang menjadi pegangan dan kebiasaan majoriti umat Islam. Pada mereka, biarlah umat Islam hanyut dan tenggelam dalam lumpur bid'ah, asal sahaja kesatuan rapuh lagi palsu yang mereka bina di atas bid'ah tersebut dapat dipertahan dan diperkuuhkan.

Langkah penyelesaian kepada masalah perpecahan umat Islam.

Meskipun perselisihan adalah suatu yang lumrah berlaku, namun Allah dan Rasul-Nya telah menyediakan beberapa langkah sebagai solusi kepada kemelut perselisihan dan perpecahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam. Antaranya langkah-langkah yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Pertama: Meninggalkan segala bentuk bid'ah dalam agama.

Hendaklah umat Islam meninggalkan segala bentuk pemikiran dan amalan bid'ah yang melingkari kehidupan mereka. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

وَإِيَّا كُمْ وَمُحْدَثَاتِ الْأُمُورِ، فَإِنَّ كُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدُعْةٌ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ.

Dan jauhilah perkara yang diada-adakan (dalam urusan agama ini) kerana ia adalah bid'ah sedangkan setiap bid'ah itu (adalah) sesat. [Hadis riwayat Abu Daud, no. 4607 dan at-Tirmidzi, no. 2676. Dinilai saih oleh Syaikh al-Albani dalam *Silsilah ash-Shahihah*, no. 2735.]

Ibnu Mas'ud *radhiyallahu'anhu* pernah berkata:

إِتَّبِعُوا وَلَا تَبْتَدِعُوا، فَقَدْ كُفِيْتُمْ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالٌ.

Maksudnya:

Berittiba'lah (ikutlah sunnah) dan janganlah kamu berbuat bid'ah kerana sungguh kamu telah dicukupkan dan semua bid'ah adalah sesat. [Riwayat al-Haitsami dalam *Majma' az-Zawa'id*, no. 853]

Ketahuilah bahawa tidak ada satu jua bid'ah yang baik di dalam urusan agama. Adapun bid'ah yang diada-adakan dalam urusan muamalat (keduniaan) yang memberi faedah kepada umat manusia dan perjalanan syariat Islam, maka ia tidaklah tercela. Inilah yang disebutkan oleh sebahagian ulamak sebagai bid'ah *hasanah* (perkara baharu yang baik).

Kedua: Mengembalikan setiap perkara yang diperselisihkan kepada al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'alaa* berikut menjadi rujukan:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا مَنَّا أَطْبَعُوا اللَّهَ وَآتَيْعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ هُمُ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَزَّلُونَ

شَيْءٍ فَرْدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ حَيْرٌ وَأَحَسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya:

Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisih) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah dan (al-Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

Firman-Nya lagi:

وَمَا أَخْتَلَفْتُمْ فِيهِ مِنْ شَيْءٍ فَحُكْمُهُ إِلَى اللَّهِ

Maksudnya:

Tentang sesuatu apa pun yang kamu berselisih, maka keputusannya (terserah) kepada Allah. [Surah asy-Syura, ayat 10]

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا مُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمْ أَحْيَرَةٌ مِنْ أَمْرِهِمْ

وَمَنْ يَعْصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا

Maksudnya:

Dan tidaklah patut bagi lelaki yang mukmin dan tidak (pula) wanita yang mukmin, apabila Allah dan Rasul-Nya telah memutuskan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. Dan sesiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya maka sungguh dia telah sesat dengan kesesatan yang nyata. [Surah al-Ahzab, ayat 36]

Hendaklah umat Islam yang saling berselisih mengembalikan setiap persoalan yang diperselisihkan oleh mereka kepada al-Qur'an dan as-Sunnah Nabi yang sahih, bukannya kepada pendapat tokoh tertentu yang tidak berpijak di atas dalil-dalil yang syar'i.

Ketiga: Sentiasa beriltizam dengan *al-Jamaah* kaum Muslimin.

Hendaklah umat Islam seluruhnya bersatu dalam satu jamaah. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

فَإِنَّ يَدَ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ مَنْ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ يُرْتَكِضُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Tangan Allah bersama al-Jamaah dan sesungguhnya Syaitan berlari bersama orang yang memecah-belahkan al-Jamaah. [Hadis riwayat Ibnu Hibban dalam *Shahih Ibnu Hibban*, no. 4557]

Di sini penulis ingin mengambil kesempatan untuk membetulkan salah faham sebahagian pihak mengenai maksud *al-Jamaah* di dalam hadis ini dan lain-lain riwayat seumpamanya.

- *Al-Jamaah* yang dimaksudkan di dalam hadis ini dan lain-lain hadis semakna bukanlah merujuk kepada kelompok tertentu dalam kalangan umat Islam, akan tetapi ialah siapa jua yang berpijak di atas manhaj Rasulullah dan para Sahabat baginda. Sabda Rasulullah ketika menjelaskan maksud *al-Jamaah*:

مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَصْحَابِيْ.

Maksudnya:

Aku dan para sahabatku berada di atas. [Hadis riwayat at-Tirmidzi, no. 2641 dan al-Hakim 1/129. Lihat *Shahih al-Jami'*, no. 5343]

- *Al-Jamaah* di sini tidaklah diukur berdasarkan ramainya orang yang berada di atasnya, tetapi sejauh mana ia berpijak di atas kebenaran yang berpaksikan al-

Qur'an dan as-Sunnah yang sahih sesuai dengan manhaj para Sahabat *radhiallahu'anhum*. Berkata Ibnu Mas'ud *radhiallahu'anhuma*:

الْجَمَاعَةُ مَا وَاقَعَ الْحَقُّ وَإِنْ كُنْتَ وَحْدَكَ.

Maksudnya:

Al-Jamaah adalah apa yang menepati kebenaran walaupun engkau seorang diri. [Atsar riwayat al-Lalika'i dalam *Syarah Ushul I'tiqad*, no. 160]

Keempat: Berpegang teguh kepada manhaj para Sahabat.

Setelah menjelaskan fenomena perselisihan dan perpecahan yang bakal melanda umat Islam, Rasulullah menjelaskan perlunya umat Islam untuk berpegang teguh kepada sunnah Khulafa' al-Rasyidin sebagai solusi menghadapi perselisihan dan perpecahan tersebut. Diulangi sabda baginda sebelum ini:

فَعَلَيْكُمْ بِسُنْتِي وَسُنْنَةِ الْخُلُفَاءِ الْمَهْدِيِّينَ الرَّاشِدِينَ . . .

Maksudnya:

Maka hendaklah kamu berpegang dengan sunnahku dan sunnah Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk [Hadis riwayat Abu Daud, no. 4607 dan at-Tirmidzi, no. 2676. Dinilai sahih oleh Syaikh al-Albani dalam *Silsilah al-Ahadith ash-Shahihah*, no. 2735]

Apa yang dimaksudkan dengan berpegang teguh kepada sunnah para Sahabat di sini adalah mengikuti manhaj atau prinsip mereka dalam memahami dan mempraktikkan ajaran Islam. Bukti bahawa dengan mengabaikan manhaj para Sahabat dalam beragama akan membawa kepada perselisihan dan perpecahan dalam kalangan umat Islam dapat dilihat berdasarkan atsar berikut:

عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ ذَاتَ يَوْمٍ يُحَدِّثُ نَفْسَهُ، فَأَرْسَلَ إِلَى ابْنِ عَبَّاسٍ فَقَالَ:

كَيْفَ تَخْتَلِفُ هَذِهِ الْأُمَّةُ وَ نَيْمَهَا وَاحِدٌ وَكِتَابُهَا وَاحِدٌ وَقِبْلَتُهَا وَاحِدَةٌ؟ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: يَا أَمِيرَ الْمُؤْمِنِينَ إِنَّا أُنْزِلَ عَلَيْنَا الْقُرْآنَ فَقَرَأْنَاهُ وَعَلِمْنَا فِيمَا أُنْزِلَ، وَإِنَّهُ سَيَكُونُ بَعْدَنَا أَقْوَامٌ يَقْرَأُونَ الْقُرْآنَ وَلَا يَعْرِفُونَ فِيمَا نُزِّلَ، فَيَكُونُ لِكُلِّ قَوْمٍ فِيهِ رَأْيٌ، فَإِذَا كَانَ لِكُلِّ قَوْمٍ فِيهِ رَأْيٌ اخْتَلَفُوا، فَإِذَا اخْتَلَفُوا إِقْتَلُوا.

Maksudnya:

Pada suatu hari 'Umar bin al-Khatthab sedang merenung, lalu dia memanggil Ibnu 'Abbas dan bertanya kepadanya: "Bagaimana umat ini dapat berselisih, padahal Nabinya satu, kitab sucinya satu dan kiblatnya satu?" Maka Ibnu 'Abbas menjawab: "Wahai Amirul Mukminin, sesungguhnya al-Qur'an diturunkan kepada kita, kemudian kita membacanya dan kita mengetahui berkenaan dengan apa ayat-ayat al-Qur'an itu diturunkan. Dan sesungguhnya setelah zaman kita nanti, akan ada orang-orang yang membaca al-Qur'an dan tidak mengetahui berkenaan dengan apa ayat-ayat al-Qur'an itu diturunkan, sehingga masing-masing kelompok akan memiliki penafsiran sendiri mengenainya. Dan apabila setiap kelompok telah memiliki penafsiran sendiri-sendiri, nescaya mereka akan berselisih. Dan apabila mereka telah berselisih, nescaya mereka akan saling berperang." [Atsar riwayat Sa'id bin Manshur dalam As-Sunnan, 1/176, no. 42]

'Abdullah bin Mas'ud *radhiyallahu 'anhu* pernah berkata:

لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا أَتَاهُمُ الْعِلْمُ مِنْ أَصْحَابِ مُحَمَّدٍ وَ مِنْ أَكَابِرِهِمْ، فَإِذَا أَتَاهُمُ الْعِلْمُ مِنْ قِبْلٍ أَصَاغَرُهُمْ، وَ تَفَرَّقَتْ أَهْوَاءُهُمْ، هَلَكُوا.

Maksudnya:

Manusia akan selalu berada di atas kebaikan selama ilmu mereka datang dari para Sahabat Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam dan dari orang-orang besar mereka. Jika ilmu datang dari arah orang-orang kecil mereka (ahli bid'ah) dan hawa nafsu, mereka akan bercerai-berai, mereka pasti binasa. [Atsar riwayat Imam Ibnu al-Mubarak dalam kitab az-Zuhud, no. 815]

Termasuk dalam pengertian berpegang kepada manhaj para Sahabat ialah meninggalkan segala bentuk keyakinan dan tatacara peribadatan yang tidak pernah dilaksanakan oleh mereka. Imam Ibnu Baththah meriwayatkan di dalam kitabnya, *al-Ibanah* bahawa Huzaifah bin al-Yaman *radhiallahu'anhu* pernah berpesan:

كُلُّ عِبَادَةٍ لَمْ يَتَعَبَّدْ بِهَا أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ فَلَا تَتَعَبَّدُوا بِهَا، فَإِنَّ الْأَوَّلَ لَمْ يَدْعُ لِلآخِرِ مَقَالًا، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا مَعْشَرَ الْقُرَاءِ خُذُوا طَرِيقَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ.

Maksudnya:

Setiap ibadah yang tidak pernah dilakukan oleh sahabat Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, janganlah kamu melakukannya. Sebab, sesungguhnya generasi pertama itu tidak memberikan kesempatan kepada generasi berikutnya untuk berpendapat (dalam masalah agama). Bertaqwalah kepada Allah wahai para qurra' dan ambillah jalan orang-orang sebelum kamu.

Berkata Imam Ahmad bin Hanbal *rahimahullah*:

أُصُولُ السُّنَّةِ عِنْدِنَا: التَّمَسُّكُ بِمَا كَانَ عَلَيْهِ أَصْحَابُ رَسُولِ اللَّهِ وَالْإِقْتِداءُ بِهِمْ وَتَرْكُ الْبِدَعِ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ فَهِيَ ضَلَالٌ.

Maksudnya:

Pokok sunnah menurut kami adalah berpegang teguh pada apa yang dilakukan oleh para Sahabat Rasulullah dan mengikuti mereka serta meninggalkan

bid'ah. Semua bid'ah itu adalah sesat. [Riwayat al-Lalika'i dalam *Syarth Ushul I'tiqad Ahlis Sunnah wal Jama'ah*, no. 317]

Berkata Imam Malik bin Anas *rahimahullah*:

لَنْ يُصْلِحَ آخِرَ هَذِهِ الْأُمَّةِ إِلَّا مَا أَصْلَحَ أَوْلَاهَا.

Maksudnya:

Tidak akan dapat memperbaiki generasi akhir dari umat ini kecuali apa yang telah dapat memperbaiki generasi terdahulu. [Riwayat Ibnu 'Abdil Barr dalam *at-Tamhid* (*tahqiq*: Usamah bin Ibrahim) 15/292 dan Ibnu al-Qayyim dalam *Ighatsatul Lahfan min Mashayidhisy Syaithan* (*tahqiq*: Khalid 'Abdul Lathif as-Sab'il 'Alami) 1/313]

Imam al-Barbahari *rahimahullah* menulis di dalam kitabnya yang terkenal, *Syarhus Sunnah*:

فَانْظُرْ رَحْمَكَ اللَّهُ كُلُّ مَنْ سَمِعْتَ كَلَامَهُ مِنْ أَهْلِ زَمَانِكَ خَاصَّةً فَلَا
تَعْجَلْنَ وَلَا تَدْخُلْنَ فِي شَيْءٍ مِنْهُ حَتَّى تَسْأَلَ وَتَنْتَرِ هَلْ تَكَلَّمَ فِيهِ أَحَدٌ مِنْ
أَصْحَابِ النَّبِيِّ أَوْ أَحَدٌ مِنَ الْعُلَمَاءِ فَإِنْ أَصَبْتَ فِيهِ أَثْرًا عَنْهُمْ فَتَمَسَّكْ بِهِ وَلَا
بُخَاوِرْهُ لِشَيْءٍ وَلَا تَخْتَرْ عَلَيْهِ شَيْئًا فَتَسْقُطُ فِي النَّارِ.

Maksudnya:

Perhatikanlah - semoga Allah merahmatimu - semua perkataan orang yang ada pada zamanmu secara khusus. Jangan tergesa-gesa dan jangan masuk ke dalamnya sedikit pun sehingga engkau bertanya dan mencermatinya, apakah para sahabat atau salah seorang ulamak (*as-Salaf as-Soleh*) mengatakannya (ataukah tidak). Apabila engkau menjumpai sebuah *atsar* daripada mereka, maka pegangilah. Jangan engkau tinggalkan kerana suatu alasan pun. Jangan (pula)

memilih ketentuan lain sehingga akibatnya engkau akan terjerumus ke dalam neraka. [Syarhus Sunnah, no. 70]

Kelima: Menghindari budaya gemar bertaqlid (mengikuti membuta tuli).

Hendaklah umat Islam berusaha dengan segenap kemampuan mereka untuk melepaskan diri daripada belenggu dan ikatan taqlid, yakni mengikuti sesuatu dalam urusan agama mereka secara membuta tuli. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْعُولاً

Maksudnya:

Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semua itu akan diminta dipertanggungjawabkan. [Surah al-Isra', ayat 36]

Firman-Nya lagi:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الْذِكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Oleh itu bertanyalah kamu kepada orang yang ahli (pakar) jika kamu tidak mengetahui. [Surah an-Nahl, ayat 43]

Keenam: Sentiasa bersangka baik kepada saudara seagama.

Hendaklah umat Islam berusaha menjauhi sangka buruk kepada sesama mereka. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا أَجْتَبِنُّوْا كَثِيرًا مِنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan prasangka. Sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa. [Surah al-Hujurat, ayat 12]

Firman-Nya lagi:

لَوْلَا إِذْ سَمِعْتُمُوهُ ظَنَّ الْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بِأَنفُسِهِمْ خَيْرًا وَقَالُوا هَذَا إِفْكٌ مُّبِينٌ

Maksudnya:

Mengapa di waktu kamu mendengar berita bohong itu, orang-orang mukmin dan mukminah tidak bersangka baik terhadap diri mereka sendiri dan berkata: "Ini adalah tuduhan yang dusta?" [Surah an-Nur, ayat 12]

Langkah terbaik bagi mengelakkan prasangka adalah dengan cara menyelidiki setiap khabar berita yang disampaikan. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَإٍ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلٍ فَتُصِيبُهُوا عَلَىٰ

مَا فَعَلْتُمْ نَذِيرٌ مِّينَ

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka selidikilah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu. [Surah al-Hujurat, ayat 6]

Ketujuh: Menghindari sikap taksub kepada selain Allah dan Rasul-Nya.

Hendaklah umat Islam melepaskan ketaksuban kepada selain Allah dan Rasul-Nya, baik ia merupakan pandangan mazhab, tradisi masyarakat atau ajaran tokoh-tokoh tertentu yang jelas menyelisihi ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih. Ketahuilah bahawa tidak ada satu jua jalan yang selamat melainkan dengan kembali sepenuhnya

kepada ajaran al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih, sesuai dengan kefahaman generasi *as-Salaf as-Soleh*. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا أَلْسُبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ﴿١٥٣﴾

ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٥٣﴾

Maksudnya:

Dan bahawa (yang Kami perintahkan) ini adalah jalan-Ku yang lurus, maka ikutilah ia. Dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan (yang lain) kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikanmu dari jalan-Nya. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu bertaqwa. [Surah al-An'am, ayat 153]

Firman-Nya lagi:

أَتَتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ إِلَيْكُمْ مِنْ رَبِّكُمْ وَلَا تَشَبِّهُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ قَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya:

(Katakanlah kepada mereka wahai Muhammad): Ikutilah apa yang telah diturunkan kepada kamu dari Tuhan kamu dan janganlah kamu menurut pemimpin-pemimpin yang lain dari Allah. Amatlah sedikit kamu mengambil peringatan. [Surah al-A'raf, ayat 3]

Sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam:

تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ بِهِمَا كِتَابَ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ.

Maksudnya:

Aku tinggalkan bagi kamu dua perkara yang kamu tidak akan tersesat dengan berpegang teguh kepada keduanya, iaitu Kitabullah (al-Qur'an) dan Sunnah Nabi-Nya. [Hadis riwayat Imam Malik dalam *al-Mawaththa'*, no. 1395]

Kelapan: Berlapang dada dalam perbezaan yang dibenarkan.

Hendaklah umat Islam saling bertoleransi dalam menghadapi suasana perbezaan pandangan yang terjadi di antara sesama mereka. Sekiranya telah terbukti bahawa setiap pihak memiliki dalil yang kukuh di sisi al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih, maka hendaklah mereka saling berlapang dada antara satu dengan yang lain. Tidak dibolehkan untuk saling menghukum dalam perkara yang wujud padanya perselisihan yang dibenarkan syarak. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

وَلَا تَنْزَعُوا فَتَفْشِلُوا وَتَذَهَّبَ رِحْكُمْ وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu berbantah-bantah (kerana) yang demikian menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatan kamu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar. [Surah al-Anfal, ayat 46]

Firman-Nya lagi:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَأَخْتَلُفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ هُمُ عَذَابٌ

عَظِيمٌ

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menyerupai orang-orang yang bercerai-berai dan berselisih sesudah datang keterangan yang jelas kepada mereka. Mereka itulah orang-orang yang mendapat siksa yang berat. [Surah Ali 'Imran, ayat 105]

'Abdullah bin Mas'ud *radhiallahu'anhu* menceritakan bahawa beliau mendengar seseorang membacakan ayat al-Qur'an dengan bacaan yang berbeza dengan apa yang beliau dengarkan daripada Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*. Disebabkan kehairanan melihat bacaannya itu, beliau pun membawanya menghadap Rasulullah lalu menceritakan kejadian itu kepada baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*. Sambil menunjukkan wajah yang kurang selesa, baginda pun berkata kepadanya:

كِلَّا كُمَا مُحْسِنٌ، وَلَا تَخْتَلِفُوا، فَإِنَّ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ أَخْتَلَفُوا فَهُمْ كُوْنُوا.

Maksudnya:

Kamu berdua telah berbuat sebaik-baiknya. Dan janganlah kamu saling berselisih kerana orang-orang sebelum kamu dahulu juga berselisih lalu mereka binasa. [Hadis riwayat al-Bukhari, no. 2410]

Kesembilan: Tunduk kepada kebenaran.

Umat Islam seluruhnya hendaklah sentiasa berlapang dada dalam menerima sesuatu kebenaran yang bersumberkan daripada ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah yang sahih. Mereka juga hendaklah dengan penuh rela hati meninggalkan apa jua pandangan atau kebiasaan sedia ada yang jelas bercanggah dengan kebenaran tersebut. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمَ بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا سَمِعْنَا

وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Sesungguhnya jawapan orang-orang mukmin, apabila mereka diajak kepada Allah dan Rasul-Nya agar menghukum (mengadili) di antara mereka ialah ucapan: "Kami dengar dan kami taat". Dan mereka itulah orang-orang yang beruntung. [Surah an-Nur, ayat 51]

Sesungguhnya, kedegilan dan keegoan untuk tunduk dan kembali kepada kebenaran setelah ia tertegak di hadapan mata adalah di antara faktor terpenting yang menyebabkan perpecahan di kalangan umat Islam terus berlaku tanpa berkesudahan. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَمَنْ يُشَاقِقُ الرَّسُولَ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُ الْهُدَىٰ وَيَتَبَعُ غَيْرَ سَبِيلِ الْمُؤْمِنِينَ نُولِهِ مَا

تَوَلَّ وَنُصَلِّهِ جَهَنَّمَ وَسَاءَتْ مَصِيرًا

Maksudnya:

Dan sesiapa yang menentang (ajaran) Rasulullah sesudah terang nyata kepadanya kebenaran pertunjuk (yang dibawanya) dan dia pula mengikut jalan yang lain dari jalan orang-orang mukmin, Kami akan memberikannya kuasa untuk melakukan (kesesatan) yang dipilihnya. Dan (pada hari akhirat kelak) Kami akan memasukkannya ke dalam neraka jahanam. Dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali. [Surah an-Nisa', ayat 115]

Kesepuluh: Melurus dan merapatkan saf solat.

Salah satu petunjuk Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam menyemai semangat perpaduan dalam kalangan umat Islam adalah dengan menyempurnakan saf di dalam solat. Maksud saf yang sempurna adalah saf yang berada dalam keadaan yang lurus lagi rapat. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*:

سُوْفَ اصْفُوفُكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ تَقَامِ الصَّلَاةِ .

Maksudnya:

Luruskanlah saf-saf kamu. Sesungguhnya lurusnya saf itu merupakan sebahagian daripada kesempurnaan solat. [Hadis riwayat Muslim, no. 433]

Sabdanya lagi:

لَا تَخْتَلِفُ صُفُوفُكُمْ فَتَخْتَلِفَ قُلُوبُكُمْ .

Maksudnya:

Janganlah kamu bengkok dalam saf (solat) kamu, nescaya hati kamu akan berselisih. [Hadis riwayat Ibnu Khuzaimah. Lihat *Shahih at-Targhib wa at-Tarhib*, no. 513]

Namun amat disayangkan, perkara inilah yang sering diabaikan oleh kebanyakan umat Islam. Sekalipun dalam kalangan mereka ada yang mengerjakan solat dalam saf yang sama dan berada di belakang imam yang sama, namun mereka tetap sahaja berselisih pandangan dalam banyak persoalan. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh Allah bahawa terdapat segolongan manusia yang kelihatan bersatu pada zahirnya, namun hakikatnya hati mereka saling berselisih antara satu dengan yang lain.

Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

٢٧ تَحْسِبُهُمْ جَمِيعًا وَقُلُوبُهُمْ شَتَّىٰ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَا يَعْقِلُونَ ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

Kamu menyangka mereka itu bersatu, padahal hati mereka berpecah-belah. Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka adalah kaum yang tidak mengerti. [Surah al-Hasyr, ayat 14]

Kesimpulannya, perselisihan pandangan dalam kalangan manusia merupakan sunnatullah yang tidak dapat dielakkan oleh sesiapa pun di dunia ini. Perselisihan yang terjadi dalam kalangan manusia ini tidak lain merupakan ujian daripada Allah ke atas para hamba-Nya. Diulangi firman-Nya:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَوْنَ مُخْتَلِفِينَ ﴿١٨﴾

٢٨ وَلِذِلِكَ خَلَقَهُمْ وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَآمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya:

Dan kalaular Tuhanmu menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya sebagai umat yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisih. Kecuali orang yang diberi

rahmat oleh Tuhanmu dan kerana itulah Dia menjadikan manusia. Dan dengan demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhkan neraka jahanam dengan sekalian jin dan manusia. [Surah Hud, ayat 118-119]

Siapakah "... orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu ..." menerusi ayat di atas? Jawapannya tidak lain, ialah mereka yang sudi untuk menyelesaikan perselisihan yang terjadi dalam kalangan mereka dengan kembali kepada al-Qur'an dan as-Sunnah Rasulullah (Surah an-Nisa, ayat 59) sesuai dengan kefahaman generasi *as-Salaf as-Soleh*, khususnya para Khulafa' al-Rasyidin yang mendapat petunjuk (*Sunan Abu Daud*, no. 4607 dan *Sunan at-Tirmidzi*, no. 2676).

Artikel 9

Mewaspadai Golongan *al-Jahmiyyah* dan *al-Muktazilah* yang Berwajah ASWAJA

Soalan

Sejak akhir-akhir ini saya dapat terdapat aliran yang mengaku sebagai *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* (ASWAJA) dan dengan mudah menuju kumpulan lain yang berbeza dengannya sebagai *Wahhabi*. Namun apa yang menghairankan adalah, saya dapat terdapat beberapa keyakinan dan amalan tertentu golongan ini berbeza dengan apa yang diajarkan oleh Rasulullah, para sahabat dan para imam muktabar *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* itu sendiri. Pertanyaan saya, adakah golongan yang mengaku sebagai ASWAJA ini berpegang teguh kepada ajaran *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* yang sebenar? Jika tidak, apakah kriteria yang perlu dinilai bagi membantu saya mengenalpasti bahawa mereka bukanlah ASWAJA dalam erti kata yang sebenarnya?

Jawapan

Nasihat kami agar hendaklah anda sentiasa berpada-pada dalam menerima sesuatu maklumat yang berkaitan dengan urusan agama, sekalipun daripada mereka yang mengaku sebagai ASWAJA. Apa yang penting adalah bukti atau dalil daripada al-Qur'an dan as-Sunnah yang sahih, bukannya jenama golongan tersebut semata-mata. Ini kerana, telah muncul begitu banyak aliran masa kini yang mengaku sebagai ASWAJA sejati tetapi pada hakikatnya tidaklah seperti yang didakwa.

Sebagai contoh ialah golongan *al-Jahmiyyah* dan *al-Muktazilah* masa kini yang mula muncul dan berkembang di tengah-tengah masyarakat Islam. Dengan angkuh dan sompong mereka mengaku bahawa mereka adalah ASWAJA yang hakiki lagi tulen. Namun dengan hanya sedikit penelitian sahaja, terbuktilah bahawa mereka bukanlah ASWAJA yang sebenar. Sebaliknya ialah golongan yang berfahaman *al-Jahmiyyah* dan *al-Muktazilah* tulen yang mengaku sebagai ASWAJA.

Berikut disenaraikan tiga poin penting untuk kita mengenali golongan *al-Jahmiyyah* dan *al-Muktazilah* yang berwajah ASWAJA ini.

Pertama

Mereka gemar memberikan pelbagai gelaran buruk kepada sesiapa yang sahaja yang mempertahankan sunnah Nabi, menentang syirik dan bid'ah. Antara gelaran yang masyhur dilontarkan oleh golongan ini ialah seperti *Wahhabi*, bodoh, pemecah belah ummah dan *al-Musyabbiyah*. Imam Abu Hatim al-Razi *rahimahullah* berkata:

عَالَمَةُ أَهْلِ الْبِدَعِ: الْوَقِيْعَةُ فِي أَهْلِ الْأَثَرِ، وَعَالَمَةُ الْجَهْمِيَّةِ أَنْ يَسْمُّوا

أَهْلَ السُّنَّةِ مُشَبِّهَةً

Maksudnya:

Tanda Ahli Bid'ah adalah mencela (menghina) Ahli Atsar. Dan tanda dari *al-Jahmiyyah* adalah menggelari Ahlus Sunnah dengan gelaran *al-Musyabbiyah* (menyerupakan sifat Allah dengan sifat makhluk). [Syarh Ushul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, al-Lalika'i, 1/204 dan Dzammul Kalam, al-Harawi, 4/390]

Sementara itu, Ishaq bin Rahawaih *rahimahullah* pula menuturkan:

عَالَمَةُ جَهَنِّمٍ وَأَصْحَابِهِ دَعْوَاهُمْ عَلَى أَهْلِ السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ مَا أُولَئِعُوا

مِنَ الْكَذِبِ أَنَّهُمْ مُشَبِّهَةُ، بَلْ هُمُ الْمُعَطَّلُهُ

Maksudnya:

Tanda Jahm (pengasas aliran *al-Jahmiyyah*) dan pengikutnya adalah menuduh *Ahlus Sunnah wal Jama'ah* dengan penuh kebohongan dengan gelaran *al-Musyabbiyah*. Padahal mereka adalah *Mu'aththilah* (golongan yang mengingkari sifat Allah). [Syarh al-'Aqidah ath-Thahawiyah, Ibn Abi al-'Izz al-Hanafi, 1/85]

Kedua

Mereka menafikan sifat-isfat *khabariyyah* yang menetapkan Allah *al-Istiwa'* di atas 'Arasy. Abu Abdillah al-Alusi *rahimahullah* meriwayatkan bahawa dia pernah mendengar Wahb bin Jarir *rahimahullah* berkata:

إِنَّمَا يُرِيدُ الْجَهَمِيَّةُ أَنَّهُ لَيْسَ فِي السَّمَاءِ شَيْءٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya *al-Jahmiyyah* menginginkan bahwasanya tidak ada di atas langit sesuatu pun. [*Itsbat Sifat al-'Uluw*, ms.118]

Sementara itu, Jarir bin Hamid *rahimahullah* pernah berkata ketika ditanya mengenai golongan *al-Jahmiyyah*:

إِنَّمَا يُرِيدُونَ أَنَّهُ لَيْسَ فِي السَّمَاءِ شَيْءٌ.

Maksudnya:

Mereka hanyalah menginginkan bahwasanya tidak ada di atas langit sesuatu pun. [*al-Ibanah*, Ibn Batthah, 3/194]

Ketiga

Mereka mentakwilkan sifat-sifat Allah dengan berdasarkan akal fikiran mereka. Imam at-Tirmidzi *rahimahullah* (279H) berkata tatkala mengkritik tindakan golongan *al-Jahmiyyah* yang mentakwilkan sifat 'Tangan Allah' kepada 'kudrat' (kuasa):

وَأَمَّا الْجَهَمِيَّةُ فَأَنْكَرُتْ هَذِهِ الرِّوَايَاتِ فَقَالُوا: هَذَا تَشْبِيهٌ. وَقَدْ ذَكَرَ اللَّهُ

عَزَّ وَجَلَّ فِي غَيْرِ مَوْضِعٍ مِّنْ كِتَابِهِ: الْيَدُ وَالسَّمْعُ وَالبَصَرُ، فَتَأَوَّلَتِ الْجَهَمِيَّةُ

هذه الآيات ففسروها على غير ما فسرها أهل العلم وقالوا: إن الله لم يخلق آدم بيده، وقالوا إن معنى اليد هنا القوة.

Maksudnya:

Manakala golongan *al-Jahmiyyah* pula mereka mengingkari riwayat-riwayat ini kerana menganggapnya ada tasybih (penyerupaan sifat Allah dengan sifat makhluk). Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla telah menyebut pada lebih dari satu tempat dalam kitab-Nya (sifat) Tangan, Mendengar dan Melihat, lalu puak *al-Jahmiyyah* mentakwilkan (maksud) ayat-ayat ini dan menafsirkannya dengan tafsiran yang berbeza daripada tafsiran ahli ilmu. Mereka (*al-Jahmiyyah*) berkata: "Sesungguhnya Allah tidak menjadikan Nabi Adam dengan Tangan-Nya, dan mereka juga berkata: "Sesungguhnya makna Tangan itu di sini ialah kudrat (kuasa). [Sunan at-Tirmidzi, 3/50-51]

Seterusnya perhatikan pula kritikan Imam Abu Hanifah *rahimahullah* (150H) terhadap golongan *al-Qadariyyah* dan *al-Muktazilah* yang mentakwilkan sifat 'Tangan Allah' sebagai 'kuasa' atau 'nikmat'.

فَمَا ذُكِرَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقُرْآنِ مِنْ ذِكْرِ الْوِجْهِ وَالْيَدِ وَالنَّفْسِ فَهُوَ لَهُ صَفَاتٌ بِلَا كَيْفٍ، وَلَا يَقُولُ: إِنْ يَدُهُ قَدْرَتُهُ أَوْ نَعْمَتُهُ لَأَنْ فِيهِ إِبْطَالٌ لِصَفَةٍ وَهُوَ قَوْلُ أَهْلِ الْقَدْرِ وَالاعْتِزَالِ وَلَكِنْ يَدُهُ صَفَتُهُ بِلَا كَيْفٍ وَغَضْبُهُ وَرَضْاهُ صَفَاتٌ مِنْ صَفَاتِهِ تَعَالَى بِلَا كَيْفٍ.

Maksudnya:

Maka apa yang disebut oleh Allah Ta'ala dalam al-Qur'an daripada sebutan Wajah, Tangan dan Diri, maka ia adalah sifat-sifat bagi-Nya tanpa (menggambarkan) *kaifiyyat* (bentuk rupa). Tidak boleh dikatakan bahawa Tangan-Nya (bermaksud) kuasa atau nikmat-Nya, sedangkan ia adalah pendapat puak *al-Qadariyyah* dan *al-Muktazilah*. Akan tetapi Tangan-Nya adalah sifat-Nya tanpa (digambarkan) *kaifiyyat*, manakala Marah dan Redha-Nya juga adalah dua sifat daripada sifat-sifat-Nya tanpa (digambarkan) *kaifiyat*. [Syarh Kitab al-Fiqh al-Akbar li Abi Hanifah, ms. 66-68]

Demikian beberapa poin penting untuk kita semua berikan perhatian dalam rangka mewaspadai gerakan *al-Jahmiyyah* dan *al-Muktazilah* yang bergerak dan berselindung di sebalik nama ASWAJA. Semoga Allah melindungi kita semua daripada *talbis* dan tipu daya golongan ini.

Amin!

SENARAI BUKU MENJAWAB FITNAH

Senarai buku yang menjawab pelbagai fitnah dan dusta yang disandarkan ke atas *Wahhabi*:

1. ***Islamiyyah La Wahhabiyah*** karya Prof. Dr. Nashir Abdul Karim Al-'Aql. Bagi edisi terjemahan, lihat ***Hanya Islam Bukan Wahhabi*** oleh Abdur Rosyad Shiddiq (Darul Falah, Jakarta).
2. ***Tashih Khata' Tarikhi Hauli al-Wahhabiyah*** karya Dr. Muhammad Sa'ad Asy-Syuwai'ir. Bagi edisi terjemahan, lihat ***Wahhabi Dan Imperealisme*** oleh Abu Muawiyyah Hammad (Griya Ilmu, Jakarta).
3. ***100 Tokoh Dalam Sejarah Islam*** karya Husain Ahmad Amin (Pustaka Antara Sdn. Bhd., Kuala Lumpur).
4. ***Meluruskan Sejarah Wahhabi*** karya Ustaz Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Pustaka Al-Furqon, Gresik).
5. ***Kejatuhan Kerajaan Turki Uthmaniyyah: Suatu Analisis Ke Atas Peranan Gerakan Wahhabiyah*** karya Ibnu Ahmadain al-Barlisi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
6. ***Ada Apa Dengan Wahhabi?*** karya Syaikh Muhammad Jamil Zainu (Al-Ghuroba Blc, Bekasi).
7. ***Virus Wahhabi: Mitos Negatif Bagi Salafi*** karya Abu Mujahid & Haneef Oliver (Toobagus Publishing, Bandung).
8. ***Katakan Tidak Pada Wahhabi!*** susunan Mohd Hairi Nonchi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
9. ***Fahaman Wahhabi Menular: Satu Analisis Terhadap Dakwaan Yang Ditimbulkan Oleh Akhbar Utusan Malaysia*** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
10. ***Siapakah Ahli Sunnah Yang Sebenar?: Penjelasan Terhadap Tohmahan Zamihan Mat Zin al-Ghari Ke Atas Pegangan Ahli Sunnah Dan Para Tokohnya*** karya Dr. Azwira Abdul Aziz (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

11. **Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyyah Wahhabiyyah: 73 Penilaian Semula Ke Atas Penilaian Zamihan Mat Zin al-Ghari** karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
12. **Salafi Antara Tuduhan Dan Kenyataan: Bantahan Ilmiah Terhadap Buku Sejarah Berdarah Sekte Salafi Wahhabi** karya Ustaz Sofyan Chalid Idham Ruray, (Toobagus Publishing, Bandung).
13. **Membedah Akar Fitnah Wahabi: Reformasi, Klairifikasi Bukan Konspirasi** karya Ustaz Zainal Abidin Syamsudin (Pustaka Imam Bonjol).
14. **Wahhabi, Wahhabi, Wahhabi!: Apa Kata Uthman El-Muhammady Dan Apa Ulasan Ustaz Rasul Dahri** karya Ustaz Rasul Dahri (Syarikat Ummul Qura Sdn. Bhd., Johor Bahru).
15. **Aliran Dakwah Di Malaysia: Satu Titik Pertemuan** karya Dr. Abdul Rahman Hj. Abdullah (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).
16. **Bersikap Adil Pada Wahhabi: Bantahan Kritis Dan Fundamental Terhadap Buku Propaganda Karya Syaikh Idahram** karya A.M Waskito (Pustaka Al-Kautsar, Jakarta).

Senarai buku pembelaan ke atas para tokoh Ahli Sunnah bermanhaj Salaf:

1. **Haqiqat Da'wat al-Imam Muhammad Ibnu Abd al-Wahhab wa Namadzij min Rasa-ilihi, Wasyahadati Ulama' al-Haramain Lahu** karya Syaikh Abdurrahman Hammad Al-Umr. Bagi edisi edisi terjemahan, lihat *Hakikat Dakwah Syaikh Muhammad Bin Abdul Wahhab* oleh Abdul Rosyad Shiddiq (Darul Falah, Jakarta).
2. **Syaikh Muhammad Bin Abdul Wahhab: Antara Fakta & Palsu** oleh Sakinah Ariff Johor (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).
3. **Meluruskan Salah Faham Terhadap Syaikh Muhammad Abdul Wahhab & Gerakan Wahhabi** karya Ibnu Syihab (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
4. **Membersihkan Salah Faham Terhadap Dakwah Syaikh Muhammad bin Abdul Wahhab** karya Abdul Aziz Muhammad Ali Al-Abd. Lathif; terjemahan oleh Mohammad Amin Yaacob (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

5. ***Muhammad Ibn Abdil Wahhab: His Life story And Mission*** karya Jalal Abualrub (Madinah Publishers And Distributors, Florida).
6. ***Syaikh al-Islam Muhammad Bin Abdul Wahhab: Mushlih Mazhlum Wa Muftari 'Alaih*** karya Mas'ud Al-Nadwi. Bagi edisi terjemahan, lihat *Syaikh Muhammad Bin Abdul Wahhab: Tokoh Yang Dizalimi* oleh Mohd Amin Yaacob (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
7. ***Syaikh Al-Albani Dihujat: Risalah Pembelaan Atas Tuduhan Dan Hujatan K.H Ali Mustafa Yaqub***, karya Ustaz Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Salwa Press, Jawa Barat).
8. ***Membela Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah: Mengungkap Tuduhan Dan Kedustaan KH. Sirajuddin Abbas Dalam Buku I'tiqad Ahlus Sunnah Wal Jama'ah*** karya Ustaz Abu Ubaidah Yusuf Mukhtar as-Sidawi (Salwa Press, Jawa Barat).
9. ***Menjawab 17 Fitnah Terhadap Syaikh Al-Islam Ibnu Taimiyah*** karya Syaikh Murad Syukri; terjemahan oleh Ustaz Badrul Hisam Sulaiman (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
10. ***Mengapa Ibnu Taimiyah Difitnah?*** karya Ustaz Zaenal Abidin Syamsuddin (Galeri Ilmu).
11. ***Ibnu Taimiyah: Pencetus Akidah Tasybih & Tajsim?*** karya Mohd Hairi Nonchi (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
12. ***Astaghfirullah, Ulama Difitnah*** karya Sulaiman Shalih al-Khurasy (Multazam, Solo).

Senarai buku yang mengkritik pelbagai amalan bid'ah yang diatasnamakan sunnah dan ajaran Imam asy-Syafi'e:

1. ***Ajaran Madzhab Imam Asy-Syafi'i yang Ditinggalkan*** karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Timur).
2. ***Imam Syafi'i Menggugat Syafi'iyyah*** karya Abu Umar Basyier (Shafa Publiko, Malang).

3. ***Hukum Tahlilan (Selamatkan Kematian) Menurut Empat Madzhab & Hukum Membaca Al-Qur'an Untuk Mayit Bersama Imam Asy-Syafi'i*** karya Ustaz Abdul Hakim Amir Abdat (Pustaka Mu'awiyyah bin Abi Sufyan, Jakarta).
4. ***Apa Kata Imam Syafi'i Tentang Dzikir Berjema'ah Setelah Shalat Wajib Dengan Suara Keras?*** karya Ibnu Saini Muhammad Musa (Pustaka Mu'awiyyah bin Abi Sufyan, Jakarta).
5. ***Apa Kata Imam Syafi'i Tentang Adzan Jumaat Dua Kali?*** karya Ibnu Saini Muhammad Musa (Pustaka Mu'awiyyah bin Abi Sufyan, Jakarta).

Senarai buku yang menjawab pelbagai kritikan Ahli Bid'ah ke atas tatacara dalam pelaksanaan solat golongan yang digelar sebagai *Wahhabi*:

1. ***Ashlu Shifati Shalatin Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam*** karya Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani. Bagi edisi terjemahan, lihat ***Sifat Shalat Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam*** (Penerbit Griya Ilmu, Jakarta).
2. ***Beberapa Persoalan Lazim Tentang Solat*** karya Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
3. ***Wuduk & Solat Menurut Sunnah & Mazhab Syafie*** karya Ustaz Abu Ruwais Al-Syubrawi (Karya Bestari Sdn. Bhd., Selangor).
4. ***Sifat Shalat Nabi*** karya Ustaz Yazid Abdul Qadir Jawas (Media Tarbiyyah, Jawa Barat).

Lain-lain buku bantahan Ahli Sunnah ke atas tulisan-tulisan para penegak dan pembela bid'ah:

1. ***Dzikir Ala Tasawuf: Mengungkap Fenomena Tasawuf Dan Dzikir Ala Tasawuf Masa Kini*** (kritikan terhadap buku *Zikir Berjema'ah Sunnah Atau Bid'ah?* tulisan K.H Drs. Ahmad Dimyathi Badruzzaman) karya Muhammad Arifin Badri (Pustaka Darul Ilmi, Bogor).
2. ***36 Kritikan Ke Atas Buku Amalan Sunnah Selepas Solat Dan Kelebihannya*** (kritikan ke atas tulisan Mohd Rifki Myidin dan Mohd Subki Abd Rahman al-Hafiz) karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).

3. **Catatan-Catatan Ilmiah Ke Atas Buku Makna Sebenar Bid'ah** (kritikan ke atas buku *Itqan ash-Shun'ah Fi Tahqiq Ma'na al-Bid'ah* tulisan Abdullah al-Siddiq al-Ghumari) karya Hafiz Firdaus Abdullah (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
4. **Siapakah Pengikut Imam al-Syafie dan Mazhab Syafie Yang Sebenar?** (kritikan ke atas tulisan Muhammad Uthman el-Muhammady dalam *Berita Minggu* berjudul *Usah Terpesona Tajdid Segera Wahhabi*) karya Mohd Hairi Nonchi dan Mohd Yaakub Mohd Yunus (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
5. **Membela Sunnah Nabawiyah** (kritikan ke atas buku *Bid'ahkah Kenduri Arwah Dan Talqin?* tulisan Zamihan Mat Zin al-Ghari) karya Ustaz Abdul Wahab Bustami (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru).
6. **Sejarah Berdarah Sekte Syi'ah: Membongkar Koleksi Dusta Syaikh Idahram** (kritikan ke atas buku *Sejarah Sekte Salafi Wahabi: Mereka Membunuh Semuanya Termasuk Para Ulamak!* tulisan Syaikh Idahram) karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Timur).
7. **Ketika Sang Habib Dikritik** (kritikan ke atas buku *Meniti Kesempurnaan Imam dan Kenali Aqidahmu* tulisan Habib Munzir al-Musawa) karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Timur).
8. **Ketinggian Allah Di Atas Makhluk-Nya** (kritikan ke atas tulisan-tulisan Abu Salafy) karya Ustaz Firanda Andirja Abidin (Nashirussunnah, Jakarta Timur).

BIODATA RINGKAS PENULIS

Mohd Hairi Nonchi, anak kelahiran Kampung Puyut, daerah Lahad Datu, Sabah ini telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pekan 3 Lahad Datu dan kemudian melanjutkan pelajarannya ke peringkat menengah di SMK Sepagaya Lahad Datu, Sabah.

Setelah menamatkan pelajarannya di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Pendidikan Dengan Sains Sosial (Pendidikan Sejarah dan Geografi) di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kini beliau menjawat jawatan sebagai seorang guru di salah sebuah sekolah menengah di daerah Lahad Datu, Sabah.

Mohd Hairi Nonchi mula menceburkan diri dalam dunia penulisan pada tahun 2009. Usia muda bukanlah penghalang buatnya menterjemahkan minat dan ilmu untuk dikongsi bersama. Tempoh pengajian di Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah membuka peluang yang luas untuknya bergaul rapat dan bertukar-tukar fikiran dengan golongan berilmu. Justeru pendedahan yang amat bernilai ini telah memberinya keyakinan dan terhasillah buku ini.

Antara karya-karya beliau yang telah berjaya diterbitkan setakat ini adalah seperti berikut:

- 1) **Katakan Tidak Pada Wahabi!** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2009.
- 2) **Cukupkah Sekadar Niat?** terbitan Karya Bestari Sdn Bhd, Selangor, 2010 dan 2011.
- 3) **Aina Allah?** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010 dan 2012.
- 4) **Siapakah Pengikut Imam al-Syafie Dan Mazhab Syafie Yang Sebenar?** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010 dan 2011.
- 5) **Marilah Berzikir Selepas Solat Fardhu Bersama Rasulullah** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2010.

- 6) ***Ibn Taimiyyah: Pencetus Akidah Tasybih & Tajsim?*** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2011.
- 7) ***Mendulang Cinta Ilahi Dengan Ittiba' al-Rasul*** terbitan Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2012.
- 8) ***Syirik: Dosa Pembatal Akidah & Amalan*** terbitan Bushra Studio & Publication, Selangor Darul Ehsan, 2013.
- 9) ***Orang Kata Wahhabi Ialah ...*** terbitan Bushra Studio & Publication, Selangor Darul Ehsan, 2013.
- 10) ***Salahkah Aku Menetapkan Sifat Allah Tanpa Tasybih?*** terbitan Bushra Studio & Publication, Selangor Darul Ehsan, 2013.
- 11) ***Ayuh Berdakwah!*** terbitan Bushra Studio & Publication, Selangor Darul Ehsan, 2014.

واصدع بما قال الرسول ولا تخف، من قلة الأنصار والأعونان،

فالله ناصر دينه وكتابه، والله كاف عبده بآمان،

لا تخش من كيد العدو ومكرهم، فقتاهم بالزور والبهتان،

فحنود أتباع الرسول ملائكة، وجندهم فعساكر الشيطان،

شتان بين العسكريين فمن يكن، متحيزاً فلينظر الفئران.

Tegarlah dengan ucapan Rasul dan jangan takut,

Disebabkan penolong dan kawan yang sedikit,

Allah adalah penolong agama dan kitab-Nya,

Dan Allah menjamin keamanan bagi hamba-Nya,

Jangan takuti tipu daya musuh dan makar mereka,

Kerana senjata mereka hanyalah celaan dan tuduhan dusta,

Bala tentera pengikut Rasul adalah para Malaikat,

Adapun pasukan mereka adalah bala tentera Syaitan,

Alangkah jauhnya perbezaan antara dua bala tentera tersebut,

Siapa sahaja yang mundur maka lihatlah dua pasukan tersebut.

~ Ibnu al-Qayyim al-Jauziyyah dalam *Nuuhiyah*, ms. 196 ~